



2011

LAPORAN TAHUNAN

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA



S U H A K A M
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN

2011

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA

CETAKAN PERTAMA, 2012

© Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan di Malaysia oleh

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana

1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

Emel: humanrights@suhakam.org.my

URL: <http://www.suhakam.org.my>

Direka dan dicetak di Malaysia oleh

Reka Cetak Sdn Bhd

No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D

Seksyen 16, 40200 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

ISBN: 1675-1159



ANGGOTA SURUHANJAYA 2011

BERDIRI DARI KIRI

PROF DATO' DR MAHMOOD ZUHDI HJ AB MAJID, EN JAMES NAYAGAM, PN JANNIE LASIMBANG,
EN MUHAMMAD SHA'ANI ABDULLAH, EN DETTA SAMEN

DUDUK DARI KIRI

PROF DATUK DR KHAW LAKE TEE (Naib Pengerusi), TAN SRI HASMY AGAM (Pengerusi),
PN HASHIMAH NIK JAAFAR (Setiausaha)

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN 2011

KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi	1
RINGKASAN Eksekutif	7
ISU-ISU UTAMA	13
BAB 1 LAPORAN KUMPULAN KERJA PROMOSI DAN PENDIDIKAN	23
BAB 2 LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN	39
BAB 3 LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI ANTARABANGSA	55
BAB 4 LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN	71
BAB 5 LAPORAN JAWATANKUASA ISU DAN KERJASAMA ANTARABANGSA	93
BAB 6 LAPORAN JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI	107
BAB 7 LAPORAN PEJABAT SABAH	119
BAB 8 LAPORAN PEJABAT SARAWAK	133
BAB 9 LAPORAN SIASATAN AWAM	141
BAB 10 LAPORAN JAWATANKUASA INKUIRI NASIONAL	143
BAB 11 LAPORAN ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA	153

LAMPIRAN

LAMPIRAN I	Kenyataan Media Suruhanjaya 2011	163
LAMPIRAN II	Aktiviti Suruhanjaya 2011	216
LAMPIRAN III	Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan – Nasional 2011	237
LAMPIRAN IV	Lawatan, Mesyuarat dan Persidangan – Antarabangsa 2011	243
LAMPIRAN V	Penerbitan Suruhanjaya 2011	248
LAMPIRAN VI	Mesyuarat Bulanan – Kehadiran Anggota Suruhanjaya 2011	249
LAMPIRAN VII	Akaun Suruhanjaya Yang Telah Diaudit	255
SENARAI SINGKATAN		270

PERUTUSAN Pengerusi

Ini merupakan Laporan Tahunan ke 11 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan yang kedua oleh anggota Suruhanjaya semasa. Sebagaimana kelaziman, Suruhanjaya menyerahkan Laporan Tahunannya ke Parlimen semasa persidangan pertama Parlimen tahun ini, dan adalah menjadi harapan dan jangkaan kami agar ianya diteliti dan untuk julung kalinya, dibahas oleh penggubal undang-undang agar mereka dan negara keseluruhannya akan lebih memahami situasi hak asasi dan boleh menyumbang ke arah kemajuannya demi kepentingan masyarakat.

Seperti biasa, salah satu cabaran utama Suruhanjaya ialah memastikan syor-syornya diambil tindakan oleh pihak tertentu dan pihak berkepentingan lain supaya hak asasi manusia di Malaysia mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip dan norma yang diterima seluruh dunia, sebagai Negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang bertanggungjawab. Sememangnya diakui bahawa beberapa kemajuan telah berjaya dicapai, namun rekod peningkatannya agak perlahan dan tidak konsisten, serta memerlukan usaha yang lebih serius dan mantap oleh semua pihak yang mahu melihat pencapaian lebih ketara dalam bidang hak asasi manusia.

Seperti tahun-tahun terdahulu, 2011 kekal menjadi tahun yang mencabar dalam mempromosikan hak asasi manusia dalam negara. Tahun ini menyaksikan seruan yang diperbaharui dan lebih lantang daripada organisasi masyarakat sivil (CSO) untuk mendapatkan kebebasan perhimpunan secara aman, dan yang paling ketara merupakan perarakan jalanan anjuran gabungan badan-badan bukan kerajaan di bawah “Bersih 2.0”, yang menyeru kepada reformasi pilihan raya. Gabungan dan perhimpunan tersebut diisytiharkan sebagai haram oleh pihak berkuasa, menyebabkan berlakunya beberapa insiden yang tidak diingini, yang memaksa Suruhanjaya menjalankan Siasatan Awam untuk menentukan apa sebenarnya yang telah berlaku dan sama ada wujud pelanggaran hak asasi manusia sepanjang proses tersebut berlangsung.

Ekoran perhimpunan awam ini, Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman di Parlimen, yang telah diluluskan dalam masa singkat. Walaupun Akta tersebut mengeneipkan keperluan mendapatkan permit polis sebelum mengadakan perhimpunan aman, namun syarat yang



Sememangnya diakui bahawa beberapa kemajuan telah berjaya dicapai, namun rekod peningkatannya agak perlahan dan tidak konsisten, serta memerlukan usaha yang lebih serius dan mantap oleh semua pihak yang mahu melihat pencapaian lebih ketara dalam bidang hak asasi manusia.

ketat dikenakan untuk menganjurkan perhimpunan. Tidak hairan ia kurang diterima orang ramai yang mahukan masyarakat yang lebih terbuka dan bebas serta demokrasi yang lebih kukuh. Sebelum menguatkuasakan Akta tersebut, Suruhanjaya berharap, Kerajaan akan terbuka kepada rundingan selanjutnya bagi menerima input tambahan daripada orang ramai dan Suruhanjaya, supaya isu yang sangat kontroversi ini boleh ditangani sebaiknya bagi menjadikan Akta ini selaras dengan amalan kontemporari antarabangsa.

Suruhanjaya terus prihatin terhadap beberapa isu lain yang turut ditangani oleh organisasi masyarakat sivil, antaranya berkaitan dengan tahanan pencegahan, kebebasan bersuara, kebebasan beragama, hak golongan rentan, dan masalah pekerja migran. Satu perkara yang terus membimbangkan adalah dakwaan penggunaan kekerasan melampau oleh polis, terutama dalam menyoalsiasat tahanan. Suruhanjaya akan menggesa agensi-agensi penguatkuasaan agar lebih mematuhi standard hak asasi manusia antarabangsa dalam menjalankan tanggungjawab mereka, dan berusaha untuk terus mengemaskini dasar, serta kaedah dan prosedur soal siasat, supaya mereka boleh dianggap sebagai antara yang terbaik di rantau Asia Pasifik, jika tidak di dunia.

Dengan mengambil kira masalah golongan rentan, Suruhanjaya saling bekerjasama dengan Kerajaan, dalam beberapa inisiatif, khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini termasuk meminta Kerajaan mempertimbangkan penarikan balik reservasi terhadap Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), dan untuk meratifikasi, sekurang-kurangnya buat permulaan, Protokol-protokol Pilihan Konvensyen tersebut. Suruhanjaya akan terus mengentengahkan perspektif hak asasi manusia melalui pelbagai platform, termasuk dalam konteks pelantikannya sebagai ahli Majlis Perundingan Penasihat Kebangsaan untuk Kanak-Kanak baru-baru ini, semasa menjalankan fungsi pemantauan bebas sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI).

Orang Asal/Asli adalah antara kumpulan paling rentan di dunia dan tidak terkecuali di Malaysia juga. Berikutan aduan berterusan ahli-ahli komuniti ini sejak sekian lama, Suruhanjaya telah melancarkan Inkuiri Nasional pertamanya yang memfokuskan kepada isu hak tanah mereka, sama ada tidak diiktiraf atau dipertikaikan, diceroboh atau dimusnahkan, dan ini sekaligus mengakibatkan mereka terus terpinggir walaupun Malaysia sedang melangkah mencapai status negara maju. Adalah menjadi harapan Suruhanjaya, dengan selesainya hasil Inkuiri pada pertengahan 2012 dan penyerahan laporannya ke Parlimen serta Dewan Undangan Negeri, syor-syor tersebut akan diberi pertimbangan sewajarnya dan tindakan susulan akan diambil bagi tujuan penyelesaian atau sekurang-kurangnya penambahbaikan, nasib mereka yang sebahagian besarnya dipinggirkan, sedangkan mereka merupakan antara penduduk asal negara kita.

Tahun ini menyaksikan beberapa perkembangan positif, dan yang paling bermakna merupakan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933; serta pemansuhan Perisytiharan Darurat sedia ada yang telah lapuk dan kajian semula Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Polis 1967. Suruhanjaya menyambut baik keputusan Perdana Menteri yang berani dan bersejarah, selaras dengan hasrat beliau untuk melihat negara mengamalkan demokrasi sepenuhnya.

Bagi memenuhi peranannya sebagai penasihat, Suruhanjaya berharap dapat bekerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam memastikan undang-undang lapuk tersebut segera dimansuhkan, atau digantikan dengan undang-undang yang selaras dengan prinsip hak asasi manusia dan demokrasi sejagat.

Satu lagi perkembangan yang dialu-alukan adalah maklum balas positif Kerajaan terhadap cadangan Suruhanjaya untuk membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP), sebagai mekanisme dan hala tuju untuk promosi dan perlindungan hak asasi manusia yang lebih efektif dan sistematik, yang akan dipantau dan diaudit seperti pelan pembangunan nasional. Suruhanjaya berharap dapat bekerjasama dengan Kerajaan dan pihak berkepentingan lain dalam melengkapkan NHRAP yang telah sekian lama ditunggu ini, dan memantau secara bebas pelaksanaan pelan tindakan tersebut.

Bagi memenuhi peranannya sebagai penasihat, Suruhanjaya berharap dapat bekerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam memastikan undang-undang lapuk tersebut segera dimansuhkan, atau digantikan dengan undang-undang yang selaras dengan prinsip hak asasi manusia dan demokrasi sejagat.

Perlu diingat bahawa Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya bagi membantu negara mempromosi hak asasi manusia dengan memantau pelanggaran hak-hak ini di mana sahaja ia berlaku, dan menasihati Kerajaan dalam menambahbaik undang-undang, peraturan dan amalan. Suruhanjaya tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan atau eksekutif dan, dalam menjalankan tugasnya sebagai 'pemantau', ia perlu memberi komen kritikal tentang dasar dan amalan tertentu oleh agensi-agensi kerajaan serta pihak lain. Untuk meningkatkan rekod hak asasi manusia negara, Suruhanjaya menyuarakan perkara yang dilihat tidak mematuhi Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Suruhanjaya menganggap bahawa bidang tugasnya merupakan satu aspek penting dalam perkhidmatan awam, akan terus komited menjalankan tugas, walaupun dikritik pihak tertentu yang gagal atau enggan memahami tujuan penubuhannya.

Suruhanjaya telah meneruskan, dan mendapat manfaat daripada program-program dialog dan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk jabatan dan agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara dan badan-badan penguatkuasaan lain, NGO, ahli akademik dan media. Program-program dan aktiviti ini penting bukan sahaja dalam mewujudkan kesedaran dan mempromosi pemahaman hak asasi manusia, tetapi juga bagi mendapatkan maklum balas penting daripada interlokutor Suruhanjaya. Program-program ini akan diteruskan dengan lebih aktif pada masa hadapan, dengan memberi penekanan khusus kepada peranan utama penggubal dasar dan undang-undang serta pengaruh mereka ke atas hala tuju negara dalam bidang hak asasi manusia. Dalam hal ini, Suruhanjaya mengharapkan penglibatan yang lebih aktif daripada ahli-ahli parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk memupuk minat mendalam terhadap isu-isu hak asasi manusia, dan menggalakkan mereka menubuhkan mekanisme atau forum yang sesuai untuk perbincangan, seperti Jawatankuasa Pemilihan Parlimen, dan jawatankuasa yang seumpama Dewan Undangan Negeri. Tambahan pula, hak asasi manusia merupakan subjek yang luas yang mempengaruhi manusia tanpa mengira batas usia.

Pendekatan yang lebih fokus dan jelas mengenai isu-isu hak asasi di kalangan penggubal undang-undang bukan sahaja menguntungkan pengundi, dengan peluang yang lebih untuk membincangkan permasalahan hak-hak mereka, tetapi juga akan mengukuhkan demokrasi berparlimen. Ini kerana, dalam demokrasi yang makin berkembang, dasar dan undang-undang yang digubal untuk kepentingan negara bukan sahaja mesti mematuhi peruntukan-peruntukan perlembagaan negara, tetapi juga prinsip dan norma-norma sejagat yang dipersetujui negara sebagai anggota komuniti antarabangsa.

Dengan tempoh melebihi separuh daripada perkhidmatan mereka, anggota Suruhanjaya kini berupaya menilai keadaan hak asasi manusia di negara ini dengan lebih baik. Setelah mengalami dan memerhati sendiri situasi hak asasi manusia sepanjang menjalankan tugas sebagai anggota Suruhanjaya, mereka berpendapat bahawa walaupun terdapat kemajuan yang telah dicapai dari segi hak asasi manusia - masih banyak lagi ruang untuk penambahbaikan, antara lain, kebebasan berhimpun secara aman, kebebasan bersuara, serta kebebasan beragama.

Negara juga perlu meratifikasi atau menyertai enam daripada sembilan instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa, dan untuk menarik balik reservasi yang telah dibuat terhadap tiga instrumen yang telah disahkan. Suruhanjaya juga berpendapat bahawa Kerajaan harus mula menangani isu-isu berkaitan pekerja migran, orang pelarian, pencari suaka, mangsa pemerdagangan orang dan sebagainya dengan lebih serius lagi membina, memandangkan masalah ini telah lama berlarutan. Malah, sebagai anggota komuniti masyarakat antarabangsa yang semakin berpengaruh, Malaysia harus serius mempertimbangkan untuk meratifikasi atau menerimapiakai instrumen antarabangsa yang berkaitan, seperti yang telah dilaksanakan oleh negara-negara lain, dan memainkan peranannya sebagai anggota komuniti antarabangsa yang bertanggungjawab.

Suruhanjaya percaya bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam penerapan nilai-nilai dan kesedaran hak asasi manusia, dan ianya harus bermula ketika di awal usia kanak-kanak, di rumah mahupun sekolah. Oleh itu, ibu bapa dan guru mempunyai peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai ini. Sebaik sahaja dewasa dan memainkan peranan mereka sebagai warganegara Malaysia yang bertanggungjawab, nilai-nilai hak asasi manusia telah diintegrasikan ke dalam personaliti mereka. Dengan cara ini, latihan hak asasi manusia di tempat kerja sebahagian besarnya adalah untuk mengukuhkan nilai-nilai yang telah tertanam dalam diri mereka.

Di peringkat antarabangsa, walaupun Suruhanjaya berupaya mengekalkan status 'A', khususnya dalam Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa Institusi Hak Asasi Manusia Nasional bagi Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia PBB di Geneva, ia perlu terus memastikan struktur, sistem dan modus operandinya kekal mematuhi sepenuhnya 'Prinsip Paris' yang mengawal prestasi dan kredibiliti Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI). Sebagai NHRI yang tertakluk kepada proses penilaian seantara (*peer-evaluation process*) ke arah akreditasi semula setiap lima tahun, adalah penting bagi Suruhanjaya supaya sentiasa berwaspada dan memastikan ia mengekalkan kredibiliti sebagai NHRI serta mempertahankan statusnya melalui program dan aktiviti yang dijalankan.

Kepentingan isu keamanan dan keselamatan negara serta keharmonian di negara yang berbilang kaum, budaya dan agama seperti Malaysia adalah sesuatu yang tidak perlu dipertikaikan lagi.

Walau bagaimanapun, masanya telah tiba untuk kita melihat isu-isu ini dalam konteks masa dan tanggungjawab kita sebagai anggota komuniti antarabangsa, dan untuk melaksanakan perubahan penting dalam pendekatan kita dalam menangani isu-isu berkenaan, supaya undang-undang yang ketinggalan zaman boleh diperbaharui dan diselaraskan dengan amalan negara-negara yang mendahului dalam bidang hak asasi manusia.

Malaysia sentiasa dipantau oleh badan-badan hak asasi manusia antarabangsa, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang mahukan Negara Anggota mengekalkan standard pematuhan hak asasi manusia yang tinggi. Kita tidak boleh terus mengabaikan penelitian dan komen kritikal daripada badan-badan ini, yang diterima dalam jangka masa yang tetap, memandangkan aktiviti pemantauan tersebut telah menjadi sebahagian daripada sistem antarabangsa di zaman globalisasi ini. Malah, ketika Malaysia menuju ke arah negara maju, adalah penting untuk menjalankan usaha yang serius bagi memperbaiki sistem dalaman dan untuk mematuhi sepenuhnya standard antarabangsa dalam bidang hak asasi manusia.

Wajar ditegaskan bahawa dalam sebuah negara berbilang kaum, kebudayaan dan agama seperti Malaysia, toleransi merupakan prasyarat penting untuk keharmonian negara, tetapi ianya haruslah dipertingkatkan untuk menuju ke arah saling memahami, menghormati dan menerima perbezaan yang wujud di kalangan kita. Oleh itu, sama seperti penerapan nilai-nilai hak asasi manusia, proses membentuk asas toleransi ke arah sikap menghormati dan keharmonian yang lebih baik juga harus bermula dari awal, di rumah serta di sekolah.

Dalam hal ini, Suruhanjaya berbesar hati dan menyokong sepenuhnya inisiatif Perdana Menteri untuk menubuhkan *Global Movement of the Moderates*. Ini adalah satu langkah berani dan mulia untuk memanfaatkan sinergi masyarakat majoriti yang sederhana dan munasabah dari segi sikap dan pandangan mereka, tetapi seringkali dibayangi dan dipinggirkan oleh golongan berbeza pendirian, yang mencuba malah agak berjaya, untuk menentukan agenda interaksi antara negara dan penduduknya, terutama sejak peristiwa tragik 11 September 2001. Untuk Malaysia memainkan peranan utama atau pemangkin dalam gerakan global yang telah diramal ini, adalah amat penting untuk mempromosi kesederhanaan di dalam negara dengan mengambil langkah-langkah perlu, termasuk menggantikan undang-undang yang ketat kepada yang sederhana, bertamadun dan berperikemanusiaan, yang konsisten dengan nilai-nilai dan keperluan semasa.

Anggota Suruhanjaya benar-benar percaya bahawa Malaysia, yang dihormati oleh masyarakat antarabangsa atas kejayaan dan pencapaiannya dalam bidang ekonomi dan lain-lain, mampu dan perlu memperbaiki rekod hak asasi manusia dengan lebih baik agar setanding dengan negara-negara terkemuka. Suruhanjaya yakin dengan usaha yang lebih dan kehendak politik, cabaran ini dapat diatasi. Kunci kepada kemajuan selanjutnya terletak pada

Ini boleh dicapai melalui anjakan paradigma – bermula dengan anggapan UDHR merupakan imposisi nilai-nilai asing yang berpacuan dorongan luaran, seperti yang sering didakwa, dan menerima prinsip-prinsip sejagat yang perlu dicapai mengikut keupayaan negara.

tanggungjawab dan komitmen tidak berbelah bagi untuk mendukung dan mempromosi hak asasi manusia. Ini boleh dicapai melalui anjakan paradigma – bermula dengan anggapan UDHR merupakan imposisi nilai-nilai asing yang berpacuan dorongan luaran, seperti yang sering didakwa, dan menerima prinsip-prinsip sejagat yang perlu dicapai mengikut keupayaan negara. Ianya penting kerana prinsip-prinsip ini telah diterima oleh semua Negara-Anggota PBB dan, dalam dunia global dan saling berhubung-kait, sesebuah negara tidak mampu wujud berasingan. Saya benar-benar percaya bahawa Malaysia boleh mencapai standard hak asasi manusia yang lebih tinggi dan menjadi sebuah negara model yang akan dicontohi oleh negara-negara lain. Suruhanjaya akan melakukan yang terbaik untuk memenuhi mandat dan mengharapkan sokongan dan kefahaman yang lebih daripada semua rakyat Malaysia sebagai pihak yang paling berkepentingan dalam bidang hak asasi manusia.

Saya dan anggota Suruhanjaya penuh harapan dan kepercayaan bahawa lambat laun, Malaysia akan menyertai sepenuhnya prinsip-prinsip dan nilai hak asasi manusia sejagat apabila rakyatnya lebih menghargai dan memahami prinsip-prinsip dan nilai ini, supaya sebagai sebuah negara, kita boleh berdiri sama tinggi dan berbangga berada di kalangan negara-negara yang mempunyai standard hak asasi manusia yang sempurna. Sehingga hasrat ini tercapai, diharapkan Malaysia akan terus belajar dan mencontohi amalan terbaik negara lain, terutamanya negara yang berkongsi budaya dan tradisi sosial yang sama seperti kita.

Saya amat berterima kasih kepada rakan-rakan Pesuruhjaya atas semangat setiakawan, sokongan padu, galakan dan sumbangan tak berbelah bagi daripada mereka dari segi idea, pengalaman dan kepakaran, yang telah meringankan beban saya sebagai Pengerusi Suruhanjaya. Saya berterima kasih terutamanya kepada Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee, Naib Pengerusi, atas nasihatnya dan terutama sekali, kepimpinannya dalam mengemudi kerja-kerja menyediakan dan menyiapkan Laporan Tahunan ini mengikut jadual yang ditetapkan, dengan sokongan anggota Suruhanjaya, pegawai dan kakitangan.

Dengan penyerahan Laporan Tahunan ini ke Parlimen, saya sekali lagi menyeru semua rakyat Malaysia dan mempelawa mereka menyahut cabaran bagi menjadikan negara ini sebuah negara yang menghormati dan menegakkan sepenuhnya hak asasi rakyatnya tanpa mengira warna kulit, bangsa dan keturunan. Ini ialah kerana tanggungjawab mempromosi, menghormati dan memajukan hak asasi manusia bukan hanya tergalas di bahu Suruhanjaya dan Kerajaan atau CSO, tetapi terletak pada semua rakyat Malaysia yang menghargai kebebasan dan hak untuk hidup aman sesama masyarakat.



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Ini ialah kerana tanggungjawab mempromosi, menghormati dan memajukan hak asasi manusia bukan hanya tergalas di bahu Suruhanjaya dan Kerajaan atau CSO, tetapi terletak pada semua rakyat Malaysia yang menghargai kebebasan dan hak untuk hidup aman sesama masyarakat.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tidak dinafikan bahawa tahun ini merupakan tahun yang luar biasa bagi pergerakan hak asasi manusia di Malaysia. Apabila kumpulan masyarakat sivil terus memberi tekanan untuk perubahan, Kerajaan telah bertindak balas dengan mengorak langkah awal ke arah reformasi. Suruhanjaya menghargai aspirasi Perdana Menteri kepada Negara serta pengiktirafan dan penghormatan beliau kepada hak asasi manusia di samping peraturan undang-undang.

Kemuncaknya adalah apabila Rang Undang-undang Perhimpunan Aman telah diluluskan di Parlimen pada 20 Disember. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya sedia maklum, bahawa pindaan Kerajaan ke atas draf undang-undang tidak sejajar dengan cadangan daripada pihak yang prihatin, termasuk Suruhanjaya sendiri. Oleh itu, Kerajaan digesa supaya mengkaji semula Akta tersebut, dengan mengambilkira prinsip hak asasi manusia antarabangsa. Sementara itu, Suruhanjaya menyeru kepada Kerajaan agar memastikan penguatkuasaan Akta tersebut mematuhi prinsip hak asasi manusia yang menjamin kebebasan berhimpun, dan membuka ruang untuk perbincangan mengenai peruntukan Akta yang kontroversi.

Setelah berterusan menggesa agar semua undang-undang tahanan pencegahan dimansuhkan kerana undang-undang tersebut melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia, Suruhanjaya memuji keputusan Kerajaan membatalkan Perintah Darurat yang sedia ada dan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA). Suruhanjaya berharap bahawa, dalam penggubalan undang-undang untuk menggantikan ISA, semua pihak yang berkaitan akan dirujuk dan syor-syornya yang sekian lama akan diberi perhatian sewajarnya.

Dalam mengekalkan mandat Suruhanjaya untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, Kumpulan Kerjanya mencapai objektif utama mereka melalui proram dan aktiviti yang berterusan sepanjang tahun, serta memanjangkan capaian kepada kumpulan sasaran baru atau mengintegrasikan isu-isu tambahan yang memerlukan perhatian dan campur tangan Suruhanjaya.

LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI (EWG)

Ekoran kejayaan projek pilot Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di sekolah (ATHAM), EWG mengorak langkah seterusnya dengan melibatkan penyertaan 12 buah sekolah lagi ke dalam program ini. Dalam masa yang sama, sekumpulan penyelidik menjalankan kajian formatif ke atas projek pilot tersebut, yang akhirnya mengesyorkan program tersebut diteruskan dengan beberapa penambahbaikan.

Ketika mengetengahkan hak untuk pendidikan kepada kanak-kanak Orang Asli, EWG mencari penyelesaian kepada faktor-faktor yang masih menyebabkan kanak-kanak ini tidak hadir sekolah. Kebimbangan lain pula melibatkan dua buah sekolah agama di Perlis yang mengalami kesukaran dalam pendaftaran ekoran dasar dan prosedur Kementerian Pelajaran dan Jabatan Agama Islam.

Kejayaan telah dicapai dalam meluaskan kesedaran hak asasi manusia dengan melibatkan pemimpin pelajar dari institut politeknik, dan penandatanganan Memoranda Persefahaman untuk tempoh tiga tahun antara Suruhanjaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Di peringkat yang berbeza, kurikulum latihan berasaskan hak asasi manusia kini sedang dirangka untuk pegawai penjara.

EWG bekerjasama erat dengan Pusat Latihan untuk Pihak Berkuasa Tempatan dalam mempromosikan hak asasi manusia kepada pegawai penguatkuasa dari Selangor dan Pulau Pinang. Buat pertama kalinya, satu bengkel telah diadakan bagi memberi pendedahan kepada pemimpin komuniti terhadap isu hak asasi manusia dan pentadbiran yang baik. Selain itu, artis turut dilibatkan dalam perbincangan mengenai peranan mereka menyebarkan maklumat mengenai hak asasi manusia melalui karya seni.

LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN (CIWG)

Suruhanjaya menerima 1,232 aduan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching daripada individu, parti politik dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil. Kebanyakan aduan mengenai peruntukan undang-undang tahanan pencegahan, khususnya tempoh reman 60 hari, perintah tahanan dua tahun atau perintah sekatan dua tahun di bawah ISA, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Penahanan di bawah umur dan orang dewasa muda di bawah undang-undang tahanan pencegahan kekal sebagai amalan yang mengganggu. Contohnya, kesalahan yang didakwa melibatkan kumpulan ini lebih wajar ditangani di bawah Kanun Keseksaan. Ini akan memastikan perlindungan hak asasi pesalah muda di bawah kedua-dua undang-undang domestik dan perjanjian antarabangsa.

Satu aktiviti yang ketara pada tahun ini adalah pemantauan 19 perhimpunan awam sebagai respons kepada permintaan penganjur. Sebagai sekretariat, CIWG mengumpulkan pasukan yang terdiri daripada Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai untuk memantau setiap peristiwa dan, jika perlu, menjadi perantara antara polis dan penganjur semasa perhimpunan.

LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI ANTARABANGSA (LRITWG)

Isu-isu hak asasi manusia yang melibatkan kebebasan bersuara, kebebasan berpersatuan, tahanan pencegahan, hak pelarian, hukuman mati, dan hak-hak minoriti seksual menyediakan skop yang lebih luas untuk aktiviti-aktiviti Kumpulan Kerja ini.

Usaha diteruskan bagi meminta Kerajaan menyertai perjanjian hak asasi manusia antarabangsa seperti Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman.

Suruhanjaya juga memulakan persiapan untuk mengemukakan laporan bebas berkenaan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2012.

Suruhanjaya telah dilantik sebagai ahli Majlis Perundingan Penasihat Kebangsaan untuk Kanak-kanak, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dengan sokongan dan bantuan Majlis Peguam, Suruhanjaya bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes-kes berkepentingan di mahkamah, serta melibatkan Ketua Hakim Negara Malaysia terhadap peranan badan kehakiman dalam memajukan hak asasi manusia.

LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN (ECOSOCWG)

ECOSOCWG menyumbang kepada inisiatif negara dalam pencegahan pemerdagangan orang. Ia menghasilkan brosur pelbagai bahasa Anti-Pemerdagangan Orang (ATIP), sebagai amaran kepada warganegara asing tentang bahaya yang wujud serta hak-hak mangsa pemerdagangan. Sebagai ahli Majlis untuk ATIP dan Anti-Penyeludupan Migran, Malaysia, Suruhanjaya memberi pendapat mengenai perkara-perkara seperti tempat tinggal, prosedur operasi standard Majlis, dan kaji selidik pengurusan risiko.

Hak-hak orang kurang upaya, Orang Asal dan wanita, dan pendekatan hak asasi manusia kepada perniagaan dan perubahan iklim ditangani melalui program dan aktiviti-aktiviti lain.

LAPORAN JAWATANKUASA ISU DAN KERJASAMA ANTARABANGSA (IICC)

Suruhanjaya menyokong strategi dan usaha kumpulan antarabangsa dan serantau. Ini termasuk Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa untuk Institusi Hak Asasi Manusia Nasional PBB bagi Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (ICC). Suruhanjaya telah terlibat dalam pembangunan Pelan Tindakan ICC bagi tempoh dari bulan November 2011 hingga Mac 2013.

Pada Mesyuarat Tahunan ke-16 Forum Asia Pasifik (APF) Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI) pada bulan September, Suruhanjaya dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Jordan dipilih semula oleh Ahli Majlis Forum APF untuk meneruskan peranan mereka sebagai wakil kepada Biro ICC dari Mac 2012-2014. Suruhanjaya mengambil bahagian dalam persidangan APF mengenai 'Perniagaan dan Hak Asasi Manusia' pada bulan Oktober, dengan membentangkan rancangannya untuk menggubal satu dasar yang akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan.

Suruhanjaya telah menyerahkan Laporan Interim Penilaian Penggalan Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia pada bulan Ogos, serta mengambil bahagian dalam Sesi Tetap ke-18 dalam kapasitinya sebagai NHRI berstatus 'A'.

Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara telah melantik Suruhanjaya sebagai institusi utama dalam projek bersama mengenai hak-hak Orang Asal. Suruhanjaya telah menyediakan satu kertas konsep mengenai subjek ini.

Di dalam negara, Suruhanjaya telah bermesyuarat dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri pada bulan Mac bagi membincangkan mengenai penggubalan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia.

LAPORAN JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI (IPRC)

Empat aktiviti utama telah dijalankan untuk mempromosi hak Orang Asal/Asli, termasuk seminar mengenai hak Orang Asal/Asli dalam penglibatan membuat keputusan, bengkel mengenai sistem perundangan Orang Asal/Asli dan forum mengenai pembangunan ekonomi orang Asal/Asli serta forum pendidikan Orang Asal/Asli.

IPRC turut membantu di awal penubuhan Inkuiri Nasional Suruhanjaya mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia, dan memantau perkembangan usaha Kerajaan untuk meminda Akta Orang Asli 1954.

LAPORAN PEJABAT SABAH

Secara praktikalnya, perlindungan hak asasi manusia di Sabah berkisar pada siasatan aduan dan pendidikan pihak yang berkepentingan. Sehingga kini, Pejabat Suruhanjaya di Kota Kinabalu telah meneliti 250 aduan yang diterima sepanjang tahun.

Suruhanjaya juga menganjurkan ceramah dan dialog, lima sesi Forum dan Latihan mengenai Sistem Perundangan Orang Asal, dan mengendalikan kerja lapangan berkenaan dengan proses Inkuiri Nasional di Sabah.

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Selain menangani aduan dan menjalankan siasatan lapangan, Suruhanjaya telah menjalankan lapan ceramah mengenai hak asasi manusia dengan bantuan agensi lain dalam usaha meningkatkan kesedaran hak asasi manusia. Selain itu, bantuan turut diberikan semasa menjalankan proses konsultasi awam Inkuiri Nasional di Sarawak.

LAPORAN SIASATAN AWAM

Sebagai tindak balas kepada beberapa memorandum yang diterima, Suruhanjaya telah memulakan Siasatan Awam pada bulan Oktober ke atas dakwaan pencabulan hak asasi manusia oleh pihak berkuasa sebelum dan semasa perhimpunan Bersih 2.0 pada 9 Julai, sebagai sokongan ke arah reformasi pilihan raya yang adil dan bersih.

Ahli Panel Siasatan terdiri daripada Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Pengerusi), Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Encik Detta Samen.

Sehingga 31 Disember, tujuh pendengaran telah diadakan dan 16 saksi telah memberi keterangan di hadapan Panel Siasatan, yang turut menjalankan lawatan lapangan ke Hospital Tung Shin dan Jalan Travers di Kuala Lumpur. Siasatan Awam ini dijadualkan akan berakhir pada tahun 2012.

LAPORAN JAWATANKUASA INKUIRI NASIONAL

Aduan berterusan oleh Orang Asal/Asli mengenai pelanggaran hak-hak mereka terhadap tanah adat memerlukan pemeriksaan menyeluruh ke atas punca penyebabnya. Oleh itu, Suruhanjaya menjalankan Inkuiri Nasional pertamanya ke atas hak-hak tanah Orang Asal/Asli. Isu-isu kritikal dijangka akan dibangkitkan, dan akan dikaji semula terhadap standard hak asasi manusia antarabangsa dan komitmen yang bertujuan untuk mengembalikan hak tanah Orang Asal/Asli.

Jawatankuasa Inkuiri Nasional turut melibatkan penyertaan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, komuniti orang asal, sektor swasta, ahli akademik dan kumpulan masyarakat sivil dalam pencarian mendapatkan maklumat dan jawapan di seluruh negara. Proses ini telah melibatkan sesi taklimat pengenalan untuk kumpulan utama; rundingan awam dengan pihak berkepentingan; dan penerimaan penghujahan bertulis. Ini diikuti dengan Pendengaran Awam pada bulan Januari 2012.

Bagi menyokong proses itu, Suruhanjaya telah melantik penyelidik untuk menjalankan penyelidikan secara mendalam, antara lain, mengenai konflik tanah, undang-undang dan dasar yang melibatkan tanah Orang Asal/Asli dan sejauh mana ianya mematuhi standard hak asasi manusia antarabangsa. Pemetaan GIS mengenai sempadan tuntutan/wilayah pribumi juga akan dijalankan bagi kes-kes utama.

Jawatankuasa Inkuiri Nasional dijangka akan menyiapkan laporannya pada 2012.

LAPORAN MENGENAI ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA

Bersempena dengan sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia pada 10 Disember, buat julung kalinya Suruhanjaya telah mengadakan Majlis Anugerah Hak Asasi Manusia. Ia untuk mengiktiraf dan menghargai individu dan organisasi yang telah banyak memberikan sumbangan dan usaha dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Pencalonan terbuka kepada tiga kategori berbeza iaitu Anugerah Komuniti (Individu), Anugerah Komuniti (Organisasi) dan Anugerah Media.

Pemenang adalah Cik Tijah Yok Chopil bagi sumbangannya secara aktif kepada masyarakat Orang Asli, SUARAM bagi usaha yang berterusan dalam mempromosi hak kesamarataan dan Cik Selina Kong Lik Hwan (Edisi Siasat Mandarin, NTV7) bagi laporan bertajuk '*Young Maid For Sale 1*'.

Di samping itu juga, Suruhanjaya telah menyampaikan Anugerah Khas kepada Sekolah Integriti yang ditubuhkan oleh Jabatan Penjara kerana memperjuang dan mempertahankan hak pesalah juvana kepada pendidikan.

ISU-ISU UTAMA

Setiap orang dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan dan hak.

Perkara 1, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat

Sepanjang tahun ini kedengaran seruan mendesak untuk reformasi hak asasi manusia daripada pelbagai peringkat masyarakat sivil dalam mahupun luar negara. Sehari sebelum Hari Malaysia, Perdana Menteri telah menyatakan komitmen untuk memansuh atau meminda undang-undang tertentu yang dianggap menindas hak asasi manusia.

Walau bagaimanapun, terdapat kumpulan dan individu yang terus-menerus membawa isu-isu hak asasi manusia kepada perhatian Kerajaan secara persendirian dan melalui Suruhanjaya.

Antara isu-isu yang telah menarik perhatian media antarabangsa dan media sosial termasuklah yang melibatkan kebebasan berhimpun, penahanan pencegahan, kebebasan bersuara, kebebasan beragama dan hak-hak kumpulan rentan.

...saya ingin tegaskan bahawa tanpa syak dan ragu-ragu lagi, Malaysia yang kita impikan bersama dan sedang kita cipta ini adalah Malaysia yang mengamalkan demokrasi berfungsi dan inklusif yang mana keamanan dan ketenteraman awam dipelihara selaras dengan kedaulatan Perlembagaan, undang-undang, penghormatan kepada hak asasi manusia dan hak-hak individu.

*YAB Dato' Sri Najib Abdul Razak,
Perdana Menteri Malaysia,
dalam perutusan khas sempena
Hari Malaysia 2011*

1. KEBEBASAN BERHIMPUN

Kebebasan asasi untuk berhimpun secara aman dan menyatakan kebimbangan dan pendapat merupakan elemen penting demokrasi yang dijamin oleh Perkara 10 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan seperti yang termaktub dalam Perkara 20 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Suruhanjaya mengalu-alukan pemansuhan Seksyen 27, 27A dan 27B Akta Polis 1967 dan enakmen Akta Perhimpunan Aman 2011, yang perlu untuk mendapatkan kebenaran polis untuk mengadakan perhimpunan awam. Walau bagaimanapun, peruntukan baru sekarang memberi kuasa budi bicara kepada polis untuk mengenakan syarat-syarat yang berpotensi menjejaskan hak orang ramai untuk menganjur atau menyertai perhimpunan aman.

Semasa pelulusan draf undang-undang melalui Parlimen, pindaan telah dibuat dengan mengambil kira tempoh pemberitahuan untuk menganjurkan perhimpunan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menggesa Kerajaan mengkaji semula akta tersebut melalui rundingan awam untuk memastikan peruntukannya mematuhi prinsip hak asasi manusia yang menjamin kebebasan berhimpun.

Sementara itu, Suruhanjaya menyeru agar pihak polis membantu pelaksanaan hak untuk berhimpun secara teratur dan aman. Pada masa yang sama, Suruhanjaya menggesa semua pihak supaya melaksanakan hak mereka dengan penuh tanggungjawab dalam memastikan keamanan dan keselamatan semua pihak yang terlibat terutamanya hak orang lain yang terjejas secara tidak langsung juga perlu dihormati dan dilindungi.

2. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG PENAHANAN PENCEGAHAN

Sejajar dengan saranannya yang terdahulu agar semua undang-undang penahanan pencegahan dimansuhkan, Suruhanjaya mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk membatalkan Proklamasi Darurat yang sedia ada, dan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933. Dengan ini dapat mempertingkatkan lagi perlindungan dan promosi hak asasi manusia.



Sementara Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933 dimansuhkan seperti yang dijanjikan, Suruhanjaya mengambil berat ke atas dua perkembangan berikutnya; pertama, penahanan 13 orang yang disyaki militan di bawah ISA; kedua, kenyataan *de facto* Menteri Undang-undang bahawa undang-undang menggantikan ISA masih membolehkan penahanan tanpa bicara, walaupun untuk tempoh yang singkat. Perkembangan ini mendapat kritikan pelbagai pihak termasuklah daripada Badan Pemerhati Hak Asasi Manusia, yang telah menggesa Kerajaan “menunjukkan niat untuk menamatkan penahanan yang menyalahi undang-undang dan segera membatalkan undang-undang yang tidak adil dan membebaskan atau mendakwa mereka yang berada di bawah tahanan pencegahan”.

Badan Pemerhati Hak Asasi Manusia telah menggesa Kerajaan supaya ‘menunjukkan niat untuk menamatkan penahanan yang menyalahi undang-undang dan segera membatalkan undang-undang yang tidak adil dan membebaskan atau mendakwa mereka yang ditahan dalam tahanan pencegahan’

Suruhanjaya menyedari bahawa pihak berkuasa mempunyai tanggungjawab untuk mengekalkan keselamatan awam dan negara. Walau bagaimanapun, ia tidak seharusnya menggunakan undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara. Suruhanjaya menggesa Kerajaan supaya memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada syor-syor dalam laporan berkenaan *Kajian Semula Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960*. Pendirian tegas harus diambil ke atas ancaman kepada keselamatan awam dan negara tanpa menjejaskan prinsip hak asasi manusia.

Suruhanjaya juga turut menggesa pihak berkuasa membebaskan semua yang ditahan di bawah ISA dan memberikan hak mereka untuk dibicarakan secara terbuka dengan diwakili pegawai undang-undang.

3. KEBEBASAN BERSUARA DAN HAK MENDAPAT MAKLUMAT

Undang-undang sekatan seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (PPPA) telah menyekat kebebasan bersuara. Walau bagaimanapun, sejajar dengan perubahan landskap sosio-politik, Kerajaan telah mengumumkan bahawa dasar penapisan media akan dikaji semula dan berjanji untuk meminda keperluan pelesenan di dalam PPPA.

Pindaan ini seharusnya tidak terhad kepada perkara-perkara prosedur dalam menangani pembaharuan lesen semata-mata; ia perlu dilanjutkan kepada penarikan sekatan ke atas kebebasan bersuara dan kajian semula undang-undang lain seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Hasutan 1948. Ini dapat membantu memastikan agar media boleh menjalankan fungsi dan tanggungjawab tanpa rasa takut atau memihak kepada sesiapa sekaligus membantu dalam mengetengahkan pencabulan hak asasi manusia dan ketidakadilan. Bagi memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan sekatan dan keseimbangan yang sewajarnya, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa undang-undang yang menjejaskan tugas-tugas media perlu dikaji semula dan hak untuk mendapatkan maklumat yang sama rata perlu dilindungi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 19 UDHR.

Bagi memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan sekatan dan keseimbangan yang sewajarnya, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa undang-undang yang menjejaskan tugas-tugas media perlu dikaji semula dan hak untuk mendapatkan maklumat yang sama rata perlu dilindungi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 19 UDHR.

4. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Dakwaan bahawa tiada tindakan pihak polis dalam menjalankan siasatan, penggunaan kekerasan melampau semasa soal siasat dan penyalahgunaan kuasa dalam prosedur reman adalah antara aduan utama yang diterima pada tahun ini. Suruhanjaya dengan ini mengesyorkan supaya kamera litar tertutup dipasang di dalam setiap bilik soal siasat; setiap tahanan diperiksa sebelum dan selepas sesi soal siasat oleh



seorang doktor perubatan dan aduan terhadap pegawai-pegawai polis disiasat oleh kakitangan dari Bukit Aman atau Ibu pejabat Polis Negeri bagi mengelakkan andaian berlakunya berat sebelah. Suruhanjaya mengulangi pendiriannya mengenai penubuhan sebuah badan bebas atau satu mekanisme pemantauan seperti Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis untuk mengukuhkan keyakinan orang awam dalam operasi pasukan polis.

5. HAK-HAK GOLONGAN RENTAN

(a) Wanita dan Kanak-kanak

Suruhanjaya bimbang dengan eksploitasi kanak-kanak di sebuah sekolah agama di Kedah, yang telah digunakan untuk mengutip derma. Perkara ini bercanggah dengan Artikel 32 Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) dan melanggar peruntukan undang-undang yang melindungi kanak-kanak termasuk Seksyen 2(1) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dan Seksyen 32 Akta Kanak-kanak 2001. Semasa lawatan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah, Jabatan Pelajaran, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Kemajuan Islam, Suruhanjaya telah menasihatkan pihak pengurusan sekolah supaya mematuhi undang-undang terutamanya Seksyen 32 Akta Kanak-kanak 2001. Suruhanjaya juga telah menulis kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkenaan perkara ini dan telah mencadangkan agar tindakan tegas perlu diambil bagi memastikan kanak-kanak ini tidak dieksploitasikan.

Suruhanjaya sedang memantau pelaksanaan CRC dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Suruhanjaya juga sedang berusaha untuk penarikan semula reservasi Kerajaan ke atas kedua-dua triti ini, termasuk Protokol Pilihan.

Di samping itu, Suruhanjaya sedang mempromosi dan memantau status kesaksamaan gender bagi memastikan bahawa ianya selaras dengan rangka kerja berasaskan hak yang dinyatakan dalam CEDAW. Ia juga sedang menyediakan Laporan Bebas CEDAW untuk diserahkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2012.

(b) Orang Asal/Asli

Suruhanjaya telah selesai mengadakan sesi rundingan awam bagi Inkuiri Nasional ke Atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia. Ia bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai konflik dan bukti yang berkenaan, serta undang-undang yang terlibat, prosedur dan dasar-dasar berkaitan dengan tanah Orang Asal/Asli. Penghujahan bertulis juga telah diterima. Ketika ini Suruhanjaya sedang menjalankan pemeriksaan ke atas kes-kes yang diterima dan mengenal pasti saksi-saksi yang akan dipanggil semasa sesi pendengaran awam yang dijadual bermula pada bulan Januari 2012. NI dijangka selesai pada bulan Julai 2012.

Kebanyakan komuniti Orang Asli di Semenanjung mempunyai isu berkaitan cadangan Kerajaan untuk meminda Akta Orang Asli 1954 yang bertujuan melaksanakan Dasar Pemilikan Tanah. Kebanyakan mereka tidak berpuas hati dengan proses rundingan dan pindaan yang dicadangkan. Suruhanjaya telah membuat rayuan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk menangguhkan pembentangan cadangan pindaan tersebut sehingga proses Inkuiri Nasional selesai.

Isu-isu lain yang telah diambil kira oleh Suruhanjaya telahpun dicadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuklah pengiktirafan ke atas pendidikan, ekonomi dan sistem undang-undang masyarakat Orang Asal/Asli.

(c) Orang Kurang Upaya (OKU)

Orang Kurang Upaya (OKU) terus mengalami kesukaran dan diabaikan dalam perancangan dan peruntukan kemudahan awam serta yang mengakibatkan penafian atau cara yang terhad terhadap akses ke kawasan awam. Selain itu, perkhidmatan sokongan mereka masih tidak mencukupi serta berhadapan dengan diskriminasi dalam membangunkan kerjaya mereka atau akses kepada peluang pekerjaan.

Walaupun Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya, juga telah menyatakan reservasi ke atas beberapa artikel tertentu. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk memenuhi kewajipannya dengan memastikan OKU menikmati hak sedia ada untuk hidup, tanpa diskriminasi, menerima hak yang sama rata, akses kepada keadilan dan penyertaan untuk berpolitik. OKU layak untuk melaksanakan hak sivil, politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan atas dasar kesamarataan dengan orang lain.

(d) Kumpulan Minoriti Seksual

Suruhanjaya bimbang atas layanan buruk, diskriminasi, buli, penghinaan dan ugutan terhadap kumpulan minoriti seksual. Sesetengah media mensensasikan isu-isu yang melibatkan kumpulan terbabit dengan memaparkan sikap kurang sensitiviti dan rasa hormat kepada kumpulan tersebut. Suruhanjaya berpendirian teguh bahawa hak-hak kumpulan minoriti seksual dan kebebasan asasi mesti disokong dan dihormati pada setiap masa. Mereka juga berhak untuk menikmati hak asasi manusia seperti orang lain. Kekejaman dan pencabulan hak-hak mereka tidak boleh dijustifikasikan.

(e) Pekerja Migran, Pencari Suaka dan Orang Pelarian

(i) Hak-hak pekerja migran

Kebanyakan aduan yang diterima oleh Suruhanjaya mengenai pekerja migran adalah berkenaan pembayaran gaji yang lewat atau tidak tetap, pemberian pampasan yang tidak setimpal bagi kemalangan di tempat kerja dan kelewatan memperbaharui permit kerja. Suruhanjaya telah

memanjangkan aduan mereka kepada agensi yang berkaitan dan memantau aduan tersebut bagi memastikan tindakan diambil. Bagi kelewatan dalam pembaharuan permit kerja, Suruhanjaya mencadangkan agar Jabatan Imigresen mempercepatkan proses memperbaharui permit kerja bagi mengelakkan potensi gangguan dan penangkapan pekerja migran.

Program pengampunan Kerajaan terhadap pekerja migran yang dijalankan pada tahun ini, bertujuan untuk memperoleh jumlah sebenar pekerja migran yang berada di Malaysia; dan dengan mengeluarkan dokumen untuk bekerja atau menghantar mereka pulang ke negara asal dengan kos yang ditanggung oleh mereka sendiri tanpa dikenakan penalti. Suruhanjaya mengalu-alukan program ini kerana ia dapat memberikan pekerja migran yang tinggal menjalankan kerja secara adil dan bertanggungjawab, di samping menerima perlindungan yang sewajarnya di bawah undang-undang agar mereka tidak dieksploitasi. Suruhanjaya menggesa Kerajaan memastikan bahawa tidak ada cubaan untuk mengenakan kawalan terus ke atas pekerja migran dan memastikan bahawa mereka dilayan dengan adil. Diharapkan bahawa Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007 dapat melindungi pekerja asing daripada dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

(ii) Hak Pencari Suaka Dan Pelarian

Malaysia tidak menganggotai Konvensyen PBB Berkenaan Status Orang Pelarian 1951 (Konvensyen 1951) dan Protokol Pilihan 1967. Tiadanya undang-undang mentadbir pencari suaka dan pelarian di Malaysia menyebabkan hak mereka adalah terhad dari segi mendapatkan akses kepada pendidikan formal, pekerjaan dan perkhidmatan kesihatan. Dalam hal ini, Suruhanjaya mengulangi bahawa, sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Hak Asasi Manusia, Malaysia wajib melindungi dan membantu pencari suaka dan pelarian walaupun masih belum menerima Konvensyen 1951.

Perjanjian pertukaran pencari suaka dan pelarian antara Kerajaan Malaysia dengan Australia pada bulan Julai mendapat bantahan dalam kalangan aktivis hak asasi manusia dan NGO kedua-dua negara, kebanyakannya disebabkan oleh persepsi negatif layanan Malaysia kepada kumpulan tersebut oleh sebab Malaysia bukan anggota Konvensyen 1951. Mahkamah Tinggi Australia telah mengeluarkan injunksi terhadap perjanjian tersebut malah, Kerajaan Australia telah mengumumkan bahawa ia sedang berusaha untuk meneruskan perjanjian ini. Suruhanjaya mengesyorkan bahawa sekiranya perjanjian itu dilaksanakan, hak asasi manusia pencari suaka dan pelarian mestilah terjamin.

Suruhanjaya memuji Kerajaan dalam memulakan program pendaftaran antara Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian dengan Malaysia. Usaha ini diharap dapat membuka jalan bagi pengiktirafan status pelarian dan pencari suaka. Ia juga boleh dianggap sebagai langkah utama ke arah penyertaan Konvensyen 1951.

6. AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 (AUKU)

Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk meminda Seksyen 15, AUKU, ia juga mencadangkan agar peruntukan-peruntukan lain perlu dikaji semula bagi membolehkan pelajar universiti menikmati kebebasan dan hak mereka seperti dijamin dalam Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 19 hingga 21 di bawah UDHR.

Secara khusus, Suruhanjaya mengesyorkan pindaan kepada Seksyen-seksyen 15(5)(a), 5D(1), 16C(2) dan 16B(3B). Peruntukan-peruntukan ini melanggar kebebasan untuk berpersatuan, kebebasan untuk bersuara, hak untuk mendapatkan percikaraan yang adil, hak untuk memilih sendiri peguam dan hak untuk mendapatkan pendidikan.

Suruhanjaya menyambut baik keputusan Mahkamah Rayuan yang mengisytiharkan Seksyen 15(5)(a) AUKU sebagai tidak mengikut perlembagaan dan melanggar kebebasan bersuara. Suruhanjaya menggesa Kerajaan mempertimbangkan semula rancangannya untuk merayu keputusan tersebut.

7. PERANAN SURUHANJAYA DI MAHKAMAH

Suruhanjaya telah bertindak sebagai peguam pemerhati dalam dua kes mahkamah, *Low Swee Siong lwn Tan Siew Siew* mengenai hak kanak-kanak dan *Noorfadilla binti Saikin lwn Chayed bin Basirun dan 5 yang lain* yang melibatkan hak wanita. Suruhanjaya menghantar penghujuhannya kepada Mahkamah berkenaan berdasarkan CRC dan CEDAW. Ia berharap dapat terus terlibat dalam kes-kes mahkamah yang melibatkan hak asasi manusia. Suruhanjaya juga sedang melangkah ke arah mempromosi hak asasi manusia kepada badan kehakiman dan percaya bahawa hakim mempunyai peranan penting dalam menegakkan dan melindungi hak tersebut.

8. HUKUMAN MATI

Usaha-usaha Suruhanjaya untuk mengukuhkan saranannya agar hukuman mati dimansuhkan termasuklah penganjuran satu seminar awam bersama delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia dan Majlis Peguam, mengadakan perbincangan dengan Ahli Parlimen dan mewujudkan kesedaran melalui temu bual media.

Sementara menunggu keputusan tersebut, Suruhanjaya mencadangkan agar Kerajaan mempertimbangkan penangguhan ke atas hukuman mati atau penjara seumur hidup, terutamanya bagi mereka yang telah dikenakan hukuman mati selama lebih daripada lima tahun. Di samping itu, Suruhanjaya menyeru agar Kerajaan mempertimbangkan untuk menggunapakai Peraturan Piawai Minima Antarabangsa bagi Banduan untuk memastikan kesejahteraan banduan yang dikenakan hukuman mati diambil kira sama seperti banduan lain.

9. KEBEBASAN BERAGAMA

Merujuk kepada beberapa situasi pada tahun ini, individu yang berpegang kepada kepercayaan Syiah telah mendakwa bahawa pihak berkuasa Negeri Selangor telah mengganggu mereka ketika berkumpul untuk mendengar ceramah agama. Walaupun Suruhanjaya sedia maklum akan sensitiviti isu ini, ia berpendapat bahawa hak untuk beragama adalah untuk semua, tanpa mengira perbezaan dalam kepercayaan dan bahawa setiap orang mempunyai kebebasan untuk menganut kepercayaan mereka. Dalam usaha untuk menjadi pengantara mengenai isu ini daripada perspektif hak asasi manusia, Suruhanjaya telah memulakan perbincangan dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor, Jabatan Kemajuan Islam dan pihak berkuasa serta tokoh-tokoh agama lain. Semasa laporan ini ditulis perbincangan masih lagi diteruskan.

10. PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

Operasi dan aktiviti perniagaan boleh memberikan kesan negatif ke atas hak asasi manusia. Sebagai contoh, apabila syarikat mencerooboh ke atas tanah adat untuk menjalankan aktiviti komersial, mereka juga boleh menyingkirkan komuniti Orang Asal/Asal, menghadkan akses kepada sumber asli atau mencemarkan sumber air.

Antara hak asasi manusia di tempat kerja termasuklah isu kesihatan dan keselamatan, kebebasan untuk menubuhkan persatuan dan kesatuan sekerja, kebebasan daripada diskriminasi dan perlindungan daripada gangguan seksual. Semua ini telah menimbulkan perdebatan tentang peranan dan tanggungjawab mereka yang terlibat dalam perniagaan untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Oleh yang demikian, Suruhanjaya telah mula menyebarkan maklumat mengenai 'Rangka kerja melindungi, menghormati dan remedi' yang mengandungi panduan mengenai perniagaan dan hak asasi manusia yang disokong oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertujuan mewujudkan kesedaran untuk menghormati hak asasi manusia.

'Rangka kerja melindungi, menghormati dan remedi' meletakkan asas-asas tentang suatu sistem untuk menguruskan cabaran perniagaan dan hak asasi manusia yang lebih baik berdasarkan tanggungjawab Negara dan korporat yang berbeza tetapi saling melengkapi dan berkesan dalam kes-kes pencabulan.

*Profesor John Ruggie,
Wakil Khas Setiausaha Agung PBB
tentang hak asasi manusia dan
perbadanan serta syarikat perniagaan lain*

Suruhanjaya telah melibatkan komuniti perniagaan tentang peranan dan tanggungjawab mereka dan menggesa agar mereka mengukuhkan tanggungjawab korporat sosial dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam aktiviti mereka. Sektor ini seterusnya digalakkan untuk

mengurang dan mencari jalan penyelesaian kepada pelanggaran hak asasi manusia dengan membangunkan garis panduan yang sewajarnya atau satu kod amalan terbaik untuk melindungi pekerja-pekerja dan pihak-pihak lain yang terjejas disebabkan aktiviti perniagaan.

11. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Ketika Malaysia semakin menghampiri semakan semula Penilaian Penggalan Sejagat (UPR), adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan segera kesemua cadangan yang diterima pakai pada tahun 2009. Suruhanjaya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Tindakan Susulan UPR bagi memudahkan rundingan dengan pihak berkepentingan bagi mendapatkan status terkini pelaksanaan yang dijalankan oleh agensi-agensi yang berkaitan. Dengan menyebarkan maklumat mengenai proses UPR dan hasilnya kepada pihak yang berkepentingan, matlamat Jawatankuasa ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya mekanisme ini dalam meningkatkan piawaian hak asasi manusia. Suruhanjaya berharap pelbagai pembaharuan yang dijanjikan oleh Kerajaan akan menjadi kenyataan dan perubahan ketara dapat direkodkan.

Suruhanjaya telah mengemukakan Laporan Interim UPR dan telah membuat kenyataan secara lisan ketika sesi Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) ke-18 pada bulan September. Usaha Suruhanjaya ke atas Tindakan Susulan UPR telah diterima baik oleh organisasi dan badan-badan hak asasi manusia antarabangsa.

12. RATIFIKASI INSTRUMEN TERAS HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

Setakat ini, Malaysia telah menerima tiga konvensyen antarabangsa hak asasi manusia, walaupun dengan reservasi. Walau bagaimanapun, ditekankan, bahawa tiada sebarang langkah sebenar untuk meratifikasi atau menyertai enam instrumen antarabangsa yang lain. Suruhanjaya akan terus menggesa Kerajaan meratifikasi instrumen ini untuk menunjukkan komitmennya dalam membasmi kemiskinan, melindungi hak sosio-ekonomi, mempertahankan maruah manusia dan mempromosi hak-hak sivil dan politik rakyat.

Kerajaan harus menerima Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa dengan segera bagi menamatkan jenayah kemanusiaan, pembunuhan beramai-ramai dan jenayah perang. Penerimaan ini adalah selaras dengan penyertaan Malaysia dalam HRC. Selaras dengan penerimaan tersebut, kerja-kerja progresif ke atas undang-undang domestik mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Statut Rom dapat diselaraskan.

13. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Suruhanjaya berpuas hati dengan langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan dalam merangka Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) bagi menambahbaik promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Suruhanjaya akan memainkan peranan yang penting dalam merangka NHRAP serta memantau pelaksanaannya. Ciri-ciri NHRAP yang berkesan adalah penyertaan dan perancangan yang telus, penelitian tentang hak yang realistik dan perancangan berorientasikan-tindakan, kriteria kejayaan yang jelas, mekanisme pemantauan dan penilaian yang kukuh serta komitmen sumber yang mendalam.

Suruhanjaya menghargai inisiatif Kerajaan yang terlibat di peringkat persediaan dan berharap hubungan ini dapat diperkukuhkan melalui rundingan dan penglibatan secara kerap. Suruhanjaya akan bekerjasama rapat dengan agensi fokus untuk NHRAP, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri. Suruhanjaya berharap agar Kerajaan mempertimbangkan untuk menerima cadangan yang diperoleh daripada UPR dan sesi badan-badan triti mengenai Malaysia ke NHRAP.

14. PERBAHASAN LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA DI PARLIMEN

Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah mengemukakan Laporan Tahunan ke Parlimen pada mesyuarat pertama setiap tahun seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 21(1), Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Malangnya, sehingga kini tiada satu pun Laporan Tahunan Suruhanjaya pernah dibahaskan. Suruhanjaya menggesa agar Ahli-ahli Parlimen mengambil isu-isu penting hak asasi manusia daripada Laporan Tahunan dan menyokong sepenuh syor-syor yang terdapat di dalamnya pada setiap peluang yang ada semasa sesi perbahasan.

Suruhanjaya seterusnya menggesa Kerajaan mempertimbangkan penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Parlimen untuk mengkaji perkara-perkara berkaitan hak asasi manusia sebagai langkah tambahan dalam menegakkan hak rakyat dan mengukuhkan demokrasi berparlimen.

LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI (EWG)

Pendidikan merupakan hak asasi manusia yang amat besar pengaruhnya untuk melakukan perubahan. Padanya, terdapat asas-asas kebebasan, demokrasi dan pembangunan kemanusiaan yang berterusan.

Kofi Annan

Suruhanjaya bersetuju dengan kenyataan bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kofi Annan, bahawa pendidikan adalah suatu yang amat penting dalam membangunkan sebuah budaya hak asasi manusia di mana hak setiap insan difahami dan dihormati, seterusnya akan memartabatkan maruah masing-masing.

Sehubungan itu, program-program bercorak pendidikan telah dijalankan sepanjang tahun sebagai usaha memperkasakan masyarakat dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi (EWG) telah meluaskan jangkauannya kepada kumpulan sasaran yang baru, merangkumi golongan artis dan pihak berkuasa tempatan. Satu lagi kemajuan adalah penambahan 12 buah sekolah rendah dan sekolah menengah yang terlibat dalam program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM) daripada hanya lima buah sekolah pada awalnya.

Seperti juga tahun-tahun sebelum ini, EWG terus mempromosi hak asasi manusia di institusi pengajian tinggi, kepada golongan kurang upaya, remaja, Orang Asal/Asli dan agensi penguatkuasaan.

1. HAK KEPADA PENDIDIKAN

(a) Program di Sekolah-sekolah

Program ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan dan meningkatkan pelaksanaan program tersebut.

(i) Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM)

Suruhanjaya mempelopori program ini pada tahun 2009 dengan kerjasama Kementerian Pelajaran bagi memupuk kesedaran hak asasi manusia di sekolah-sekolah. Lima buah sekolah telah dipilih bagi projek perintis, iaitu SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak, SMK Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, SMK Seksyen 9, Shah Alam, Selangor, SMK Munshi Abdullah, Batu Berendam, Melaka dan SMK Datuk Mansor, Bahau, Negeri Sembilan.

Pada tahun 2011, program tersebut telah diperluaskan lagi kepada 12 buah sekolah iaitu:

- SMK Kuala Krau, Temerloh, Pahang
- SMK Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands, Pahang
- SMK Muhibbah, Sungai Siput, Perak
- SMK Ulu Kinta, Kinta, Perak
- SJKT Thiruvalluvar, Alor Setar, Kedah
- SK Ulu Geruntum, Gopeng, Perak
- SK Kg Kenang, Sungai Siput, Perak
- SK Penderas, Temerloh, Pahang
- SK Batau, Kuala Lipis, Pahang
- SJKC Sin Ming, Petaling, Selangor
- SJKC Chio Chiao, Salak, Selangor
- SJKT Sepang, Sepang, Selangor

Pada 19 hingga 21 April dan 20 hingga 22 Jun, Suruhanjaya telah mengadakan beberapa buah bengkel bagi memberi pendedahan kepada sekolah-sekolah terlibat mengenai prinsip dan konsep asas hak asasi manusia. Sekolah-sekolah berkenaan telah diwakili oleh pengetua dan guru-guru, serta pegawai dari Pejabat Pelajaran Negeri. Suruhanjaya juga turut melawat sekolah-sekolah tersebut bagi memberi bimbingan dan khidmat nasihat dalam merancang aktiviti.

Sementara itu, lima buah sekolah di bawah projek perintis ini telah meningkatkan pelaksanaan aktiviti selaras dengan objektif ATHAM. Sekolah-sekolah tersebut telah mengambil kira Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta aspek-aspek yang melibatkan pengurusan sekolah. Sebagai contoh, terdapat penyertaan aktif dalam kalangan pelajar dalam memilih pemimpin serta mereka turut diberikan ruang untuk menyuarakan kebimbangan mereka melalui program Peti Suara Hati. Walaupun Suruhanjaya melihat ini sebagai satu langkah ke arah perubahan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Usaha perlu digandakan untuk menjadikan hak asasi manusia sebagai satu cara hidup dalam persekitaran sekolah.

(ii) Kajian Formatif oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan ATHAM, Suruhanjaya telah melantik satu pasukan penyelidik dari UPSI untuk menjalankan kajian ke atas projek perintis tersebut. Secara amnya, kajian itu mendapati bahawa projek ini telah memberi manfaat kepada sekolah-sekolah berkenaan sekaligus mencadangkan bahawa Suruhanjaya mengekalkan program dan objektif program tersebut.

Walaupun bagaimanapun, kajian tersebut telah mendapati bahawa sekolah-sekolah berkenaan memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuklah Suruhanjaya, Jabatan Pelajaran Negeri, ibu bapa dan masyarakat sivil bagi memastikan kejayaan program tersebut. Penemuan dan cadangan kajian akan digunakan untuk memperbaiki pelaksanaan ATHAM, terutamanya di sekolah-sekolah yang baru melaksanakan program ini.

(b) Hak kepada Pendidikan untuk Kanak-kanak Orang Asli/Asli

Walaupun pendidikan rendah adalah wajib untuk semua kanak-kanak, tidak banyak peningkatan kehadiran ke sekolah dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Pada masa yang sama, Suruhanjaya telah membuat pemerhatian, mendapati kanak-kanak Orang Asli yang hadir ke sekolah dinafikan pendidikan berkualiti. Dalam sesetengah kes, kanak-kanak tidak dapat ke sekolah kerana tiada sekolah di sekitar penempatan mereka.

Menguasai 3R (membaca, menulis, mengira) masih merupakan suatu keprihatinan utama untuk kanak-kanak ini. Pada mesyuarat Kumpulan Fokus Pendidikan Orang Asli yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa kanak-kanak Orang Asli merupakan majoriti kanak-kanak 'buta huruf tegar' dalam Program *Literacy and Numeracy Screening Programme (LINUS)* anjuran Kementerian Pelajaran.

Pemerhatian Suruhanjaya

(i) Pengangkutan

Salah satu faktor utama yang menjadi punca kepada ketidakhadiran kanak-kanak Orang Asli ke sekolah adalah kekurangan pengangkutan ke sekolah. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa JAKOA telah berusaha untuk meningkatkan akses dengan menyediakan kenderaan. Walaupun demikian, Suruhanjaya mendapati bahawa bilangan kenderaan tidak mencukupi



Kanak-kanak Orang Asli kerap lewat atau tidak hadir ke sekolah disebabkan kenderaan rosak

juga turut menyebabkan kepada kesesakan di dalam kenderaan tersebut. Mereka yang terlibat adalah pelajar-pelajar dari SK Satak, Raub di Pahang, SK Batu 7 dan SK Batu 14, Batang Padang di Perak, dan SK Pos Brooke di Gua Musang, Kelantan.

Agensi-agensi yang berkenaan seharusnya mengkaji keadaan jalan raya, contohnya laluan yang digunakan untuk ke SK Pos Musuh di Perak, SK Bihai dan SK Tohoi di Gua Musang, Kelantan, dan SK Kg Peta dan SK Kudung di Johor. Jalan-jalan ini tidak diselenggara dengan sempurna dan keselamatan komuniti sekolah telah diabaikan.

(ii) Hak kepada air yang bersih

Kementerian Pelajaran telah melancarkan projek 'Bekalan Air Bersih' yang merangkumi semua sekolah luar bandar pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat bahawa sesetengah sekolah masih bergantung kepada air daripada sumber semula jadi yang tidak dirawat. Antaranya ialah SK Pos Betau di Kuala Lipis, Pahang dan asrama SK Bidor di Bidor, Perak. Suruhanjaya telah dua kali memaklumkan kepada Kementerian Pelajaran secara bertulis tentang masalah tersebut tetapi tiada sebarang jawapan yang diberikan sehingga kini. Dalam Maklum Balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2010, ia telah menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran telah dimaklumkan berkenaan hal tersebut dan akan menaik taraf sistem perairan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Walaupun mengalu-alukan langkah itu, namun Suruhanjaya tetap ingin menekankan bahawa menikmati air bersih adalah hak asasi manusia. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran haruslah mempercepatkan proses peningkatan sistem perairan tersebut.

Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa bekalan air yang tidak mencukupi telah menyebabkan ketidakhadiran pelajar-pelajar ke sekolah. Selain itu, penggunaan air yang tidak dirawat telah



Bekalan air di rumah guru di sekolah Orang Asli juga keruh

mendedahkan warga sekolah kepada jangkitan leptospirosis dan pelbagai penyakit bawaan air yang berpunca daripada pencemaran.

(iii) Bekalan elektrik

Semasa lawatan ke SK Pos Betau di Kuala Lipis, Pahang, Suruhanjaya mendapati bahawa sekolah ini tidak mempunyai bekalan elektrik yang berterusan sepanjang hari. Penjana yang dibekalkan ke sekolah telah rosak dan masih tidak dibaiki walaupun terdapat permintaan oleh pihak pengurusan beberapa kali. Ini telah menjejaskan pembelajaran 581 orang pelajar sekolah tersebut.

(iv) Kemudahan asrama

Suruhanjaya telah melawat asrama SK Bidor di Bidor, Perak, pada 15 Ogos selepas menghantar dua pucuk surat kepada Kementerian Pelajaran tentang keadaan yang tidak memuaskan. Suruhanjaya menyatakan bahawa masih tiada bekalan air bersih dan tangki air masih belum digantikan bagi menampung keperluan 150 orang pelajar. Penginapan di asrama juga tidak disediakan untuk warden. Selain itu, asrama ini diuruskan oleh sekolah rendah (SK Bidor) walaupun pelajar bersekolah menengah.

Suruhanjaya memandang serius keadaan tersebut yang telah mengabaikan hak kanak-kanak Orang Asli kepada pendidikan berkualiti dalam persekitaran yang selamat dan selesa. Maklum Balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2010 menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran telah mengambil perhatian tentang masalah tersebut dan siasatan sedang dijalankan.

Rentetan itu, Suruhanjaya mendapati asrama di SK Satak di Raub, Pahang dan di SK Kudung di Segamat, Johor, sebagai contoh pengurusan yang baik dari segi kemudahan yang disediakan, kebersihan dan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran. Pelajar mempunyai peluang untuk mengamalkan budaya serta mengembangkan potensi mereka. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, pengurusan di sekolah-sekolah tersebut komited serta menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan telus. Pelajar kelihatan kemas, mesra dan yakin.

(v) Makanan

Semasa lawatan ke asrama sekolah-sekolah di Kelantan, Perak dan Pahang, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa kanak-kanak Orang Asli tidak menggemari beberapa jenis makanan yang disenaraikan dalam menu yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran, termasuk buah-buahan menyebabkan kanak-kanak ini tidak akan makan makanan yang telah disediakan. Walaupun Suruhanjaya menghargai hasrat Kementerian Pelajaran untuk menyediakan makanan yang berkhasiat, ia harus mengambil kira keperluan khas kanak-kanak Orang Asli seperti yang dinyatakan dalam Perkara 12 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) iaitu pandangan kanak-kanak mesti diberi pertimbangan yang sewajarnya dalam membuat sebarang keputusan.

(vi) Penolong Pengurusan Pelajar (SMA)

Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan jawatan SMA untuk membantu pengurusan pelajar sekolah rendah, terutamanya kanak-kanak Orang Asli yang tinggal di asrama. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa SMA perlu melalui kursus latihan yang singkat sebelum mereka mula bertugas. Walau bagaimanapun, persediaan ini tidak mencukupi untuk membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab mereka sepenuhnya. Suruhanjaya berpendapat bahawa latihan bagi tenaga SMA haruslah merangkumi kemahiran keibubapaan, psikologi kanak-kanak dan perkembangan kanak-kanak. Ini adalah penting kerana terdapat aduan bahawa tenaga SMA bersikap terlalu kasar dalam mendisiplinkan pelajar.

Suruhanjaya berpendapat bahawa latihan bagi tenaga SMA haruslah merangkumi kemahiran keibubapaan, psikologi kanak-kanak dan perkembangan kanak-kanak.

(vii) Kurikulum alternatif untuk kanak-kanak Orang Asli

Maklum Balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2010 menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran telah membangunkan Kurikulum Bersepadu Pelajar Sekolah Rendah Orang Asli dan Penan (Kurikulum Asli Penan, KAP). Kementerian Pelajaran akan bertanggungjawab untuk merancang penilaian melalui Penilaian Sektor Pembangunan Alternatif dalam Lembaga Peperiksaan. Suruhanjaya telah menerima jawapan yang sama daripada Kementerian Pelajaran pada tahun 2010 apabila ia membangkitkan isu berkenaan melalui surat.

Walaupun bagaimanapun, semasa lawatan dan perbincangan dengan pengurusan sekolah dan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Kementerian telah berhenti melaksanakan KAP dan sebagai ganti sekolah-sekolah telah diarahkan untuk menggunakan program LINUS yang mana pelajar akan menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2012 dan bukannya menjalani penilaian alternatif seperti yang dirancang. Suruhanjaya amat prihatin kerana hal ini akan memberi kesan kepada kanak-kanak Orang Asli, terutamanya mereka yang mempunyai masalah pembelajaran.

(viii) Kanak-kanak tidak bersekolah

Disebabkan oleh semua faktor yang dinyatakan, sebilangan kanak-kanak Orang Asli tidak menghadiri sekolah rendah walaupun dasar pendidikan di bawah Akta Pendidikan 1996 mewajibkan pendidikan sekolah rendah. Pada tahun 2010, terdapat peningkatan sebanyak 784 kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun yang tidak menghadiri sekolah, berbanding dengan 2007 (Jadual 1).

Semasa lawatan ke penempatan Orang Asli di Kg Pos Gop di Gua Musang, Kelantan, Kg Selaoh dan Kg Sungai Kejar di Grik, Perak, Suruhanjaya mendapati bahawa tiada sekolah di kawasan penempatan tersebut. Maklum Balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan Terhadap

Laporan Tahunan Suruhanjaya 2010 menyatakan bahawa JAKOA dan Kementerian Pelajaran telah mengambil inisiatif untuk menyediakan kabin dan pendidikan tidak formal bagi kanak-kanak di Kg Sungai Kejar. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa langkah itu masih belum dilaksanakan.

Sebahagian isu-isu ini telah dibincangkan pada Forum Mengenai Pendidikan Orang Asli yang dianjurkan oleh Suruhanjaya pada 9 November. (Sila lihat Laporan Jawatankuasa Orang Asal/Asli, halaman 112).

Semasa lawatan ke penempatan Orang Asli di Kg Pos Gop di Gua Musang, Kelantan, Kg Selaoh dan Kg Sungai Kejar di Grik, Perak, Suruhanjaya telah mendapati bahawa tiada sekolah di kawasan penempatan tersebut.

Jadual 1: Jumlah Kanak-kanak Orang Asli yang Tidak Bersekolah, 2010

TAHUN	BILANGAN KANAK-KANAK			JUMLAH
	Umur 5-6 tahun	Umur 7-12 tahun	Umur 13-18 tahun	
2010	Tiada	2,746	Tiada	
2007	2,553	1,962	2,514	7,029

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, 2010

Jadual 2: Jumlah Kanak-kanak Orang Asli yang Tidak Bersekolah Mengikut Negeri, 2007

NEGERI	BILANGAN KANAK-KANAK			JUMLAH
	Umur 5-6 tahun	Umur 7-12 tahun	Umur 13-18 tahun	
Perak/Kedah	524	1,088	362	1,974
Pahang	743	543	669	1,955
Selangor	567	96	753	1,416
Johor	659	173	229	1,061
Negeri Sembilan	9	47	484	540
Kelantan/Terengganu	51	15	17	83
JUMLAH	2,553	1,962	2,514	7,029

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2009

(c) Hal-hal Lain Berkaitan Pendidikan

Suruhanjaya telah melawat dua buah sekolah agama (Islam) di Perlis. Ia telah dimaklumkan bahawa sekolah-sekolah tersebut menghadapi kesukaran untuk didaftarkan kerana dasar dan prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri. Selain itu, sekolah-sekolah tersebut tidak menerima bantuan seperti guru-guru terlatih, kemudahan untuk mengajar mata pelajaran sains serta keperluan asas seperti kerusi, meja dan buku teks. Kementerian Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri harus mencari jalan penyelesaian bagi membantu sekolah-sekolah yang menyediakan pendidikan alternatif ini. Pihak berkuasa sepatutnya mengambil kira prinsip utama UDHR dan CRC yang menekankan tiada diskriminasi dan kepentingan terbaik untuk kanak-kanak.

Dalam kes kedua-dua buah sekolah di Perlis, Suruhanjaya dapat menyelesaikan isu pendaftaran dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri.

2. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

(a) Latihan Hak Asasi Manusia untuk Pelajar-pelajar Politeknik

Suruhanjaya memperluaskan program kesedaran hak asasi manusia dengan melibatkan pemimpin-pemimpin pelajar politeknik di seluruh Semenanjung Malaysia. Para peserta telah didedahkan kepada konsep hak asasi manusia dan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin pelajar. Mereka juga turut didedahkan kepada perjanjian antarabangsa hak asasi manusia dan tanggungjawab-tanggungjawab kerajaan. Suruhanjaya percaya bahawa belia dan pelajar adalah pemimpin masa depan. Oleh itu, mereka perlu didedahkan kepada konsep hak asasi manusia dan meningkatkan pemahaman isu-isu sebegini semasa masih muda.

Pada akhir setiap bengkel, para peserta telah diberikan tugas melukis peta pelan tindakan. Mereka diminta untuk memikirkan bagaimana cara-cara untuk berkongsi pengetahuan yang telah mereka perolehi dengan rakan-rakan pelajar yang lain. Suruhanjaya akan membantu mereka bagi memastikan pelaksanaan pelan tindakan tersebut dengan berkesan serta memantau proses tersebut.

Suruhanjaya percaya bahawa belia dan pelajar adalah pemimpin masa depan. Oleh itu, mereka perlu didedahkan kepada konsep hak asasi manusia dan meningkatkan pemahaman isu-isu sebegini semasa masih muda.

(b) Kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pada 9 Disember, Suruhanjaya telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama UKM dalam usaha meningkatkan kesedaran hak asasi manusia dan pengetahuan dalam kalangan pelajar dan ahli akademik. Beberapa aktiviti akan dilaksanakan melalui usaha sama ini, termasuklah 'Kajian Pengetahuan Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Undang-Undang di Universiti Awam'. Program-program lain termasuklah seminar/ persidangan, penajaan kesedaran, latihan industri/ praktikum bagi kakitangan dan pelajar, pertukaran maklumat serta mewujudkan satu unit hak asasi manusia di Fakulti Undang-undang. MoU tersebut akan berkuatkuasa selama tiga tahun.



Aktiviti dalam kumpulan sedang dijalankan bersama wakil pemimpin pelajar politeknik dari zon utara

3. LATIHAN HAK ASASI MANUSIA UNTUK AGENSI PENGUATKUASA

(a) Latihan untuk Polis DiRaja Malaysia

Sejak tahun 2008 lagi, Suruhanjaya telah mengadakan latihan hak asasi manusia untuk Ketua Polis Balai (OCS). Pada tahun ini, antara Februari hingga Oktober, Suruhanjaya telah melatih sebanyak 155 orang OCS dari daerah-daerah di Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis. Sesi-sesi ini juga merupakan siri bengkel latihan yang terakhir.

Bengkel tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran OCS tentang perlunya mengamalkan dan melindungi hak asasi manusia. Matlamat lain adalah untuk membina keupayaan mereka dalam menyediakan *standing orders* bagi pegawai bawahan dan melaksanakan tugas harian dengan mengambil kira konsep hak asasi manusia. Oleh itu, bengkel ini memberi tumpuan kepada prosedur jabatan yang sedia ada supaya boleh diperhalusi berdasarkan prinsip-prinsip hak asasi manusia serta menepati piawaian hak asasi manusia antarabangsa dalam penguatkuasaan undang-undang.

Para peserta telah diberi beberapa kajian kes mengenai isu dan prosedur yang berkaitan dengan kematian dalam tahanan, perintah reman, keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak, kebebasan berhimpun dan proses soal siasat. Perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan termasuklah hak individu semasa penangkapan dan penahanan, hak-hak pegawai polis dan salah guna kuasa oleh anggota polis.

Semasa sesi tersebut, Suruhanjaya membangkitkan isu kebebasan berhimpun. Ia menekankan bahawa perhimpunan secara aman harus dibenarkan kerana perkara ini dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Polis perlu memastikan kelancaran perhimpunan dan keselamatan peserta. Malangnya, terdapat kes-kes yang mana pihak polis telah menghalang orang ramai daripada berhimpun atas alasan keselamatan. Bagaimanapun, polis sering gagal menghuraikan atau menjustifikasikan risiko keselamatan sebenar.

Suruhanjaya juga menekankan perlunya pihak polis menjalankan kerja mereka selaras dengan undang-undang tanpa diskriminasi yang berpunca daripada faktor politik, agama atau faktor-faktor lain. Berdasarkan kepada pemerhatian Suruhanjaya, terdapat insiden yang mana pihak polis telah mengambil tindakan terhadap perhimpunan yang berkaitan dengan parti-parti pembangkang tetapi tidak terhadap perhimpunan yang dijalankan oleh pihak-pihak dalam parti pemerintah persekutuan.

Selain itu, Suruhanjaya berpendapat bahawa pegawai polis turut memainkan peranan penting dalam proses kehakiman sebagai pegawai penyiasat. Prosedur dalam membuktikan jenayah melalui siasatan dan pengumpulan bukti adalah langkah pertama dalam proses kehakiman yang kemudiannya boleh membawa kepada sabitan dan hukuman. Hak untuk perbicaraan yang adil dan andaian bahawa seseorang itu tidak bersalah selagi tiada bukti yang kukuh patut dijadikan asas untuk menyiasat setiap jenayah. Penyiasatan yang beretika dan sah di sisi undang-undang akan dapat melindungi hak ke atas perbicaraan yang adil tetapi penyiasatan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika pula akan mencabul hak tersebut, malah sebelum perbicaraan bermula. Siasatan yang mengikut prosedur yang betul juga adalah praktikal bagi mengelakkan kemungkinan sabitan digugurkan, atas sebab kegagalan pihak polis mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Hak untuk perbicaraan yang adil dan andaian bahawa seseorang tidak bersalah sehingga bersalah dibuktikan patut dijadikan asas dalam penyiasatan menyiasat setiap jenayah.

(b) Latihan untuk Pegawai Penjara

(i) Bengkel Hak Asasi

Lima buah bengkel telah dianjurkan oleh Suruhanjaya dengan kerjasama Akademi Koreksional Penjara, untuk 120 orang pegawai kanan di seluruh Malaysia. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pegawai penjara tentang peranan tertentu dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan untuk mengintegrasikan konsep ini dalam kerja harian mereka. Bengkel ini juga menekankan peranan penjara dalam usaha memulihkan banduan dan bukan bersikap menghukum mereka. Peserta diberi latihan *role play* dan perbincangan mengenai beberapa kajian kes dan diminta membentangkan kertas kerja mereka.



Pegawai penjara turut menyertai aktiviti 'Sejarah Hak Asasi Manusia'

Para peserta juga telah didedahkan kepada piawaian hak asasi manusia antarabangsa yang berkaitan dengan tugas mereka. Antara topik yang dibincangkan adalah hak wanita dan kanak-kanak, hak terhadap integriti fizikal dan moral, hak untuk standard yang mencukupi bagi menyara hidup, hak kesihatan banduan, menjadikan penjara tempat yang selamat, penggunaan terbaik penjara, dan banduan kategori khas termasuk wanita, juvana dan orang-orang di bawah tahanan tanpa hukuman.

Di samping itu, Suruhanjaya telah mengadakan dua buah bengkel yang memberi tumpuan kepada hak kanak-kanak. Bengkel ini telah diadakan di Pusat Latihan Penjara di Taiping, Perak, pada 21 hingga 23 November dan di Pulau Langkawi, Kedah, pada 12 hingga 14 Disember, dengan penyertaan keseluruhan seramai 45 orang pegawai.

(ii) Kemajuan/Perkembangan kurikulum

Suruhanjaya telah melangkah ke hadapan dengan melibatkan Jabatan Penjara dalam memperkenalkan kurikulum kekal hak manusia untuk pegawai penjara. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 3 Ogos. Jabatan Penjara amat membantu dalam pengembangan kurikulum berkenaan. Selaras dengan ini, Suruhanjaya telah menganjurkan satu sesi percambahan fikiran pada 19 hingga 20 September bagi semua wakil Akademi Latihan Penjara di Malaysia. Semasa sesi tersebut, Suruhanjaya membentangkan draf modul hak asasi manusia untuk pegawai penjara.

(c) Ceramah untuk Ahli-ahli RELA

Suruhanjaya terus menerima jemputan bagi menyampaikan ceramah tentang hak asasi manusia di pusat latihan RELA di seluruh negara. Ini telah menjadi amalan dalam tempoh lima tahun yang lalu bagi mendidik para rekrut mengenai kesedaran hak asasi manusia yang perlu diamalkan dan untuk menerangkan peraturan-peraturan serta garis panduan antarabangsa seperti UDHR yang mesti dipatuhi supaya tidak melanggar hak asasi manusia mana-mana individu.

(d) Latihan untuk Pihak Berkuasa Tempatan

Bagi meluaskan penglibatan agensi-agensi kerajaan tempatan, Suruhanjaya telah menerima jemputan daripada Majlis Perbandaran Selayang untuk mengadakan bengkel hak asasi manusia bagi golongan belia di daerah ini. Para peserta telah diberi taklimat mengenai prinsip-prinsip utama hak asasi manusia dan fokus kepada peranan dan tanggungjawab mereka bagi membawa pembaharuan dalam komuniti mereka.

Suruhanjaya juga telah bekerjasama rapat dengan Pusat Latihan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mempromosi hak asasi manusia dalam kalangan pegawai penguatkuasa. Satu bengkel telah diadakan untuk 50 orang pegawai penguatkuasa daripada 12 agensi pihak berkuasa tempatan di Selangor dan 310 orang pegawai penguatkuasa daripada dua agensi pihak berkuasa tempatan di Pulau Pinang. Di samping pendedahan kepada prinsip-prinsip hak asasi manusia dan piawaian antarabangsa yang berkaitan dengan bidang tugas mereka, terdapat sesi yang membincangkan hak-hak pegawai penguatkuasa, hak semasa penyiasatan dan penangkapan, dan penggunaan kekerasan dan senjata api.

Buat julung kali, Suruhanjaya turut menganjurkan satu bengkel hak asasi manusia bagi pemimpin masyarakat, yang terdiri daripada ketua-ketua dan ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di Seberang Perai, Pulau Pinang. Bengkel tersebut membincangkan isu-isu hak asasi manusia dan tadbir urus yang baik serta memberi tumpuan kepada topik-topik seperti rasuah dan kesannya kepada pembangunan di peringkat tempatan. Para peserta juga telah diajar untuk mengenal pasti pelanggaran hak asasi manusia dan cara-cara untuk melaporkan hal ini kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

4. HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Hak-hak OKU telah dibangkitkan dan dibincangkan secara terperinci. Golongan tersebut adalah antara kumpulan yang dipinggirkan oleh masyarakat, oleh itu terdapat keperluan untuk mengkaji masalah ini bagi melindungi hak-hak mereka. Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada 6 Julai 2010, walaupun dengan reservasi pada Artikel 15 dan 18. Malaysia juga belum menandatangani Protokol Pilihan konvensyen tersebut. Walau bagaimanapun, pengesahan CRPD itu adalah satu langkah ke arah membuktikan bahawa Malaysia bercadang untuk merealisasikan hak-hak ini.

Pada masa ini, tiada undang-undang atau peraturan tertentu berkenaan ruang letak kereta, dan tiada tindakan boleh diambil terhadap penyalahgunaan tempat letak kenderaan untuk OKU.

EWG telah menganjurkan tiga Perbincangan Meja Bulat (RTD) bersama pihak berkuasa tempatan di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak dan Pulau Pinang. RTD tersebut memberi tumpuan kepada isu-isu dan tindakan pihak berkuasa tempatan untuk memperbaiki prosedur, kaedah dan peraturan sedia ada. RTD ini turut membangkitkan tentang kemudahan yang perlu bagi mewujudkan persekitaran yang mesra OKU dan mengetepikan semua halangan fizikal yang wujud.

Kebimbangan yang sering melanda OKU adalah penyalahgunaan ruang letak kereta yang dikhaskan untuk kenderaan mereka. Mereka mencadangkan diberikan pelekat yang seragam untuk dipaparkan pada kenderaan mereka, serta undang-undang bagi menghukum pemandu yang bukan OKU yang meletakkan kenderaan di ruang khas tersebut.



Salah seorang peserta berkongsi pendapat tentang kepentingan pendidikan

Ia juga menunjukkan kelemahan yang nyata dari segi penguatkuasaan peruntukan untuk OKU di bawah Seksyen 34A Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Sebagai contoh, laluan khas yang dibina tanpa mematuhi spesifikasi akan menjadi tidak berfaedah sama sekali kepada OKU, malah berpotensi untuk mengancam nyawa mereka.

Sudah tiba masanya pihak berkuasa menunjukkan perhatian dalam melaksanakan undang-undang. Akses haruslah diberikan kepada semua golongan dan bukan hanya kepada orang yang berupaya atau ia bakal menjadi suatu bentuk diskriminasi.

Walau bagaimanapun garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Penapisan sering menjadi kekangan kepada keupayaan mereka mengekspresi diri dengan cara yang kreatif.

5. HAK ASASI DAN SENI

Dalam menjalankan mandatnya bagi meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia, EWG telah mengadakan pertemuan dengan golongan artis untuk membincangkan peranan yang boleh mereka berikan dalam mempromosi hak asasi melalui seni. Pada mesyuarat 4 April, telah dipersetujui bahawa hak asasi manusia akan menjadi lebih menarik jika ia menerima sentuhan dan perhatian golongan artis, terutamanya kepada generasi muda.

Mesyuarat turut bersetuju bahawa lebih banyak bahan yang memaparkan hak asasi manusia boleh dihasilkan melalui filem dan lagu-lagu. Walau bagaimanapun garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Penapisan sering menjadi kekangan kepada keupayaan mereka mengekspresi diri dengan cara yang kreatif. Suruhanjaya akan meneruskan penyebaran kesedaran hak asasi manusia melalui media popular dan dengan bantuan tokoh masyarakat.

6. PERSIDANGAN NASIONAL MENGENAI ANTI-DISKRIMINASI DAN ANTI-PERKAUMAN

Mukadimah Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Perkauman menyatakan:

Diskriminasi sesama manusia atas alasan bangsa, warna kulit atau asal usul etnik adalah penghalang kepada hubungan mesra dan perasaan damai dalam kalangan negara-negara, dan mampu mengganggu keamanan dan keselamatan dalam kalangan rakyat dan keharmonian orang yang hidup sebelah menyebelah walaupun dalam sebuah Negeri yang sama.

Oleh itu, wujud satu keperluan untuk mengenalpasti cabaran yang berkaitan serta cara-cara untuk mengatasi masalah ini supaya rakyat dapat terus hidup dalam keadaan harmoni, aman, dan dengan



*Wakil parti politik menyumbangkan pendapat sewaktu sesi
'Parti Politik dan Perkauman...Satu Pembaharuan?'*

lebih toleransi. Sehubungan ini, Suruhanjaya menganjurkan Persidangan Kebangsaan Anti-Diskriminasi dan Anti-Perkauman dengan kerjasama Pusat KOMAS dan Institut Kajian Etnik, UKM.

Isu-isu dan kes-kes diskriminasi telah dibincangkan dengan terperinci. Penceramah dan peserta bersetuju bahawa diskriminasi berlaku secara sengaja atau tidak sengaja di Malaysia. Lebih membimbangkan ialah bahawa sesetengah pihak telah menyalahgunakan isu perkauman untuk memperjuangkan hak-hak yang kononnya dimiliki kumpulan etnik mereka manakala pihak-pihak tertentu telah menerima pakai pendirian yang berbaur perkauman bagi menjustifikasi tindakan mereka atau untuk mempertahankan tuntutan mereka. Beberapa polisi dan keputusan rasmi telah menimbulkan persoalan dan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat sivil.

Suruhanjaya percaya bahawa persidangan sebegini boleh mewujudkan satu ruang yang selamat dan terbuka untuk perbincangan dan dialog. Ini adalah penting sekiranya masyarakat mahu bergerak ke arah penghapusan sebarang bentuk diskriminasi.

7. PROGRAM LATIHAN DALAMAN

Suruhanjaya percaya bahawa semua pegawai dan kakitangannya harus mengikuti perkembangan isu-isu hak asasi manusia di Malaysia dan di peringkat global. Oleh itu, EWG telah ditugaskan untuk menganjurkan latihan dalaman. Penceramah dari organisasi-organisasi luar sering dijemput untuk memudahkan sesi latihan dalaman tersebut.

Jadual 3: Program Latihan Dalam, 2011

NO.	TOPIK	TARIKH
1.	Anti-Diskriminasi dan Anti-Perkauman oleh Pusat KOMAS	15-16 Februari
2.	Hak Tanah Orang Asli/Asal dan Inkuiri Nasional	25 Februari
3.	Rekonstitusi Bumi v 2.0 oleh Majlis Peguam	25 Mac
4.	Gangguan Seksual oleh All Women's Action Society, Malaysia	8 April
5.	Hak LGBT oleh Pink Triangle Foundation	27 Mei

8. PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Suruhanjaya menempatkan pelbagai penerbitan yang berkaitan hak asasi manusia. Hampir 4,000 buah terbitan yang terdiri daripada buku, laporan dan jurnal telah dikumpul setakat ini.

Pada tahun ini, perpustakaan melaksanakan satu rangkaian perkongsian sumber (*resource sharing network*) yang melibatkan penubuhan Seksyen Hak Asasi Manusia di perpustakaan negeri, perpustakaan universiti dan Perpustakaan Negara. Usahasama ini memudahkan orang awam, penyelidik dan pelajar untuk mengakses bahan-bahan tentang hak asasi manusia.

9. HARAPAN MASA DEPAN

Melihat kepada perubahan dalam suasana politik dan sosial hari ini jelas menunjukkan bahawa tahap kefahaman hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat sivil dan pihak berkuasa telah meningkat.

Pada tahun hadapan, EWG berharap untuk mengukuhkan pelaksanaan program ATHAM ke arah penanda aras yang lebih tinggi, dan bekerjasama dengan sekolah-sekolah yang baru dalam program tersebut.

Usaha akan diteruskan bagi menyiapkan kurikulum latihan yang dirangka untuk penguatkuasa undang-undang, termasuk polis dan pegawai penjara. EWG juga akan membuat susulan terhadap beberapa cadangan yang telah dikemukakan kepada pihak berkuasa berhubung hak-hak kumpulan minoriti, dengan tumpuan kepada Orang Asli dan OKU.

LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN

...apabila kita berkata tentang hak asasi manusia dalam Islam, ia bermaksud bahawa hak-hak ini telah dikurniakan oleh Allah, ia tidak diberikan oleh mana-mana raja atau mana-mana perundangan. Hak-hak yang diberikan oleh raja-raja atau majlis perundangan juga boleh ditarik balik mengikut cara yang sama seperti mereka dianugerahkan. Hal yang sama juga dengan hak-hak yang diterima dan diiktiraf oleh diktator. Mereka boleh menganugerahkan hak-hak tersebut apabila mereka suka dan menarik balik apabila mereka mahu dan secara terbuka boleh melanggar hak-hak tersebut.

Tetapi di dalam Islam, disebabkan hak asasi manusia telah dikurniakan oleh Allah, tiada majlis perundangan di dunia, atau mana-mana kerajaan di bumi ini, mempunyai hak atau kuasa untuk membuat apa-apa pindaan atau perubahan dalam hak-hak yang dianugerahkan oleh Allah. Tiada siapa mempunyai hak untuk membatalkan atau menarik balik hak tersebut. Ia bukanlah ditulis di atas kertas untuk dipamerkan kepada semua, sedangkan hak-hak tersebut dinafikan dalam kehidupan sebenar. Ia juga bukan satu konsep falsafah yang tidak mempunyai sekatan.


Abul A'ala Maududi, Ilmuan Islam

Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan (CIWG) telah menyiasat aduan-aduan yang dipanjangkan kepada Suruhanjaya sepanjang tahun 2011. CIWG juga telah mengadakan lawatan ke penjara, lokap tahanan polis, pusat tahanan dan juga Pusat Pemulihan Dadah di bawah seliaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

1. PENYELESAIAN ADUAN

Suruhanjaya telah menerima 1,232 aduan¹ di pejabatnya di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching. Sejumlah 51 daripada aduan tersebut adalah dalam bentuk memorandum.

¹ Bilangan ini telah meningkat dengan ketara berbanding tahun 2010 kerana terdapat banyak aduan direkodkan semasa sesi rundingan awam yang diadakan sempena Inkuiri Nasional ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli Malaysia.



Rajah 1: Aduan diterima, 2007-2011

Selepas dikaji, Suruhanjaya mendapati bahawa 407 aduan adalah di luar bidang kuasanya. Aduan tersebut termasuklah:

- Isu-isu pentadbiran yang sewajarnya dapat diselesaikan dengan segera oleh agensi-agensi yang berkaitan.
- Aduan-aduan yang melibatkan jenayah, maka dirujuk kepada pihak polis atau agensi penguatkuasaan yang lain.
- Aduan-aduan yang masih berada dalam perbicaraan mahkamah atau telah diselesaikan oleh mahkamah.
- Aduan-aduan yang berada di bawah bidang kuasa badan-badan profesional yang lain.

Aduan-aduan yang diklasifikasikan sebagai 'kes-kes luar bidang kuasa Suruhanjaya' telah dipanjangkan kepada agensi yang bersesuaian untuk tindakan sewajarnya dan pengadu dinasihatkan membuat aduan secara rasmi kepada agensi berkenaan.


Daripada 825 aduan yang diterima (Jadual 1), Suruhanjaya telah menyelesaikan sebanyak 215 kes, manakala selebihnya masih dalam siasatan.

Jadual 1: Pecahan Aduan Pelanggaran Hak Asasi Manusia, 2011


NO.	JENIS ADUAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
1.	Agensi Kerajaan (i) Pasukan Polis (a) Ketiadaan tindakan (b) Salahguna kuasa (c) Penggunaan kekerasan melampau (ii) Jabatan Penjara (iii) Jabatan Pendaftaran Negara (iv) Jabatan Imigresen	 66 34 10 11 3 2	 27	 1 2
2.	Undang-undang Penahanan Pencegahan (i) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 (ii) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Jenayah) 1985 (iii) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	 34 6 3	 9	 1 1
3.	Hal-hal Tanah	6	153	48
4.	Orang Asal/Asli	156		
5.	Pelarian	65		
6.	Pekerja Migran	36	10	
7.	Orang Kurang Upaya	7		
8.	Kebebasan Bersuara	5		
9.	Kebebasan Beragama	1		
10.	Lain-lain	108	20	
	JUMLAH	553	219	53

Jenis-jenis aduan yang diterima mengikut lokasi adalah seperti berikut:

- Di Kuala Lumpur, kebanyakan aduan berkenaan Orang Asli (156 kes) dan kelewatan tindakan polis (66 kes)
- Di Sabah, aduan yang dilaporkan adalah kes-kes berkenaan tanah (153 kes)
- Di Sarawak, kebanyakan aduan yang dilaporkan adalah kes-kes berkenaan dakwaan pelanggaran hak ke atas tanah Orang Asal (48 kes)



Rajah 2: Jumlah Kes Selesai dan dalam Siasatan, 2011



Rajah 3: Jumlah Kes Selesai dan dalam Siasatan, 2005-2011

2. ISU-ISU UTAMA ADUAN

(a) Pelaksanaan Kuasa Polis

Suruhanjaya menerima 113 aduan berkaitan salahguna kuasa oleh polis, kelewatan tindakan polis dan penggunaan kekasaran yang melampau untuk mendapatkan maklumat atau semasa sesi soal jawab untuk mendapatkan maklumat atau semasa sesi soal siasat ke atas tahanan. Terdapat juga kes-kes yang mana keluarga tahanan tersebut membuat laporan polis apabila melihat kecederaan yang dialami oleh tahanan selepas melawat mereka. Dalam menjawab aduan-aduan tersebut, di samping mengembalikan kepercayaan orang ramai kepada pihak polis dalam menjalankan tugas mereka, Suruhanjaya telah membuat syor berikut:

1. Menempatkan kamera litar tertutup di setiap bilik soal siasat, tahanan hanya boleh disoal siasat di dalam bilik yang mempunyai kamera litar tertutup dan rakaman suara perlu dibuat sepanjang proses soal siasat.
2. Setiap tahanan perlu diperiksa oleh Pegawai Perubatan terlebih dahulu sebelum diambil keterangan atau disoal siasat. Hasil setiap pemeriksaan perlu direkodkan.
3. Setiap laporan polis berkenaan dakwaan kekasaran melampau oleh pihak polis perlu disiasat oleh Ibu Pejabat Polis Persekutuan atau Ibu Pejabat Polis Kontinjen untuk mengelakkan laporan yang berat sebelah.

(b) Penyampaian Perkhidmatan untuk Orang Asli

(i) Pengurusan perkhidmatan penjagaan kesihatan

Suruhanjaya telah menimbulkan isu betapa perlunya pengurusan yang lebih cekap dipertingkatkan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk masyarakat Orang Asli sejak 2009, namun hasilnya masih belum boleh dibanggakan. Sepanjang tahun 2011, Suruhanjaya telah membangkitkan perkara tersebut dalam dialog dengan Jabatan Pembangunan Orang Asli (JAKOA) seterusnya membuat beberapa syor.

Dalam Maklum Balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2010, Kerajaan menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan masih dalam proses mengambil alih pengurusan penjagaan kesihatan daripada JAKOA. Pada 15 September, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Kementerian Kesihatan akan mengambil alih perkhidmatan ini mulai bulan Januari 2012. Suruhanjaya amat mengalu-alukan pengambilalihan ini dan berpendapat Kementerian Kesihatan adalah agensi kerajaan yang sesuai untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat Orang Asli.

(ii) Khidmat sosial

CIWG telah membuka kaunter aduan ketika sesi Inkuiri Nasional ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia diadakan. Kebanyakan aduan yang diterima telah direkodkan, antara aduan tersebut adalah:

- Kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik.
- Kesukaran mendapatkan Mykad.
- Pendidikan.
- Masyarakat Orang Asli memohon supaya Hospital Gombak diurus oleh Kementerian Kesihatan atau, sebagai alternatif, memberi penambahbaikan kepada perkhidmatan pengurusan yang sedia ada.

... Suruhanjaya mendapati ramai tahanan remaja bawah umur dan golongan muda telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam kes kecurian dan penglibatan di dalam kumpulan kongsi gelap. Suruhanjaya berpendapat bahawa kesalahan-kesalahan yang didakwa boleh diuruskan di bawah undang-undang yang berbeza seperti Kanun Keseksaan.

(c) Penggunaan Undang-undang Penahanan Pencegahan

Suruhanjaya telah menerima beberapa aduan daripada individu, parti politik dan masyarakat awam berkenaan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Tempoh 60 hari reman, perintah tahanan selama dua tahun dan perintah sekatan dua tahun telah menjadi subjek aduan yang diajukan kepada Suruhanjaya.

Dalam beberapa kes, terdapat dakwaan bahawa pihak polis telah bertindak ke atas laporan palsu yang dibuat dengan berniat jahat. Terdapat juga dakwaan bahawa pihak polis telah menyalahgunakan kuasa mereka dan mencadangkan kepada Menteri Dalam Negeri bahawa tindakan perlu diambil terhadap individu-individu di bawah undang-undang tersebut. Tiga mesyuarat telah diadakan bersama pihak polis untuk membincangkan kebimbangan Suruhanjaya berkenaan penggunaan undang-undang ini. Suruhanjaya menekankan bahawa penahanan tanpa bicara adalah bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia.

Undang-undang penahanan pencegahan juga telah digunakan terhadap kanak-kanak dan golongan muda. Daripada aduan yang diterima dan lawatan ke Pusat Pemulihan Dadah Machang di Kelantan, Suruhanjaya mendapati mereka yang di bawah umur dan golongan muda masih ditahan kerana disyaki mencuri atau terlibat dalam kegiatan kongsi gelap. Suruhanjaya berpendapat bahawa kesalahan-kesalahan yang didakwa dilakukan oleh golongan ini boleh diuruskan di bawah undang-undang yang berlainan seperti Kanun Keseksaan. Ini untuk memastikan bahawa hak kanak-kanak ini dilindungi sejajar dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang telah diratifikasi oleh Malaysia.



Penyerahan memorandum berkenaan tahanan di bawah Ordinan Darurat

Pada 15 September, Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Najib Abdul Razak, telah mengumumkan bahawa ISA dan Akta Buang Negeri 1959 akan dimansuhkan. Pada 5 Oktober, Perdana Menteri telah membentangkan dua rang undang-undang untuk memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933. Ini telah diluluskan dengan sebulat suara oleh Ahli-ahli Parlimen. Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa satu undang-undang yang komprehensif akan digubal untuk menggantikan ISA. Suruhanjaya mengalu-alukan perkara ini, selaras dengan pendirian dan cadangan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya dalam penerbitan *Kajian semula Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960*, yang diterbitkan pada tahun 2003.

(d) Hak Berhimpun Secara Aman

Kebebasan untuk berhimpun secara aman adalah hak yang dijamin oleh Perkara 10 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan² dan Perkara 20 (1) Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).³ Oleh itu, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa adalah hak orang awam untuk berhimpun dan menyatakan pandangan mereka dengan cara yang aman. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menegaskan bahawa hak-hak ini perlu dilakukan secara bertanggungjawab.

² Perkara 10 (1): Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4) (b), semua rakyat mempunyai hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata

Artikel 10 (2) Parlimen secara undang-undang boleh menggunakan hak yang diberikan oleh perenggan (b) Fasal (1), apa-apa sekatan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam

³ Perkara 20 (1): Setiap orang mempunyai hak untuk berhimpun secara aman dan berpersatuan

Suruhanjaya menyambut baik pengumuman Perdana Menteri pada 15 September bahawa Kerajaan akan mengkaji semula meminda atau memansuhkan undang-undang yang tidak lagi relevan, termasuk Seksyen 27, Akta Polis 1967.

Suruhanjaya juga mengalu-alukan aspek-aspek tertentu dalam Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2011, yang diluluskan oleh Parlimen pada 20 Disember. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat bahawa perbincangan lebih lanjut perlu diadakan bersama orang awam, kerana Rang Undang-Undang tersebut mungkin tidak mencerminkan kehendak masyarakat yang mahukan keterbukaan dan kebebasan serta demokrasi yang lebih kukuh.

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah diminta oleh NGO, kumpulan-kumpulan yang mewakili para pelajar dan persatuan-persatuan lain untuk memantau perhimpunan-perhimpunan awam yang mereka anjurkan. Suruhanjaya telah memutuskan bahawa satu pasukan yang terdiri daripada Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai akan ditugaskan pada perhimpunan yang dianjurkan. CIWG akan bertindak sebagai urusetia untuk aktiviti-aktiviti pemantauan.

Pasukan yang dihantar telah memantau 19 aktiviti (Jadual 2) dengan kerjasama pihak polis. Mengikut pemerhatian Suruhanjaya, dalam kebanyakan perhimpunan yang telah dipantau, pihak penganjur dibenarkan untuk menyerahkan tuntutan mereka kepada pihak berkuasa dan selepas rundingan dijalankan dengan pihak polis, perhimpunan tersebut telah diberikan masa untuk bersurai.

Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa adalah hak orang ramai untuk berhimpun dan menyatakan pandangan mereka dengan cara yang aman. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menekankan bahawa hak-hak ini perlu dijalankan secara bertanggungjawab.

Jadual 2: Pemantauan Perhimpunan Awam, 2011

NO.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Perhimpunan Anjuran <i>Gabungan Mahasiswa Islam SeMalaysia</i> , Selangor	1 Januari
2.	Penyerahan Memorandum kepada Kementerian Pengajian Tinggi oleh Solidariti Mahasiswa Malaysia	28 Januari
3.	Proses Pilihanraya Kecil di Tenang, Johor	21-22 Januari, 29-30 Januari
4.	Penyerahan Memorandum kepada Wisma Putra oleh Solidariti Mahasiswa Berkenaan Pelajar Malaysia di Mesir	2 Februari
5.	Proses Pilihanraya Kecil, Kerdau, Pahang	26 Februari
6.	Proses Pilihanraya Kecil, Merlimau, Melaka	26 Februari

NO.	AKTIVITI	TARIKH
7.	Pengusiran Peneroka Asal di Ladang Bukit Jalil, Selangor	15 Mac
8.	Penyerahan Memorandum ke Parlimen Berkenaan Projek Lynas, Kuala Lumpur	30 Mac
9.	Penyerahan Memorandum kepada Kementerian Pertahanan oleh SUARAM	12 April
10.	Perhimpunan Anjuran Jawatankuasa 1 Mei, Kuala Lumpur	1 Mei
11.	Sidang Akhbar Sempena Pelancaran Kempen Mahasiswa Selamatkan Rakyat, oleh Solidariti Mahasiswa Malaysia, Kuala Lumpur	4 Mei
12.	Bantahan ke atas Projek Lynas di Kedutaan Australia, Kuala Lumpur	20 Mei
13.	Bantahan ke atas Cadangan Perjanjian Pertukaran Pelarian, Kedutaan Australia, Kuala Lumpur	25 Mei
14.	Perobohan Kawasan Rumah Setinggan di PJS 1, Selangor	31 Mei
15.	Perhimpunan Bersih 2.0, Kuala Lumpur	9 Julai
16.	Perhimpunan Membantah Pindaan Akta Buruh oleh MTUC di Parlimen	3 Oktober
17.	Hijau 109 sempena <i>Earth Charter Initiative</i> , Taman Gelora, Pahang	9 Oktober
18.	Himpunan Sejuta Umat, Stadium Shah Alam, Selangor	22 Oktober
19.	Perhimpunan Membantah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 oleh Majlis Peguam Malaysia, Kuala Lumpur	29 November

Pada 1 Januari 2011, Suruhanjaya telah menghantar satu pasukan pemantau ke Dataran MBPJ, Petaling Jaya, yang mana satu perhimpunan secara aman dianjurkan oleh dua kumpulan pelajar universiti iaitu Gabungan Mahasiswa Islam SeMalaysia dan Himpunan Mahasiswa untuk Malaysia. Semasa di kawasan perhimpunan tersebut, pihak penganjur telah memaklumkan kepada pasukan pemantau bahawa mereka tidak mempunyai permit untuk mengadakan perhimpunan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 27 (2) Akta Polis 1967.⁴

⁴ Seksyen 27 - Kuasa untuk mengawalselia perhimpunan, mesyuarat dan perarakan

(2) Mana-mana orang yang berniat mengadakan atau mengumpulkan mana-mana perhimpunan atau perjumpaan atau membentuk suatu perarakan di mana-mana tempat awam, hendaklah sebelum mengadakan, mengumpul atau membentuk perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu, membuat permohonan untuk mendapatkan lesen bagi maksud itu kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu akan diadakan, dan jika pegawai Polis itu berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu tidak akan memudaratkan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan keamanan, dia hendaklah mengeluarkan lesen dalam bentuk yang ditetapkan dengan menyatakan nama pemegang lesen itu dan menerangkan syarat-syarat atas mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu dibenarkan:

Dengan syarat bahawa pegawai polis itu boleh pada bila-bila masa membatalkan lesen itu atas apa-apa alasan yang menghalang lesen dikeluarkan di bawah subseksyen ini.



Pemantauan perhimpunan dan penyebaran maklumat kepada orang awam dan polis

Walau bagaimanapun, setelah perbincangan diadakan antara pihak penganjur bersama pegawai polis yang bertanggungjawab, manakala Suruhanjaya bertindak sebagai perantara, polis telah membenarkan perhimpunan tersebut diteruskan tetapi hanya dalam tempoh masa yang ditetapkan sahaja. Tiada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku semasa perhimpunan tersebut dijalankan.

Pada 1 Mei, satu pasukan pemantau telah memantau perarakan yang dirancang dari Jalan Chow Kit ke Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, untuk memperingati Hari Buruh dan untuk menunjukkan sokongan kepada Rang Undang-Undang Gaji Minima. Walau bagaimanapun, pihak polis telah menghalang acara tersebut daripada diteruskan kerana penganjur yang terdiri daripada kumpulan badan bukan kerajaan (NGO) tidak mempunyai permit untuk mengadakan perhimpunan. Beberapa individu telah ditahan apabila mereka tidak mengendahkan arahan polis supaya bersurai. Satu perbincangan telah diadakan antara pihak penganjur, polis dan Suruhanjaya. Orang ramai yang berkumpul kemudian diberi masa untuk bersurai.

Selain itu, pada 9 Julai, peserta perhimpunan Bersih 2.0 yang berhimpun di sekitar Kuala Lumpur telah disuraikan dengan kekerasan oleh pihak polis. Berdasarkan beberapa aduan yang diterima, Suruhanjaya telah memulakan Siasatan Awam berkenaan pelanggaran hak asasi manusia, termasuk dakwaan penggunaan kekerasan yang berlebihan oleh pihak berkuasa sebelum dan semasa perhimpunan tersebut. Siasatan Awam tersebut masih lagi dijalankan. (Sila lihat Laporan Siasatan Awam, halaman 141).

Sebelum ini Suruhanjaya telah mencadangkan bahawa, sekiranya pihak polis mendapati terdapat keperluan untuk mengawal atau menyuraikan orang ramai, langkah-langkah yang sewajarnya perlu digunapakai dan bukanlah melalui kekerasan. Oleh itu diharapkan agar cadangan tersebut dapat dilaksanakan untuk pembangunan hak asasi manusia di Malaysia.

(e) Layanan tahanan

Pada 18 Ogos, Suruhanjaya telah menerima aduan daripada keluarga tahanan di Pusat Pemulihan Machang di Kelantan. Terdapat dakwaan bahawa tahanan telah dipukul oleh sekumpulan pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat Jabatan Penjara semasa pemeriksaan mengejut dijalankan pada 17 Ogos. Identiti pelaku yang dikatakan memukul tahanan tidak dapat dipastikan kerana pegawai tersebut memakai topeng semasa pemeriksaan dibuat.

Suruhanjaya telah melawat pusat tahanan serta melawat tahanan pada 6 September. Suruhanjaya juga telah berjumpa dengan pegawai-pegawai Ibu Pejabat Polis Daerah Machang untuk mendapatkan maklum balas mengenai status laporan yang dibuat.

Berdasarkan pemerhatian semasa lawatan ke pusat tahanan dan maklum balas daripada Jabatan Penjara, Suruhanjaya telah mencadangkan langkah-langkah berikut diwujudkan bagi mengelakkan kejadian yang sama daripada berulang:

- Jabatan Penjara harus menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkenaan pemakaian topeng oleh pegawai-pegawai yang menjalankan pemeriksaan sel.
- Tahanan yang cedera perlu dibawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan secepat mungkin. Dalam kes ini, tahanan itu hanya dihantar untuk rawatan selepas empat hari kejadian berlaku.
- Barangan yang dijual di kantin penjara perlu sejajar dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penjara. Dalam kes ini, pegawai-pegawai didakwa telah merampas barang-barang yang dibeli oleh banduan di kantin penjara.

Di dalam surat bertarikh 14 November, Jabatan Penjara telah memberi maklum balas seperti berikut:

- (i) Satu garis panduan yang telah dikeluarkan pada tahun 2004 mengarahkan semua pegawai penjara untuk memakai topeng semasa menjalankan pemeriksaan, ini sebagai langkah berjaga-jaga terhadap sebarang kemungkinan penularan penyakit.
- (ii) Prosedur standard Jabatan Penjara yang sedia ada menyatakan bahawa tahanan akan dibawa ke hospital dengan segera sekiranya berlaku 'kejadian luar biasa'. Kelewatan dalam menghantar

tahanan untuk rawatan dalam kes tersebut adalah kerana mereka tidak mengadu kepada warden penjara tentang apa-apa kecederaan. Pihak berkuasa hanya mendapat tahu tentang kecederaan tersebut selepas ahli keluarga tahanan membuat laporan polis.

- (iii) Selain penyeludupan barang ke penjara, mana-mana barang yang dibeli dari kantin penjara yang melebihi kuantiti yang dibenarkan akan dirampas.

(f) Kebebasan beragama

Kebebasan untuk menganut sesuatu agama adalah hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, selaras dengan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan.

Suruhanjaya telah menerima aduan daripada sekumpulan pengikut Syiah di Gombak, Selangor, selepas pasukan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor (JAIS) memasuki premis tempat mereka menjalankan upacara tertutup. Beberapa pemimpin mereka telah ditangkap dalam serbuan tersebut. Suruhanjaya mengambil inisiatif untuk bertemu secara berasingan dengan pengadu yang mana mereka mengekalkan pendirian bahawa mereka mempunyai hak untuk bebas menganut kepercayaan mereka. Suruhanjaya telah membincangkan perkara itu dengan JAIS, Jabatan Kemajuan Islam, tokoh-tokoh agama lain dan pihak berkuasa. Ketika ini perbincangan masih lagi dijalankan.

Suruhanjaya berpendapat bahawa hak beragama adalah untuk semua, seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan dan UDHR, tanpa mengira perbezaan dalam pemikiran pengikut Syiah. Suruhanjaya sedar sensitiviti berkenaan isu itu tetapi menegaskan bahawa setiap individu mempunyai hak kepada kebebasan beragama. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya juga mengambil perhatian terhadap peruntukan undang-undang Negeri atau Persekutuan yang boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang-orang yang menganut agama Islam.

(g) Kebajikan Kanak-kanak

Pada bulan Mei, media telah melaporkan bahawa kanak-kanak di sebuah sekolah agama di Kedah telah diperalatkan untuk mengutip derma di stesen-stesen minyak dan Pusat Rehat dan Rekreasi di seluruh Malaysia. Isu ini menarik perhatian Suruhanjaya kerana ia melanggar Perkara 32 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, yang mewajibkan Negara-negara untuk melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi ekonomi yang boleh mengganggu pelajaran mereka.

Suruhanjaya juga mengambil maklum tentang pelanggaran peruntukan-peruntukan dalam undang-undang yang melindungi kanak-kanak seperti:

- Seksyen 2 (1) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 yang melarang kanak-kanak daripada terlibat dalam kerja-kerja kecuali di empat bidang yang dinyatakan dalam Seksyen 2 (2) dan 2 (3).
- Seksyen 32 Akta Kanak-kanak 2001, yang menjadikannya suatu kesalahan bagi membiarkan kanak-kanak di jalan, premis atau mana-mana tempat bagi maksud meminta sedekah, tanpa mengira ada atau tiada tawaran untuk menjual barangan.

Pada 9 Mei, Suruhanjaya telah melawat sekolah berkenaan bersama wakil-wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah, Jabatan Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Kemajuan Islam. Suruhanjaya mendapati bahawa:

- Jabatan Kebajikan Masyarakat telah beberapa kali, menahan kanak-kanak ketika mereka menjual barangan atau meminta sedekah. Walau bagaimanapun, tindakan tidak diambil terhadap pengurusan sekolah kerana ibu bapa memaklumkan bahawa mereka telah memberi persetujuan untuk kanak-kanak terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang diatur oleh pihak sekolah.
- Walaupun fungsi sekolah adalah sebagai sekolah tahfiz, ia tidak berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kedah atau Jabatan Pelajaran Negeri. Sebaliknya, ia didaftarkan di bawah Pendaftaran Syarikat.
- Pihak sekolah tidak menekankan pendidikan formal. Matlamat utamanya adalah untuk melatih kanak-kanak melibatkan diri dalam perniagaan. Walaupun kanak-kanak tersebut diberikan pendidikan asas tetapi tidak mempunyai peluang untuk menduduki peperiksaan awam.

Semasa lawatan tersebut, Suruhanjaya dan agensi-agensi lain menasihatkan pihak pengurusan sekolah supaya mematuhi undang-undang, terutamanya Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001. Berikutan lawatan itu, Suruhanjaya telah menulis satu laporan kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkenaan hasil lawatan, serta mencadangkan bahawa tindakan tegas perlu diambil untuk memastikan kanak-kanak ini tidak dieksploitasikan.

(h) Hak Pekerja Migran

Antara bulan Januari dan Ogos, Suruhanjaya telah menerima 25 aduan berkaitan isu pembayaran gaji, pampasan bagi kemalangan di tempat kerja, dan kelewatan dalam memperbaharui permit kerja pekerja migran. Terdapat beberapa kes yang melibatkan penderaan pembantu rumah yang

mana mereka mendakwa telah diseksa dan dikurung oleh majikan. Maklumat berkenaan aduan sebegini telah dipanjangkan kepada pihak polis dan Jabatan Buruh. CIWG akan terus memantau kes-kes tersebut untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Berkenaan dengan isu kelewatan pembaharuan permit kerja, Suruhanjaya telah mencadangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia supaya mempercepatkan proses tersebut. Ini adalah untuk mengelakkan pekerja asing daripada ditangkap oleh pihak berkuasa semasa permohonan permit baru masih dalam proses.

Antara dakwaan yang seringkali dibangkitkan adalah berkaitan majikan tidak mematuhi syarat-syarat kontrak seperti aduan yang diterima daripada pekerja asing yang bekerja di kilang Asahi Kosei Sdn Bhd (Asahi Kosei). Mereka mendakwa Asahi Kosei telah gagal untuk mematuhi kontrak mengenai isu gaji dan cuti tanpa gaji. Beberapa pekerja telah membantah dan dua daripada mereka telah dihantar pulang ke negara asal manakala pekerja lain memilih untuk meneruskan pekerjaan mereka. Apabila siasatan dijalankan, CIWG mendapati bahawa pekerja-pekerja tersebut sebenarnya adalah pekerja asing yang digajikan oleh sebuah syarikat sub-kontraktor kepada Asahi Kosei dan masalah ini telah dimaklumkan kepada Jabatan Buruh.

Suruhanjaya berpendapat bahawa, dalam pertikaian berkaitan kontrak, pekerja-pekerja asing perlu diberikan peluang untuk membawa pertikaian tersebut ke Mahkamah Perusahaan atau Mahkamah Buruh. Menteri yang bertanggungjawab di Jabatan Buruh harus memutuskan sama ada perkara ini perlu campur tangan kementerian seterusnya dirujuk ke saluran tertentu. Turut dicadangkan bahawa pekerja asing dibekalkan dengan pas khas bagi membolehkan mereka kekal bekerja sehingga kes diputuskan dan pas tersebut perlu diberi secara percuma.

Suruhanjaya juga telah terlibat dalam kes yang melibatkan 13 anak kapal Bangladesh MV Banga Biraj yang telah terkandas di atas kapal dan tidak dibayar gaji mereka selama setahun. Kejadian tersebut telah dibawa kepada perhatian pihak berkuasa. Anak-anak kapal kemudiannya diselamatkan dan ditempatkan di bawah perlindungan Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007. Anak-anak kapal tersebut telah dihantar pulang ke Bangladesh setelah tamat tempoh perintah perlindungan sementara.

(i) Pelarian

Memandangkan Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Berkenaan Status Orang Pelarian 1951 (Konvensyen 1951) dan Protokol 1967, undang-undang Malaysia tidak mengiktiraf pelarian, pencari suaka atau pendatang tanpa izin.

Kebanyakan aduan yang diterima oleh Suruhanjaya adalah mengenai isu permohonan untuk status pelarian yang masih belum diluluskan atau ditolak oleh Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian (UNHCR). Manakala sebahagian daripada pelarian memohon bantuan Suruhanjaya untuk memaklumkan kepada UNHCR bagi mempercepatkan penempatan semula ke negara-negara ketiga kerana kesukaran semasa tinggal di Malaysia. Pelarian di Malaysia tidak mendapat keistimewaan atau pengiktirafan untuk pendidikan, pekerjaan dan keselamatan ketika tinggal di Negara ini.

Suruhanjaya juga menerima aduan mengenai penangkapan dan penahanan pelarian di Depot Tahanan Imigresen termasuk mereka yang masih dalam proses memohon status pelarian serta ketiadaan dokumentasi merupakan satu masalah utama bagi mereka. Apabila Suruhanjaya dimaklumkan mengenai pelarian yang ditahan, CIWG akan menyediakan butiran kepada UNHCR bagi urusan pembebasan daripada depot tahanan. Di bawah perjanjian antara UNHCR dengan Jabatan Imigresen, pelarian yang dikenalpasti akan diserahkan kepada UNHCR. Suruhanjaya tidak bertanggungjawab dalam urusan ini atas sebab sumber Suruhanjaya yang terhad.

Berkaitan masalah kesihatan dan kewangan dalam kalangan pelarian termasuk kesukaran untuk membayar bil-bil hospital, kebanyakan kes sebegini dirujuk kepada UNHCR bagi pertimbangan dan bantuan kewangan sewajarnya.

Pada 25 Julai, Kerajaan Australia dan Malaysia mengumumkan bahawa satu perjanjian mengenai pemindahan dan penempatan semula pelarian dan pemohon suaka telah dimeterai. Di bawah perjanjian itu, untuk tempoh empat tahun akan datang, Australia akan menghantar 800 pemohon suaka yang belum melalui proses pengiktirafan di negara itu ke Malaysia yang mana mereka akan ditadbir oleh UNHCR. Sebagai balasan, Australia akan menerima sejumlah 4000 pelarian yang diiktiraf sebagai pelarian oleh UNHCR.

Sejak awal lagi, perjanjian ini telah dikritik hebat oleh pelbagai pihak kerana Malaysia masih belum menandatangani Konvensyen 1951 dan Protokol 1967. Pada 25 Mei, satu perhimpunan oleh pihak yang berkenaan telah diadakan di Suruhanjaya Tinggi Australia bagi menyerahkan memorandum membantah perjanjian tersebut. Pasukan pemantau Suruhanjaya telah hadir dan mendapati orang ramai bersurai selepas memorandum tersebut diserahkan. Pada 14 Jun, Suruhanjaya menerima memorandum daripada beberapa pertubuhan yang membantah perjanjian tersebut.

Di Australia, tindakan undang-undang telah diambil bagi menghalang perjanjian tersebut daripada diteruskan dan pada 31 Ogos, Mahkamah Tinggi Australia mengisytiharkan perjanjian sebagai tidak sah kerana hak-hak pemohon suaka tidak boleh dijamin di Malaysia, iaitu Negara yang tidak menandatangani Konvensyen 1951.

3. HARAPAN MASA DEPAN

Tuntutan terhadap akauntabiliti dan ketelusan dalam menegakkan hak-hak asasi manusia telah disuarakan secara aktif oleh masyarakat awam. Suruhanjaya, melalui CIWG, telah melibatkan semua pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan gambaran yang seimbang terhadap isu-isu yang seringkali diketengahkan oleh orang awam.

Dalam tahun-tahun akan datang, CIWG akan memastikan kewujudan Suruhanjaya disedari dengan memantau aktiviti-aktiviti awam dan membuka ruang kepada perbincangan antara mereka yang ingin menuntut keadilan dan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam mencari jalan penyelesaian terhadap pertikaian yang timbul. Lawatan ke tempat-tempat tahanan akan diteruskan untuk membolehkan usaha Suruhanjaya memastikan pematuhan kepada standard hak asasi manusia tercapai.

LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI ANTARABANGSA

Hak bukan sesuatu yang diberikan kepada anda, tetapi adalah sesuatu yang tidak boleh diambil daripada anda.

Ramsey Clark

Fokus Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Triti Antarabangsa (LRITWG) adalah pada perjanjian-perjanjian teras antarabangsa hak asasi manusia dengan matlamat utama mendesak Kerajaan untuk menerimapiakai perjanjian-perjanjian seperti Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT) dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD).

Sepanjang tahun ini, persiapan awal telah dibuat berdasarkan jangkaan penyerahan laporan bebas kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2012 berkenaan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Kumpulan Kerja ini telah mengambil langkah-langkah selanjutnya untuk mengetengahkan isu-isu bertemakan hak asasi manusia yang berkaitan, seperti tahanan pencegahan, hak-hak orang pelarian, hukuman mati dan hak-hak minoriti seksual.

1. HAK ORANG PELARIAN

(a) Mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negara Malaysia dan Agensi-agensi Kerajaan lain

Suruhanjaya meneruskan pemantauan terhadap keadaan orang pelarian. Pada bulan Mac, satu mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negara Malaysia dan Agensi-agensi Kerajaan telah diadakan untuk menyampaikan hasil-hasil mesyuarat antara Suruhanjaya dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNCHR) yang diadakan pada bulan Disember 2010. Mesyuarat itu memfokuskan kepada perkembangan terkini orang pelarian di Malaysia, dan strategi-strategi ke arah penyertaan kepada Konvensyen Berkenaan Status Orang Pelarian 1951 (Konvensyen 1951).

Semasa mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negara Malaysia dan Agensi-agensi Kerajaan, Suruhanjaya telah mengetengahkan beberapa isu terutamanya hak-hak orang pelarian untuk diiktiraf, serta hak pekerjaan, kesihatan dan pendidikan. Suruhanjaya juga mengambil kesempatan untuk memaklumkan kepada mesyuarat bahawa terdapat badan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan korporat yang berminat dalam menyediakan bantuan kepada orang pelarian, tetapi merakutkan reaksi Kerajaan kerana Malaysia tidak mengiktiraf status orang pelarian.

Berdasarkan mesyuarat bersama wakil-wakil Kerajaan dan mesyuarat bersama UNHCR pada tahun 2010, menurut penilaian Suruhanjaya, Malaysia tetap menyediakan bantuan kepada orang pelarian atas dasar kemanusiaan, yang boleh dianggap sebagai mematuhi Konvensyen tersebut walaupun negara kita bukan anggota kepada Konvensyen 1951. Oleh itu, Suruhanjaya berpandangan bahawa masih terdapat ruang bagi Kerajaan mematuhi Konvensyen tersebut secara progresif dengan matlamat untuk menerimanya.

Menurut penilaian Suruhanjaya, Malaysia tetap menyediakan bantuan kepada orang pelarian atas dasar kemanusiaan, yang boleh dianggap sebagai mematuhi Konvensyen tersebut walaupun negara kita bukan anggota kepada Konvensyen 1951.

Lanjutan daripada mesyuarat-mesyuarat ini, Suruhanjaya telah menghantar satu kertas kerja mengenai hak-hak orang pelarian kepada Majlis Keselamatan Negara Malaysia, menggariskan cadangan-cadangan bagi Kerajaan untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat menyediakan bantuan kepada orang pelarian. Kerajaan masih belum memberikan maklum balas kepada cadangan-cadangan yang dibuat, yang termasuk:

(i) Aspek kesihatan

- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat memberikan sumbangan dan membantu dalam kos perubatan orang pelarian supaya mereka dapat menikmati rawatan percuma di hospital-hospital Kerajaan; walaupun diskaun 50% telah diberikan, kebanyakan orang pelarian masih tidak mampu mendapatkan rawatan.
- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat menawarkan perkhidmatan doktor-doktor sukarela bagi menyediakan rawatan perubatan kepada orang pelarian.

(ii) Aspek kerja

- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat menggaji orang pelarian.
- Untuk lebih bertolak ansur kepada orang pelarian yang mempunyai kad UNHCR, sekiranya mereka ditangkap kerana bekerja tanpa permit.

(iii) Aspek pendidikan

- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat membina atau menyokong penubuhan lebih banyak sekolah komuniti bagi anak-anak orang pelarian supaya mereka dapat menikmati masa depan yang lebih baik.
- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat menderma bahan-bahan pendidikan seperti komputer, buku-buku dan alat tulis kepada sekolah-sekolah komuniti.
- Untuk mempertimbangkan kemasukan anak-anak orang pelarian ke sekolah-sekolah Kerajaan.

(iv) Garis panduan untuk NGO dan Badan-badan Korporat

- Untuk menyediakan garis panduan bagi NGO dan badan-badan korporat yang berminat dalam membantu orang pelarian supaya mereka mampu menjalankan projek-projek yang bersesuaian dengan dasar-dasar Kerajaan.
- Untuk melaksanakan projek perintis pada tarikh yang ditetapkan bagi NGO dan badan-badan korporat yang berminat dalam memperluaskan bantuan kepada orang pelarian.

(b) Perjanjian Pertukaran Pencari Suaka di antara Malaysia dan Australia

Pada bulan Julai, Malaysia telah menandatangani satu perjanjian dua hala dengan Australia untuk menangani masalah pencari-pencari suaka dan orang pelarian. Dalam perjanjian itu, 800 orang pencari suaka dari Australia akan dihantar ke Malaysia untuk diuruskan oleh pihak berkuasa; dan sebagai balasan, Australia akan menerima 4000 orang pelarian yang didaftarkan dengan UNCHR dari Malaysia. Kedua-dua Kerajaan ini mendakwa bahawa objektif perjanjian itu adalah untuk menamatkan aktiviti penyeludupan manusia ke Australia dengan menghantar individu-individu yang diseludup ke Malaysia untuk diproses tuntutan mereka, dan bukannya membenarkan mereka memasuki Australia sebagai negara destinasi.

Perjanjian itu telah menerima reaksi yang kuat terutamanya daripada aktivis-aktivis Malaysia dan Australia dan NGO kerana Malaysia bukan merupakan anggota kepada Konvensyen 1951. Tambahan pula, rekod layanan buruk Malaysia mengenai hak asasi manusia terhadap orang pelarian dan pencari-pencari suaka, mereka berpendapat bahawa hak asasi manusia bagi mereka yang dihantar oleh Australia boleh dicabuli.

Pada bulan Mei, Suruhanjaya telah mengadakan mesyuarat dengan UNHCR untuk mendapatkan pandangan mengenai perjanjian itu. Pada bulan Jun, wakil-wakil daripada Kementerian Dalam Negeri telah memberi taklimat kepada Suruhanjaya tentang objektif dan matlamat perjanjian itu.

Pada 31 Ogos, Mahkamah Tinggi Australia telah mengisytiharkan bahawa perjanjian itu menyalahi undang-undang oleh itu pemakaiannya dihentikan. Kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Australia mengulangi hasrat mereka untuk meneruskan perjanjian itu di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada bulan Oktober.

Suruhanjaya mencadangkan bahawa sekiranya perjanjian itu dilaksanakan pada masa akan datang, hak asasi manusia bagi pencari-pencari suaka dan orang pelarian hendaklah dilindungi dan dijamin. Cadangan ini juga telah disampaikan kepada Kementerian Dalam Negeri pada mesyuaratnya dengan Suruhanjaya.

(c) Pendaftaran bagi Orang Pelarian dan Pencari Suaka

Kerajaan telah mengumumkan bahawa pada bulan Januari 2012, pencari-pencari suaka dan orang pelarian di dalam negara ini yang memegang kad UNCHR akan didaftarkan sebagai sebahagian daripada perjanjian di antara UNCHR dan Malaysia. Suruhanjaya memuji Kerajaan kerana mengambil langkah penting ke arah mematuhi Konvensyen 1951. Suruhanjaya berharap agar pendaftaran itu akan membuka jalan kepada pengiktirafan status orang pelarian dan pencari-pencari suaka, sepertimana yang ditekankan oleh Konvensyen.

(d) Penghantaran Pulang secara Paksaan Etnik-etnik Uighur

Suruhanjaya amat memandang berat mengenai laporan media yang mengatakan Kerajaan telah menghantar pulang 11 orang etnik Uighur ke China atas dakwaan penglibatan mereka dalam perdagangan manusia. Suruhanjaya berasa bimbang individu-individu tersebut akan dianiaya tanpa mengira bangsa dan agama mereka. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk menghormati prinsip *non refoulement* dan memberikan individu-individu tersebut perlindungan atas dasar kemanusiaan apabila kemungkinan akan berlaku penganiayaan dan apabila terdapat tuntutan untuk status orang pelarian walaupun Kerajaan tidak mengiktiraf status tersebut. Suruhanjaya juga berpendapat bahawa, jika 11 orang etnik Uighur itu disyaki dalam jenayah pemerdagangan manusia seperti yang dituduh, mereka sepatutnya boleh didakwa di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007 dan bukan dihantar pulang secara paksaan ke China.

2. PERANAN SURUHANJAYA DI MAHKAMAH

(a) Penglibatan dalam Kes-kes Mahkamah

Lanjutan daripada rundingan pada tahun 2010 bersama Badan Kehakiman dan Majlis Peguam, Suruhanjaya telah mengadakan satu rundingan susulan bersama Majlis Peguam atas alasan berkemungkinan Suruhanjaya akan memainkan peranan dalam prosiding mahkamah yang melibatkan

isu-isu hak asasi manusia. Majlis Peguam menyokong cadangan itu dan bersetuju untuk membantu Suruhanjaya dengan menyediakan perkhidmatan ahli-ahlinya secara *probono*. Sejak itu, Suruhanjaya telah bertindak sebagai peguam pemerhati dalam dua kes iaitu kes *Low Swee Siong lwn Tan Siew Siew* dan *Noorfadilla binti Saikin lwn Chayed bin Basirun dan 5 orang yang lain*. Kes pertama melibatkan hak kanak-kanak, manakala kes kedua melibatkan hak wanita.

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita masing-masing membentuk asas kepada hujah-hujah Suruhanjaya kepada mahkamah. Dalam kedua-dua kes itu, Suruhanjaya telah diwakili oleh seorang Pesuruhjaya dan seorang peguam dari Majlis Peguam. Berikutan daripada kes-kes tersebut, terdapat juga permohonan daripada litigan-litigan lain yang meminta Suruhanjaya untuk bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes-kes mereka. Ia termasuk kes *Asahi Kosei Sdn Bhd lwn Charles Hector Fernandez*, iaitu satu kes saman fitnah yang kemudiannya diselesaikan di luar mahkamah melalui penghakiman persetujuan; satu kes yang melibatkan hak untuk berpakaian songsang; dan satu kes lain mengenai kebebasan beragama.

Suruhanjaya berharap untuk meningkatkan penglibatan dalam kes-kes hak asasi manusia, memandangkan peranannya di dalam mahkamah memberi peluang untuk mempromosi prinsip-prinsip hak asasi manusia sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan triti-triti hak asasi manusia antarabangsa. Suruhanjaya amat percaya bahawa badan kehakiman boleh memainkan peranan penting dalam menegakkan dan melindungi hak asasi manusia; oleh itu, adalah diharapkan bahawa prinsip-prinsip hak asasi manusia akan diberi perhatian dan pengiktirafan yang sewajarnya oleh para hakim.

(b) Kunjungan Hormat ke Badan Kehakiman

Pada bulan Disember, Suruhanjaya telah membuat satu kunjungan hormat ke Badan Kehakiman untuk bertemu Ketua Hakim Negara yang baru dilantik iaitu YAA Tan Sri Arifin Zakaria dan hakim-hakim kanan yang lain. Kunjungan itu diadakan bertujuan bagi Suruhanjaya membincangkan tentang kolokium yang dirancang dengan badan kehakiman pada tahun 2012. Atas persetujuan Ketua Hakim Negara yang membenarkan para hakim mengambil bahagian dalam kolokium ini, Suruhanjaya akan memulakan persiapan yang bertujuan antara lain untuk mempromosikan hak asasi manusia dalam badan kehakiman.

Suruhanjaya juga mengambil kesempatan untuk mendapatkan pandangan Ketua Hakim Negara mengenai beberapa isu hak asasi manusia seperti pengiktirafan dan pelaksanaan prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam mahkamah dan hukuman mati di Malaysia. Suruhanjaya juga memohon kerjasama daripada badan kehakiman untuk membuka peluang-peluang mempromosi hak asasi manusia.

3. HUKUMAN MATI

Suruhanjaya telah menyeru pemansuhan hukuman mati yang dianggap zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Sementara menunggu pemansuhan secara rasmi, adalah disyorkan bahawa Kerajaan menimbangkan penangguhan hukuman mati atau penukaran hukuman kepada penjara seumur hidup terutamanya bagi mereka yang telah dikenakan hukuman mati selama lebih daripada lima tahun.

Bagi menguatkan gesaan pemansuhan hukuman mati, Suruhanjaya bersama Perwakilan Kesatuan Eropah (EU) ke Malaysia dan Majlis Peguam telah menganjurkan satu seminar awam pada bulan Oktober.

Suruhanjaya telah menyeru pemansuhan hukuman mati yang dianggap zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah.

Semua penganjur bersama mengalu-alukan ucapan pembukaan oleh YB Dato' Seri Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menunjukkan sokongannya untuk memansuhkan hukuman mati di Malaysia. Penceramah-penceramah daripada *All-Party Parliamentary Group on the Abolition of the Death Penalty, House of Lords, United Kingdom, Malaysians against Death Penalty and Torture*, dan *Amnesty International Malaysia* telah menyampaikan pandangan, menyangkal idea bahawa hukuman mati mencegah bakal penjenayah. Mereka menyatakan contoh-contoh negara terutamanya di Eropah yang memansuhkan hukuman mati; tiada bukti yang menunjukkan bahawa ini telah menyebabkan kadar jenayah meningkat.

Walaupun Suruhanjaya bertegas menyeru memansuhkan hukuman mati, ia mengiktiraf bahawa terdapat pandangan yang kukuh dalam menyokong hukuman mati ini, terutamanya dalam kes-kes pembunuhan. Suruhanjaya kini terlibat dalam satu kaji selidik awam yang diketuai oleh satu pasukan daripada Universiti Malaya bagi mengumpul pendapat-pendapat awam mengenai hukuman mati.

4. HAK KANAK-KANAK

(a) Laporan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) 2012 kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

Dalam Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2010, ia menyatakan bahawa Kerajaan akan mengekalkan reservasi bagi Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 CRC. Hal ini kerana, pematuhan terhadap peruntukan-peruntukan tersebut adalah sukar dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Negara dan polisi Kerajaan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menegaskan semula bahawa penarikan balik reservasi kepada peruntukan-peruntukan itu

akan dapat merealisasikan sepenuhnya objektif CRC bagi menjamin hak kanak-kanak kepada kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan.

Suruhanjaya sedang dalam penyediaan mengemukakan laporan untuk mengetengahkan isu-isu yang menjejaskan kanak-kanak dan perlindungan hak-hak mereka. Dalam menegakkan hak kanak-kanak untuk bersuara dan memberi pendapat seperti yang ditekankan dalam CRC, Suruhanjaya merancang untuk melibatkan para pelajar bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai isu-isu tertentu seperti penindasan di sekolah, kebebasan bersuara dan isu perkauman. Suruhanjaya telah mengenalpasti sekumpulan kanak-kanak daripada pelbagai latar belakang untuk mendapatkan pandangan mereka bagi menyediakan laporan itu. Suruhanjaya telah menghubungi Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri tertentu untuk kelulusan melibatkan para pelajar.

Suruhanjaya menegaskan semula bahawa penarikan balik reservasi kepada peruntukan-peruntukan itu akan dapat merealisasikan sepenuhnya objektif CRC bagi menjamin hak kanak-kanak kepada kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan.

(b) Majlis Perundingan dan Penasihat Kebangsaan untuk Kanak-kanak

Suruhanjaya telah dilantik sebagai ahli Majlis Perundingan dan Penasihat Kebangsaan untuk Kanak-kanak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Suruhanjaya amat menghargai langkah KPWKM dan berharap dapat membantu Majlis menjalankan tugas-tugas mereka dalam melindungi dan mempromosi hak kanak-kanak.

5. PEMANTAUAN PELAKSANAAN KONVENSIYEN MENGENAI PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI TERHADAP WANITA (CEDAW)

Suruhanjaya mengalu-alukan langkah KPWKM dalam pertimbangan meratifikasi Protokol Pilihan kepada CEDAW seperti yang dibincangkan dalam mesyuarat pada tahun 2010. Sejak itu, Suruhanjaya telah menghantar satu kertas justifikasi bagi Ratifikasi Protokol Pilihan kepada CEDAW untuk pertimbangan KPWKM.

Suruhanjaya juga sedang menyediakan satu laporan bebas mengenai CEDAW untuk dibentangkan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2012.

6. PEMANTAUAN PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI HAK ORANG KURANG UPAYA (CRPD)

Pada tahun ini, satu cadangan telah dikemukakan kepada KPWKM supaya Suruhanjaya dilantik sebagai badan Mekanisme Pemantauan Nasional mengenai hak-hak orang kurang upaya (OKU) sepertimana yang dinyatakan dalam Perkara 33 (2)¹ CRPD. Walaupun cadangan itu tidak diterima, Suruhanjaya telah dilantik sebagai ahli hadir ke Mesyuarat Kebangsaan OKU, untuk membantu dalam memantau dan menyalurkan input yang berkaitan dengan hak-hak kumpulan ini.

Suruhanjaya telah berhubung dengan seorang penyelidik luar untuk menjalankan satu kajian mengenai *“Malaysia- Its Compliance with the CRPD, Persons with Disabilities Act, Malaysian Standards and Policies”*. Hasil kajian tersebut akan digunakan untuk membantu Suruhanjaya dalam menjalankan kerja ke atas hak-hak OKU. Ini akan merangkumi penyediaan laporan bebas kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai pematuhan Malaysia kepada CRPD.

7. AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 (AUKU)

Penyelidikan Suruhanjaya berkenaan peruntukan-peruntukan dalam AUKU telah mendapati bahawa seksyen 15(5)(a) melanggar kebebasan berpersatuan, kebebasan bersuara, hak kepada perbicaraan adil, hak diwakili dalam undang-undang mengikut pilihan sendiri dan hak untuk pendidikan. Laporan Suruhanjaya yang dihantar ke Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), mencadangkan pindaan-pindaan seperti:

- (i) Seksyen 15(5)(a), untuk membenarkan pelajar-pelajar yang mencapai umur 21 (umur mengundi) menyatakan sokongan mereka kepada atau bersimpati dengan atau bangkangan kepada parti-parti politik; seksyen ini jelas melanggar Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa tiap-tiap warganegara yang berumur 21 tahun ke atas adalah layak untuk mengundi.
- (ii) Seksyen 15D(1) dan 16C(2), untuk membolehkan universiti membenarkan pelajar-pelajar didakwa dan dibicarakan dengan sewajarnya sebelum apa-apa penggantungan dikenakan; pemakaian seksyen-seksyen ini menafikan hak-hak untuk perbicaraan yang adil- yang bertentangan dengan prinsip ‘tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah’- manakala pelajar-pelajar yang didakwa juga dinafikan kepada pendidikan sementara menunggu perbicaraan atau prosiding.

¹ Mengikut sistem undang-undang dan pentadbiran Negara-Negara Ahli hendaklah, mengekalkan, mengukuhkan, menetapkan atau menubuhkan dalam Negara Ahli, satu rangka kerja, termasuk satu atau lebih mekanisme bebas, sebagaimana yang sesuai, untuk mempromosi, melindungi dan memantau pelaksanaan Konvensyen ini. Apabila menetapkan atau mewujudkan mekanisme sedemikian, Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip yang berkaitan dengan status dan fungsi institusi negara bagi perlindungan hak asasi manusia.

- (iii) Seksyen 16B(3B), supaya pelajar-pelajar diwakili oleh pengamal undang-undang pilihan mereka sendiri dalam prosiding yang dikenakan terhadap mereka, dan mereka tidak terhad kepada perwakilan oleh pekerja atau pelajar-pelajar universiti seperti yang diperuntukan sekarang.

Pada bulan Jun, Jabatan Peguam Negara menjemput Suruhanjaya untuk membentangkan hasil perolehan dan cadangan-cadangannya. Jabatan Peguam Negara telah bersetuju mengkaji beberapa cadangan bagi memastikan para pelajar tidak dinafikan hak mereka.

Suruhanjaya mengalu-alukan keputusan Mahkamah Rayuan pada 31 Oktober, dalam kes *Muhammad Ismail bin Aminuddin dan Azlin Shafina binti Mohama Adza lwn Kerajaan Malaysia, Menteri Pengajian Tinggi dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* yang memutuskan bahawa seksyen 15(5)(a) AUKU adalah tidak berperlembagaan dan melanggar kebebasan bersuara. Suruhanjaya mendesak Kerajaan menimbang semula rancangannya merayu keputusan itu.

Suruhanjaya juga mengalu-alukan tindakan KPT mengadakan rundingan pertama mengenai peruntukan-peruntukan kontroversi AUKU pada bulan Disember, bagi mendapatkan pandangan wakil-wakil pelajar dan pihak berkepentingan, termasuk Suruhanjaya dalam menimbang tindakan yang sewajarnya. Suruhanjaya berharap ini akan membawa kepada pelajar-pelajar mencapai lebih banyak hak dan kebebasan.

8. HAK GOLONGAN MINORITI SEKSUAL

(a) Mesyuarat bersama Kumpulan-kumpulan Bukan Islam

Satu mesyuarat telah diadakan pada bulan Februari bersama wakil-wakil kumpulan agama bukan Islam berkenaan dengan hak-hak minoriti seksual, sebagai lanjutan daripada mesyuarat yang telah diadakan bersama wakil-wakil pertubuhan Muslim pada tahun 2010. Wakil penganut Kristian dan Hindu telah menerangkan perspektif mereka mengenai minoriti seksual. Mereka turut menyatakan kebimbangan mengenai peningkatan kebencian terhadap minoriti seksual, menekankan ugutan bunuh yang dibuat terhadap seorang lelaki yang telah mendedahkan seksualiti beliau di dalam *Youtube*.

Suruhanjaya telah mengamati bahawa pendapat-pendapat kumpulan penganut Kristian adalah berdasarkan prinsip kasih sayang seperti ditekankan dalam kitab Injil. Menurut kumpulan tersebut, prinsip ini diperluaskan kepada minoriti seksual, oleh itu sebarang pelanggaran hak-hak mereka tidak boleh diterima. Kumpulan penganut Hindu membentangkan pandangan mereka berdasarkan kitab Hindu dan konteks sosial. Ia menyatakan bahawa terdapat aktiviti-aktiviti seksual minoriti, seperti berpakaian

Pendirian tegas Suruhanjaya bahawa semua manusia, tanpa mengambilkira orientasi seksual mereka, berhak untuk menikmati hak-hak asasi manusia, tanpa sebarang pengecualian.

sonsang, adalah tidak dilarang kerana agama Hindu mengiktiraf kepelbagaian jantina; sebagai contoh, beberapa dewa Hindu dimenifestasikan dalam kedua-dua jantina lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, dalam konteks sosial, sesetengah perbuatan, seperti seks sejenis, tidak diterima kerana ia dikaitkan dengan karma buruk.

Suruhanjaya menghargai input yang diterima dan berharap untuk mendengar pandangan daripada kumpulan-kumpulan agama lain, seperti penganut Buddha dan Tao, pada masa akan datang. Suruhanjaya juga mengambil maklum bahawa terdapat pandangan lain dalam kumpulan-kumpulan agama mengenai hak-hak minoriti seksual. Suruhanjaya mengekalkan pendirian bahawa semua manusia, tanpa mengambilkira orientasi seksual mereka, berhak untuk menikmati hak-hak asasi manusia tanpa sebarang pengecualian. Keganasan, pencabulan dan pelanggaran hak-hak mereka tidak boleh dijustifikasikan.

(b) Persidangan Hak Asasi Manusia, Asia-Pasifik OutGames ke-2, Wellington, New Zealand

Wakil Suruhanjaya telah menghadiri acara ini, yang diadakan pada bulan Mac, untuk meluaskan pengetahuan mengenai isu-isu yang melibatkan minoriti seksual. Objektif persidangan tersebut adalah untuk menghubungkan individu dan organisasi-organisasi, untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan, dan untuk menyediakan peluang-peluang kerjasama. Para peserta termasuk wakil institusi-institusi hak asasi nasional lain, Kerajaan, NGO dan organisasi-organisasi antarabangsa. Topik-topik meliputi cabaran dan pelanggaran hak asasi manusia yang dihadapi oleh minoriti seksual di seluruh dunia; hubungan di antara minoriti seksual dan agama, politik dan budaya; dan peningkatan agenda minoriti seksual di peringkat antarabangsa.



Peserta Persidangan Hak Asasi Manusia di Wellington, New Zealand

Suruhanjaya telah membentangkan kerja terbarunya mengenai hak-hak minoriti seksual dan telah berkongsi beberapa pengalaman berhubung isu ini. Pengetahuan yang diperolehi daripada Persidangan ini akan membantu Suruhanjaya menjalankan kerja-kerja berhubung minoriti seksual dalam konteks Malaysia.

9. KONVENSYEN MENENTANG PENYEKSAAN DAN HUKUMAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN ATAU MENJATUHKAN MARUAH (CAT)

Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah menggesa Kerajaan supaya menerima pakai antara lain, CAT dengan tujuan menghapuskan undang-undang dan amalan-amalan yang menjurus kepada penyesakan sepertimana yang dinyatakan dalam Konvensyen tersebut.

Bagi memahami lebih lanjut prinsip asas dan isu-isu berkaitan CAT, Suruhanjaya telah menganjurkan satu Perbincangan Meja Bulat (RTD) pada bulan November. Ia telah dikendalikan oleh Dr. Silvia Casale, seorang pakar runding kepada Forum Insitutisi Nasional Hak Asasi Manusia Asia Pasifik dan pakar kepada Jawatankuasa Eropah untuk Pencegahan Penyesakan.

Topik-topik perbincangan termasuk faktor mengapa Malaysia perlu menerima pakai CAT; definisi “penyesakan”; bidang kerja Jawatankuasa CAT; contoh-contoh pelaksanaan CAT oleh pihak Negeri; langkah-langkah untuk mencegah penyesakan; dan cabaran-cabaran Malaysia dalam menerima pakai CAT.

Suruhanjaya mengulangi bahawa Malaysia perlu menerima pakai CAT secepat mungkin dan menyeru Kerajaan supaya memenuhi komitmennya seperti yang dinyatakan dalam Penilaian Penggalan Sejagat yang menyatakan bahawa langkah-langkah yang sewajarnya sedang diambil untuk menerima pakai CAT.

Fasilitator dan beberapa wakil Kerajaan dan NGO menyatakan sokongan untuk menerima pakai CAT, mengetengahkan beberapa amalan Malaysia dalam mencegah penyesakan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam triti tersebut. Sebagai contoh, seorang wakil Kerajaan menyatakan kamera litar tertutup (CCTV) telah mula digunakan bagi memantau proses soal siasat di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Fasilitator juga menekankan bahawa tidak ada Negara yang mematuhi sepenuhnya mana-mana triti, dan bahawa penyertaan kepada triti seperti CAT harus digunakan sebagai asas untuk perubahan dan peningkatan secara beransur dalam undang-undang dan dasar. Dalam hal ini, beliau tidak bersetuju dengan pendekatan Malaysia untuk menerima pakai triti-triti hanya selepas undang-undang dan dasar diwujudkan. Suruhanjaya bersetuju dengan pendirian fasilitator mengenai pendekatan ke arah penyertaan kepada triti-triti.



Perbincangan dalam kumpulan semasa RTD mengenai CAT

Suruhanjaya mengulangi bahawa Malaysia perlu menerima CAT secepat mungkin dan menyeru Kerajaan supaya memenuhi komitmennya seperti yang dinyatakan dalam Penilaian Penggalan Sejagat yang menyatakan bahawa langkah-langkah yang sewajarnya sedang diambil untuk menerima CAT.

10. UNDANG-UNDANG PENAHANAN PENCEGAHAN

Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah secara konsisten menyeru pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dan semua undang-undang penahanan pencegahan yang lain. Sehubungan itu, Suruhanjaya mengalu-alukan pengumuman oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Najib Abdul Razak, untuk membatalkan Proklamasi Darurat yang sedia ada dan memansuhkan ISA dan Akta Buang Negeri 1959. Pada 5 Oktober, Perdana Menteri telah membentangkan Rang Undang-undang di dalam Dewan Rakyat untuk memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933; kedua-duanya telah diluluskan sebulat suara oleh Ahli-ahli Parlimen.

Langkah tersebut adalah selaras dengan perlindungan dan promosi hak asasi manusia. Suruhanjaya juga memuji langkah Kerajaan untuk membebaskan tahanan-tahanan di bawah ISA dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

Berkenaan dengan ISA, cadangan untuk pemansuhan dan isu-isu yang berkaitan telah diketengahkan di dalam laporan Suruhanjaya bertajuk *The Review of the Internal Security Act 1960* (Laporan ISA 1960).

Berdasarkan keputusan Kerajaan untuk menggantikan ISA dengan undang-undang baru, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya, seperti yang ditekankan dalam Laporan ISA 1960, bahawa mana-mana undang-undang perlu mengambil pendirian tegas terhadap ancaman kepada keselamatan Negara, termasuk keganasan, tanpa menjejaskan prinsip-prinsip asas hak asasi manusia.

Sehubungan itu, Suruhanjaya memandang berat tentang pengumuman Kerajaan bahawa penahanan tanpa perbicaraan akan dikekalkan dalam undang-undang baru. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk membatalkan keputusannya memandangkan pelanggaran hak asasi manusia yang mungkin akan berlaku jika penahanan tanpa perbicaraan dikekalkan.

Dalam satu taklimat pada bulan Oktober, Jabatan Peguam Negara telah mendapatkan cadangan daripada Suruhanjaya terhadap undang-undang baru. Adalah diharapkan cadangan-cadangan Suruhanjaya, berdasarkan Laporan ISA 1960, akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

11. KONVENSYEN ANTARABANGSA TENTANG PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI PERKAUMAN (ICERD)

Suruhanjaya mengulangi seruannya kepada Kerajaan untuk menerimapakai ICERD. Adalah amat mengecewakan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, merupakan antara 16 negara di dunia yang masih belum menerimapakai Konvensyen berkenaan.

Pada bulan Julai, wakil Suruhanjaya menghadiri satu perjumpaan Jawatankuasa Teknikal ICERD di Jabatan Perpaduan dan Integriti Nasional di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kemungkinan Malaysia menerimapakai ICERD telah dibincangkan.

Suruhanjaya telah membentangkan hujahan-hujahan berikut bagi memuaskan sebarang kesangsian Kerajaan yang mungkin akan menerimapakai Konvensyen tersebut:

- (i) Adalah penting untuk menetengahkan perkara-perkara di bawah Perlembagaan Persekutuan dan juga amalan-amalan yang sejajar dengan ICERD, dan tidak hanya memberi tumpuan kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang dilihat sebagai penghalang penyertaan kepada ICERD.
- (ii) Penyertaan kepada ICERD tidak akan menggugat kedaulatan negara. Perlindungan di bawah Perkara 14 ICERD membolehkan sesebuah negara memutuskan sama ada untuk mengiktiraf kecekapan Jawatankuasa ICERD atau tidak.
- (iii) Sebagai ahli kepada Majlis Hak Asasi Manusia, Malaysia sudah mempunyai obligasi untuk menangani isu-isu perkauman. Tanggungjawab tersebut tidak akan berbangkit dengan penyertaan kepada ICERD.

- (iv) Malaysia harus mempunyai keberanian untuk berdepan dengan penelitian antarabangsa dan menjelaskan sendiri jika didapati melanggar obligasi-obligasi triti. Ini merupakan prosedur biasa bagi Negara Ahli kepada mana-mana Konvensyen. (Negara Sepanyol merupakan satu-satunya Negara yang dibawa ke muka pengadilan setakat ini kerana melanggar prinsip ICERD, di mana polisi bahasa mereka telah dipersoalkan.)

12. AKTA KERJA 1955

Kerajaan telah meminda Akta Kerja 1955 pada tahun ini dengan mengemukakan pandangan ke atas beberapa seksyen, seperti berikut;

- (i) Seksyen 2(1): Pengenal/pengesahan 'kontraktor bagi buruh' boleh mengakibatkan eksploitasi pekerja.
- (ii) Seksyen 81A: Kemasukan definisi "gangguan seksual" dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah dialu-alukan. Namun, Suruhanjaya mengambil maklum akan pandangan NGO bahawa definisi tersebut adalah tidak komprehensif - ini adalah kerana majikan (bukannya pekerja) menentukan sama ada gangguan seksual telah berlaku; definisi itu hanya tertakluk kepada kejadian di tempat kerja; dan proses aduan dan penalti adalah tidak mencukupi.
- (iii) Seksyen 81D(1): Suruhanjaya mengambil perhatian terutamanya mengenai prosedur aduan dalam kes-kes terhadap majikan, kerana pindaan telah membenarkan Ketua Pengarah untuk mengarahkan pekerja membuat inkuiri berkenaan aduan yang diterima. Hal ini mungkin akan menimbulkan ketidakadilan.
- (iv) Seksyen 2(1): Suruhanjaya mengalu-alukan definisi 'cuti pantang' yang telah dipinda dari 28 minggu ke 22 minggu bagi pekerja-pekerja wanita untuk menikmati perlindungan bersalin sekiranya berlaku kelahiran pramatang atau keguguran.
- (v) Seksyen 37(4): Suruhanjaya memuji pindaan yang mengenakan denda kepada majikan yang menamatkan perkhidmatan pekerja wanita semasa berada dalam tempoh cuti bersalin yang diperuntukkan.

13. RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN 2011

Pada bulan September, Perdana Menteri telah mengumumkan pemansuhan Seksyen 27, 27A dan 27B Akta Polis 1967 yang berkaitan perhimpunan awam. Pada bulan Oktober, Jabatan Peguam Negara berunding dengan Suruhanjaya mengenai aspek-aspek tertentu undang-undang baru bagi mengendali isu-isu perhimpunan awam. Namun, Suruhanjaya tidak menerima salinan draf undang-undang tersebut sebelum ianya dibentangkan.

Pada dasarnya, Suruhanjaya mengalu-alukan peruntukan yang sejajar dengan kebebasan untuk berhimpun sebagaimana yang dijamin di bawah Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 20 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Namun, didapati bahawa terdapat peruntukan-peruntukan tertentu yang menggugat hak orang awam untuk menganjur dan mengambil bahagian dalam perhimpunan aman, yang memberikan polis kuasa yang lebih luas. Perkara ini didapati melanggar tujuan asal pemansuhan Seksyen 27, 27A dan 27B Akta Polis 1967.

Pada 29 November, Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan pada 20 Disember oleh Dewan Negara selepas dipinda oleh Kerajaan. Namun demikian, pindaan-pindaan tersebut adalah tidak sejajar dengan cadangan Suruhanjaya. Oleh yang demikian, Suruhanjaya menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula Akta tersebut dengan mengambil kira prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa.

Syor-Syor Suruhanjaya:

1. Perbezaan yang lebih jelas perlu dibuat di antara definisi 'perhimpunan' yang termasuk 'perarakan' dan 'protes jalanan'.
2. Hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata perlu diperluaskan kepada bukan warganegara kerana mereka juga mempunyai hak untuk bersuara dan hak untuk didengari.
3. Seharusnya terdapat penilaian semula mengenai larangan perhimpunan dalam jarak 50 meter dari kawasan larangan, kerana larangan tersebut adalah tidak munasabah dan tidak praktikal bagi kebanyakan kawasan bandar dan pekan.
4. Peruntukan mengenai penyertaan kanak-kanak perlu dikaji semula bagi menurunkan had umur 15 yang dibenarkan kepada umur yang lebih munasabah, berdasarkan obligasi Malaysia di bawah CRC, yang mana reservasi ke atas Perkara 15 telah dikeluarkan.
5. Klausula 13 perlu dikaji semula bagi mengambil kira model kerjasama yang membolehkan polis dan pihak penganjur perhimpunan awam mencapai persetujuan berkenaan perhimpunan tersebut, bagi tujuan perjalanan perhimpunan yang lancar sejajar dengan objektif Akta.
6. Seharusnya diadakan kajian semula mengenai peruntukan berkenaan rayuan terhadap sekatan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh polis, bagi membolehkan dibawa ke mahkamah dan bukannya kepada Menteri yang berkenaan.
7. Klausula 19 yang menganggap penganjur merupakan individu yang mempromosi, menaja, menganjur atau mengawasi perhimpunan atau mereka yang menjemput atau mengambil peserta, atau mereka yang berucap bagi perhimpunan tersebut, perlu dikaji semula. Mereka ini hanya menjalankan hak-hak asas demokratik mereka dan tidak seharusnya dipertanggungjawab sepenuhnya apabila berlaku sesuatu yang dianggap menyalahi undang-undang.

8. Peruntukan Prinsip-prinsip Asas Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penggunaan Kekerasan dan Senjata Api oleh Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang perlu dimasukkan ke dalam Bahagian V Akta yang berkenaan dengan penguatkuasaan.
9. Klausula 24 harus membenarkan sepenuhnya, dan bukan hanya yang munasabah berkaitan akses media kepada perhimpunan awam.
10. Satu peruntukan perlu dimasukkan bagi membenarkan anggota-anggota luar, seperti Suruhanjaya, Majlis Peguam dan badan-badan berkanun lain, untuk memantau perhimpunan awam.

14. HARAPAN MASA DEPAN

Kumpulan Kerja akan terus berusaha untuk menggesa penyertaan Malaysia kepada triti-triti hak asasi manusia antarabangsa dengan mewujudkan kesedaran di kalangan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan kepentingan lain mengenai rasional dan ciri-ciri penting triti-triti berkenaan serta obligasi dan tanggungjawab Negara Ahli setelah menyertai sesebuah triti. Setelah memperkenalkan CAT kepada pelbagai agensi kerajaan dan badan berkepentingan, Kumpulan Kerja akan terus memperbanyakkan program kesedaran kepada pihak yang belum diperkenalkan.

Dalam usaha untuk menyediakan laporan bebas Suruhanjaya mengenai CEDAW dan CRC, Kumpulan Kerja akan berhubung dengan badan-badan berkepentingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, kerana dipercayai pertukaran pendapat dapat menyumbang secara konstruktif untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Pada tahun akan datang, Kumpulan Kerja juga akan memberi tumpuan pada semakan undang-undang bagi memastikan pematuhan kepada obligasi-obligasi triti Malaysia di bawah CRPD. Selain itu, Kumpulan Kerja juga akan mengkaji Akta SUHAKAM 1999 bagi tujuan menguatkan lagi kuasa dan fungsi Suruhanjaya dalam memainkan peranannya yang lebih efektif di masa hadapan.

LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Mengakui bahawa, selaras dengan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, cita-cita manusia yang bebas untuk menikmati kebebasan sivil dan politik dan kebebasan dari ketakutan, hanya boleh dicapai jika wujud keadaan di mana semua orang boleh menikmati hak-hak sivil dan politik juga hak-hak ekonomi, sosial dan budaya.

*Mukadimah, Kovenan Antarabangsa mengenai
Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan*

Tugas Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ECOSOCWG) telah dipermudahkan dengan jalinan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi-organisasi masyarakat sivil. Ini telah membawa kepada beberapa perkembangan sepanjang tahun ini khususnya dalam isu anti-pemerdagangan orang, hak orang kurang upaya, hak Orang Asli/Asal dan hak wanita. Pendekatan hak asasi manusia juga telah diperkenalkan dalam isu-isu perniagaan dan perubahan iklim.

1. ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG (ATIP)

(a) Lawatan ke Tempat Perlindungan

Pada 7 April, Suruhanjaya telah melawat rumah perlindungan mangsa-mangsa pemerdagangan orang, dikenali sebagai Rumah Perlindungan ke-4¹ yang dikendalikan oleh Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran, Malaysia (MAPO). Lawatan itu bertujuan untuk memantau kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan selaras dengan obligasinya untuk melindungi mangsa-mangsa pemerdagangan orang.

¹ Atas keselamatan mangsa-mangsa yang diselamatkan, lokasi tempat perlindungan tidak dinyatakan. Rumah Perlindungan ke-4, telah dibuka pada 15 Ogos 2010 dan boleh menempatkan di antara 150-180 mangsa-mangsa lelaki. Suruhanjaya telah difahamkan bahawa 32 orang telah diselamatkan oleh pihak polis selepas mendapati majikannya, Atlantic Fair Sdn Bhd, gagal membayar gaji selama dua bulan. Tambahan pula, mangsa-mangsa telah mendakwa bahawa mereka telah memberi wang untuk memperbaharui permit, tetapi Atlantic Fair gagal berbuat demikian. Ketika lawatan Suruhanjaya, didapati permit mereka telah tamat.

Pasukan Suruhanjaya telah diketuai oleh Pengerusi, Tan Sri Hasmy Agam. Pegawai-pegawai MAPO yang hadir di rumah perlindungan tersebut termasuk wakil-wakil dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Peguam Negara.

Semasa taklimat oleh pihak MAPO, pasukan Suruhanjaya berpeluang mendengar keluhan mangsa-mangsa yang diselamatkan. Suruhanjaya kemudiannya memeriksa premis dan kemudahan yang disediakan di rumah perlindungan tersebut. Berdasarkan kepada perbincangan dan lawatan itu, Suruhanjaya mendapati:

(i) Keselamatan

Pagar elektrik yang tinggi mengelilingi rumah perlindungan. Wakil MAPO menjelaskan bahawa ia perlu untuk mencegah kemungkinan ejen-ejen pemerdagangan orang memasuki kawasan tersebut. Satu unit keselamatan yang terdiri daripada 67 anggota RELA bertugas mengawal rumah perlindungan ini. Unit ini diketuai oleh seorang Timbalan Komander dari Jabatan Penjara. Kawasan tersebut juga diawasi dengan menggunakan kamera litar tertutup.

(ii) Perkhidmatan Kesihatan

Pasukan Suruhanjaya difahamkan bahawa perkhidmatan psikologi serta penjagaan dan sokongan kesihatan fizikal termasuk khidmat kaunseling disediakan untuk mangsa-mangsa yang diselamatkan. Mangsa-mangsa dibiarkan 'sibuk' dengan beberapa sukan dalaman dan luaran serta aktiviti-aktiviti rekreasi yang juga mempunyai kesan terapeutik. Mangsa-mangsa yang mempunyai penyakit fizikal dibawa ke klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan.

(iii) Telefon

Walaupun rumah perlindungan tidak menyediakan perkhidmatan telefon, mangsa-mangsa dibenarkan membawa masuk telefon bimbit supaya mereka boleh menghubungi ahli keluarga. Kos ditanggung oleh mangsa sendiri.

(iv) Piawaian di Rumah-rumah Perlindungan

Suruhanjaya diberitahu bahawa rumah-rumah perlindungan yang disediakan kerajaan telah menerima lawatan dan penilaian daripada pegawai-pegawai Kerajaan Australia dan Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM). Berdasarkan kepada lawatan-lawatan tersebut, satu penilaian telah dibuat oleh IOM dalam laporannya yang bertajuk "Peruntukan Perlindungan Mangsa-Mangsa Pemerdagangan Orang di Malaysia - Penilaian Rumah Perlindungan Malaysia untuk Mangsa-Mangsa Pemerdagangan Orang" yang mengandungi senarai syor-syor yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan.

... mereka bimbang berhubung kelewatan mahkamah dalam menetapkan tarikh untuk merekodkan kenyataan mereka. Akibatnya, terdapat beberapa orang mangsa telah berada di rumah perlindungan tersebut selama hampir 10 bulan penempatan yang terlalu lama telah mengakibatkan tekanan psikologi kerana mereka tidak dapat menjana pendapatan dan keperluan kepada keluarga mereka.

(v) Maklum balas daripada Mangsa

Melalui perbincangan dan temu bual, mangsa-mangsa telah memberitahu Suruhanjaya bahawa mereka berpuas hati dengan keadaan rumah perlindungan tersebut serta kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pegawai-pegawai.

Walau bagaimanapun, mereka bimbang berhubung kelewatan mahkamah dalam menetapkan tarikh untuk merekodkan kenyataan mereka. Akibatnya, terdapat beberapa orang mangsa yang telah berada di rumah perlindungan tersebut selama hampir 10 bulan. Ramai di antara mangsa memberitahu bahawa keluarga mereka di Bangladesh tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan. Oleh itu, penempatan yang terlalu lama telah mengakibatkan tekanan psikologi kerana mereka tidak dapat menjana pendapatan dan keperluan kepada keluarga mereka. Wakil MAPO kemudiannya memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa isu ini telah dipanjangkan ke perhatian Jabatan Peguam Negara seterusnya membawa kepada penetapan tarikh mahkamah.

Mangsa-mangsa juga berkata bahawa Suruhanjaya Tinggi Bangladesh belum melawat mereka. Atas permintaan mangsa, pada bulan April Suruhanjaya melalui surat, telah memaklumkan kepada misi diplomatik yang berkenaan berhubung mangsa-mangsa dan bantuan yang diminta oleh mereka.

(b) Meningkatkan Kesedaran mengenai Pemerdagangan Orang

ECOSOCWG telah menghasilkan risalah pelbagai bahasa berkenaan anti-pemerdagangan orang yang diterjemahkan daripada versi Bahasa Malaysia dan Inggeris. Ia memberikan maklumat asas mengenai pemerdagangan orang serta hak-hak mangsa. Risalah dalam bahasa Mandarin, Tamil, Thai, Myanmar, Sinhala dan bahasa Tagalog ini disasarkan kepada mangsa-mangsa warga asing dan rakyat Malaysia yang tidak fasih berbahasa Malaysia dan Inggeris. Risalah ini akan diedarkan ketika lawatan Suruhanjaya dan 'Sesi Bertemu Rakyat'. Risalah tersebut juga akan diedarkan ke lapangan terbang, agensi-agensi pelancongan, dan tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh warga asing di Malaysia.

(c) Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran, Malaysia

Sebagai ahli yang aktif, Suruhanjaya telah mencadangkan kepada MAPO berkenaan isu-isu yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat, termasuk pemeriksaan tempat perlindungan, piawaian prosedur operasi (SOP) MAPO dan kajian pengurusan risiko.

Suruhanjaya memberi tumpuan kepada kapasiti dan perlindungan kesihatan serta keselamatan anggota di rumah-rumah perlindungan. Suruhanjaya telah menghubungkan MAPO dengan beberapa NGO dan persatuan seperti Kelab Rotary Sunway dan Persatuan SUKA Malaysia, untuk menjalankan imunisasi kakitangan di rumah perlindungan dan latihan pemulihan kardio-pulmonari (CPR).

(d) Maklum balas Kerajaan berhubung Isu Pemerdagangan Orang

Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya untuk tahun 2010 telah diterima awal tahun ini. Secara amnya, Suruhanjaya berpuas hati dengan maklum balas kerajaan terhadap beberapa syor yang dibuat berhubung Anti-Pemerdagangan Orang. Walau bagaimanapun, isu-isu berikut diulangi untuk pertimbangan Kerajaan selanjutnya.

(i) Aktiviti Meningkatkan Kesedaran

Suruhanjaya telah mengesyorkan agar memperkasakan peranan masyarakat untuk melaporkan aktiviti yang disyaki sebagai pemerdagangan orang, dengan mendidik orang ramai mengenai isu tersebut. Kerajaan memaklumkan bahawa walaupun ia telah melaksanakan pelbagai program dan kempen meningkatkan kesedaran, ia berpendapat bahawa tahap kesedaran orang ramai dan kesanggupan mereka untuk melaporkan aktiviti yang disyaki adalah dua isu yang berbeza. Peranan untuk membuat laporan tidak boleh dipaksa kerana ia bergantung kepada rasa tanggungjawab individu.

Walaupun Suruhanjaya bersetuju bahawa tindakan membuat laporan amat bergantung pada rasa tanggungjawab individu dan tanpa paksaan, ia berpendapat bahawa peranan ini boleh digalakkan. Memperkasakan peranan masyarakat awam dengan memberikan maklumat yang diperlukan seperti perbezaan pemerdagangan orang untuk eksploitasi seks berbanding gejala pelacuran, prosedur membuat laporan yang betul dan perlindungan undang-undang kepada pemberi maklumat terutamanya jaminan keselamatan dan perlindungan identiti boleh menggalakkan dan meningkatkan keyakinan dalam kalangan orang ramai untuk memberi bantuan bagi membendung gejala ini.

(ii) Penyertaan Meluas NGO

Kerajaan bersetuju dengan syor Suruhanjaya bahawa NGO perlu diberi peluang untuk menawarkan kepakaran mereka kepada MAPO memandangkan ramai mangsa lebih cenderung mendapatkan bantuan dari organisasi sebegini. Oleh demikian, MAPO telah menerima pertambahan keahlian NGO selaras dengan Seksyen 6 (n) Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran Malaysia yang telah dipinda pada tahun 2010 untuk meningkatkan bilangan keahlian NGO dalam MAPO. Kerajaan juga sedang bekerjasama dengan organisasi tempatan dan antarabangsa lain seperti Persatuan SUKA Malaysia dan IOM untuk menangani isu-isu pemerdagangan orang.

Suruhanjaya memuji tindakan MAPO untuk memastikan penyertaan NGO dalam aktiviti. Inisiatif sebegini boleh diperkembangkan melalui usahasama dengan NGO yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu - sebagai contoh, organisasi *P.S. the Children* boleh membantu MAPO terhadap mangsa kanak-kanak, sementara Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) boleh membantu mangsa-mangsa buruh paksa.

(iii) Tumpuan/penekanan Kepada Pesalah

Suruhanjaya telah mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengenalpasti dan menahan pesalah-pesalah pemerdagangan orang, serta bertindak tegas terhadap penjawat awam yang didapati menjadi ejen pemerdagangan orang. Melalui maklum balasnya, Kerajaan memaklumkan bahawa setiap individu yang terbukti telah melakukan sebarang kesalahan pemerdagangan akan didakwa berdasarkan undang-undang yang bersesuaian tanpa mengira status atau kedudukan.

Hal ini telah menimbulkan isu berkaitan keadilan dan justifikasi tuduhan yang dikenakan terhadap pesalah-pesalah yang berlainan. Hukuman yang dijatuhkan ke atas beberapa pesalah-pesalah pemerdagangan orang adalah berbeza-beza. Sebagai contoh, pada bulan Disember 2008, seorang pesalah kes pemerdagangan orang yang pertama telah disabitkan kesalahan kerana telah memaksa seorang pembantu rumah wanita ke kancah pelacuran. Pesalah tersebut telah dijatuhkan hukuman penjara lapan tahun. Hukuman yang sama telah dikenakan oleh Mahkamah Sesyen Pulau Pinang ke atas kontraktor pada bulan Ogos 2011 apabila didapati bersalah terlibat dalam aktiviti pemerdagangan melibatkan seorang warga Indonesia dua tahun sebelumnya.

Ini berbeza dengan kes pada Oktober 2010, apabila lapan orang pegawai imigresen ditahan atas kesalahan pemerdagangan orang. Walaupun Akta ATIP sudah berkuatkuasa, pegawai-pegawai imigresen tersebut telah disiasat dan dihukum di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Mereka dibebaskan pada Ogos 2011, kurang daripada satu tahun selepas ditahan. Satu lagi kes melibatkan pengusiran 11 warga Cina etnik Uighur yang diarah kembali ke Negara China selepas didakwa terlibat dalam pemerdagangan orang.

Oleh itu, Suruhanjaya mengalu-alukan Kerajaan untuk menerangkan rasional bagi perbezaan dalam hukuman yang dikenakan.

Walaupun Akta ATIP sudah berkuatkuasa, pegawai-pegawai imigresen tersebut telah disiasat dan dihukum di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Mereka dibebaskan pada Ogos 2011, kurang daripada satu tahun selepas ditahan.

2. HAK WANITA

(a) Bantuan untuk Wanita dan Ibu Tunggal

Seminar Suruhanjaya bertajuk 'Memperkasakan Hak-Hak Ibu Tunggal' yang diadakan pada tahun 2010 telah mengenalpasti isu-isu penting bagi merealisasikan hak-hak wanita. Salah satu isu adalah berkaitan keperluan untuk menyebarkan maklumat dan akses kepada sumber bantuan sedia ada kepada wanita termasuk ibu tunggal terutamanya mereka yang menghadapi tekanan masalah ekonomi, sosial malah juga mental dan fizikal.

Suruhanjaya bertindak dengan menghasilkan sebuah buku kecil yang mengandungi maklumat lebih daripada 50 agensi kerajaan dan organisasi serta jenis bantuan dan perkhidmatan yang mereka sediakan untuk golongan wanita. Contoh-contoh bantuan termasuklah bantuan kewangan untuk ibu atau bapa tunggal, perkhidmatan kaunseling, bantuan guaman dan perkhidmatan untuk wanita dan keluarga yang tidak berkemampuan. Buku kecil ini akan diedarkan kepada orang ramai dengan penekanan khusus kepada kaum wanita yang menduduki rumah di bawah skim perumahan awam, kawasan pedalaman dan kampung-kampung terpencil.

(b) Perbincangan Meja Bulat (RTD) Mengenai 'Kesaksamaan Gender'

Pada 31 Oktober, Suruhanjaya dan Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor menganjurkan RTD mengenai 'Kesaksamaan Gender: Isu-Isu Hak Wanita yang Belum Ditangani'. Ia bertujuan untuk menilai status kesaksamaan gender di Malaysia bagi menentukan sama ada ia selaras dengan rangka kerja hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Hampir 40 wakil agensi-agensi kerajaan, NGO dan organisasi-organisasi masyarakat sivil mengambil bahagian. Berdasarkan objektif-objektif RTD, peserta telah membincangkan isu-isu keganasan terhadap wanita daripada latar belakang yang berbeza, wanita pelarian, identiti jantina dan orientasi seksual, serta undang-undang keluarga. Turut dibincangkan adalah obligasi Kerajaan dalam memastikan hak-hak seperti yang tertera di dalam CEDAW.

Isu yang dibangkitkan oleh peserta

(i) Hak Wanita

- Perlindungan hak wanita untuk bekerja
Peserta telah mengesyorkan agar Malaysia memantau pelaksanaan Konvensyen Buruh Antarabangsa (ILO) yang telah diterimapakai. Malaysia juga perlu menangani isu peruntukan-peruntukan ILO yang masih belum dilaksanakan. Perundangan dan dasar boleh digubal untuk melindungi hak-hak pekerja wanita.

Kerajaan harus mengkaji semula Kategori Klasifikasi Pekerjaan untuk menggambarkan keadaan sebenar perubahan spektrum kemahiran pekerja secara umumnya dan wanita khususnya.

Terdapat keperluan untuk memastikan pemberian gaji yang adil dan saksama di sektor awam dan swasta. Gaji minimum sekurang-kurangnya RM1,500 perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kos hidup semasa. Ini boleh dilaksanakan melalui kajian semula atau penggubalan undang-undang dan dasar-dasar yang bersesuaian.

- Perlindungan wanita terhadap hak ekonomi, sosial dan kebudayaan

Terdapat keperluan untuk memastikan pemberian gaji yang adil dan saksama di sektor awam dan swasta. Gaji minimum sekurang-kurangnya RM1,500 perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kos hidup semasa. Ini boleh dilaksanakan melalui kajian semula atau penggubalan undang-undang dan dasar-dasar yang bersesuaian.

Dalam usaha memperkasakan wanita, Kerajaan disyorkan agar menjalankan kajian terperinci bertujuan untuk pembentukan kapasiti insitisi yang peka kepada gender, dasar dan proses membuat keputusan. Strategi pekerjaan jangka panjang negara khusus untuk wanita perlu dirumus dan dilaksanakan bagi memudahkan penglibatan dan mobiliti peningkatan dalam kalangan wanita, serta latihan dan akses kepada kemahiran dan teknologi.

- Keselamatan sosial dalam kalangan pekerja wanita

Penubuhan skim pekerjaan khas yang menangani lebihan dan kemasukan semula tenaga kerja ke pasaran buruh amat diperlukan terutamanya untuk situasi berlakunya ketidakstabilan ekonomi. Selain itu, laporan berhubung jaringan keselamatan sosial yang telus dan bertanggungjawab terhadap pekerja, harus dipastikan terutamanya bagi pekerja wanita, bagi tempoh kemelesetan ekonomi, pemberhentian dan tempoh kesukaran lain dalam pekerjaan.

Selain itu, cuti bersalin 90 hari kepada kakitangan wanita dan cuti isteri bersalin empat minggu untuk suami boleh dilaksanakan dan dijamin, manakala bayaran tunai sepatutnya diperuntukkan bagi penjagaan di rumah. Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak juga harus diperluaskan kepada semua peringkat.

Terdapat banyak dakwaan pelanggaran hak-hak pelarian dalam proses penahanan tersebut. Untuk menangani isu ini, Kerajaan perlu menjalankan siasatan rasmi berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia oleh pegawai-pegawai penguatkuasa dari Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia.

(ii) Hak Wanita Pelarian

- Perlindungan Perundangan

Kerajaan haruslah memberi pengiktirafan undang-undang ke atas status 'pelarian' dengan meminda undang-undang yang berkaitan. Walau bagaimanapun, ini tidaklah termasuk pemberian kewarganegaraan. Selain itu, Akta Imigresen 1956/63 perlu dikaji semula bagi memastikan pesalah-pesalah yang didakwa mempunyai akses kepada keadilan, termasuk hak untuk memohon semakan kehakiman dan rayuan, serta akses kepada bantuan guaman dan penterjemah.

Mereka yang didapati menjadi mangsa pemerdagangan orang perlu dilindungi sepenuhnya, manakala pesalah harus disiasat dan didakwa di bawah undang-undang pemerdagangan orang berkaitan.

Peserta juga mencadangkan agar Suruhanjaya diberi kuasa, melalui pindaan Akta dalam memastikan syor-syornya dilaksanakan.

- Ratifikasi Tatacara Antarabangsa
Pihak kerajaan harus mengambil kira serta melaksanakan ulasan (*Concluding Comments*) kepada CEDAW, serta meratifikasi dan melaksana Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, Konvensyen Mengenai Status Warga Tanpa Negara 1954 dan Konvensyen Mengurangkan Warga Tanpa Negara 1961.
 - Penangkapan, Penahanan dan Layanan Terhadap Pelarian
Ketidadaan pengiktirafan status 'pelarian' oleh Malaysia telah membawa kepada penangkapan dan penahanan pelarian. Terdapat banyak dakwaan pelanggaran hak-hak pelarian dalam proses penahanan tersebut. Untuk menangani isu ini, Kerajaan perlu menjalankan siasatan rasmi berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan dari Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia.
- Pelarian yang tidak boleh dihantar pulang secara rasmi atau diberi penempatan, tidak sepatutnya ditahan.
- Kuasa anggota RELA untuk mencari dan menangkap, termasuk tangkapan tanpa waran, perlulah terhad, manakala siasatan hendaklah dijalankan ke atas dakwaan penyalahgunaan kuasa dan pencabulan hak asasi manusia oleh kakitangan pasukan ini.
- Hak Pelarian Untuk Bekerja
Kerajaan atas budi bicaranya, boleh melaksanakan skim kerja yang melibatkan pengeluaran Skim Kad Pelarian (atau permit IMM13), sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 55 Akta Imigresen, sebagai langkah sementara untuk meringankan beban yang dihadapi oleh pelarian.
 - Hak Pelarian Untuk Perkhidmatan Asas Sosial
Peserta RTD secara sebulat suara mengesyorkan agar Kerajaan memberikan akses kepada pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada orang pelarian

Kerajaan disyorkan untuk memberikan akses kepada pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada orang pelarian tempoh menunggu pengesahan status dan penempatan semula oleh Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR).

semasa tempoh menunggu pengesahan status dan penempatan semula oleh Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR). Lebih penting, akses kepada perkhidmatan ini harus dipastikan bagi kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak bawah umur tanpa ditemani.

- Perlindungan Rohingya di Negara Asal
Penindasan etnik Rohingya di Myanmar terjadi kerana Kerajaan Myanmar tidak mengiktiraf kumpulan etnik ini. Malaysia dan Negara-negara Anggota ASEAN yang lain boleh membantu dalam menghentikan kekejaman tersebut dengan mengenalpasti langkah-langkah penyelesaian yang komprehensif dan mampan menerusi dialog dengan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia dan Suruhanjaya Mempromosi dan Perlindungan Hak Wanita dan Kanak-kanak.

(iii) Hak Golongan Minoriti Seksual

- Kesedaran awam mengenai isu
Orang ramai hendaklah diberi kesedaran tentang hak-hak setiap manusia yang samarata melalui peruntukan perlembagaan mengenai perlindungan hak asasi manusia, nilai-nilai teras Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Prinsip Yogyakarta. Hasil penyelidikan Projek Kasturi harus disebarkan untuk mengetengahkan isu-isu yang dihadapi oleh golongan minoriti seksual seperti lesbian, wanita biseksual dan transgender. Mesej khidmat masyarakat diperlukan untuk mempromosi hak asasi kumpulan ini. Tanpa sebarang prejudis, pendidikan yang adil dan saksama ke atas kesihatan seksual perlu diwujudkan di sekolah-sekolah, manakala pelajar yang hamil ketika masih bersekolah tidak harus didiskriminasi dan diaibkan.
- Perlindungan daripada keganasan
Dalam membincangkan kes-kes keganasan terhadap golongan minoriti seksual, RTD telah mengesyorkan pelaksanaan penuh ulasan Jawatankuasa CEDAW pada sesi ke-35 berkenaan keganasan terhadap wanita. Terdapat keperluan untuk mewujudkan undang-undang, serta perlindungan dan pembelaan sekiranya berlaku keganasan terhadap golongan minoriti seksual dan ini dirumus dengan perundingan penuh golongan tersebut. Undang-undang juga seharusnya dikuatkuasakan untuk melindungi golongan minoriti seksual daripada elemen keganasan manakala Akta Keganasan Rumahtangga 1994 boleh diperluas bagi merangkumi perlindungan golongan minoriti seksual.
- Identiti transgender
Terdapat keperluan untuk mengiktiraf golongan transgender dengan memastikan persekitaran yang kondusif. Penyelidikan boleh dijalankan untuk mengenalpasti keperluan kumpulan ini termasuk pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Mereka harus diberi akses kepada latihan pembangunan kemahiran yang boleh memperluaskan peluang pekerjaan. Kemudahan awam juga mesti mengambil kira keperluan transgender.

Berdasarkan CEDAW, undang-undang yang berkaitan perlu dikaji semula untuk mencegah diskriminasi terhadap seseorang berdasarkan identiti jantina dan orientasi seksual. Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan boleh diperluaskan untuk mencegah diskriminasi atas dasar identiti jantina dan orientasi seksual. Kerajaan juga perlu menarik balik reservasi-reservasi ke atas Artikel 5(a) dan 7(b) CEDAW.

(iv) CEDAW dan undang-undang keluarga

Kajian semula yang menyeluruh terhadap undang-undang keluarga adalah perlu untuk memansuhkan segala peruntukan yang boleh mendiskriminasi wanita. Mahkamah Keluarga harus ditubuhkan di semua negeri. Hanya hakim-hakim yang terlatih dan peka terhadap isu-isu gender mengendalikan kes-kes keluarga. Terdapat juga keperluan untuk menggunakan pendekatan inkuisitorial berbanding adversarial dalam sistem perundangan yang melibatkan hal-hal keluarga.

Wanita perlu disediakan akses kepada perkhidmatan bantuan guaman yang berkesan dan cekap untuk memastikan keadilan. Sebagai alternatif, keluarga boleh digalakkan untuk menyelesaikan masalah mereka melalui mediasi dengan memastikan kesediaan dan akses kepada perkhidmatan ini.

3. HAK ORANG ASAL

Kesan Projek Empangan Hidroelektrik Murum (HEP Murum) ke atas masyarakat Orang Asal di Sarawak adalah antara isu yang terus diberi perhatian oleh Suruhanjaya.²

Suruhanjaya berpeluang untuk memerhati rundingan antara masyarakat yang terkesan dari HEP Murum dan Unit Perancang Negeri (SPU) serta agensi-agensi lain, apabila ia dijemput oleh Kerajaan Negeri untuk memerhatikan dialog antara pihak-pihak ini pada 29 Mac. Pesuruhjaya, Encik Detta Samen menghadiri sesi tersebut bersama pegawai SPU Andrew Tunku anak Salang, Pegawai Daerah Belaga (DO) Abdul Halim Abdullah, wakil-wakil Sarawak Elektrik Bhd (SEB) dan Jabatan Tanah dan Survei.

² ECOSOCWG telah membuat kajian dan telah mengeluarkan laporan berhubung Projek Hidroelektrik Murum (HEP Murum) dan Impaknya terhadap Hak Ekonomi, Sosial, Kebudayaan masyarakat Penan di Sarawak. Suruhanjaya terus memantau projek ini, terutamanya impak ke atas masyarakat Orang Asal di sekelilingnya. Rancangan untuk membina empangan tersebut telah bermula pada tahun 1985 dan telah diberikan kepada China Three Gorges Project Corporation oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pembinaan telah bermula pada tahun 2008 dan dijangka siap akhir tahun 2012, dan dijangka beroperasi pada tahun berikutnya.



Wakil Kerajaan Negeri Sarawak dan Ketua Penan ketika sesi dialog pada 29 Mac

Tujuan utama dialog ini adalah untuk membincangkan cadangan tapak penempatan semula masyarakat yang terlibat.³ Kampung-kampung tersebut adalah Long Menapa, Long Singu, Long Wat, Long Tangau, Long Luar dan Long Malim. Ketua-ketua kampung berkenaan telah melantik seorang pemimpin Penan, Saran Ju, sebagai wakil dan jurucakap mereka pada sesi dialog tersebut.

Semasa membuat pemerhatian, Suruhanjaya merujuk kembali sesi dialog pada 13 September 2008, bersama ketua-ketua kampung Penan dari Long Jaik, Long Peran, Long Luar, Long Wat, Long Tangau, Long Singu, Long Malim dan Long Menapa serta wakil-wakil dari Balui Liko, Long Bangan, Sg Arip dan Sg Asap yang telah menyuarakan bantahan mereka untuk dipindahkan bagi memberi laluan kepada HEP Murum. Kebimbangan mereka telah timbul berdasarkan pengalaman negatif yang dilalui kumpulan yang telah dipindahkan ke tapak penempatan semula Sg. Asap. Aduan-aduan kumpulan yang diterima termasuklah kekurangan akses kepada bekalan air dan elektrik, kemudahan asas, pekerjaan dan tanah untuk penanaman, serta pampasan yang tidak mencukupi.⁴

³ Dialog ini merupakan susulan kepada sesi yang diadakan di antara Kerajaan Negeri Sarawak, perunding dan masyarakat yang terjejas untuk berbincang terma dan maklumat lanjut berhubung pemindahan dan penempatan baru untuk kampung-kampung Penan yang terjejas oleh pembinaan Murum HEP. Dialog yang berlangsung di Dewan Komuniti Asap Koyan di Uma Balui Liko, di Sungai Asap dan dikordinasi oleh Chemsain Konsultant Sdn. Bhd (CKSB), perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab menyediakan penilaian impak sosial dan alam sekitar untuk empangan di Daerah Belaga. CKSB mengatakan bahawa sesi dialog ini adalah untuk memaklumkan kepada wakil Penan mengenai hasil perbincangan dengan Kerajaan Negeri berhubung tuntutan kampung-kampung yang terjejas.

⁴ Sila rujuk kepada laporan Suruhanjaya mengenai "Report on the Murum Hydroelectric Project and Its Impact towards the Economic, Social and Cultrural Rights of the Affected Indigenous People in Sarawak", 2009, muka surat 30.

(a) Hasil Rundingan

Isu-isu berhubung tapak penempatan semula telah diselesaikan apabila semua pihak yang berunding bersetuju ke atas tapak yang terletak di Tegulang dan Melatun di Daerah Belaga. Mereka juga bersetuju dengan komposisi kampung yang akan ditempatkan. Wakil-wakil Penan menggesa Kerajaan Negeri supaya melaksanakan penempatan ini dengan kadar segera.

Peserta juga bersetuju dengan cadangan kemudahan yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri di penempatan baru iaitu pusat perkhidmatan, akses kepada jeti takungan air, tanah pertanian, taman permainan, dewan masyarakat, kemudahan pra-sekolah, kawasan ternakan dan tanah perkuburan baru. Ketua-ketua kampung sebulat suara bersetuju dengan lot dan saiz tanah yang dicadangkan sebagai pampasan pihak berkuasa untuk setiap isi rumah.

Selain itu, dialog tersebut juga mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi peruntukan kewangan bagi membolehkan penganut animisme Penan untuk melaksanakan upacara tahunan *Batu Tungun Miring*.⁵ SEB pula akan membina 'gereja' berhampiran *Batu Tungun* bagi membolehkan masyarakat melaksanakan acara tersebut.

Di samping itu, jurucakap Penan telah mengingatkan mereka yang hadir mengenai tuntutan lain. Antaranya ialah elaun bagi setiap ketua kaum, elaun bagi perbelanjaan Krismas dan peruntukan pengangkutan untuk kegunaan pada waktu kecemasan. Mereka mahukan maklum balas dalam masa terdekat.

Peserta juga membincangkan mengenai bantuan kepada penduduk kampung Long Luar yang kehilangan rumah panjang mereka akibat kebakaran. Pegawai Daerah Belaga menyatakan komitmennya untuk membantu penduduk kampung berkenaan. Beliau memberitahu telah menghubungi pegawai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW) yang kemudiannya bersetuju untuk membina semula rumah panjang mangsa-mangsa selepas mencapai persetujuan berhubung tapak penempatan semula.

Dialog tersebut juga telah membincangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan dokumen pengenalan diri penduduk kaum Penan. Pejabat Daerah Belaga dan SPU telah mengambil inisiatif untuk membuat lawatan ke semua kampung di kawasan-kawasan terlibat bagi mendapatkan penama-penama yang masih belum mempunyai MyKad. Nama-nama ini akan dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk tindakan selanjutnya. Pegawai Daerah memberi jaminan

⁵ Batu Tungun adalah batu yang terletak di Belaga dan masyarakat Penan mempercayai bahawa tempat tersebut adalah tempat ketibaan moyang Penan yang pertama. Majlis Miring diamalkan oleh penganut animisme Penan untuk memujuk roh moyang mereka. Majlis tersebut adalah penting bagi Penan mendapat persetujuan daripada moyang mereka untuk berpindah ke tempat baru dan juga untuk meminta perlindungan daripada sebarang nasib buruk.

bahawa beliau akan mendapatkan kerjasama JPN untuk membuat lawatan sekurang-kurangnya dua kali setahun ke semua kampung di kawasan itu mulai tahun ini.

(b) Tindakan Susulan Suruhanjaya

Penyertaan Suruhanjaya di dialog tersebut membolehkannya memerhati proses rundingan antara Kerajaan Negeri dan masyarakat terjejas. Dalam suratnya yang dihantar kepada SPU pada 5 Mei, Suruhanjaya telah menyampaikan pandangan dan syor-syornya:

(i) Persetujuan Bebas, Awal dan Bermaklumat

Ini merupakan prinsip asas hak asasi manusia dan ia lebih penting untuk kumpulan rentan seperti Orang Asal/Asli. Ini jelas memandangkan prinsip tersebut diulang beberapa kali di dalam Artikel 10, 19, 28 dan 32 Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal (UNDRIP).

Siri dialog yang diadakan antara Kerajaan Sarawak, perunding projek dengan komuniti yang terjejas berhubung terma penempatan semula nampaknya mematuhi prinsip persetujuan bebas, awal dan bermaklumat. Proses ini telah membolehkan penduduk kampung untuk mendapat kepastian, berunding dan memberikan persetujuan terhadap terma penempatan semula dan pampasan serta butir-butir kedudukan kawasan penempatan dan kemudahan yang akan disediakan di kawasan tersebut.

Sungguhpun Suruhanjaya memuji usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan perunding bagi memastikan penglibatan aktif penduduk berkenaan dalam proses membuat keputusan, Suruhanjaya mengambil maklum bahawa pemindahan penduduk adalah secara terpaksa berikutan pembinaan HEP Murum dan bukannya atas pilihan bebas yang dibuat oleh masyarakat berkenaan. Ini adalah bertentangan dengan Artikel 10 UNDRIP.

Oleh itu, Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan memastikan persetujuan bebas, awal dan bermaklumat digunapakai melalui perubahan dasar yang meliputi keseluruhan proses sesuatu projek.⁶

Sungguhpun Suruhanjaya memuji usaha bagi memastikan penglibatan aktif penduduk berkenaan dalam proses membuat keputusan, Suruhanjaya mengambil maklum bahawa pemindahan penduduk adalah secara terpaksa berikutan pembinaan HEP Murum..... Ini adalah bertentangan dengan Artikel 10 UNDRIP.

⁶ Sila lihat <http://www.2ohchr.org/english/issues/indigenous/doc/guidelines.pdf> p 28 mengenai elemen persetujuan bebas, awal dan bermaklumat.

(ii) Perumahan yang Wajar

Bagi perumahan untuk masyarakat yang akan ditempatkan semula di Tegulang dan Melatun, Suruhanjaya mengesyorkan agar:

- Rumah-rumah baru dibina mengikut reka bentuk yang dipersetujui serta dalam kualiti yang baik dan tidak menggunakan bahan-bahan standard mutu yang rendah.
- Penyediaan perumahan mengambil kira komponen lain hak kepada perumahan yang wajar, termasuklah aspek keselamatan, jaminan perundangan kepada pemilikan, ketersediaan perkhidmatan, bahan-bahan, kemudahan dan infrastruktur, kebolehmampuan, boleh diduduki, lokasi, dan sesuai dengan tuntutan budaya penduduk.⁷
- Kawasan penempatan semula di Tegulang dan Melatun disiapkan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan beroperasi sepenuhnya sebelum masyarakat dipindahkan, termasuklah aspek-aspek yang telah diutarakan oleh pihak berkuasa dalam pembentangan mereka pada 29 Mac.

(iii) Perumahan untuk penduduk kampung Long Luar

Kebakaran di kampung Long Luar telah menyebabkan sebahagian daripada penduduk kampung kehilangan tempat tinggal yang sempurna. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa masyarakat tidak membantah cadangan KKL BW yang akan membina rumah baru untuk penduduk kampung tersebut setelah penduduk dipindahkan ke penempatan semula. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya mengesyorkan agar mereka yang terpaksa tinggal di pondok sementara harus dipindahkan iaitu dengan persetujuan mereka ke rumah panjang yang lain sementara menunggu penyelesaian. Untuk itu, kerajaan perlu memastikan agar proses ini tidak dilakukan secara paksa.

(iv) Bantuan pembangunan untuk masyarakat yang dipindahkan

Suruhanjaya berpendapat bahawa bantuan untuk penduduk kampung tidak harus berakhir dengan penempatan mereka. Sokongan perlu dikekalkan untuk memudahkan masyarakat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru mereka. Pembinaan kapasiti mesti diutamakan dalam sistem pembangunan komuniti untuk memastikan agar masyarakat mencapai tahap berdikari.

⁷ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laporan Suruhanjaya berhubung *Adequate Housing: A Human Right (A Report of the Commissions's Seminar on Human Rights Pertaining to Basic Needs)*, 2004; laporan boleh didapati di http://www.theCommission.org.my/conf_forum_wshop_report

(v) Penan tanpa dokumen pengenalan diri

Isu Penan yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri perlu diselesaikan segera kerana mereka terhalang daripada mengakses keperluan asas seperti pendidikan, perkhidmatan kesihatan, pekerjaan dan program pembasmian kemiskinan yang dikendalikan oleh Kerajaan. Ini juga boleh menyukarkan proses pembayaran pampasan semasa pengambilalihan tanah. Lebih-lebih lagi, mereka mungkin disalah anggap sebagai pendatang tanpa izin dan boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang imigresen.

4. PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

(a) RTD mengenai 'Perniagaan dan Hak Asasi Manusia'

Mukadimah UDHR menyeru setiap individu dan lapisan masyarakat untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh setiap syarikat memberi kesan ke atas hak asasi manusia. Kesihatan dan keselamatan, tiada diskriminasi, kebebasan berpersatuan dan menubuhkan kesatuan, pembasmian kemiskinan serta perlindungan daripada gangguan seksual adalah contoh-contoh hak asasi manusia yang relevan kepada sektor korporat. Oleh itu, setiap syarikat mempunyai peranan penting dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Lanjutan daripada sesi-sesi RTD dengan agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan, ECOSOCWG telah menganjurkan sesi ketiga mengenai 'Perniagaan dan Hak Asasi Manusia' pada 16 Mac. Kali ini, Suruhanjaya telah bertemu dengan wakil-wakil sektor perniagaan untuk mendapatkan pandangan awal mengenai isu tersebut. Suruhanjaya akan menggunakan maklum balas yang diterima daripada RTD bagi menyediakan draf dasar berhubung perniagaan dan hak asasi manusia yang akan disyorkan kepada Kerajaan untuk dilaksanakan dalam sektor perniagaan.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Peserta

(i) Kurang kesedaran

Kesedaran hak asasi manusia dalam kalangan sektor perniagaan adalah rendah. Sesetengah entiti perniagaan masih tidak sedar tentang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Oleh yang demikian, para peserta menegaskan kepentingan pembangunan program dan aktiviti-aktiviti yang akan menggalakkan amalan hak asasi manusia dalam sektor ini.

(ii) Hak Asasi Manusia melalui CSR

Ramai dalam sektor perniagaan memberikan perhatian penuh terhadap usaha CSR mereka. Banyak syarikat, secara sukarela, telah membangunkan program-program demi kepentingan masyarakat. Pemuliharaan alam sekitar dan penajaan pelajar untuk pendidikan tinggi



Para peserta di RTD mengenai “Perniagaan dan Hak Asasi Manusia” pada 16 Mac

menunjukkan contoh usaha-usaha tersebut. Untuk mengukuhkan inisiatif sebegini, peserta mencadangkan agar prinsip-prinsip hak asasi manusia diserapkan ke dalam amalan-amalan CSR. Syarikat-syarikat juga harus membangunkan dasar-dasar untuk mengelak pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia.

(iii) Kod amalan terbaik

Tiada garis panduan sesuai berkaitan dengan hak asasi manusia yang boleh dicontohi oleh sektor perniagaan. Oleh itu, para peserta bersetuju tentang kepentingan membangunkan kod amalan terbaik bagi membolehkan mereka mengenalpasti aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian dan diperbaiki. Ini akan mengurangkan risiko pencabulan hak asasi manusia terhadap pekerja dan pihak-pihak lain yang terjejas akibat aktiviti-aktiviti perniagaan.

(iv) Hak Pekerja

Dakwaan-dakwa mengenai penderaan atau layanan buruk terhadap pekerja asing di Malaysia telah meningkat. Sektor perniagaan perlu diingatkan bahawa hak pekerja hendaklah dilindungi dan mereka harus dilayan dengan sifat berperikemanusiaan. Pihak pengurusan haruslah memastikan agar mereka menyediakan persekitaran kerja yang selamat yang mana pekerja dihormati dan dilayan dengan bermaruah, tanpa mengira asal, bangsa, warna kulit, agama, jantina, kebolehan fizikal dan ciri-ciri identiti yang lain.

Dakwaan-dakwa mengenai penderaan atau layanan buruk terhadap pekerja asing di Malaysia telah meningkat. Sektor perniagaan perlu diingatkan bahawa hak pekerja hendaklah dilindungi dan mereka harus dilayan dengan sifat berperikemanusiaan.

(v) Pertimbangan Kos

Sambil menekankan kepentingan sektor perniagaan untuk menjadi lebih bertanggungjawab dalam aspek hak asasi manusia, kebimbangan terhadap implikasi kewangan telah dibangkitkan. Memandangkan kebanyakan perniagaan adalah berorientasikan keuntungan, peserta telah mencadangkan supaya Kerajaan memperkenalkan insentif cukai, geran korporat dan bantuan kewangan lain untuk mengimbangi kos yang dibelanjakan untuk merealisasikan amalan hak asasi manusia dalam perniagaan.

(b) Jawatankuasa Teknikal mengenai Tanggungjawab Sosial (TCSR)

Suruhanjaya juga telah meneruskan usahanya mempromosi hak asasi manusia dalam sektor perniagaan melalui platform yang disediakan menerusi keahliannya dalam TCSR, yang dipengerusikan oleh SIRIM Bhd. Ahli-ahli TCSR yang lain mewakili agensi dan organisasi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Sumber Manusia, MTUC, Jabatan Peguam Negara, *SME Corporation Malaysia*, *Standards Users*, Majlis Pertubuhan Wanita Kebangsaan, *Transparency International*, dan Universiti Teknologi MARA.

TCSR telah bersetuju untuk menggubal satu piawaian yang merangkumi tanggungjawab sosial yang bersesuaian dengan konteks di Malaysia. Piawaian ini sedang dirangka agar ia dapat diterima sepenuhnya berdasarkan standard ISO 26000 berhubung Tanggungjawab Sosial. Suruhanjaya telah ditugaskan di bawah Kumpulan Kerja tentang Hak Asasi Manusia yang diketuai oleh Jabatan Peguam Negara. Kumpulan ini diamanahkan untuk menilai klausa hak asasi manusia yang terdapat dalam ISO 26000 untuk disesuaikan dan disenaraikan dalam draf piawaian.

Ketika mesyuarat TCSR pada 4 Oktober, Suruhanjaya telah dapat memastikan kebanyakan klausa hak asasi manusia di ISO 26000 dikekalkan dalam draf piawaian tersebut. Suruhanjaya akan memantau pembentukan piawaian ini untuk memastikan bab hak asasi manusia yang akan menjelaskan peranan sektor perniagaan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

5. HAK ASASI MANUSIA DAN PERUBAHAN IKLIM

Pada 14 November, Suruhanjaya telah menganjurkan satu RTD mengenai 'Perubahan Iklim dari Perspektif Hak Asasi Manusia' untuk menyedarkan penggubal dasar dan peserta-peserta lain terhadap kesan perubahan iklim ke atas hak asasi manusia serta saluran-saluran dan mekanisme hak asasi manusia boleh dijana dalam mengukuhkan strategi-strategi yang sedia ada. RTD tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai inisiatif yang sedang dilakukan oleh Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam menangani masalah perubahan iklim dan turut mengenalpasti faktor-faktor yang boleh menjejaskan keberkesanan usaha-usaha ini.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Peserta

(i) Pelepasan gas rumah hijau (GHG)

Di peringkat global, pelepasan gas karbon dioksida (CO_2) telah meningkat sejak Revolusi Perindustrian. Pembakaran bahan api fosil untuk mendapatkan tenaga telah dikenalpasti sebagai penyumbang terbesar kepada pelepasan CO_2 , diikuti dengan perubahan penggunaan tanah atau pembersihan hutan. Tahap gas metana dan nitrus oksida juga ketara dalam atmosfera.

(ii) Tiga ciri-ciri khusus perubahan iklim

Pertama, perubahan iklim adalah kumulatif iaitu GHG yang dilepaskan semasa Revolusi Perindustrian masih berada dalam atmosfera pada masa kini. Kedua, kesan perubahan iklim tidak boleh dipulihkan atau dibalikkan. Ketiga, perubahan iklim mempunyai selang masa antara punca (masa pelepasan) dan kesan (perubahan iklim). Oleh itu, pelepasan hari ini akan menjejaskan iklim 20 tahun akan datang.

(iii) Penamatan awal bajet karbon abad ke-21

Bajet karbon antarabangsa bagi abad ke-21 telah ditetapkan pada tahap 1,456 gigaton setahun; bermakna kuantiti GHG yang dilepaskan dalam jangka masa ini tidak harus melebihi bajet karbon tersebut memandangkan pelepasan gas berlebihan akan mengubah keseimbangan kitaran karbon dalam persekitaran. Walau bagaimanapun, bajet karbon dianggarkan akan lupus seawal tahun 2032 atau pada tahun 2042 memandangkan kadar pelepasan semasa adalah dua kali ganda tahap bajet karbon.

(iv) Pembangunan Manusia

Apabila berlaku perubahan iklim, lima aspek pembangunan manusia dijangka akan terjejas iaitu pengurangan hasil pertanian, peningkatan tahap air tidak selamat, peningkatan pendedahan kepada kejadian cuaca yang melampau, keruntuhan ekosistem dan peningkatan risiko kesihatan.

(v) Hubungan antara perubahan iklim dan hak asasi manusia

Badan-badan triti hak asasi manusia PBB mengiktiraf hubungan penting antara alam sekitar dengan kebolehan untuk merealisasikan pelbagai hak asasi manusia. Sebagai contoh, perubahan iklim memberi kesan kepada kesuburan tanah pertanian. Sekiranya tanah pertanian tidak subur, kapasiti manusia untuk pertanian juga akan berkurangan seterusnya menjejaskan hak kepada makanan. Bencana alam yang berpunca daripada perubahan iklim akan menyebabkan kematian malah memberi kesan langsung terhadap hak untuk hidup.

(vi) Risiko kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium (MDG)

Perubahan iklim menimbulkan risiko kepada keupayaan sesebuah negara untuk mencapai sasaran-sasaran MDG. Sebagai contoh, banjir kilat yang memusnahkan sawah padi akan memberi kesan kepada sumber pendapatan utama atau rezeki masyarakat atau keluarga berkenaan. Ini akan memberi kesan kepada pencapaian MDG 1 iaitu untuk membasmi kemiskinan tegar dan kelaparan terutamanya bagi negara-negara yang banyak bergantung kepada aktiviti tanaman. Perubahan iklim juga akan mengurangkan keupayaan kanak-kanak untuk mengambil bahagian dalam pendidikan sepenuh masa akibat kemusnahan infrastruktur, atau mengakibatkan peningkatan jumlah keluarga yang tersingkir.

(vii) Inisiatif Malaysia untuk menangani perubahan iklim

Selain daripada menerima pakai konvensyen antarabangsa seperti Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim dan Konvensyen Ramsar, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah perlindungan alam sekitar di peringkat nasional. Salah satu langkah paling inovatif adalah kitaran semula dan pemprosesan minyak masak terpakai untuk bahan api bagi kenderaan berenjin diesel.

(viii) Pengangkutan awam

Industri pengangkutan menyumbang kepada tahap pelepasan CO₂ yang amat tinggi. Beberapa kilang pembuat kereta yang mempunyai teknologi hijau moden telah memperkenalkan kenderaan elektrik dan hibrid. Inisiatif seperti itu boleh digunapakai dalam sistem pengangkutan awam.

(ix) Inisiatif Hijau

Penggunaan inisiatif ini perlu dipertingkatkan untuk menyedarkan semua lapisan masyarakat akan amalan semasa yang membawa kesan buruk terhadap alam sekitar dan kepentingan mengamalkan pendekatan yang mesra alam. RTD mengenai Skim Pensijilan Minyak Kelapa Sawit yang Mapan dan Skim Pensijilan Kayu Malaysia adalah contoh-contoh inisiatif yang dianggap mempunyai kesan positif terhadap perlindungan alam sekitar.

(x) Cabaran untuk melaksanakan teknologi hijau

Masih banyak industri yang enggan menggunakan teknologi hijau atas alasan ia tidak menguntungkan. Sebaliknya, teknologi hijau sebenarnya menguntungkan cuma pulangnya lebih rendah jika dibandingkan dengan penggunaan teknologi yang tidak mesra alam.

ECOSOCWG yang akan menganjurkan RTD susulan pada awal 2012 bersama badan-badan bukan kerajaan dan peserta industri, untuk memperkenalkan dan menggalakkan pendekatan hak asasi manusia dalam usaha perlindungan alam sekitar.

6. HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Seminar mengenai Hak Orang Kurang Upaya (OKU) yang dianjurkan pada 5 Disember telah mengkaji semula situasi di Malaysia berikutan enakmen Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta OKU). Seminar itu juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang hak-hak OKU seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dan mengenalpasti aspek-aspek yang masih memerlukan penambahbaikan.

Seminar tersebut telah kira-kira 200 peserta, yang terdiri daripada orang-orang kurang upaya, serta wakil-wakil NGO dan agensi kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan serta kumpulan dan individu berkepentingan.



OKU adalah yang teramai hadir di Seminar pada 5 Disember

Isu-isu yang Dibangkitkan oleh Peserta

- (i) Walaupun Akta OKU memberi hak orang-orang kurang upaya kepada pelbagai kemudahan dan perkhidmatan, ia tidak menjamin hak mereka daripada sebarang bentuk diskriminasi. Sebagai contoh, di Malaysia, OKU tidak berhak kepada perlindungan insurans dan ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang jelas. Perspektif hak asasi manusia harus menjadi asas akta tersebut.
- (ii) Kerajaan hendaklah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Akta OKU dilaksanakan secara tegas dengan memastikan agar mekanisme untuk pemantauan pelaksanaan ditubuhkan.

- (iii) Penerimaan CRPD oleh Malaysia adalah satu langkah yang tepat. Untuk mengukuhkan komitmen dan kebertanggungjawaban dalam melindungi hak-hak OKU, Malaysia perlu meratifikasi Protokol Pilihan kepada Konvensyen tersebut.
- (iv) Walaupun terdapat peningkatan dalam usaha memastikan kemudahan dan perkhidmatan awam yang mesra OKU, inisiatif inisiatif tersebut perlu ditingkatkan. Generasi '*Baby Boomer*' semakin berusia justeru itu, Malaysia akan berhadapan dengan satu kumpulan yang hidup dengan pelbagai jenis kecacatan fizikal dan batasan. Sehubungan dengan itu, bangunan dan pengangkutan awam serta laluan pejalan kaki yang mesra OKU perlu diwujudkan dengan serta-merta.
- (v) Latihan untuk OKU perlu dipergiat bagi meningkatkan keupayaan mereka mencari pekerjaan.
- (vi) OKU perlu diberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan. Pada masa kini, ramai OKU yang menghadapi kesukaran mendapat pekerjaan disebabkan oleh persepsi masyarakat awam yang terhad atau tidak tepat mengenai kebolehan dan kemahiran OKU.
- (vii) Terdapat keperluan untuk meningkatkan akses kepada perumahan mesra OKU. Ia perlulah mampu dimiliki, memandangkan terdapatnya kekurangan akses kepada pekerjaan dan pendapatan dalam kalangan OKU. Kerajaan boleh memperuntukkan 25% diskaun kepada pembeli rumah OKU.

....Akta OKU....
tidak menjamin hak mereka daripada sebarang bentuk diskriminasi. Sebagai contoh.... OKU tidak berhak kepada perlindungan insurans, dan ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang jelas.

Laporan seminar, bersama-sama syor Suruhanjaya dijangka siap pada tahun 2012 untuk pertimbangan Kerajaan.

7. HARAPAN MASA DEPAN

Di samping mengetengahkan nasib kumpulan rentan, ECOSOCWG akan merangka satu dasar cadangan berhubung peranan sektor perniagaan untuk melindungi hak asasi manusia. Ia juga akan memantau tindakan Kerajaan terhadap syor-syor Suruhanjaya dan akan mengenalpasti aspek-aspek yang memerlukan perhatian lanjut. Ia juga akan terus memastikan penyertaan pihak yang berkepentingan iaitu komuniti-komuniti berkenaan, Kerajaan, NGO serta kumpulan dan individu yang berkepentingan dalam aktiviti-aktiviti Suruhanjaya.

LAPORAN JAWATANKUASA ISU DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

Sebuah institusi nasional hendaklah, antara lain...bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan organisasi-organisasi lain dalam sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, institusi-institusi serantau dan institusi-institusi nasional negara-negara lain yang kompeten dalam bidang promosi dan perlindungan hak asasi manusia.

Prinsip-prinsip berkaitan Status dan Fungsi Institusi-institusi Nasional untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia – Prinsip-prinsip Paris

Suruhanjaya telah melibatkan diri secara aktif dengan mekanisme-mekanisme hak asasi manusia antarabangsa dan serantau, dengan demikian meningkatkan pengiktirafan terhadap peranan dan usaha Suruhanjaya dalam mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia.

1. RANGKAIAN JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI-INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)

Suruhanjaya telah menyokong Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa (ICC) dalam mencapai keutamaan-keutamaan strategiknya mempromosi dan mengukuhkan peranan serta usaha institusi-institusi hak asasi manusia nasional (NHRI) di peringkat domestik dan antarabangsa. Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam acara-acara utama ICC, khususnya dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke-24 ICC (ICC24) yang telah diadakan pada 17 hingga 19 Mei di Geneva, Switzerland.

ICC24 telah mempamerkan kemajuan yang memberangsangkan dalam melaksanakan Pelan Strategik dan Operasi ICC bagi tahun 2010 hingga 2011. Ia adalah hasil daripada penglibatan dan advokasi yang aktif dalam pelbagai bidang dan aktiviti merangkumi:

- Hak asasi manusia dan perniagaan serta peranan NHRI.
- NHRI dan hak Orang Asal/Asli.
- NHRI dan Perisytiharan mengenai Pendidikan dan Latihan Hak Asasi Manusia.

- Kedudukan NHRI di Suruhanjaya Mengenai Status Wanita.
- NHRI dan hak Orang Kurang Upaya (OKU).
- Protokol Pilihan baru kepada Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak.
- Peningkatan penglibatan antara NHRI, Majlis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia (HRC) dengan mekanisme-mekanisme PBB lain, khususnya Badan-badan Triti dan Prosedur-prosedur Khas.



*Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) dan Encik Detta Samen (Pesuruhjaya)
pada salah satu sesi ICC24 di Geneva*

Selain mengetengahkan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh NHRI di empat rantau iaitu Afrika, Asia Pasifik, Eropah dan Amerika, ICC24 juga memerhatikan peningkatan keperluan untuk NHRI mengenal pasti dan memantau situasi hak asasi manusia domestik yang boleh menjejaskan keamanan dan pembangunan mapan serta menasihati kerajaan dan masyarakat sivil tentang penyelesaian yang sesuai serta selari dengan hak asasi manusia.

Sebagai Ahli Biro ICC, Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Biro yang diadakan pada 16 Mei di Geneva dan 10 Oktober di Seoul. Suruhanjaya juga terlibat dalam penyediaan Pelan Tindakan ICC untuk jangka masa dari November 2011 hingga Mac 2013. Ini juga akan menjadi rujukan utama ICC dalam meningkatkan mandatnya sebagai sebuah rangkaian NHRI antarabangsa.

Mesyuarat-mesyuarat Biro tersebut telah mengenal pasti beberapa isu penting untuk dibincangkan di Mesyuarat Agung ICC akan datang, termasuk satu perbincangan panel mengenai Orang Asal/Asli. Suruhanjaya telah dijemput untuk berkongsi pengalaman tentang Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia yang sedang dijalankan. Selain itu, memandangkan pengalamannya dalam proses akreditasi ICC sebelum ini, Suruhanjaya telah dijemput untuk berkongsi pengalaman yang diperolehi daripada proses tersebut untuk acara yang akan berlangsung bersempena dengan Mesyuarat Agung ICC akan datang pada Mac 2012.

Ahli-ahli Biro mengambil maklum bahawa Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Manusia (OHCHR) menerusi Bahagian Institusi Nasional dan Mekanisme Serantau akan terus menyokong usaha ke arah penubuhan dan pengukuhan NHRI. Dalam usaha meningkatkan keterlibatan dan akses kepada kerja ICC dan ahli-ahlinya, OHCHR bersedia untuk membantu mengkaji semula laman web ICC dan menempatkan seorang kakitangan untuk menyelia pembangunan dan penyelenggaraan laman web tersebut.

Sebagai sebahagian daripada usaha advokasi untuk meluaskan penyertaan NHRI di forum-forum PBB, ICC telah menyerahkan satu kertas cadangan untuk kajian semula HRC. ICC juga telah mengambil bahagian secara intensif dalam konsultasi-konsultasi tidak rasmi, yang diketuai oleh Kumpulan Kerja Kajian Semula HRC dari bulan October 2010 hingga Februari 2011. Kertas cadangan ICC tersebut bertujuan menjamin pengiktirafan yang lebih tinggi dan penyertaan yang lebih meluas oleh NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris dalam Majlis dan mekanisme-mekanismenya.

Pada bulan November, ICC telah menyumbangkan input kepada Resolusi Perhimpunan Agung PBB (UNGA) berkenaan NHRI yang diusulkan oleh negara Jerman untuk diterima oleh sesi ke-66 UNGA. Resolusi tersebut bertujuan memberikan pengiktirafan dan sokongan kepada peranan dan kerja NHRI dan ICC serta pembentukan perkongsian antara ICC dengan agensi-agensi PBB serta OHCHR.

Dalam menyokong advokasi ICC, Suruhanjaya telah mengambil langkah melobi Kementerian Luar Negeri untuk bersama-sama menaja Resolusi tersebut. Kerajaan tidak melakukan sedemikian tetapi telah menyertai konsensus semasa UNGA menerimanya tanpa undi pada 19 Disember.

Memandangkan pengalamannya dalam proses akreditasi ICC sebelum ini, Suruhanjaya telah dijemput untuk berkongsi pengajaran yang diperolehi daripada proses tersebut, di satu acara yang akan berlangsung bersempena dengan Mesyuarat Agung ICC akan datang pada Mac 2012.

2. MAJLIS PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU HAK ASASI MANUSIA (HRC)

Pada Sesi Am ke-16 pada bulan Mac, HRC telah menerima pakai satu Resolusi konsensus mengenai hasil kajian tentang usaha dan fungsi HRC (Resolusi HRC/16/L.39). Resolusi itu telah mencerminkan beberapa hasil penting yang timbul daripada kertas cadangan ICC, terutamanya mengenai penyertaan dan penglibatan NHRI berstatus 'A' dengan mekanisme-mekanisme Majlis berkenaan Penilaian Penggalan Sejangat dan Prosedur-prosedur Khas.

Pada Sesi Am ke-17 pada bulan Jun, HRC telah menerima pakai satu resolusi penting mengenai NHRI (Resolusi HRC/ 17/L.18). Resolusi ini menyeru Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk melaporkan kepada HRC tentang NHRI dan proses akreditasi ICC dalam mempromosikan NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris. Resolusi tersebut menggalakkan Negara-negara menyediakan dana tambahan secara sukarela kepada OHCHR bagi menyokong kerja ICC dan badan-badan penyelaras serantaunya. Resolusi tersebut, yang diusulkan oleh ICC, telah ditaja oleh Kerajaan Australia. Ia telah menerima sokongan lebih 115 Negara dari seluruh dunia. Suruhanjaya berasa gembira kerana beberapa negara yang menjadi penaja bersama Resolusi tersebut terdiri daripada Negara yang masih belum menubuhkan NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris.

Suruhanjaya menganggap penerimaan kedua-dua Resolusi tersebut sebagai satu penegasan positif oleh HRC mengenai peranan penting dan usaha berharga NHRI dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Perlu ditegaskan bahawa penerimaan Resolusi-resolusi tersebut telah dijayakan melalui usaha-usaha advokasi individu dan kolektif ICC serta ahli-ahlinya di kedua-dua peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada 13 September, Naib Pengerusi Suruhanjaya, Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee, atas jemputan HRC sempena dengan Sesi Am HRC ke-18 (HRC18), telah mengambil bahagian dalam perbincangan panel tentang 'Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia dalam Konteks Bantahan secara Aman'. Selain menegaskan hak individu untuk mengambil bahagian dalam bantahan secara aman dan hubungannya dengan kewajipan Negara dalam memastikan tanggungjawab utamanya untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, panel tersebut juga bertujuan mengenal pasti cara-cara dan kaedah-kaedah untuk meningkatkan perlindungan hak asasi manusia dalam konteks bantahan secara aman mengikut undang-undang antarabangsa.

Lima ahli panel yang terkemuka dari pelbagai rantau termasuk Pelapor Khas PBB mengenai hak untuk kebebasan berhimpun secara aman dan

Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam beberapa sesi utama di HRC18 dan menyampaikan kenyataan lisan dan bertulis tentang hak-hak Orang Asal/ Asli dan Penilaian Penggalan Sejangat, dalam kapasitinya sebagai NHRI berstatus 'A'.

kebebasan berpersatuan. Ucaptama telah disampaikan oleh Presiden Maldives, Tuan Yang Terutama Mohamed Nasheed telah berkongsi pengalaman peribadi beliau sebagai pemimpin pembantah yang telah ditangkap dan dipenjarakan atas sebab berjuang untuk menuntut reformasi.

Prof Datuk Dr Khaw, yang mewakili perspektif NHRI telah berucap mengenai penglibatan Suruhanjaya dalam peristiwa-peristiwa sebelum, semasa dan selepas perhimpunan awam yang telah dianjurkan oleh Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) pada 9 Julai di Kuala Lumpur. Beliau juga telah menekankan, antara lain, keperluan untuk:

- NHRI memantau dan memerhati bantahan serta menjadi orang tengah sebelum berlakunya bantahan dan dalam menangani akibat selepas bantahan.
- Pihak berkuasa bertindak dengan niat baik dengan cara yang tepat pada masanya, tanpa memilih kasih dan secara munasabah terhadap permohonan permit untuk berhimpun daripada individu dan pertubuhan-pertubuhan yang sah.
- Garis panduan tentang pelaksanaan syor-syor sesebuah NHRI patut dilaksanakan oleh Negara tersebut dalam memastikan pelaksanaan kebebasan berhimpun secara aman.

Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam beberapa sesi utama di HRC18 dan menyampaikan kenyataan lisan dan bertulis tentang hak-hak Orang Asal/ Asli dan Penilaian Penggalan Sejagat dalam kapasitinya sebagai NHRI berstatus 'A'. Di luar sesi-sesi tersebut, delegasi Suruhanjaya telah mengadakan mesyuarat dengan pihak berkepentingan utama yang melibatkan OHCHR, Jawatankuasa PBB mengenai Hak Orang Kurang Upaya (OKU) dan Wakil Tetap Malaysia ke PBB di Geneva. Delegasi tersebut telah mengambil bahagian dalam mesyuarat pakar tentang 'Hak Kanak-kanak dan Sektor Perniagaan' yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Mengenai Hak Kanak-kanak.

Penyertaan Suruhanjaya di HRC18 bermanfaat dalam mengukuhkan penglibatannya dengan mekanisme-mekanisme hak asasi manusia antarabangsa. Ia membolehkan Suruhanjaya berkongsi amalan-amalan baik dengan pelbagai pihak berkepentingan bertujuan memajukan hak asasi manusia.

3. FORUM KOMANWEL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (CFNHRI)

Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (CFNHRI) yang ditubuhkan pada tahun 2007 adalah sebuah badan NHRI dan mekanisme lain yang bermandatkan hak asasi manusia dari negara-negara anggota Komanwel. Objektif penubuhan CFNHRI ialah untuk menggalakkan rangkaian dan perkongsian maklumat, pengalaman dan amalan yang baik dalam kalangan negara-negara anggota.

CFNHRI bertujuan untuk melengkapi dan menyokong aktiviti-aktiviti ICC, OHCHR dan mekanisme serantau yang lain dan bukan bertujuan untuk menduplikasi aktiviti-aktiviti tersebut.

Sebagai anggota CFNHRI, Suruhanjaya telah menyertai Mesyuarat Dwi Tahunan Ke-3 CFNHRI yang diadakan di Bracknell, United Kingdom pada bulan Mei 2011. Dalam mesyuarat tersebut, ahli-ahli anggota telah membincangkan isu-isu seperti hak asasi manusia dan perubahan iklim, perniagaan dan hak asasi manusia, peranan NHRI sebagai mekanisme pemantauan nasional bagi Konvesyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dan hak-hak minoriti seksual.

Selepas mesyuarat dwi tahunan, CFNHRI telah menyerahkan *CFNHRI Communiqué* kepada Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM), yang menegaskan keperluan untuk mengutamakan hak asasi manusia dalam perbincangan mereka dan mengiktiraf talian rapat antara hak asasi manusia, keamanan, keselamatan dan pembangunan.

Di samping itu, CFNHRI telah mengemukakan maklum balas terhadap kertas cadangan Kumpulan Tokoh-tokoh Komanwel (EPG) tentang nilai-nilai perjuangan Komanwel. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah pembangunan 'Piagam Komanwel' untuk mengiktiraf kepentingan menghormati hak asasi manusia sebagai nilai teras, melantik seorang Pesuruhjaya Demokrasi, Kedaulatan Undang-undang dan Hak Asasi Manusia. Mesyuarat CHOGM yang diadakan pada 28 hingga 30 Oktober di Perth, Australia telah mencapai persetujuan untuk membangunkan Piagam Komanwel. Ia juga meminta Setiausaha Agung dan Kumpulan Tindakan Menteri-menteri Komanwel menilai pilihan yang berkaitan cadangan EPG melantik seorang Pesuruhjaya untuk Demokrasi, Kedaulatan Undang-undang dan Hak Asasi Manusia.

4. PENILAIAN PENGALAN SEJAGAT (UPR)

Suruhanjaya mempunyai peranan yang penting dalam memantau pelaksanaan syor-syor Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) oleh Kerajaan dan badan-badan berkepentingan lain.

Pada 21 hingga 22 April, dengan kepakaran yang disediakan oleh OHCHR, Suruhanjaya telah menganjurkan satu bengkel latihan tentang proses UPR untuk ahli dan kakitangan Suruhanjaya. Satu sesi taklimat yang berasingan juga telah diadakan untuk agensi-agensi kerajaan dan wakil-wakil pertubuhan masyarakat sivil (CSO).

Pada bulan Ogos, Suruhanjaya telah menyerahkan Laporan Interim UPR dan melalui wakil ICC, telah membentangkan pernyataan lisan ke HRC 18. Usaha-usaha Suruhanjaya mengenai tindakan susulan UPR diterima dengan baik oleh badan-badan hak asasi manusia antarabangsa.

Pada bulan Ogos, Suruhanjaya telah menyerahkan Laporan Interim UPR dan melalui wakil ICC, telah membentangkan pernyataan lisan ke HRC 18.

Suruhanjaya mengalu-alukan perubahan-perubahan penting dalam penilaian semula HRC terhadap mekanisme UPR yang membenarkan NHRI berstatus 'A' menyuarakan pandangan sebaik sahaja Negara yang dinilai semula memberikan pandangan mereka semasa pembentangan laporan penilaian semula di sesi am HRC. NHRI juga diberikan ruangan tersendiri untuk menyumbangkan maklumat mereka.

Menyedari kepentingan perkongsian amalan baik tentang tindakan susulan UPR, Pejabat OHCHR di Kemboja telah menjemput Suruhanjaya menghadiri mesyuarat konsultasi antara Kementerian dengan masyarakat sivil berkaitan syor-syor UPR pada 27 hingga 28 Julai di Phnom Penh. Mesyuarat tersebut telah memberikan peluang kepada agensi kerajaan dan masyarakat sivil untuk membincangkan tindakan susulan berkesan yang boleh diambil terhadap syor-syor UPR yang diterima pakai oleh Kerajaan Kemboja melalui inisiatif bersama badan-badan berkepentingan lain.

Selain berkongsi pengalaman tentang proses UPR, Suruhanjaya juga telah menyelia perbincangan antara Kerajaan Kemboja dengan masyarakat sivil bagi membangunkan pelan tindakan pelaksanaan syor-syor UPR negara tersebut.

5. FORUM INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL ASIA TENGGARA (SEANF)

Dalam usaha mengetengahkan peranan sebagai mekanisme hak asasi manusia sub-serantau yang bebas, SEANF telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik pada 9 hingga 11 Jun di Jakarta, Indonesia. Objektif utama bengkel tersebut adalah untuk merangka sebuah pelan yang akan menentukan keutamaan strategik dan hala tuju SEANF pada tahun-tahun akan datang. Pelan Strategik Lima Tahun tersebut telah diterima pakai oleh ahli SEANF di Bangkok, Thailand pada 6 September. Pelan tersebut mendefinisikan konteks kerja bagi SEANF dari tahun 2012 hingga 2016 yang mengandungi aktiviti-aktiviti dan petunjuk-petunjuk khusus. Satu pelan tindakan juga akan dibentuk oleh SEANF bagi memastikan pelan strategik tersebut dilaksanakan tahun demi tahun.

SEANF telah memainkan peranan pentingnya dengan memberi tumpuan pada isu dan mekanisme hak asasi manusia serantau, khususnya dalam penggubalan Perisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) yang diterajui oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Kerajaan ASEAN (AICHR). Perisytiharan tersebut akan menjadi asas kepada pembentukan rangka kerja bagi kerjasama hak asasi manusia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 4.2 Terma Rujukan AICHR.

Selaku ketua NHRI bagi projek SEANF tentang pekerja asing, Suruhanjaya telah meneruskan usaha untuk menggesa pelaksanaan syor-syor yang terkandung dalam Kertas SEANF Mengenai Pekerja Asing yang telah diterbitkan pada bulan November 2010. Pada 9 Ogos, Suruhanjaya telah mengadakan Mesyuarat Konsultasi Susulan bersama agensi-agensi Kerajaan di Malaysia untuk mendapatkan



*Wakil-wakil SEANF selepas mesyuarat yang diadakan sempena ICC 24
pada 18 Mei di Geneva*

maklum balas rasmi Kerajaan berkenaan syor-syor tersebut. Selain maklum balas yang dikemukakan semasa mesyuarat tersebut, agensi-agensi Kerajaan telah bersetuju untuk menyerahkan satu laporan bersepadu mengandungi maklum balas yang komprehensif terhadap syor-syor tersebut. Ketika laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih belum menerima laporan bersepadu tersebut. Walau bagaimanapun, maklum balas umum oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- Kerajaan hanya akan memberi maklum balas kepada Suruhanjaya dan bukan kepada SEANF kerana kerajaan tidak mengiktiraf penubuhan dan kesahan SEANF.
- Syor-syor yang dibuat terlalu umum.
- Suruhanjaya juga perlu mengambil kira situasi majikan apabila meneliti isu-isu berkaitan pekerja asing.

Mesyuarat Tahunan SEANF ke-8 telah diadakan di Quezon, Filipina pada 18 hingga 19 Oktober. Ahli-ahli SEANF telah bersetuju untuk melaksanakan beberapa projek bertema baru seperti berikut:

- Perniagaan dan hak asasi manusia (dikuasai bersama oleh Suruhanjaya Indonesia dan Filipina).
- Alam sekitar dan perubahan iklim (dikuasai oleh Suruhanjaya Thai).
- Orang Asal/Asli (dikuasai oleh Suruhanjaya Malaysia).

- Tahanan dan pemantauan (dikuasai oleh Suruhanjaya Indonesia).
- Pergerakan orang (dikuasai oleh Suruhanjaya Timor Leste).

Selaku ketua bagi projek tentang Orang Asal/Asli, Suruhanjaya telah menyediakan satu kertas konsep selaras dengan pelan strategik SEANF yang telah mencadangkan beberapa aktiviti yang boleh dilaksanakan bersama oleh ahli-ahli SEANF. Aktiviti-aktiviti ini akan melibatkan perkongsian antara pegawai-pegawai fokal SEANF dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (APF), ICC, agensi-agensi PBB dan organisasi-organisasi yang berkaitan dengan Orang Asal/Asli.

Mesyuarat tersebut juga telah meluluskan Kertas Cadangan SEANF tentang AHRD yang sebahagian besarnya mengandungi input daripada Suruhanjaya dan menekankan unsur-unsur teras berikut:

- Prinsip-prinsip kesejagatan, ketakterbahagikan, salingbergantungan dan salingkaitan hak asasi manusia.
- Keseimbangan hak, kebebasan dan tanggungjawab.
- Prinsip-prinsip hak asasi manusia dan piawaian yang boleh diaplikasikan.
- Rujukan kepada keutamaan ASEAN.
- Peranan NHRI dan pihak berkepentingan yang lain.
- Evolusi AHRD.

Suruhanjaya telah mengemukakan kertas cadangan tersebut kepada Wakil Malaysia bagi AICHR, untuk pertimbangan dan kemungkinan melibatkan diri dalam perbincangan penggubalan AHRD.

Dalam menegaskan kewujudannya sebagai entiti hak asasi manusia yang boleh dipercayai, SEANF telah bersetuju untuk mengukuhkan lagi hubungannya dengan para pembela hak asasi manusia daripada CSO dan institusi-institusi pembelajaran di rantau ini, selaras dengan keutamaan strategik SEANF.

Pada 27 November, SEANF telah mengadakan sesi dialog bersama Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia, Puan Navanethem Pillay di Bali, Indonesia semasa lawatan beliau ke rantau Asia. Isu-isu yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- Kerja dan pelan strategik SEANF untuk tahun 2012 hingga 2016.

- Perkembangan positif termasuk penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Myanmar (MNHRC).
- Penglibatan SEANF dengan MNHRC dan AICHR.
- Peranan NHRI dalam sistem hak asasi manusia antarabangsa terutamanya dalam proses UPR.
- Kerjasama antara SEANF dengan OHCHR.
- Pembaharuan undang-undang keselamatan negara di Malaysia.

Pengerusi Suruhanjaya telah mengambil bahagian sebagai penceramah dalam Seminar Hak Asasi Manusia untuk pegawai-pegawai kerajaan Republik Kesatuan Myanmar. Seminar tersebut diadakan pada 14 dan 15 November telah dianjurkan oleh Pejabat Serantau OHCHR untuk Asia Tenggara serta dihadiri oleh wakil-wakil pelbagai kementerian dan ahli-ahli MNHRC. OHCHR telah menjemput Pengerusi Suruhanjaya untuk berkongsi amalan terbaik, pengalaman dan cabaran berkaitan penubuhan NHRI dan keselarasannya dengan Prinsip-prinsip Paris. Dengan mengambil kira perkara tersebut, Pesuruhjaya Tinggi juga telah menegaskan betapa pentingnya bagi SEANF menjalinkan hubungan dengan NHRI kelima ini di ASEAN.

OHCHR telah menjemput Pengerusi Suruhanjaya untuk berkongsi amalan terbaik, pengalaman dan cabaran berkaitan penubuhan NHRI dan keselarasannya dengan Prinsip-prinsip Paris.

Ahli-ahli SEANF juga telah mengambil bahagian dalam Konsultasi Serantau berkenaan dengan ASEAN dan Hak Asasi Manusia kali ke-4 yang telah dianjurkan oleh Forum Asia Bagi Hak Asasi Manusia dan Pembangunan (FORUM-ASIA). Beberapa masyarakat sivil daripada rantau ini telah menghadiri konsultasi tersebut, termasuk Pengerusi AICHR yang baru. Konsultasi itu menegaskan keperluan AICHR untuk menjalinkan hubungan dengan masyarakat sivil dan NHRI dalam penggubalan AHRD.

6. FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (APF)

Pada 20 hingga 21 Jun, Suruhanjaya telah menjadi tuan rumah kepada satu persidangan serantau mengenai '*Integrating Reproductive Rights into the Work of NHRIs*' di Kuala Lumpur. Ia telah diadakan dengan kerjasama APF dan Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA). Persidangan itu terbukti amat berguna kerana NHRI dan UNFPA telah berjaya membincangkan bidang kerja baru terutama bagi NHRI dan juga isu-isu kerjasama akan datang.



Persidangan APF tentang 'Perniagaan dan Hak Asasi Manusia' pada 11 hingga 13 Oktober di Seoul

Mesyuarat Tahunan APF dan Persidangan Dwi Tahunan APF ke-16 (APF16) telah diadakan pada 6 hingga 8 September di Bangkok, Thailand. Pada Mesyuarat Tahunan tersebut Suruhanjaya dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Jordan telah dilantik semula oleh Ahli APF sebagai wakil APF ke Biro ICC pada Mac 2012 hingga Mac 2015.

APF 16 telah membincangkan beberapa perkara penting berkaitan keahlian baru Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangladesh, penglibatan dengan Kumpulan Kerja Penuaan Terbuka PBB (*UN Open-Ended Working Group on Ageing*), penilaian semula sistem akreditasi dan pemerhatian am ICC serta isu-isu tema seperti orientasi seksual, hak kepada pembangunan dan penglibatan NHRI dengan mekanisme hak asasi manusia PBB.

Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam persidangan APF tentang 'Perniagaan dan Hak Asasi Manusia' pada 11 hingga 13 Oktober yang dianjurkan bersama oleh Suruhanjaya Korea Selatan dan APF di Seoul sebagai tindakan susulan kepada Deklarasi Edinburgh yang diterima pakai pada Oktober 2010. Pesuruhjaya James Nayagam telah menekankan inisiatif Suruhanjaya dalam menganjurkan persidangan meja bulat tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia bersama badan-badan berkepentingan di Malaysia serta rancangan Suruhanjaya untuk menggubal dasar mengenai perniagaan dan hak asasi manusia yang perlu dipatuhi oleh sektor swasta dan bakal dikemukakan untuk pertimbangan pihak kerajaan.

Pada 20-21 Jun, Suruhanjaya telah menjadi tuan rumah kepada satu persidangan serantau 'Integrating Reproductive Rights into the Work of NHRIs' di Kuala Lumpur.

Persidangan tersebut diakhiri dengan penerimaan keputusan persidangan oleh ahli-ahli APF. Hasil persidangan tersebut mendapati bahawa, adalah perlu untuk:

- Mengkaji dan menyemak semula Pelan Strategik mereka bagi memastikan tindakan diambil dan diberi keutamaan untuk menangani pencabulan hak asasi manusia oleh sektor perniagaan.
- Mengkaji kapasiti institusi mereka dan mengenal pasti keperluan latihan supaya mereka boleh mengambil tindakan yang efektif berkenaan perniagaan dan hak asasi manusia.
- Mewujudkan satu titik fokus bagi perniagaan dan hak asasi manusia dalam institusi masing-masing, jika masih belum berbuat demikian.
- Membangunkan hubungan dengan badan-badan berkepentingan termasuklah Kerajaan, sektor perniagaan dan masyarakat sivil bagi mewujudkan dialog berterusan mengenai perniagaan dan hak asasi manusia.

7. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Berikutan mesyuarat pertama bersama Suruhanjaya pada bulan November 2010, Bahagian Hal-Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), selaku agensi fokus bagi NHRAP, telah mengadakan mesyuarat susulan dengan Suruhanjaya pada 14 Mac untuk membincangkan pengubalan NHRAP.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada agensi kerajaan dan Pejabat Serantau OHCHR untuk Asia Tenggara serta Pasukan Negara PBB (UNCT) di Malaysia. Selain membincangkan aspek-aspek penting yang perlu dimasukkan dalam NHRAP, mesyuarat tersebut mengakui perlunya BHEUU mengadakan konsultasi secara meluas dengan agensi-agensi kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan sebelum pembangunan NHRAP.

Memandangkan betapa pentingnya NHRAP dan hasil-hasil positif yang bakal diserap dalam situasi hak asasi manusia di negara ini, Suruhanjaya berpendapat bahawa perlunya satu jangka masa yang munasabah untuk menyiapkan pelan tersebut. Suruhanjaya komited untuk membantu kerajaan, terutamanya di peringkat fasa penyediaan dan pembangunan NHRAP melalui perkongsian pandangan dan cadangan apabila diperlukan.

8. HARAPAN MASA DEPAN

Dalam menyokong komitmen Suruhanjaya untuk memajukan hak asasi manusia, IICC akan melibatkan pihak berkepentingan utama dalam sesi-sesi dialog. Suruhanjaya juga akan memainkan peranan aktif sebagai ahli Biro ICC dan sebagai ketua NHRI bagi projek bersama SEANF tentang hak-hak Orang Asal/Asli. Penglibatan dalam mekanisme serantau dan antarabangsa akan menyumbang ke arah advokasi tempatan untuk penerimaan dan pelaksanaan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

IICC akan memantau pelaksanaan Syor-syor UPR yang telah diterima oleh Malaysia. Sebagai persediaan Malaysia untuk sesi UPR akan datang pada tahun 2013, IICC bercadang menganjurkan mesyuarat dengan agensi kerajaan dan CSO untuk mendapatkan input bagi Laporan Suruhanjaya kepada HRC. Di samping itu, IICC berharap dapat membantu Kerajaan dengan memberikan input dan syor-syor ke arah pembentukan NHRAP yang baik dan boleh dilaksanakan.

LAPORAN JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI

Kami bukan mitos masa lalu, pupus dalam belantara, atau zoo. Kami adalah manusia dan kami mahu dihormati, bukan menjadi mangsa sikap tidak bertoleransi dan perkauman.

Rigoberta MenchuTum

Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli (IPRC) telah menganjurkan empat aktiviti utama sepanjang tahun. Wakil IPRC telah menghadiri aktiviti-aktiviti berkaitan Orang Asal/Asli yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkaitan dan menyumbang secara aktif dan berterusan kepada Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (NI) di Malaysia.

IPRC juga telah bekerjasama dengan agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan, kumpulan-kumpulan Orang Asal/Asli, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi masyarakat sivil untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Orang Asal/Asli dan mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian, serta untuk meningkatkan pemahaman mengenai hak-hak dan budaya Orang Asal/Asli. Beberapa mesyuarat telah diadakan dengan Kumpulan-kumpulan Kerja dan Jawatankuasa-Jawatankuasa dalaman untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

1. SEMINAR MENGENAI HAK ORANG ASAL/ASLI DAN HAK UNTUK TERLIBAT DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Pada 28 Januari, satu seminar telah dianjurkan oleh IPRC dan dihadiri oleh wakil-wakil Kerajaan, Orang Asal/Asli, NGO dan ahli akademik. Laporan seminar tersebut telah dihantar kepada Sekretariat Mekanisme Pakar Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak-Hak Orang Asal/Asli bagi menyatakan sumbangsaran kepada kajian yang sama. Laporan Suruhanjaya telah dimasukkan dalam laporan akhir Majlis Hak Asasi Manusia iaitu di perenggan 78:

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia telah menerima pakai pendekatan kerjasama dan responsif untuk merangka jalan penyelesaian bagi memperbaiki status dan pengiktirafan hak-hak tanah Adat Orang Asli, melalui NI. Kaedah-kaedah inkuiri termasuk penghujahan awam, konsultasi dan pendengaran awam yang mana Orang Asal/Asli sendiri merupakan pihak yang berkepentingan. Penyelidikan termasuklah aktiviti pemetaan komuniti yang akan memastikan penyertaan Orang-orang Asal/Asli dan organisasi dalam mendapatkan data bagi peta Sistem Maklumat Geografi yang menunjukkan tuntutan tanah Orang Asal/Asli.

Sekretariat menerima baik usaha Suruhanjaya dan merujuk kepada peranan institusi hak asasi manusia nasional di bawah perenggan 39 *Expert Mechanism Advice* No 2 (2011) mengenai Orang Asal/Asli dan hak untuk terlibat dalam membuat keputusan adalah seperti berikut:

Sebagai badan bebas, institusi hak asasi manusia nasional perlu memainkan peranan penting dalam menyatukan wakil-wakil Kerajaan dan Orang Asal/Asli, seterusnya menggalakkan penyertaan masyarakat Orang Asal/Asli dalam perbincangan dan proses membuat keputusan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan mereka. Institusi hak asasi manusia nasional juga boleh menekankan kepentingan semua pihak yang berkaitan untuk memastikan wakil-wakil Orang Asal/Asli terlibat dalam proses membuat keputusan. Melalui program-program institusi juga, penglibatan aktif Orang Asal/Asli dalam proses membuat keputusan mengenai isu-isu berkaitan adalah digalakkan.

Suruhanjaya secara konsisten telah mengesyorkan agar Kerajaan perlu memastikan bahawa terdapat perwakilan Orang Asal/Asli yang sesuai di semua peringkat membuat keputusan.

2. BENGKEL SISTEM PERUNDANGAN ORANG ASLI/ASAL

Pada 23 Mac, IPRC telah menganjurkan satu bengkel mengenai 'Sistem Perundangan Orang Asal/Asli' untuk menggalakkan kesedaran mengenai perundangan Orang Asal/Asli dan hak-hak yang berkaitan dengan mereka. Empat pemimpin Orang Asli membentangkan kertas kerja mengenai sistem perundangan dan adat resam masyarakat Orang Asal/Asli manakala Suruhanjaya membentangkan kertas kerja yang menggariskan pengiktirafan sistem perundangan Orang Asal/Asli dalam undang-undang antarabangsa.

Beberapa isu dan cadangan telah diutarakan. Di Sabah dan Sarawak, sistem perundangan Orang Asal/Asli masih diamalkan secara meluas dalam menyelesaikan pertikaian dalaman komuniti meskipun ia tidak diiktiraf oleh Kerajaan. Sistem perundangan Orang Asal/Asli berkait rapat dengan adat resam suku kaum masing-masing. Terdapat cadangan utama mengenai penubuhan Mahkamah Adat di Semenanjung Malaysia sama seperti Mahkamah Anak Negeri Sabah dan Sarawak.

Mengenai pelantikan *batin* (ketua kampung), terdapat isu mengenai perbezaan pandangan dalam kalangan *batin* tradisional (yang dipilih oleh komuniti) dan *batin* baru yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). *Batin* baru biasanya lebih berpendidikan dan mengikut prosedur yang digariskan oleh JAKOA, manakala *batin* tradisional cenderung untuk mengikut adat dan mengamalkan proses membuat keputusan secara berkumpulan.

Sistem perundangan Orang Asal/Asli berkait rapat dengan adat resam suku kaum masing-masing.

Terdapat cadangan bahawa dasar sedia ada untuk melantik *batin* melalui JAKOA dipinda untuk mengiktiraf *batin* yang dipilih oleh masyarakat Orang Asal/Asli sendiri dan untuk memastikan peranan utama *batin* adalah untuk mempromosi adat masyarakat Orang Asal/Asli.

3. FORUM MENGENAI PEMBANGUNAN EKONOMI ORANG ASAL/ASLI

Bersempena Perayaan Hari Orang Asal Sedunia yang disambut pada 8 Ogos, pejabat Sabah telah bekerjasama dengan IPRC untuk menganjurkan forum bertajuk 'Pembangunan Ekonomi Orang Asal/Asli'. Forum ini bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu ekonomi dan cabaran yang dihadapi oleh Orang Asal/Asli dan merangka cadangan untuk meningkatkan pemahaman mengenai kehidupan sosio-ekonomi Orang Asal/Asli. Forum ini dihadiri oleh lebih 300 wakil Kerajaan, NGO dan Orang Asal/Asli dari seluruh Malaysia. Penceramah yang dijemput adalah dari Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDIA), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Kolej Yayasan Sabah.

Matlamat utama SEDIA adalah untuk mempromosikan dan meningkatkan pembangunan Koridor Raya Pembangunan Sabah (SDC) dalam satu wilayah ekonomi terkemuka dan satu destinasi pilihan untuk pelaburan, pekerjaan dan kehidupan serta memastikan pembangunan sosial yang mampan diletakkan sebagai keutamaan di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam SDC. Penceramah menghuraikan mengenai projek-projek usahasama yang melibatkan tanah Orang Asal/Asli melalui pengeluaran Geran Komunal dan projek-projek Agropolitan. Wakil LIGS menerangkan tentang model penanaman getah secara berkelompok di kawasan tanah milik pekebun kecil serta membincangkan cabaran-cabaran pengurusan projek Agropolitan.

Peserta-peserta menyuarakan rasa kebimbangan terhadap pendekatan usahasama baru untuk pembangunan oleh masyarakat dan syarikat-syarikat swasta melalui Geran Komunal sebagai cara untuk meningkatkan taraf ekonomi Orang Asal/Asli. Keraguan diutarakan dengan mengambil kira keupayaan skim tersebut untuk memperbaiki status ekonomi Orang Asal/Asli, berdasarkan kegagalan pendekatan yang sama di Sarawak, di bawah skim Konsep Baru untuk masyarakat dan program Tanaman Semula Komersial di Semenanjung Malaysia di atas tanah masyarakat Orang Asal/Asli. Walaupun penjelasan ke atas jaminan keselamatan Geran Komunal telah diberikan, sesetengah peserta menyatakan bahawa tidak ada jaminan kepentingan peribadi negeri malah syarikat swasta tidak akan mengatasi kepentingan mereka sendiri memandangkan mereka tidak mempunyai kawalan ke atas Geran Komunal seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat khas geran tersebut. Terma-terma khas juga memberi kesan negatif kepada nilai-nilai budaya Orang Asal/Asli berhubung tanah mereka.

'.....keselamatan dan kesihatan amat penting kepada masyarakat, selain kepentingan ekonomi'.

Para peserta juga tidak bersetuju dengan Projek Agropolitan dan mempersoalkan sama ada agensi-agensi yang terlibat telah mengadakan rundingan secukupnya dengan penduduk kampung yang terjejas sebelum pelaksanaannya. Melalui forum ini, dimaklumkan bahawa sesetengah komuniti kini terpaksa menghadapi pencemaran air dan sungai akibat daripada projek-projek tersebut. Peserta menekankan bahawa keselamatan dan kesihatan amat penting kepada masyarakat, selain



Sesi soal jawab semasa forum berlangsung

kepentingan ekonomi. Terdapat cadangan bahawa pihak terlibat perlu menjalankan pemeriksaan di lapangan untuk mengenalpasti kesan projek tersebut. Selain itu, isu yang dibangkitkan adalah mengenai pencerobohan oleh syarikat-syarikat ke atas tanah adat Orang Asal/Asli dan kehilangan tanah bukan sahaja disebabkan oleh kelemahan dan sikap tidak ambil peduli masyarakat tetapi juga disebabkan oleh ketidaktelusan pihak berkuasa yang berkenaan.

Mengenai isu kadar kemiskinan di Sabah yang tinggi, dimaklumkan masalah utama adalah disebabkan oleh jumlah kemasukan pendatang tanpa izin yang besar. Perkara ini tidak termasuk dalam peruntukan kewangan Sabah untuk perkhidmatan asas dan infrastruktur. Selain itu banyak projek pembangunan dibina bukan berdasarkan keperluan dan kehendak rakyat.

Berdasarkan kepada isu-isu tersebut, para peserta mengutarakan cadangan-cadangan seperti berikut:

- (i) Suruhanjaya perlu memaklumkan dan memberikan maklumat kepada syarikat-syarikat swasta dan agensi kerajaan yang berkaitan mengenai kepentingan tanah adat Orang Asal/Asli kepada Orang Asal/Asli.
- (ii) Suruhanjaya perlu bekerjasama dengan pihak NGO dalam merangka undang-undang yang memberikan kesan kepada kepentingan Orang Asal/Asli dan bagi projek yang dicadangkan oleh kerajaan kepada Orang Asal/Asli.
- (iii) SEDIA, LIGS dan Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) perlu memandag lebih serius akan masalah Orang Asal/Asli mengenai kesan pembangunan ekonomi ke atas tanah adat mereka dan menghormati hak-hak Orang Asal/Asli terutamanya kepada tanah, budaya dan nilai-nilai mereka.

- (iv) Institusi pendidikan seperti Kolej Yayasan Sabah perlu mewujudkan mata pelajaran yang berteraskan aktiviti ekonomi dan pengetahuan Orang Asal/Asli seperti pengimpalan besi (membuat peralatan pertanian), penyediaan makanan, penyembuhan (urut) dan membuat kraftangan.

4. PERAYAAN HARI ORANG ASAL/ASLI SEDUNIA

(a) Sambutan Peringkat Kebangsaan

Bersempena sambutan Perayaan Hari Orang Asal/Asli Sedunia pada 9 Ogos, IPRC, Bahagian Perhubungan Awam dan Pejabat Sabah telah mengadakan pameran berkaitan aktiviti-aktiviti Suruhanjaya untuk mempromosi hak-hak Orang Asal/Asli. Sambutan tersebut diadakan pada 6 hingga 9 Ogos di Sabah oleh Jaringan Orang Asli SeMalaysia (JOAS) dan lain-lain pertubuhan Orang Asal/Asli tempatan.

Pada ucapan penutup, Pesuruhjaya Puan Jannie Lasimbang mencadangkan supaya Kerajaan, termasuk Kerajaan Negeri menyokong sambutan tersebut dan menyertainya pada masa-masa akan datang. Pihak penganjur juga digesa supaya mengadakan sesi dialog dengan jabatan Kerajaan dalam sambutan tersebut untuk membincangkan mengenai isu dan pembangunan Orang Asal/Asli.

(b) Aktiviti Tambahan

Pada 13 Ogos, Jawatankuasa Hak Orang Asli Majlis Peguam telah menganjurkan satu majlis makan malam. Beberapa anggota Suruhanjaya menghadiri acara tersebut dan sebuah dokumentari selama 30 minit bertajuk Hak Dinafikan (Rights Denied) telah ditayangkan. Ia memaparkan kes-kes pelanggaran hak tanah Orang Asal/Asli.



Pameran aktiviti-aktiviti Suruhanjaya bersempena Perayaan Hari Orang Asal/Asli Sedunia

IPRC dan Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi (EWG) turut menyampaikan ceramah dalam acara-acara lain di samping menyertai perbincangan mengenai hak tanah Orang Asal/Asli dalam dialog yang dianjurkan oleh JOAS pada bulan Oktober.

5. CADANGAN PINDAAN KEPADA AKTA ORANG ASLI

Pada tahun 2010, Kerajaan telah mengumumkan hasrat untuk meminda Akta Orang Asli 1954 bagi membolehkan pelaksanaan Dasar Pembermilikan Tanah. Memandangkan ramai masyarakat Orang Asal/Asli tidak bersetuju dengan dasar tersebut dan tidak berpuas hati dengan proses rundingan mengenai pindaan yang dicadangkan, Suruhanjaya telah membuat rayuan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk menangguhkan pembentangan pindaan yang dicadangkan sehingga selesai NI pada bulan Julai 2012.

Suruhanjaya juga mencadangkan supaya Kerajaan menangguhkan sebarang proses memuktamadkan dasar-dasar atau undang-undang baru ke atas tanah adat untuk diserahkan kepada Kabinet dan Majlis Tanah Negara (MTN) sehingga segala usaha telah dibuat untuk mendapatkan persetujuan bebas, awal dan bermaklumat daripada semua pihak yang berkepentingan terutamanya Orang Asal/Asli yang terjejas.

Walaupun bagaimanapun, Suruhanjaya berasa kecewa dengan pengumuman yang dibuat oleh JAKOA pada 16 Ogos bahawa mereka telah selesai mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri mengenai Dasar Pembermilikan Tanah kepada Orang Asal/Asli dan akan membawa perkara tersebut kepada Kabinet dan seterusnya kepada MTN. Walaupun secara rasminya Kerajaan masih belum memberikan maklum balas kepada rayuan Suruhanjaya, ia telah membatalkan cadangan asal untuk membentangkan pindaan pada sesi Parlimen bulan November.

6. FORUM MENGENAI 'PENDIDIKAN ORANG ASAL/ASLI'

Pada 9 November, IPRC telah bekerjasama dengan EWG untuk menganjurkan forum mengenai 'Pendidikan Orang Asal/Asli' bagi membincangkan dan memahami keperluan pendidikan masyarakat Orang Asal/Asli. Selain itu, forum ini juga untuk mengenalpasti tindakan yang perlu bagi memenuhi sasaran pendidikan Orang Asal/Asli, mengkaji semula Akta Pendidikan dan usaha-usaha yang dibuat untuk mengiktiraf sistem pendidikan Orang Asal/Asli serta merangka cadangan-cadangan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan. Forum ini memberi penumpuan kepada empat isu mengenai sistem pendidikan Orang Asal/Asli iaitu kekurangan kemudahan, bantuan kewangan, kesesuaian kurikulum arus perdana untuk masyarakat Orang Asal/Asli dan jumlah keciciran yang tinggi dalam kalangan murid Orang Asal/Asli.

Forum ini dihadiri hampir 130 peserta termasuk wakil-wakil Kerajaan, Orang Asli, NGO dan ahli akademik dari seluruh Semenanjung Malaysia. Lima ahli akademik dan wakil-wakil agensi Kerajaan telah membentangkan kertas kerja.



Salah seorang peserta Forum Pendidikan Orang Asal/Asli semasa perbincangan dalam kumpulan

Antara isu-isu utama yang dibangkitkan oleh para peserta adalah kekurangan sokongan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelajar-pelajar Orang Asal/Asli melanjutkan pelajaran. Sesetengah peserta mendakwa Skim Kumpulan Wang Amanah Pelajar sama ada tidak sampai kepada kumpulan sasaran atau kelewatan dalam pengagihan. Para peserta juga meluahkan rasa kecewa apabila tiada bantuan kewangan disediakan jika pelajar-pelajar menghadiri sekolah rendah Cina dan Tamil atau melanjutkan pelajaran ke institut pendidikan tinggi swasta. Kesannya, mereka terpaksa menolak tawaran melanjutkan pelajaran ke kolej-kolej swasta.

‘Maklumat mengenai peruntukan bantuan kewangan tidak sampai kepada masyarakat Orang Asal/Asli, malah batin juga tidak dimaklumkan tentang peruntukan pendidikan pelajar-pelajar Orang Asal/Asli’

Melalui forum ini, dimaklumkan bahawa masalah berlaku disebabkan sistem penyampaian yang lemah dan jurang komunikasi antara agensi kerajaan yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asal/Asli. Maklumat mengenai peruntukan bantuan kewangan tidak sampai kepada masyarakat Orang Asal/Asli, malah *batin* juga tidak dimaklumkan tentang peruntukan pendidikan pelajar-pelajar Orang Asal/Asli. Terdapat cadangan supaya JAKOA memberikan penjelasan mengenai prosedur biasiswa atau mana-mana bantuan kewangan yang diperuntukkan kepada pelajar Orang Asal/Asli.

Melalui isu yang diutarakan, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan.

- (i) Mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar Orang Asal/Asli.
 - Mengubahsuai sistem/kurikulum pendidikan yang bersesuaian dengan budaya dan persekitaran masyarakat Orang Asal/Asli.

- Memberikan keutamaan kepada kualiti pengangkutan dan kemudahan asrama serta mendedahkan guru-guru dan pelajar-pelajar yang berlainan bangsa dengan sensitiviti dan budaya masyarakat Orang Asal/Asli untuk mengatasi masalah diskriminasi di sekolah-sekolah.
 - Menyemai program yang membentuk keyakinan diri untuk meningkatkan tahap keyakinan di kalangan pelajar atau ibu bapa Orang Asal/Asli.
 - Memasyarakatkan sekolah dengan mengadakan program-program yang membolehkan guru-guru memahami masyarakat Orang Asal/Asli dan ibu bapa menjadi sebahagian daripada komuniti sekolah, dalam usaha untuk menghapuskan persekitaran yang memisahkan sekolah-sekolah dan komuniti sebagai entiti berasingan.
- (ii) Memasukkan elemen penting bagi sistem pendidikan yang sesuai dengan budaya.
- Memperkenalkan sejarah, budaya dan sukan/kraftangan/ekonomi/muzik tradisional masyarakat Orang Asal/Asli sebagai mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah yang terdapat kanak-kanak Orang Asal/Asli.
 - Melantik lebih ramai guru Orang Asal/Asli untuk mengajar pelajar-pelajar Orang Asal Asli.
 - Mereka kandungan kurikulum dan pembelajaran pedagogi yang sesuai dengan keadaan dan persekitaran Orang Asal/Asli.
- (iii) Mengamalkan sistem kepelbagaian bahasa dalam sistem pendidikan.
- Melantik guru-guru bahasa asli yang berkeelayakan.
 - Ujian dan penghasilan buku-buku dalam bahasa Orang Asal/Asli.
 - Memperkenalkan program bahasa asas di peringkat pra-sekolah.
- (iv) Cadangan kepada Kementerian Pelajaran untuk memperkasakan pendidikan dan pedagogi pengajian Orang Asli.
- Mengiktiraf bahasa ibunda Orang Asal/Asli dan menggunakannya dalam sistem pendidikan kebangsaan.
 - Penglibatan secara aktif semua agensi pelaksana dan masyarakat Orang Asal/Asli termasuklah organisasi kampung dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).
 - Menambahbaikan sistem pendidikan dari semua peringkat.

- Melonggarkan syarat dan meningkatkan lebih banyak kuota untuk pelajar Orang Asal/Asli memasuki Universiti, maktab perguruan dan pusat pengajian tinggi lain.

(v) Cadangan kepada JAKOA.

- Memberi penerangan secara mendalam mengenai prosedur bantuan biasiswa kepada Orang Asal/Asli.
- Memperkemaskan dan memperbaiki sistem penyampaian, termasuk menyediakan maklumat/data yang tepat untuk kelancaran penyampaian bantuan dan sokongan kepada kumpulan sasaran.
- Memaklumkan kepada *batin* untuk memastikan penyebaran maklumat yang lebih berkesan.
- Memberi bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar Orang Asal/Asli yang ingin belajar di sekolah rendah Cina dan Tamil.

(vi) Cadangan umum kepada Kerajaan.

- Semua agensi dan jabatan yang terlibat dengan Orang Asal/Asli perlu bekerjasama dalam penyusunan semula dan penggubalan dasar-dasar yang berkaitan.
- Melantik lebih banyak Orang Asal/Asli dalam jabatan Kerajaan.

7. SOKONGAN KEPADA AKTIVITI HAK ASASI

Dalam menunjukkan sokongan kepada aktiviti hak asasi, Suruhanjaya telah menyampaikan ceramah di Simposium Tanah, Universiti Malaysia Sabah pada 15 Jun, Persidangan Tanah Universiti Malaya pada 25 hingga 26 Januari, ceramah yang dianjurkan oleh Majlis Peguam pada 18 November, Persidangan Bali mengenai 'Hak Asasi Manusia dan Perniagaan' dari 28 hingga 30 November dan seminar oleh PROHAM pada 8 Disember. Lawatan ke perkampungan Orang Asal/Asli juga telah dijalankan.

8. KEPUTUSAN MAHKAMAH YANG MELIBATKAN ORANG ASAL/ASLI

Beberapa pertikaian mengenai pelanggaran hak Orang Asal/Asli telah dibawa ke mahkamah sepanjang tahun. Kebanyakannya adalah melibatkan tanah adat Orang Asal/Asli (NCR).

(a) *Rambilin binti Ambit lwn Penolong Pemungut Hasil Tanah*

Pada bulan Mac, Mahkamah Persekutuan membuat keputusan yang memihak kepada Rambilin, dan menolak permohonan seorang ahli perniagaan untuk mendapatkan kebenaran bagi membuat rayuan ke atas keputusan Mahkamah Rayuan. Pada asasnya, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu, Sabah telah mengesahkan bahawa tanah NCR Orang Asal/Asli yang merupakan hak sedia ada sebelum mana-mana undang-undang tanah adalah sah sehingga hari ini dan Rambilin, yang berasal dari Sabah, tidak perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa sebelum memasuki tanah Kerajaan untuk menuntut NCR. Keputusan ini bermakna NCR tertakluk di bawah *common law* dan kepentingan atau hak-hak negeri ke atas tanah mesti tertakluk kepada hak-hak Orang Asal/Asli ke atas tanah.

(b) *Andawan Ansapi & Lain-lain lwn Pendakwaraya*

Pada bulan April, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu, Sabah memutuskan bahawa Orang Asal/Asli mempunyai hak untuk berada di atas tanah NCR mereka walaupun di dalam hutan simpan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Hutan Sabah 1968. Hakim juga menolak keputusan Mahkamah Majistret Tenom yang menjatuhkan hukuman denda ke atas enam penduduk Orang Asal/Asli Kampung Imahit yang telah dituduh menceroboh hutan simpan untuk menanam padi huma pada tahun 2009. Mahkamah Tinggi membatalkan pertuduhan tersebut dan mengarahkan Jabatan Perhutanan mengembalikan denda berjumlah RM6,000 kepada mereka.

(c) *Grace Mark Sdn Bhd & 7 orang yang lain lwn Orang-orang Yang Menduduki Tanah (Serudung Laut, Tawau)*

Pada bulan Jun, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Tawau, Sabah mengetepikan perintah mahkamah rendah yang mengusir penduduk kampung Orang Asal/Asli dari tanah adat mereka di Kg Serudung, Kalabakan, Tawau. Mahkamah Tinggi mengarahkan lapan syarikat yang telah diberikan hakmilik tanah oleh Kerajaan Negeri supaya tidak mengganggu atau mengusir penduduk kampung ini kerana mereka mempunyai hak untuk hidup dan membangunkan tanah tradisi mereka.

(d) *Darinsok Pangiran Apan & Lain-lain lwn Hap Seng Consolidated Bhd & Lain-lain*

Pada bulan Julai, Mahkamah Persekutuan telah membenarkan rayuan Darinsuk dan empat yang lain dalam suatu tuntutan terhadap Hap Seng Consolidated Bhd dan empat syarikat lain. Kes tersebut dirujuk kembali ke Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu. Mahkamah Persekutuan juga memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi tidak sepatutnya menolak tuntutan penduduk kampung dengan hanya berdasarkan bantahan awal dan perintah Mahkamah Tinggi tersebut, sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan, harus diketepikan. Kes ini melibatkan Orang Asal/Asli dari beberapa kampung di Tongod yang mendakwa tanah NCR mereka telah diberi hakmilik kepada Syarikat Hap Seng dan empat syarikat lain oleh Kerajaan Sabah.

Mahkamah juga mengarahkan Penolong Pemungut Hasil Tanah supaya menjalankan siasatan awam dalam tempoh 60 hari berhubung dengan tuntutan NCR perayu-perayu di bawah Ordinan Tanah Sabah 1930.

(e) Indah Tilaong binti Marahil & Lain-lain lwn Mohd Apas bin Samsu

Pada bulan Jun, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Tawau, Sabah menolak permohonan Mohd Apas dengan kos bagi mengusir penduduk kampung di Kampung Tonggulangan, Semporna dari tanah adat mereka. Mohd Apas memohon untuk menggunakan prosiding terus di bawah Aturan 89 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk mengusir Indah Tilaong binti Marahil dan semua individu yang menduduki tanah tersebut. Tanah seluas 50 ekar yang dipertikaikan yang dimiliki oleh masyarakat Kampung Tonggulangan telah dipinjamkan kepada plaintif untuk penanaman namun dia kemudiannya mendapat pemilikan tanah tersebut.

(f) Bato Bagi & Lain-lain lwn Kerajaan Negeri Sarawak & lain-lain dan Jalang Paran & Seorang lagi lwn Kerajaan Negeri Sarawak & Seorang Lagi

Pada bulan September, dua rayuan telah didengar bersama-sama di Mahkamah Persekutuan di Putrajaya. Perayu-perayu dalam kedua-dua kes merupakan Orang Asal/Asli yang menuntut hak tanah adat yang telah lama mereka diami. Dalam kedua-dua kes, tanah NCR mereka telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk Projek Hidroelektrik Bakun (*Bato Bagi*) dan untuk pembinaan kilang kayu pulpa yang tidak pernah dibina (*Jalang*). Mahkamah Persekutuan sebulat suara menolak rayuan dan mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Mahkamah Rayuan dalam kes *Jalang* dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak bagi kes *Bato Bagi*. Mahkamah memutuskan bahawa Seksyen 4 dan 5 (3) Kanun Tanah Sarawak yang berkaitan dengan pemansuhan hak adat tidak melanggar Artikel 5 dan 13 Perlembagaan Persekutuan.

Mahkamah juga menekankan remedi lain untuk Orang Asal/Asli yang telah kehilangan tanah adat mereka kepada Kerajaan Negeri. Mahkamah berpendapat bahawa, walaupun Kanun Tanah Sarawak hanya merujuk kepada ‘pampasan’ dan bukan ‘pampasan yang mencukupi’ sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan, maksud di sebaliknya kedua-dua peruntukan tidak boleh dibezakan. Oleh itu, pampasan mesti bermakna pampasan yang mencukupi, adil atau wajar.

(g) Luking Uding & Lain-lain lwn Penguasa Tanah dan Survei Kota Samarahan & Lain-lain

Pada bulan Februari, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kuching mengiktiraf *pemakai menoa* sebagai tanah NCR di Sarawak. Plaintif menyatakan bahawa mereka telah menduduki tanah *pemakai menoa* tersebut sejak 1954. Ini diikuti dengan sempadan yang ditakrifkan berdasarkan mercu tanda kekal yang memisahkan Kampung Merakai daripada *pemakai menoa* kampung jiran. Defendan-defendan dan pekerjanya, ejen-ejen, pemegang serah hak dan pewaris telah dihalang daripada memasuki, menduduki, membersihkan atau menjalankan apa-apa pekerjaan di atas mana-mana bahagian tanah adat plaintif.

(h) *Pendakwaraya Iwn Udin Tan & Lain-lain*

Pada bulan Mac, Mahkamah Majistret Rompin telah membebaskan tiga Orang Asal/Asli Kampung Buluh Nipis daripada tuduhan mencuri kelapa sawit Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Mereka didakwa di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan. Mereka telah ditangkap dalam kawasan yang mereka anggap sebagai kawasan adat untuk mendapatkan makanan (*rayau*), di kawasan yang sama dengan penanaman kelapa sawit oleh RISDA. Berikutan keputusan itu, RISDA menjanjikan pampasan, tetapi mereka tidak bersetuju kerana sebelum ini isu mereka yang menerima pampasan mendapati jumlahnya tidak munasabah. Keputusan mahkamah telah memberikan masyarakat Orang Asal/Asli landasan untuk mempertahankan tanah NCR dan kawasan rayau mereka.

9. HARAPAN MASA DEPAN

Berdasarkan hasil aktiviti-aktiviti sepanjang tahun, IPRC berharap agar cadangan dan tindakan diterimapakai oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Semakan susulan secara tetap akan dijalankan bagi memastikan pengiktirafan hak-hak Orang Asal/Asli dan penglibatan mereka dalam semua peringkat membuat keputusan tidak dikecualikan.

Selain daripada bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, IPRC berharap untuk mengukuhkan hubungan dengan mekanisme hak asasi manusia antarabangsa dan serantau serta Pelapor Khas Hak Orang Asal/Asli untuk berkongsi amalan-amalan baik. Ini akan membolehkan Orang Asal/Asli mempunyai hak sama rata dengan komuniti lain di Malaysia.

LAPORAN PEJABAT SABAH

Orang Asal berhak untuk terlibat dalam proses membuat keputusan berkenaan hal-hal yang mungkin mempengaruhi hak-hak mereka, melalui wakil-wakil yang dipilih oleh Orang Asal sendiri selaras dengan prosedur mereka sendiri, dan juga untuk mengekalkan dan membangunkan institusi pembuatan keputusan yang dimiliki oleh Orang Asal sendiri.

Artikel 18, UNDRIP

Pejabat Sabah mempromosi dan melindungi hak asasi manusia melalui program dan aktiviti yang sering dianjurkan bersama agensi kerajaan dan NGO dalam usaha melebarkan program 'outreach' nya.

Sejak beberapa tahun kebelakangan, program ini berjaya meningkatkan kesedaran hak asasi manusia terutamanya di kalangan masyarakat luar bandar. Dengan fokus untuk mencapai matlamat pendidikan yang sama, proses ini juga telah mengukuhkan kerjasama di kalangan penganjur.

Suruhanjaya juga menerima aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia dan menawarkan nasihat mengenai isu-isu yang berkaitan. Majoriti pelawat yang mengunjungi Pejabat Sabah adalah dari kawasan luar bandar dan ini menggambarkan kemajuan yang dicapai dalam penyebaran maklumat mengenai peranan dan fungsi-fungsi Suruhanjaya sebagai badan yang mempertahankan hak asasi manusia.

1. TINDAKAN KE ATAS ADUAN

Sepanjang tahun ini, sebanyak 250 aduan diterima dengan majoriti berkaitan isu tanah (Jadual 1). Suruhanjaya telah menyelesaikan 45 kes dan sedang menyiasat 148 lagi sementara 57 yang lain ditandakan sebagai 'Tiada Tindakan Lanjut'.

Kebanyakan pengadu datang sendiri ke Pejabat Sabah. Aduan lain yang diterima adalah melalui memorandum dan surat, sementara kenyataan lisan yang dirakam melalui temu bual dilakukan semasa penganjuran aktiviti-aktiviti oleh Kerajaan Negeri dan Biro Pengaduan Awam yang diadakan di daerah berbeza.

Jadual 1: Aduan yang Diterima oleh Pejabat Sabah, 2011

ADUAN / ISU	BIL. KES
Hal berkaitan tanah	153
Pekerja migran tanpa dokumen pengenalan diri	29
Kewarganegaraan	15
Sijil kelahiran	12
Perkhidmatan sosial (kebajikan, pendidikan)	11
Isu-isu pekerjaan (kemalangan, gaji tidak dibayar/KWSP, permit kerja)	10
Hal berkaitan polis (tahanan pencegahan dan ketiadaan tindakan ke atas laporan)	9
Penahanan ahli keluarga di pusat tahanan sementara	5
Kes mahkamah	5
Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	1
JUMLAH	250

Suruhanjaya telah menerima empat memorandum:

- Pada 21 Januari, 20 wakil dari Kampung Balaron, Mukim Sapulut di daerah Pensiangan telah mengemukakan satu memorandum yang mendakwa tanah tradisi mereka diberikan kepada sebuah syarikat swasta.
- Pada 20 Mei, di dalam memorandum penduduk kampung dari Kemabong, Tenom telah mengadu mengenai pencerobohan ke atas tanah tradisi mereka dengan cadangan untuk mengeluarkan Geran Komunal tanpa berunding terlebih dahulu dan kelewatan dalam pengeluaran geran tanah adat.
- Pada 18 November, Yayasan PACOS telah menyediakan satu salinan memorandum bantahan mengenai penerbitan Geran Komunal yang telah dikemukakan kepada Ketua Menteri. NGO tersebut menyeru agar Kerajaan Negeri merujuk semula pindaan Seksyen 76 Ordinan Tanah Sabah supaya geran komunal tersebut berdasarkan kepada Hak Tanah Adat (NCR).
- Pada 21 November, Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah mengemukakan satu memorandum bagi pihak tiga orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA).



Wakil-wakil PAS dan ahli keluarga tiga orang yang ditahan di bawah ISA, bersama Pesuruhjaya Puan Jannie Lasimbang

Lawatan ke lapangan dan penyiasatan membolehkan Suruhanjaya mengesahkan aduan dan mengumpul maklumat lebih lanjut. Pada 14 Mac, Pesuruhjaya Puan Jannie Lasimbang telah mengadakan sesi dialog bersama dengan lebih 200 penduduk kampung di Kampung Tangkarason, Paitan. Pada 29 April, satu delegasi dari Pejabat Sabah telah mengadakan dialog tidak rasmi bersama Pejabat Jabatan Tanah dan Ukur di Keningau untuk mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima dalam tempoh lapan tahun yang lalu.

2. AKTIVITI BERKAITAN INKUIRI NASIONAL KE ATAS HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI

Selaras dengan Inkuiri Nasional Ke Atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (NI) yang sedang berjalan, Pejabat Sabah telah bekerjasama dengan Sekretariat NI untuk menyebarkan maklumat dan membuat persiapan bagi proses penghujahan awam.

Pada 14 Februari, Pesuruhjaya Puan Jannie Lasimbang, dan pegawai Pejabat Sabah Encik Jasmih Selamat, telah membuat kunjungan hormat kepada Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Panglima Mohd Salleh Tun Said untuk mengesahkan taklimat mengenai NI bagi Dewan Undangan Negeri (DUN), ahli-ahli Parlimen dan Senator. Mesyuarat itu diikuti dengan taklimat setengah hari pada 3 Mac yang dihadiri 45 wakil. Walau bagaimanapun, cubaan untuk menjadualkan taklimat yang sama kepada Setiausaha Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan tidak dapat dijalankan kerana tidak mendapat tarikh yang sesuai.



Pegawai Suruhanjaya merekodkan kenyataan semasa konsultasi awam NI

Pada 16 Februari, taklimat yang sama telah diadakan kepada 98 wakil Orang Asal/Asli, NGO, ahli akademik dan media. Semasa sesi dialog, beberapa organisasi telah menyatakan hasrat mereka untuk mengambil bahagian secara aktif di dalam NI.

Dalam persediaan konsultasi awam, Pejabat Sabah telah mengagihkan 3,000 keping risalah, 500 keping poster dan 12 kain rentang di seluruh negeri. Ini dilakukan dengan bantuan sukarelawan dari Yayasan PACOS dan Jaringan Orang Asal SeMalaysia. Pesta Kaamatan yang berlangsung pada 30 dan 31 Mei menyediakan peluang dalam mencapai sejumlah besar orang.

Konsultasi awam telah diadakan di enam lokasi, iaitu Keningau, Tenom, Penampang, Kota Marudu, Tawau dan Sandakan, dari 17 Jun hingga 5 Julai. Setelah proses tersebut selesai, Pejabat Sabah terus membantu Sekretariat NI dengan membuat susulan kepada organisasi berkaitan dan agensi-agensi kerajaan untuk menggalakkan penghujahan bertulis.

Pejabat Sabah juga terlibat dalam penyelidikan NI bagi negeri Sabah, khususnya untuk mewujudkan pangkalan data aduan dalam talian oleh Orang Asal/Asli yang berkaitan tanah dan memudahkan mesyuarat penyelarasan dengan Pasukan Penyelidikan di Sabah.

3. FORUM DAN LATIHAN KE ATAS SISTEM PERUNDANGAN ORANG ASAL/ASLI (FTILS)

Lima sesi forum telah dianjurkan, meliputi semua daerah di Sabah berikutan syor yang dibuat semasa FTILS Peringkat Negeri yang diadakan pada bulan Oktober 2010. Sesi-sesi (Jadual 2) ini membincangkan cara untuk meningkatkan pengiktirafan Mahkamah Anak Negeri dan perlindungan

Jadual 2: Forum dan Latihan Sistem Perundangan Orang Asal/Asli

TARIKH	LOKASI	BIL. PESERTA	DAERAH/BHGN. KECIL DAERAH
20-21 Januari	Kota Marudu	74	Kudat, Pitas, Kota Marudu, Paitan, Pulau Banggi dan Matunggung
27-29 April	Keningau	65	Tambunan, Keningau, Sook, Tenom, Kemabong dan Nabawan
12-14 September	Beaufort	72	Papar, Kuala Penyu, Beaufort dan Sipitang
26-28 Oktober	Telupid	74	Ranau, Telupid, Beluran, Sdanakan, Tongod dan Kinabatangan
22 - 24 November	Semporna	52	Tawau, Lahad Datu, Kunak dan Semporna

antara generasi dan promosi sistem perundangan Orang Asal/Asli. Para peserta terdiri daripada pembesar-pembesar daerah, ketua anak negeri dan ketua kampung dari daerah masing-masing serta wakil-wakil belia dan masyarakat.

Pada tahun ini, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM30 juta kepada Sabah untuk tujuan infrastruktur dan pentadbiran di empat buah Mahkamah Anak Negeri dan penubuhan Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri. Suruhanjaya mengalu-alukan peruntukan ini sebagai satu cara untuk memperbaiki Mahkamah Anak Negeri dan menggesa sokongan kepada Mahkamah Anak Negeri yang lain.

Peserta menyifatkan sesi FTILS sebagai penting dalam mempromosi dan melindungi hak Orang Asal/Asli. Mahkamah Anak Negeri dan timbang tara di peringkat kampung masih dianggap relevan kepada Orang Asal/Asli. Prosiding ini adalah selaras dengan pegangan dan dalam kemampuan mereka.

Mahkamah Anak Negeri itu sendiri telah dikenal pasti sebagai agensi yang berperanan penting dalam meningkatkan sistem perundangan dan kesinambungan adat. Mahkamah ini adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Peguam Negara dan pejabat-pejabat daerah masing-masing.

Cadangan utama daripada lima sesi tersebut telah dipanjangkan kepada jabatan-jabatan kerajaan dan parti-parti politik yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya:

Mahkamah Anak Negeri itu sendiri telah dikenal pasti sebagai agensi yang berperanan penting dalam meningkatkan sistem perundangan dan kesinambungan adat.



Peserta dan penganjur di FTILS di Telupid

- (i) Beberapa Ketua Anak Negeri telah terlibat dalam kajian Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 dan Peraturan-Peraturan 1995, yang mana tiadanya kesinambungan dari segi aliran maklumat dan maklum balas. Ia mencadangkan agar Jabatan Peguam Negara dan Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengawasi kajian ini harus meluaskan penglibatan pegawai Mahkamah Anak Negeri agar sebarang pindaan yang dilaksanakan adalah sejajar dengan adat.
- (ii) Adalah dicadangkan agar pindaan kepada Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 termasuk peruntukan yang membolehkan Mahkamah Anak Negeri memainkan peranan menasihati dan/atau mengesahkan peranan yang berkaitan tanah adat dan sejarah penempatan Orang Asal/Asli dan untuk memberi kuasa kepada pembesar-pembesar daerah dalam memberi nasihat mengenai urusan tanah adat dengan jabatan-jabatan yang berkaitan, termasuk semasa mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan tanah.
- (iii) Garis panduan yang jelas perlu dalam melantik ketua anak negeri dan ketua kampung bagi memastikan integriti dan kebebasan mereka dalam menegakkan adat bebas daripada gangguan parti-parti politik.
- (iv) Tafsiran (Takrif Anak Negeri) Ordinan 1952 perlu dikaji semula dan Kerajaan Negeri harus menjalankan kaji selidik dalam mengesahkan status Orang Asal/Asli.
- (v) Mahkamah Anak Negeri perlu disokong dalam mendokumentasi adat resam yang berkaitan dengan *sogit* (denda) bagi setiap kumpulan etnik, sebagai rujukan kepada Mahkamah Anak Negeri dan ketua-ketua kampung.

- (vi) Kerajaan Negeri dan Persekutuan harus terus memberikan sokongan dari segi kewangan dan politik kepada Mahkamah Anak Negeri dan kepada penubuhan Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri. Sokongan demikian bukan sahaja berbentuk pembangunan infrastruktur tetapi juga berbentuk sumber manusia dan teknikal. Ini bagi membolehkan institut untuk merancang dan melaksanakan program-program melatih kakitangan mahkamah, belia dan ahli-ahli masyarakat lain, Orang Asal/Asli dalam menghargai adat mereka.
- (vii) Mahkamah Anak Negeri perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam pengajaran adat khususnya kepada generasi belia.
- (viii) Mahkamah Anak Negeri harus mengadakan dialog dengan Mahkamah Syariah bagi menjelaskan bidang kuasanya dalam menggalakkan harmoni dan rasa hormat kepada dua sistem ini. Khususnya, Seksyen 9 Enakmen Mahkamah Anak Negeri perlu dikaji semula berhubung proses pengambilan anak angkat dan tuntutan warisan tanah.
- (ix) Struktur dan pentadbiran Mahkamah Anak Negeri harus dikaji semula dalam meningkatkan kecekapannya selaras dengan adat dan budaya Orang Asal/Asli. Cadangan untuk menubuhkan Jabatan Kehakiman Mahkamah Anak Negeri mendapat sokongan yang kuat daripada pelbagai pihak.
- (x) Pejabat Daerah seharusnya memberikan sokongan penuh kepada kakitangan Mahkamah Anak Negeri terutamanya mereka yang bergantung kepada Pejabat Daerah untuk kakitangan pentadbiran dan ruang pejabat. Dalam hal ini, ia telah menunjukkan bahawa Pegawai Daerah Beluran telah menghalang kakitangan Mahkamah Anak Negeri daripada menghadiri FTILS walaupun Pengarah Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah telah meluluskan penyertaan mereka.



Penglibatan aktif belia dalam FTILS

4. ROAD SHOWS HAK ASASI MANUSIA

Pejabat Sabah mengekalkan penyertaannya dengan kaunter aduan bergerak yang dikendalikan oleh Biro Pengaduan Awam Persekutuan dan Negeri (BPA). Biasanya, aktiviti ini menampilkan perkhidmatan daripada 25 hingga 35 jabatan dan agensi kerajaan yang membuka kaunter aduan bagi memudahkan akses kepada orang ramai di daerah masing-masing. Cadangan juga diterima untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi perkhidmatan awam.

Seramai 771 pengunjung datang ke kaunter Suruhanjaya sepanjang tahun ini yang terdiri daripada:

- 163 pengunjung di Kudat pada 30 Mac, anjuran BPA-Jabatan Ketua Menteri (JKM).
- 300 pengunjung di Kota Kinabalu pada 17 April, anjuran BPA-JKM dengan Majlis Bandaraya Kota Kinabalu.
- 150 pengunjung di Kota Marudu pada 25 Jun, anjuran BPA dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- 158 pengunjung di Putatan pada 30 Oktober, anjuran BPA-JPM.

Pejabat Sabah telah mengambil bahagian dalam aktiviti pameran Anti-Pemerdagangan Orang yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Kota Kinabalu dan beberapa NGO pada 29 Julai untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu tersebut dan mempromosi kerja-kerja yang dijalankan oleh Suruhanjaya.

5. SAMBUTAN HARI ORANG ASAL/ASLI SEDUNIA

Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS) telah menjemput Suruhanjaya untuk menyertai sambutan peringkat kebangsaan yang diadakan di Sabah pada 6-9 Ogos. Pejabat Sabah mengadakan pameran mengenai hak Orang Asal/Asli dan forum sehari mengenai 'Pembangunan Ekonomi Orang Asal/Asli' dengan bantuan ibu pejabat Suruhanjaya. (Lihat Laporan Jawatankuasa Orang Asal/Asli, halaman 109). Suruhanjaya juga telah mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang bertujuan mengukuhkan kerjasama di kalangan Orang Asal/Asli dan mendidik orang ramai mengenai hak Orang Asal/Asli.

Cadangan Suruhanjaya.

1. Kerajaan harus menyediakan bantuan kewangan untuk aktiviti tahunan dan turut melibatkan diri di dalamnya.
2. Pihak penganjur perlu melibatkan sesi dialog bersama Kerajaan bagi membincangkan status dan pembangunan Orang Asal/Asli.



Pelepasan burung merbok sebagai tanda simbolik



Penganjur forum bersama penceramah

3. Pihak penganjur perlu terus menetengahkan isu-isu Orang Asal/Asli melalui forum dan pameran awam pada acara tahunan seperti ini.

6. MESYUARAT BERSAMA JABATAN KERAJAAN

Beberapa mesyuarat telah diadakan atas jemputan Jabatan-jabatan Kerajaan bagi membincangkan isu-isu yang sama. Dialog sedemikian membantu Suruhanjaya memahami perspektif jabatan Kerajaan mengenai aduan yang diterima daripada orang ramai. Pada masa yang sama, mesyuarat membenarkan Suruhanjaya diberikan peluang untuk membentangkan aduan yang diterima dari perspektif hak asasi manusia. Suruhanjaya komited meneruskan dialog seumpama ini sebagai sebahagian daripada fungsi yang telah dimandatkan untuk menasihati Kerajaan dan membawa penyelesaian masalah secara baik.

(a) Taklimat Mengenai Geran Komunal

Pada 11 Januari, Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Sabah menjelaskan objektif dan proses pengeluaran Geran Komunal kepada beberapa pihak berkepentingan. Kelulusan segera permohonan Geran Komunal adalah satu arahan baru daripada Kerajaan Negeri bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan Orang Asal/Asli dan memastikan keselamatan tanah adat dengan melarang penjualannya. Antara soalan yang dibangkitkan semasa sesi tersebut termasuklah pendekatan usahasama Geran Komunal dan status Hak Tanah Adat di bawah Geran Komunal.



Wakil Dewan Undangan Negeri yang hadir pada sesi taklimat mengenai Geran Komunal

Tanpa memprejudikan hasil Laporan NI yang bakal diterbitkan pada bulan Julai 2012, Suruhanjaya menawarkan cadangan berikut untuk pertimbangan Kerajaan Negeri:

1. Tempoh masa yang mencukupi harus diperuntukkan bagi sesi dialog dengan masyarakat yang terjejas sebelum pengeluaran Geran Komunal, bukan hanya bergantung kepada pemimpin masyarakat dengan pemimpin lain.
2. Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah harus perlu menyediakan bahan-bahan bertulis dalam menangani kebimbangan utama masyarakat mengenai Geran Komunal dan memastikan ianya disebarkan secara meluas.
3. Keputusan kolektif yang jelas dalam proses membuat keputusan dan mekanisme perlu digariskan dalam menentukan masyarakat pribumi bersetuju ke atas hak tanah adat yang jatuh di bawah Geran Komunal.
4. Masyarakat yang terjejas perlu diberikan pilihan untuk membangunkan tanah Geran Komunal termasuklah pengiraan faedah dan dividen yang realistik yang akan dibayar kepada waris hasil usahasama yang dijalankan.
5. Syarat khas yang dilampirkan (dalam cetakan halus pada akhir setiap Geran Komunal) perlu dikaji semula dalam rundingan bersama masyarakat yang terjejas.
6. Bagi mengelak berlakunya pertindihan konflik dan salah faham, garis pemisah dalam proses membuat keputusan dan proses meluluskan Geran Komunal perlu ada buat masa ini, Jabatan Tanah dan Ukur banyak terlibat dalam kedua-dua proses tersebut.

(b) Mesyuarat Berkaitan Isu-isu Hutan Simpan

Pada 31 Mac, Pengarah dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perhutanan Sabah dan dua wakil NGO telah bertemu Pesuruhjaya Puan Jannie Lasimbang untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan tanah dan NI.

Tanpa memprejudiskan hasil Laporan NI, Suruhanjaya telah membuat cadangan berikut untuk pertimbangan Kerajaan Negeri:

1. Jabatan Perhutanan perlu menjalankan latihan penyelesaian yang melibatkan tanah yang dituntut oleh masyarakat Orang Asal/Asli yang ditemui di dalam hutan simpan dan mengenalpasti penyelesaian konflik yang mengiktiraf hak Orang Asal/Asli.
2. Pihak polis harus mengambil pendirian yang bebas semasa konflik dan memainkan peranan mereka dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan.

7. AKTIVITI HAK ASASI MANUSIA

(a) Rawatan Perubatan untuk Penghuni di Pusat Tahanan Sementara, Kimanis

Susulan lawatan ke Pusat Tahanan Sementara ini pada tahun 2010, Suruhanjaya membantu memudahkan pemberian rawatan perubatan kepada tahanan. Tiga lawatan telah dijalankan melalui projek usahasama di antara Pejabat Sabah dan Mercy Malaysia Bahagian Sabah.



Lebih daripada 500 penghuni menerima rawatan perubatan sepanjang lawatan ke Pusat Tahanan Sementara Kimanis

- Pada 12 Mac, seramai 199 penghuni menerima rawatan perubatan daripada 30 sukarelawan Mercy Malaysia termasuk 10 orang doktor.
- Lawatan seterusnya pada 9 Julai, melibatkan 30 sukarelawan termasuk 10 doktor yang menyaksikan penyediaan rawatan kepada 171 penghuni.
- Pada 12 November, 171 penghuni menerima rawatan daripada 29 sukarelawan termasuk 10 orang doktor.

Pada mesyuarat bersama Ketua Konsul Filipina dan delegasi beliau pada 14 Oktober, Suruhanjaya berkongsi pengalaman mengenai projek ini dan membincangkan kemungkinan cara lain untuk bekerjasama pada masa akan datang.

(b) Pendidikan Hak Asasi Manusia

Pejabat Sabah sentiasa bekerjasama dengan EWG dalam menyediakan latihan mengenai hak asasi manusia kepada anggota RELA sebagai sebahagian daripada kurikulum latihan mereka. Sesi ini telah memberi peluang kepada anggota RELA untuk bertanyakan soalan mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya. Sebilangan besar daripada anggota RELA yang menghadiri latihan ini menyediakan saluran penting ke atas pendidikan mengenai hak asasi manusia.

Program ini menyaksikan penglibatan seramai 250 peserta pada 2 Mac, 200 peserta pada 12 April, 250 peserta pada 23 April, 215 peserta pada 6 Mei, 220 peserta pada 13 Mei, 200 peserta pada 15 Jun, 220 peserta pada 26 September dan 200 peserta pada 10 Oktober.

Pesuruhjaya Residen juga terlibat dalam memberikan ceramah di beberapa acara berikut:

- Acara berkenaan Hak Asasi Manusia kepada kira-kira 80 orang belia anjuran Kelab Rotary Kota Kinabalu pada 13 Mac.
- Simposium Tanah: Mengenai Hak Tanah dan Orang Asal/Asli di Universiti Malaysia Sabah pada 15 Jun.
- Hak Orang Kurang Upaya (OKU) anjuran Rumah Cheshire Sabah pada 14 November.

8. HARAPAN MASA DEPAN

Setelah melakukan pelbagai usaha mengenai sistem perundangan Orang Asal/Asli pada tahun ini, Pejabat Sabah akan memberikan tumpuan untuk terlibat dengan badan-badan yang berkaitan dalam merealisasikan cadangan Mahkamah Anak Negeri dan wakil-wakil Ketua Kampung. Khususnya kepada sumbangan ke arah merealisasikan Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri dan aktiviti masa depannya.

Pejabat Sabah akan menumpukan usaha untuk membantu dalam penghasilan Laporan NI dan membuat susulan kepada penyebaran dan pelaksanaan laporan itu selepas ia dilancarkan. Ini akan dilakukan dengan menganjurkan dialog bersama pihak-pihak tertentu.

Akhir sekali, Pejabat Sabah akan berusaha meningkatkan pengurusan aduan yang diterima dan meningkatkan pengetahuan di kalangan orang awam mengenai hak asasi manusia. Dua aktiviti baru berkaitan dengan hak-hak OKU dan hak kewarganegaraan akan dijalankan.

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Manusia, sesungguhnya semua makhluk, mempunyai hak untuk mengejar kebahagiaan dan hidup dalam keadaan aman dan bebas.

Tenzin Gyatso, Dalai Lama Ke-14

Pejabat Suruhanjaya di Kuching masih mengekalkan penekanan pada usaha mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Sarawak. Penyiasatan aduan pencabulan hak asasi manusia kekal sebagai tanggungjawab utama, terutama dalam isu-isu yang berkaitan dengan tanah. Lawatan juga dibuat ke kawasan pedalaman untuk menyiasat aduan tertentu.

Pejabat ini telah menganjurkan beberapa ceramah pada tahun 2011 dengan kerjasama Kumpulan Kerja berkenaan di ibu pejabat Kuala Lumpur. Usaha-usaha ini telah dilengkapi dengan kerjasama daripada pelbagai agensi Kerajaan dan NGO.

1. TINDAKAN KE ATAS ADUAN

Pejabat ini telah menerima 104 aduan sepanjang tahun (Jadual 1), di mana 68 adalah berkaitan hak-hak ke atas tanah adat (NCR). Sering didakwa bahawa Kerajaan Negeri tidak mengiktirafkan tanah adat sewajarnya dan telah gagal untuk mengeluarkan dokumen hakmilik kepada individu yang mempunyai tuntutan yang sah. Terdapat juga dakwaan bahawa syarikat-syarikat pembalakan dan perladangan telah menceroboh tanah adat dan jumlah pampasan yang tidak mencukupi.

Kategori aduan lain adalah tertumpu pada dakwaan ketiadaan tindakan atau kelewatan polis dalam menangani aduan, isu-isu alam sekitar dan penyalahgunaan kuasa pentadbiran. Sepanjang tahun ini, sebanyak 21 kes (20.2%) berjaya diselesaikan, manakala 51 kes (49%) didapati bukan berkaitan pencabulan hak asasi manusia dan dikategorikan sebagai "Tiada Tindakan Lanjut". Dalam mencari penyelesaian aduan, Suruhanjaya menerima kerjasama daripada jabatan-jabatan Kerajaan dan bantuan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sebanyak 32 kes (30.8%) sedang diproses oleh pihak berkuasa berkaitan.

Jadual 1: Aduan yang Diterima Pejabat Sarawak, 2011

BIL.	JENIS ADUAN	JUMLAH
1.	Tanah adat bumiputera	68
2.	Badan penguatkuasaan	8
3.	Alam sekitar	2
4.	Kesihatan	2
5.	Lain-lain	24
	JUMLAH	104

2. INKUIRI NASIONAL KE ATAS HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI (NI)

Sejak 10 tahun yang lalu, Suruhanjaya telah menerima aduan daripada masyarakat Orang Asal Sarawak yang meluahkan kekecewaan atas apa yang mereka anggap sebagai kegagalan Kerajaan untuk menangani isu-isu berkaitan tanah yang menjejaskan kehidupan harian mereka. Golongan Orang Asal telah menyatakan kebimbangan mereka mengenai penyusutan sumber-sumber asli, masalah tanah adat, kesukaran kepada kemudahan perkhidmatan perubatan dan kekurangan kemudahan pendidikan.

Golongan Orang Asal telah menyatakan kebimbangan mereka mengenai penyusutan sumber-sumber asli, masalah tanah adat, kesukaran kepada kemudahan perkhidmatan perubatan dan kekurangan kemudahan pendidikan.

Oleh yang demikian, Suruhanjaya telah memulakan Inkuiri Nasional untuk menangani isu-isu utama tersebut. Selaras dengan ini, rundingan telah diadakan dengan pihak-pihak berkaitan di seluruh Sarawak pada 17 hingga 30 September (Jadual 2).

Jadual 2: Konsultasi Awam, 2011

NO.	TARIKH	LOKASI
1.	17 September	Kuching
2.	18 September	Serian
3.	20 September	Betong
4.	22 September	Sibu
5.	24 September	Kapit
6.	26 September	Bintulu
7.	28 dan 29 September	Miri
8.	30 September	Limbang

Orang Asal yang hidup di kawasan pedalaman terus menyatakan kebimbangan ke atas tanah mereka yang diambil bagi tujuan pembangunan. Suruhanjaya secara konsisten mengadakan dialog untuk menangani isu-isu seperti pencerobohan ke atas tanah adat atau persempadanan ke atas tanah adat antara syarikat-syarikat pembalakan dan perladangan yang tidak bertanggungjawab. Sebagai contoh, di Suai, Batu Niah, syarikat perladangan didapati telah menebang pokok yang ditanam oleh penduduk dan jumlah pampasan yang diperolehi tidak memadai untuk pokok-pokok yang telah ditebang. Syarikat-syarikat tersebut juga didapati telah menenebang pokok-pokok di luar kawasan konsesi yang diberikan kepada mereka.

Isu-isu lain yang dibangkitkan adalah rasa tidak puas hati penduduk kampung dengan jumlah pampasan bagi tanah yang diambil untuk tujuan pembangunan. Pihak berkuasa dinasihatkan supaya lebih peka dan prihatin dalam isu-isu berkaitan tanah adat untuk mengelakkan berlakunya pembangunan tanpa pengawasan. Mereka juga perlu melibatkan masyarakat Orang Asal dalam proses pembangunan tersebut.



Konsultasi awam di Serian bersempena NI.

3. CERAMAH HAK ASASI MANUSIA

Suruhanjaya telah menganjurkan lapan ceramah mengenai hak asasi manusia dengan kerjasama antaranya Penjara Pusat di Miri dan Sib, Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jabatan Perbendaharaan Negeri, UMW Toyota dan RELA. Ini adalah untuk meningkatkan kesedaran hak asasi manusia di kalangan pelbagai komuniti untuk membolehkan mereka mempertahankan hak-hak mereka. Sesi-sesi tersebut juga sebagai titik permulaan untuk aktiviti masa depan yang akan memupuk kesedaran orang ramai tentang hak-hak mereka.

Antara soalan-soalan yang dikemukakan semasa dialog adalah seperti berikut:

- Kuasa Suruhanjaya dan peranan sebagai pembela hak asasi manusia.
- Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.
- Pertikaian ke atas tanah antara Kerajaan Negeri dan orang asal.
- Hak untuk mengundi, misalnya, oleh banduan.
- Pendatang tanpa izin.



Ceramah yang dianjurkan bersama RELA di Limbang

Jadual 3: Ceramah Hak Asasi Manusia, 2011

NO.	TARIKH	TEMPAT
1.	27 Januari	Penjara Pusat, Miri
2.	28 Januari	Penjara Pusat, Sibu
3.	15 Mac	PULAPOL, Kuching
4.	20 Jun	RELA, Limbang
5.	11 Julai	Perbendaharaan Negeri, Kuching
6.	26 Julai	UMW Toyota, Kuching
7.	24 Oktober	Kampus INTAN, Kota Samarahan
8.	9 dan 10 November	UNIMAS, Kota Samarahan

4. LAWATAN KE EMPANGAN HIDRO BENGOH

Pada 22 Februari, Suruhanjaya telah melawat Empangan Hidro Bengoh di Kuching. Kerajaan Negeri telah mencadangkan projek tersebut pada tahun 2007, dalam usaha meningkatkan bekalan air untuk kawasan Kuching sehingga ke tahun 2030.

Naim Cendera Sdn Bhd telah memberi taklimat kepada Suruhanjaya mengenai projek tersebut serta isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk dari empat buah kampung iaitu Kampung Sait, Kampung Pain Bojong, Kampung Rejoi dan Kampung Semban yang terjejas akibat pembinaan empangan. Penduduk kampung tidak berpuas hati dengan lokasi yang ditetapkan untuk penempatan semula dan jumlah pampasan yang diberikan. Suruhanjaya juga telah melawat tapak penempatan semula yang dicadangkan.



Taklimat oleh Naim Cendera Sdn Bhd

5. SESI DIALOG MENGENAI CADANGAN LOKASI PENEMPATAN SEMULA MASYARAKAT PENAN MURUM

Pada 29 Mac, Suruhanjaya telah dijemput sebagai pemerhati untuk satu sesi dialog bagi lokasi yang dicadangkan sebagai penempatan semula masyarakat Penan Murum. Mesyuarat ini telah diadakan di Dewan Masyarakat Pembangunan Asap Koyan, Uma Balui Liko di Sungai Asap. Sesi tersebut telah dianjurkan oleh Unit Perancang Negeri dan diselaraskan oleh Chemsain Konsultant Sdn Bhd (CKSB).

Ia adalah susulan kepada dialog yang diadakan antara Kerajaan Negeri, syarikat perunding dengan masyarakat yang terlibat untuk berbincang mengenai terma dan syarat-syarat penempatan semula penduduk kampung Penan yang terjejas oleh pembinaan Projek Hidroelektrik Murum. Wakil-wakil Penan telah dimaklumkan mengenai hasil perbincangan CKSB dengan Kerajaan Negeri berhubung permintaan penduduk kampung.

6. PELANCARAN FESTIVAL FILEM KEBEBASAN 2011

Suruhanjaya telah dijemput untuk merasmikan program tersebut yang diadakan buat kali keempat di Sarawak. Objektifnya adalah untuk mewujudkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan keperluan untuk menghapuskan perkauman dan diskriminasi di kalangan rakyat.

Dalam ucapan perasmianya, Pesuruhjaya Encik Detta Samen telah mengutarakan isu-isu untuk mengatasi diskriminasi supaya rakyat dapat hidup dengan aman dan damai serta toleransi yang lebih besar.



Pelancaran Festival Filem Kebebasan 2011

7. KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS SPEAKER, DEWAN UNDANGAN SARAWAK

Pada 24 November, kunjungan hormat telah diadakan ke atas Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak Datuk Seri Haji Awang Asfia bin Awang Nassar. Suruhanjaya diwakili oleh pengerusi, Tan Sri Hasmy Agam dan Pesuruhjaya Encik Detta Samen. Speaker telah diberi taklimat tentang mandat dan aktiviti Suruhanjaya. Tujuan kunjungan hormat tersebut adalah untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan penggubal undang-undang dan membincangkan isu-isu semasa hak asasi manusia.

8. KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PENGARAH, RADIO TELEVISION MALAYSIA

Suruhanjaya, yang diketuai oleh Pengerusinya telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Encik Jalani Abdul @ Jailani Mohd Bin Mahmud, Pengarah Radio Televisyen Malaysia di Kuching pada 16 Disember. Objektifnya adalah untuk mengukuhkan hubungan dengan stesen penyiaran di Malaysia khususnya Sarawak. Suruhanjaya telah ditemu bual oleh Sarawak FM mengenai isu-isu berkaitan hak asasi manusia dan aktiviti-aktiviti akan datang.

9. HAK ASASI MANUSIA DAN MEDIA

Suruhanjaya telah menganjurkan majlis makan malam bersama media yang dihoskan oleh Pengerusi pada 16 Disember di Kuching. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan hubungan yang sedia dengan media-media tempatan dan mempromosi isu-isu hak asasi manusia. Kira-kira 15 wakil media telah menghadiri majlis makan malam tersebut.

Dalam ucapannya, Pengerusi telah menekankan kepentingan media dalam penyebaran maklumat mengenai hak asasi manusia dan peranan mereka sebagai rakan dan pembela hak asasi manusia. Beliau turut menyentuh mengenai peranan Suruhanjaya dalam institusi hak asasi manusia antarabangsa.

10. TEMURAMAH MEDIA

Pesuruhjaya Negeri telah memberikan temubual di radio, televisyen dan media cetak. Penekanan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan profil Suruhanjaya, mendidik orang awam mengenai hak asasi manusia dan mewar-warkan aktiviti-aktiviti yang akan datang.



Temu bual oleh media



Temu bual mengenai NI

11. HARAPAN MASA DEPAN

Suruhanjaya komited dalam meningkatkan hubungan di antara Kerajaan Negeri, badan-badan bukan Kerajaan dan masyarakat setempat dalam menyebarkan kesedaran mengenai manusia. Melalui aktiviti-aktiviti, terutamanya Inkuiri Nasional yang sedang berjalan, Suruhanjaya berharap Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula undang-undang yang berkaitan hak Orang Asal. Pejabat Sarawak juga akan memastikan penambahbaikan ke atas mekanisme dalam menerima dan menyelesaikan aduan dilakukan.

LAPORAN SIASATAN AWAM

Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan.

Artikel 20, UDHR

Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada beberapa organisasi dan individu berkaitan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh pihak berkuasa sebelum dan semasa perhimpunan Bersih 2.0 yang menuntut satu pilihanraya yang bebas dan adil diadakan. Menurut Seksyen 12 (1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, satu panel akan ditubuhkan untuk menyiasat dakwaan-dakwaan tersebut.

1. LATAR BELAKANG

Pada 9 Julai 2011, satu perhimpunan telah diadakan bagi menunjukkan sokongan ke atas tuntutan yang dibuat oleh Bersih 2.0 untuk pilihan raya yang adil dan bebas. Kerajaan bertindak balas dengan mengisytiharkan pergerakan itu sebagai satu entiti yang tidak sah dan langkah-langkah pencegahan telah dilakukan oleh pihak polis, termasuk melakukan tangkapan terhadap individu-individu yang mempunyai kaitan dengan pergerakan tersebut dan melakukan operasi besar-besaran bagi menghalang mereka yang ingin menyertai perhimpunan itu daripada memasuki kawasan perhimpunan di Kuala Lumpur.

Fokus Siasatan Awam adalah mengenai dakwaan insiden pelanggaran hak asasi manusia yang didakwa dilakukan oleh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Suruhanjaya telah menerima beberapa memorandum dan aduan daripada pelbagai pihak dan individu berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia dan dengan mengambil kira kepentingan isu-isu yang dibangkitkan, Suruhanjaya telah membuat keputusan untuk mengadakan Siasatan Awam pada 14 Julai 2011.

Berdasarkan aduan yang diterima dan juga temu bual yang diadakan bersama saksi-saksi yang telah tampil, panel telah memutuskan untuk memberi fokus kepada kejadian yang didakwa dilakukan oleh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di kawasan sekitar Hospital Tung Shin, Hospital Bersalin Cina, Puduraya, Menara Maybank, Jalan Pudu, Jalan Travers, Jalan Raja Laut dan KL Sentral.

Panel Siasatan awam yang dijalankan terdiri daripada tiga orang Pesuruhjaya iaitu Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Pengerusi), Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Encik Detta Samen.

2. SIASATAN AWAM

Terma-terma rujukan Siasatan Awam adalah:

1. Untuk menentukan sama ada terdapat sebarang pelanggaran hak asasi manusia ke atas mana-mana individu atau pihak sebelum dan semasa perhimpunan awam 9 Julai 2011.
2. Jika pelanggaran hak asasi manusia berlaku, untuk menentukan:
 - Bagaimana pelanggaran tersebut berlaku.
 - Apakah arahan dan tatacara pentadbiran, yang membawa kepada pelanggaran undang-undang.
 - Siapakah individu atau agensi yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran undang-undang sedemikian.
3. Memberi cadangan serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan bahawa pelanggaran tersebut tidak berulang.



Ahli Panel terdiri daripada (dari kiri) Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Pengerusi) dan Encik Detta Samen.

Sehingga 31 Disember 2011, Panel telah mengadakan sebanyak tujuh pendengaran awam iaitu pada 11 Oktober, 15 November, 16 November, 22 November, 23 November, 19 Disember dan 20 Disember 2011 di mana 16 saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan. Panel juga telah mengadakan lawatan ke Hospital Tung Shin dan Jalan Travers untuk membolehkan Panel mendapatkan penjelasan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi.

Pendengaran akan disambung pada 2012 kerana beberapa orang saksi belum dipanggil. Laporan siasatan akan diterbitkan apabila selesai Siasatan Awam.

LAPORAN JAWATANKUASA INKUIRI NASIONAL

Inkuiri Nasional terhadap isu pelanggaran hak asasi sistemik merupakan salah satu kaedah penyiasatan yang efektif dan inovatif yang digunakan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dalam melindungi dan mempromosi hak asasi manusia.

*Kieren Fitzpatrick
Pengarah, Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional*

Tahun ini, Suruhanjaya meneruskan inisiatif untuk menjalankan Inkuiri Nasional (NI) ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli (OA) di Malaysia yang julung kali diadakan. Suruhanjaya memutuskan untuk menjalankan NI berikutan banyak aduan dan memorandum yang diterima sejak beberapa tahun lepas atas dakwaan pelanggaran hak ke atas tanah adat.

Pelanggaran yang telah lama berlaku secara berterusan dan bersifat sistemik ini telah meninggalkan kesan kepada hak komuniti ini. NI akan mengkaji punca masalah hak tanah adat (NCR) secara menyeluruh dari perspektif hak asasi manusia serta mencadangkan penyelesaian yang sesuai.

1. TERMA RUJUKAN

NI dijalankan berdasarkan terma rujukan yang telah dikaji semula seperti berikut:

- (i) Untuk menentukan pengiktirafan hak tanah Orang Asal/Asli berdasarkan perlembagaan, undang-undang, pentadbiran dan politik serta keberkesanannya dalam melindungi dan mempromosi hak Orang Asal/Asli kepada tanah.
- (ii) Untuk menyelidik keadaan hak tanah Orang Asal/Asli dan kesan pengiktirafannya terhadap hak sosial, ekonomi, budaya dan politik, dengan mengambilkira undang-undang antarabangsa serta domestik yang berkaitan.
- (iii) Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang Orang Asal/Asli dari merealisasikan hak asasi terhadap tanah berasaskan keperluan mereka.
- (iv) Untuk memupuk serta mempromosi lebih kesedaran, pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang hak Orang Asal/Asli kepada tanah dan cara hidup mereka.

(v) Berdasarkan hasil penyelidikan Inkuiri Nasional, merangka syor-syor untuk perhatian kerajaan Persekutuan dan Negeri yang merangkumi, antara lain, aspek-aspek berikut:

- kajian semula perundangan domestik tanah serta lain-lain perundangan dan polisi yang berkaitan dengan tujuan menerapkan pendekatan hak asasi manusia, yang seterusnya akan menangani masalah tuntutan tanah adat di kalangan Orang Asal/Asli.
- perumusan strategi-strategi dan pelan tindakan yang menekankan komponen perlindungan dan promosi hak Orang Asal/Asli kepada tanah sebagai aspek penting dalam melindungi dan mempromosi lain-lain hak asasi Orang Asal/Asli.

2. KOMPOSISI AHLI PANEL NI

Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam akan mempengerusikan Panel NI, yang turut dianggotai oleh Pesuruhjaya-Pesuruhjaya lain (Jadual 1).

Jadual 1: Ahli Panel NI

SABAH	SARAWAK	SEMANJUNG MALAYSIA
Tan Sri Hasmy Agam	Tan Sri Hasmy Agam	Tan Sri Hasmy Agam
Puan Jannie Lasimbang	Encik Detta Samen	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee
Encik Muhammad Sha'ani	Encik James Nayagam	Puan Jannie Lasimbang

Ahli panel NI akan dibantu oleh perunding bebas yang telah dipilih oleh Suruhanjaya berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran mereka mengenai hak Orang Asal/Asli. Perunding bebas tersebut adalah:

- Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun (Sabah).
- Dato' Ranita Mohd Husein (Sarawak).
- Encik Andrew Khoo (Sarawak).
- Datuk Dr Denison Jayasooria (Semenanjung Malaysia).
- Dr Colin Nicholas (Semenanjung Malaysia).

3. PROSES NI

Bagi memastikan objektif NI tercapai, Suruhanjaya adalah komited kepada proses yang menyeluruh dengan melibatkan semua pihak yang berkepentingan terutamanya Kerajaan Persekutuan dan Negeri, komuniti Orang Asal/Asli, sektor swasta, ahli akademik dan kumpulan masyarakat madani.

(a) Sesi Pengenalan

Dalam memastikan semua pihak yang berkepentingan memahami terma rujukan serta hasrat sebenar NI ini, Suruhanjaya telah mengadakan siri sesi pengenalan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Selain itu, sesi pengenalan ini juga bertujuan untuk menarik penyertaan aktif pihak yang berkepentingan dalam menjayakan NI.

Jadual 2: Sesi Pengenalan kepada Waki Kerajaan Persekutuan dan Negeri

TARIKH	PROGRAM
14 Januari	Ketua Setiausaha Negara dan Peguam Negara
2 Mac	Kerajaan Negeri Selangor
3 Mac	Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Senator, Sabah
31 Mac	Jabatan Perhutanan Sabah
11 April	Kerajaan Negeri Kelantan
20 April	Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara
28 April	Jabatan Kemajuan Orang Asli
26 Mei	Setiausaha Kerajaan Negeri, Johor
15 Jun	Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah
23 Jun	Setiausaha Kerajaan Negeri, Perak
28 Julai	Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
25 Ogos	Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak

Jadual 3: Sesi pengenalan bagi Masyarakat Sivil dan Media

TARIKH	PROGRAM
11 Februari	Masyarakat Sivil dan Media, Kuala Lumpur
16 Februari	Masyarakat Sivil dan Media, Kota Kinabalu, Sabah
23 Februari	Media Kuching, Sarawak
24 Februari	Masyarakat Sivil, Kuching, Sarawak



Sebilangan peserta pada sesi Pengenalan NI yang diadakan di Kuala Lumpur

Di sesi pengenalan ini, Suruhanjaya telah menjemput pihak yang berkepentingan untuk mengambil bahagian dalam proses rundingan yang telah dijadualkan dan menghantar pandangan masing-masing melalui penghujahan awam mengenai hak tanah Orang Asal/Asli.

(b) Konsultasi Awam

Suruhanjaya menjalankan konsultasi awam dengan tujuan untuk mengumpul sebanyak mungkin maklumat dan bukti-bukti berkaitan konflik tanah Orang Asal/Asli selain mendapatkan maklumat mengenai undang-undang, prosedur dan dasar-dasar yang terpakai dalam menangani isu hak tanah Orang Asal/Asli. Pada bulan April, jemputan untuk menghadiri sesi konsultasi tersebut telah dihantar kepada semua pihak yang berkepentingan termasuk jabatan dan agensi kerajaan, komuniti Orang Asal, sektor swasta, NGO dan media.

Konsultasi awam bermula di Sabah, diikuti dengan Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Untuk menggalakkan penyertaan dan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan, sesi ini telah diadakan di kawasan yang berbeza bagi setiap negeri.

Setiap sesi konsultasi awam dimulakan dengan taklimat mengenai NI dan diikuti dengan sesi dialog dengan Orang Asal/Asli yang hadir. Pegawai-pegawai Suruhanjaya kemudiannya merekod kenyataan daripada mereka yang hadir sama ada secara individu atau kumpulan. Pada masa yang sama, Pesuruhjaya mengadakan perbincangan secara tidak formal bersama wakil-wakil Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap masalah-masalah yang dibangkitkan semasa sesi dialog (jika ada) dan untuk mendapatkan perspektif serta pengalaman Kerajaan berhubung

isu-isu tanah dan pengiktirafan hak tanah Orang Asal/Asli, serta mendapatkan kepastian terhadap langkah-langkah yang telah diambil setakat ini. Mesyuarat bersama beberapa NGO, sektor swasta dan individu penting, juga telah diadakan.

(i) Konsultasi di Sabah.

Sesi telah diadakan selama 15 hari mulai 17 Jun hingga 5 Julai di beberapa daerah (Jadual 4).

Jadual 4: Konsultasi Awam di Sabah

TARIKH	TEMPAT	KAWASAN FOKUS
17 Jun	Dewan Masyarakat Keningau	Keningau
18 Jun	Dewan Masyarakat Tenom	Tambunan, Tenom
19 Jun	Dewan Masyarakat Keningau	Nabawan, Pensiangan
20 Jun	Dewan Masyarakat Keningau	Sipitang
22 Jun	Dewan Masyarakat Penampang	Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran
23 Jun	Dewan Masyarakat Penampang	Ranau, Kota Belud
24 Jun	Dewan Serbaguna Damai, Kota Kinabalu	Papar, Kuala Penyu, Beaufort
26 Jun	Dewan Masyarakat Kota Marudu	Kudat
27 Jun	Dewan Masyarakat Kota Marudu	Kota Marudu
28 Jun	Dewan Masyarakat Kota Marudu	Pitas, Paitan
30 Jun	Dewan Masyarakat Tawau	Tawau, Semporna
1 Julai	Dewan Masyarakat Tawau	Lahad Datu, Kunak
3 Julai	Dewan Institut Latihan Perindustrian, Sandakan	Sandakan
4 Julai	Dewan Institut Latihan Perindustrian, Sandakan	Kinabatangan
5 Julai	Dewan Institut Latihan Perindustrian, Sandakan	Beluran

Daripada 2,875 peserta yang menghadiri sesi konsultasi awam di lima daerah ini, 407 peserta telah mengemukakan kenyataan mereka berserta dokumen bukti kepada pegawai Suruhanjaya.

(ii) Konsultasi di Semenanjung.

Sesi ini diadakan selama 14 hari bermula dari 15 Julai hingga 29 Julai di sembilan lokasi di lima buah negeri (Jadual 5).



Peserta-peserta di Konsultasi NI di Gua Musang, Kelantan

Jadual 5: Konsultasi Awam di Semenanjung

TARIKH	TEMPAT
15 Julai	Dewan Merdeka Tapah, Perak
17 Julai	Dewan Rumah Rehat, Gerik, Perak
19 dan 20 Julai	Dewan Komuniti RPS Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan
22 Julai	Dewan Komuniti Pos Betau, Kuala Lipis, Pahang
23 Julai	Dewan Komuniti Kg Pian, Kuala Krau Temerloh, Pahang
25 Julai	Dewan Orang Ramai Tenang, Segamat, Johor
26 Julai	Dewan Orang Ramai Parit Raja, Batu Pahat, Johor
28 Julai	Dewan Orang Ramai Telok Panglima Garang, Selangor
29 Julai	Dewan Seroja, Sg Tua, Selayang, Selangor

Seramai 2,018 peserta telah menghadiri sesi tersebut dan 287 daripada mereka telah memberikan kenyataan dan bukti kepada pegawai bertugas.



Sesi merekod kenyataan di Penampang, Sabah

(iii) Konsultasi di Sarawak.

Sesi ini telah diadakan dari 17 hingga 30 September di beberapa daerah (Jadual 6).

Jadual 6: Konsultasi Awam di Sarawak

TARIKH	TEMPAT
17 September	Dewan Suarah Kuching
18 September	Dewan Suarah Serian
20 September	Dewan Suarah Betong
22 September	Dewan Suarah Sibu
24 September	Dewan Suarah Kapit
26 September	Dewan Suarah Bintulu
28 September	Dewan Suarah Miri
29 September	Dewan Suarah Miri
30 September	Dewan Suarah Limbang

Seramai 1,803 peserta telah menghadiri sesi ini dan seramai 198 memberikan kenyataan kepada pegawai bertugas.

(iv) Isu Utama yang Ditimbulkan Daripada Konsultasi.

Pelbagai isu yang berbeza telah dibangkitkan oleh Orang Asal/Asli di Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Walau bagaimanapun, aduan utama yang dikenal pasti di ketiga-tiga kawasan ini adalah berkenaan perspektif pemilikan hak tanah orang Asal/Asli – yang berbeza daripada Kerajaan – yang tidak diiktiraf.

Aduan utama yang dikenal pasti di ketiga-tiga kawasan ini adalah berkenaan perspektif pemilikan hak tanah orang Asal/Asli – yang berbeza daripada Kerajaan – yang tidak diiktiraf.

Walaupun Perlembagaan menjamin hak tanah Orang Asal/Asli, undang-undang dan polisi tanah negeri hanya merangkumi perspektif Negeri sahaja. Ini menimbulkan ketidakpuasan hati dan kekecewaan yang tinggi apabila tuntutan Orang Asal terhadap tanah diproses.

Di Sabah, aduan terbanyak adalah mengenai kelewatan dalam memproses permohonan tanah, yang membawa kepada pelucutan hak ke atas tanah adat dan pencerobohan tanah oleh pihak lain. Beberapa pengadu mendakwa mereka tidak menerima sebarang maklum balas terhadap permohonan tanah yang dibuat seawal tahun 1960-an. Sebahagian lagi mendakwa bahawa tanah yang dipohon telah menjadi milik individu lain, agensi kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang memohon selepas mereka. Terdapat juga bantahan terhadap pengeluaran Geran Komunal. Selain itu, terdapat juga aduan mengenai tanah adat Orang Asal yang diwartakan sebagai kawasan hutan dan termasuk di kawasan skim perladangan.

Di Sarawak, majoriti kenyataan yang direkodkan juga berkenaan dengan kelewatan dalam memproses permohonan tanah serta pencerobohan kawasan yang didakwa sebagai tanah adat.

Di Semenanjung pula, sejumlah besar pengadu menggesa pihak berkuasa untuk mempercepatkan proses mewartakan tanah mereka sebagai rizab Orang Asli. Ada juga yang mempersoalkan tindakan pihak berkuasa memberikan lesen untuk skim perladangan, pembalakan dan/atau projek-projek di atas tanah yang dituntut oleh Orang Asli.

Antara isu lain yang ditimbulkan termasuklah pertikaian mengenai kawasan yang dijadikan kawasan tadahan air, taman negeri/Negara, pencerobohan oleh pihak ketiga dan proses pemberian pampasan serta penilaian tanah yang diambil untuk tujuan lain.

(c) Penyelidikan

Dalam menyokong proses NI, Suruhanjaya telah melantik penyelidik untuk menjalankan kajian mendalam ke atas hak tanah Orang Asal/Asli di Malaysia termasuk kes-kes yang melibatkan pertikaian tanah, perundangan dan dasar yang menjejaskan tanah adat dan sejauh mana ia mematuhi piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Pemetaan GIS bagi kawasan sempadan atau wilayah yang dituntut bagi kes-kes utama juga akan dijalankan.

Penyelidik-penyelidik yang dilantik terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti Malaya, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak. Isu, fakta, analisis undang-undang dan amalan serta prosedur yang melibatkan tanah Orang Asal/Asli akan dikaji semula berdasarkan piawaian dan undang-undang antarabangsa.

(d) Penghujahan Awam oleh Pihak Berkepentingan

Bagi memastikan semua pihak yang berkepentingan diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam NI, Suruhanjaya mengalu-alukan penghujahan bertulis berkaitan hak tanah adat di Malaysia. Jemputan telah dihantar kepada jabatan dan agensi utama Kerajaan, organisasi komuniti Orang Asal/asli, NGO dan sektor korporat. Penghujahan perlu dihantar kepada Suruhanjaya sebelum/ pada 15 Disember. Pihak-pihak ini telah diminta untuk memastikan bahawa penghujahan yang dihantar adalah berdasarkan kepada Terma Rujukan.

Suruhanjaya telah menerima sebanyak 61 penghujahan awam daripada masyarakat Orang Asli, agensi-agensi kerajaan dan NGO (Jadual 7).

Jadual 7: Penghujahan Awam Diterima

BADAN BERKEPENTINGAN	BIL. PENGHUJAHAN AWAM
Komuniti Orang Asal/Asli	35
Agensi Kerajaan	18
NGO	8
JUMLAH	61

(e) Pendengaran Awam

Setelah selesai proses-proses yang digariskan di atas dan bagi mengesahkan atau mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut daripada saksi-saksi, Panel NI akan mengadakan pendengaran awam di beberapa kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Jemputan untuk hadir di hadapan Panel NI akan dihantar kepada saksi-saksi yang berkaitan seperti Orang Asal/Asli, pegawai-pegawai kerajaan, organisasi berasaskan komuniti, kakitangan korporat dan media.

Sekiranya tidak dapat dielakkan, sapina akan dikeluarkan kepada saksi-saksi yang perlu hadir bagi membantu proses NI. Kuasa ini akan dijalankan mengikut Seksyen 14(1)(a) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang memberi kuasa kepada Suruhanjaya telah mendapatkan dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan dan untuk memeriksa semua orang sebagai saksi yang difikirkan Suruhanjaya perlu atau patut diperoleh atau diperiksa.

Pendengaran awam ini dijadualkan bermula pada bulan Januari 2012 dan dijangka selesai pada bulan Julai 2012.

4. HARAPAN MASA DEPAN

NI dijangka akan mengetengah isu-isu kritikal berkaitan hak tanah Orang Asal/Asli. NI akan melihat isu-isu ini berdasarkan piawaian dan komitmen antarabangsa hak asasi manusia, dan ia juga bertujuan untuk mengembalikan hak pemilikan tanah kepada Orang Asal/Asli dan menyumbang kepada kemajuan keseluruhan hak asasi manusia di Malaysia.

Adalah penting ditekankan di sini bahawa bahawa NI tidak bertujuan untuk menyelesaikan masalah individu yang diterima semasa sesi konsultasi atau penghujahan awam tetapi ia adalah untuk mengenal pasti isu-isu utama dan untuk mencari jalan penyelesaian terbaik dari perspektif hak asasi manusia.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya akan memastikan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan, terutamanya dengan pihak Kerajaan dapat dipertingkatkan agar syor-syor NI diberi perhatian serius dan dilaksanakan oleh jabatan dan agensi yang berkenaan. Ia juga berharap, Laporan NI dapat menyumbang lebih banyak maklumat kepada orang ramai dan meningkatkan pemahaman yang umum mengenai hak asasi terutamanya hak tanah Orang Asal/Asli.

LAPORAN ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA

Buat julung kalinya Suruhanjaya telah mengadakan Majlis Anugerah Hak Asasi Manusia sempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia pada 10 Disember 2011 di Kuala Lumpur. Anugerah ini adalah untuk mengiktiraf dan menghargai individu dan organisasi yang telah banyak memberikan sumbangan dan usaha berterusan untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Para pemenang menerima RM 2,000, sijil dan plak.



Suruhanjaya telah menerima 31 pencalonan bagi tiga kategori iaitu:

- (i) Anugerah Komuniti (Individu)
Dianugerahkan kepada individu yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam mempromosi dan memajukan hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat atas dasar bukan untuk keuntungan.
- (ii) Anugerah Komuniti (Organisasi)
Dianugerahkan kepada badan bukan kerajaan atau berasaskan komuniti dengan rekod prestasi yang terbukti dalam mempromosi dan memajukan hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat.
- (iii) Anugerah Media
Dianugerahkan kepada hasil kerja yang diterbitkan dalam majalah atau akhbar-akhbar Malaysia, atau untuk drama, berita atau program hal ehwal semasa atau dokumentari yang disiarkan di televisyen atau radio pada dua atau tiga tahun sebelum ini, khususnya antara 31 Oktober 2010 hingga 1 November 2011 tanpa terhad pada tarikh tersebut.

Untuk layak dicalonkan para peserta mestilah telah membuat sumbangan kepada promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia sekurang-kurangnya dalam salah satu daripada bidang-bidang berikut dan mestilah aktif dalam bidang tersebut terutamanya untuk dua atau tiga tahun ini, khususnya antara 31 Oktober 2010 hingga 1 November 2011 tanpa terhad pada tempoh tersebut:

- Mengambil tindakan bagi mengatasi diskriminasi atau pelanggaran hak asasi manusia di Malaysia.

- Menggalakkan keharmonian yang lebih besar antara rakyat berlainan bangsa atau asal usul etnik, agama, jantina, umur atau perbezaan lain di Malaysia.
- Meningkatkan hak-hak Orang Asli/Asal di Malaysia.
- Menggalakkan peluang yang sama untuk orang kurang upaya di Malaysia.
- Memberi sumbangan cemerlang untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dalam masyarakat dan negara.
- Meningkatkan kesedaran tentang isu-isu ketidakadilan atau ketidaksamarataan di Malaysia.

1. PENCALONAN

(a) Anugerah Komuniti (Individu)

NO.	CALON
1.	Prof Dr Jayum Anak Jawan, Universiti Putra Malaysia
2.	Wong Nam Sang, Aktivis Orang Kurang Upaya
3.	Prof Emeritus Dato' Dr Hood Mohd Salleh, Universiti Kebangsaan Malaysia
4.	Charles Hector Fernandez, Aktivis Hak Asasi Manusia
5.	Tijah Yok Chopil, Aktivis Orang Asli
6.	Dr Poline Bala, Universiti Malaysia Sarawak
7.	Dr Hartini Zainuddin, Yayasan Salam
8.	Norlina Alawi, Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia
9.	Betty Yeoh, <i>All Women's Action Society Malaysia</i>
10.	Maria Chin Abdullah, <i>All Women's Action Society Malaysia</i>
11.	Nora Murat, <i>Amnesty International Malaysia</i>
12.	Dato' Mah Hassan Hj Omar, Persatuan Orang Cacat Malaysia

(b) Anugerah Komuniti (Organisasi)

NO.	CALON
1.	<i>Amnesty International Malaysia</i>
2.	<i>Education and Research Association for Consumers, Malaysia</i>
3.	Pertubuhan Keselamatan Sosial
4.	SEKSUALITI MERDEKA
5.	Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
6.	<i>All Women's Action Society Malaysia</i>

(c) Anugerah Media

NO.	CALON	PENYERTAAN
1.	Araffie Anak Igat, <i>TV3 Sarawak</i>	Laporan berita: • Ibu Muda Penan • Penempatan Empangan Bakun
2.	Stephanie Sta Maria, <i>Free Malaysia Today</i>	Laporan berita: • <i>A Stroke of Seeking Pain</i> • <i>Caning: Deterrent or Abuse?</i>
3.	Thor Kean Keong, <i>Edisi Siasat Mandarin, NTV7</i>	<i>Your Country My Home 1</i>
4.	Selina Kong Lik Hwan, <i>Edisi Siasat Mandarin, NTV7</i>	<i>Young Maid For Sale 1</i>
5.	Chio Keng Lin, <i>Nanyang Siang Pau</i>	Laporan berita: • Keadilan Akhirnya Ditegakkan • <i>Safeguard Your Loved One</i> • <i>It Is A New Malaysia Day</i>
6.	Mohd Nizam Mohamad Yatim, <i>Utusan Malaysia</i>	Laporan berita: Suruhanjaya Hak Asasi Bukan Musuh
7.	Alyaa Abdul Aziz Alhadjri, <i>The Sun</i>	Laporan berita: • <i>Orang Asli Want A Bigger Voice</i> • <i>Call For Help To Educate Migrant Children</i>

NO.	CALON	PENYERTAAN
8.	Mohd Nazrul Azim Shariddin, <i>Utusan Malaysia</i>	Laporan berita: • Menyelami Kehidupan Orang Asli • Apabila Pelancong Hidup Seperti Orang Asli • Sg Ruil Penempatan Orang Asli Sejak 1960
9.	Mariatul Qatiah Zakaria, <i>Utusan Malaysia</i>	Laporan berita: Nasib Anak Pelarian (Bergelandangan di Negeri Orang)
10.	Rosmah Mohd Dain, <i>Utusan Malaysia</i>	Laporan berita: • Suka Duka Pesakit Kusta • Derita Isteri HIV • Stigma Pesakit Mental • Gelandangan Kota
11.	Khairunnisa Sulaiman, <i>Utusan Malaysia</i>	Laporan berita: Kraftangan Mah Meri ke Persada Dunia (Produk Orang Asli di Pasaran Internet)
12.	Abdul Samad Muhammad Said, Sasterawan Negara	Usahnya menyuarakan isu-isu hak asasi manusia melalui puisi
13.	Jabatan Penyiaran Malaysia	Dokumentari: • Kanta Hati • Nyob Wira (Andalah Wira) • Cahaya Bukit Kala • Program Hiburan Sambil Beramal – Hari Amal Sabah Vfm • <i>My World – Zara the Semai Girl/Zara Gadis Semasa</i>

2. PENERIMA ANUGERAH

Tan Sri Hasmy Agam dalam ucapannya semasa majlis anugerah berkata, “Suruhanjaya berharap bahawa setiap dasar atau undang-undang yang digubal demi kepentingan Negara bukan sahaja perlu mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi juga prinsip dan norma-norma hak asasi manusia sejagat.”

Beliau seterusnya mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah dan turut merakamkan penghargaan kepada calon-calon, aktivis dan pembela hak asasi manusia lain. “Saya percaya bahawa penganugerahan seumpama ini dapat mencetuskan semangat, keazaman serta inspirasi

“Saya percaya bahawa penganugerahan seumpama ini dapat mencetuskan semangat, keazaman serta inspirasi kepada yang lain untuk meneruskan usaha mereka dalam mempromosi, melindungi dan menegakkan hak asasi manusia di negara ini.”

Tan Sri Hasmy Agam

kepada yang lain untuk meneruskan usaha mereka dalam mempromosi, melindungi dan menegakkan hak asasi manusia di negara ini.”

Cik Tijah Yok Chopil menerima Anugerah Komuniti (Individu) sebagai pengiktirafan usaha beliau dalam menegakkan hak-hak masyarakat Orang Asli Semai khususnya dan atas sumbangan aktif pada masyarakat Orang Asli di Semenanjung secara umum.



Cik Tijah Yok Chopil menerima Anugerah Komuniti (Individu)

Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) telah memenangi Anugerah Komuniti (Organisasi) dalam usaha berterusannya mempromosi hak kesamarataan.



SUARAM menerima Anugerah Komuniti (Organisasi)

Cik Selina Kong Lik Hwan (*Edisi Siasat Mandarin, NTV7*) diberi penghormatan dalam Kategori Media dengan laporan bertajuk *Young Maid for Sale 1*, mengenai kisah perjalanan kanak-kanak berumur 14 tahun yang dibawa masuk secara haram ke Malaysia untuk bekerja sebagai pembantu rumah.



*Cik Selina Kong Lik Hwan memenangi Anugerah Media untuk laporan
'Young Maid for Sale 1'*

Di samping itu, Suruhanjaya telah menyampaikan Anugerah Khas kepada Sekolah Integriti yang ditubuhkan oleh Jabatan Penjara sebagai usahasama memperjuang dan mempertahankan hak pesalah juvana kepada pendidikan. Sekolah Integriti telah ditubuhkan di penjara Kajang, Kluang, Marang, Sungai Petani, Kota Kinabalu dan Kuching.



Hj Darussalam Hj Budin menerima Anugerah Khas bagi pihak Jabatan Penjara



Anggota Suruhanjaya bersama penerima Anugerah Hak Asasi Manusia 2011



LAMPIRAN

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2011

NO.	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1.	28 Jan	SUHAKAM@Tenang, Johor: SUHAKAM Lancar Kaunter Aduan Bergerak	166
2.	8 Feb	SUHAKAM Teliti Isu Syiah di Malaysia	167
3.	9 Feb	SUHAKAM Kekalkan Status 'A' dalam ICC, Setelah Melalui Kesukaran Yang Panjang	168
4.	22 Feb	Menghadkan Parti-parti Politik Menyekat Kebebasan Berpersatuan	170
5.	6 April	Hukuman Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Yang Menjatuhkan Maruah Adalah Bertentangan Dengan Prinsip Hak Asasi Manusia	171
6.	6 April	Kebebasan Bersuara – Undang-undang Terhad Mesti Dikaji Semula	172
7.	8 April	<i>Roadshow</i> SUHAKAM Bersama Rakyat di Kota Bharu, Kelantan	173
8.	10 Mei	SUHAKAM Adakan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli	174
9.	31 Mei	Hormati Hak Perumahan, Hentikan Perobohan Paksa Penduduk PJS1	178
10.	8 Jun	SUHAKAM Bantu Uruskan Penghantaran Balik Anak Kapal MV Banga Biraj	179
11.	27 Jun	Hak Untuk Mengadakan Perhimpunan Aman Mesti Dilindungi	180
12.	7 Jul	Hak Kepada Perhimpunan Aman dan Kebebasan Berpendapat Mesti Dilindungi	181

NO.	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
13.	14 Jul	SUHAKAM Jalankan Siasatan Awam Mengenai Antara Lain, Dakwaan Penggunaan Kekerasan Melampau Ketika Perhimpunan 9 Julai 2011	182
14.	21 Jul	Penahanan Tanpa Bicara Mencabuli Prinsip Hak Asasi Manusia	184
15.	22 Jul	Panggilan Penyerahan Awam Mengenai Keterangan dan Maklumat Atas Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Sebelum dan Semasa Perhimpunan Pada 9 Julai 2011	185
16.	30 Jul	SUHAKAM Alu-Alukan Pembebasan Enam Ahli Parti Sosialis Malaysia (PSM) Yang Ditahan di Bawah Seksyen 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969	187
17.	2 Ogos	Panggilan Penyerahan Awam Mengenai Keterangan dan Maklumat Atas Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Sebelum dan Semasa Perhimpunan Pada 9 Julai 2011	188
18.	16 Ogos	Siasatan Awam Ke Atas Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Termasuk Penggunaan Kekerasan Yang Melampau Sebelum Dan Semasa Perhimpunan Pada 9 Julai 2011 (Laporan Kemaskini 1/2011 Siasatan Awam)	190
19.	17 Ogos	Dakwaan SUHAKAM Berat Sebelah Adalah Tidak Munasabah	192
20.	18 Ogos	Langkah Positif Bagi Menegakkan Hak Rakyat Dalam Reformasi Sistem Pilihanraya dan Kajian Semula Undang-Undang Media Terhad	194
21.	24 Ogos	Semua Pihak Berkepentingan Mestilah Dirunding Mengenai Cadangan Akta Tanah Orang Asli	195
22.	8 Sept	Kenyataan Media Sempena Hari Hak Asasi Manusia Malaysia - 9 September 2011 : Melangkah Menuju Ke Arah Peningkatan Promosi Dan Perlindungan Hak Asasi Manusia	197
23.	12 Sept	Anugerah Hak Asasi Manusia Malaysia 2011 : Pencalonan Dibuka	201

NO.	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
24.	16 Sept	Pemansuhan Ordinan Darurat, Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Kajian Undang-Undang Keselamatan Sedia Ada dan Undang-Undang Lain Yang Berkaitan Merupakan Langkah Positif Ke Arah Peningkatan Keadaan Hak Asasi Manusia Di Malaysia	203
25.	27 Sept	Siasatan Awam Ke Atas Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Termasuk Penggunaan Kekerasan Yang Melampau Sebelum dan Semasa Perhimpunan Pada 9 Julai 2011 (Laporan Kemaskini 2/2011 Siasatan Awam)	205
26.	28 Sept	Siasatan Awam Ke Atas Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Termasuk Penggunaan Kekerasan Yang Melampau Sebelum dan Semasa Perhimpunan Pada 9 Julai 2011 (Laporan Kemaskini 3/2011 Siasatan Awam)	206
27.	6 Okt	Siasatan Awam Ke Atas Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Termasuk Penggunaan Kekerasan Yang Melampau Sebelum Dan Semasa Perhimpunan Pada 9 Julai	207
28.	13 Okt	Hukuman Mati Adalah Pencabulan Hak Asasi Manusia Yang Serious	208
29.	15 Nov	Siasatan Awam Dijalankan Untuk Menyasat Aduan Mengenai Dakwaan Pencabulan Hak Asasi Manusia	209
30.	18 Nov	Undang-Undang Tahanan Pencegahan Bercanggah Dengan Prinsip Hak Asasi Manusia	211
31.	25 Nov	Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman Tidak Patut Mengenakan Sekatan Terhadap Hak Setiap Orang Untuk Berhimpun Secara Aman	212
32.	25 Nov	Pindaan Kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Dialu-alukan	215



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM@TENANG, JOHOR: SUHAKAM LANCAR KAUNTER ADUAN BERGERAK

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) akan memantau Pilihanraya Kecil DUN N-5 Tenang yang akan diadakan pada 30 Januari 2011. Sehubungan dengan itu Kaunter Aduan Bergerak Suruhanjaya akan beroperasi pada hari Ahad, 30 Januari 2011 di perkarangan terminal bas dan teksis Labis, 85300 Labis, Segamat, Johor.

Objektif utama Kaunter Aduan Bergerak Suruhanjaya adalah untuk memberi pendedahan mengenai hak asasi manusia dan memastikan proses pilihan raya ini menghormati hak pengundian sejagat terutama sekali dalam kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun, berpersatuan, akses kepada maklumat dan hak kepada keselamatan berhubungkait dengan pilihanraya.

Antara pihak yang akan dipantau termasuklah badan-badan penguatkuasaan, media serta parti-parti politik yang terlibat. Kaunter Aduan Bergerak Suruhanjaya boleh dihubungi semasa Pilihanraya Kecil DUN N-5 Tenang untuk sebarang aduan tentang pencabulan hak asasi manusia.

KAUNTER ADUAN BERGERAK SURUHANJAYA (SUHAKAM@TENANG)

E-mel: complaints@suhakam.org.my

Tel: Encik Muhammad Sha'ani Abdullah 013 3363647

Encik Megat Adzwan Shah 010 2917021

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

28 Januari 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM TELITI ISU SYIAH DI MALAYSIA

Mesyuarat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) pada hari ini (8 Februari 2011) telah memutuskan bahawa ia akan meneliti isu Syiah di negara ini. Ini adalah berikutan beberapa aduan yang telah dikemukakan kepada Suruhanjaya mengenai ketidakpuasan cara pihak berkuasa menangani isu Syiah di Malaysia.

Untuk tujuan tersebut, Suruhanjaya akan diwakili oleh Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid sebagai Pesuruhjaya yang bertanggungjawab dalam mengendalikan isu ini. Suruhanjaya akan mengambil beberapa tindakan yang melibatkan semua pihak yang berkenaan seperti agensi Kerajaan, badan agama, kedutaan dan sebagainya.

Suruhanjaya juga akan mengadakan satu perbincangan meja bulat bersama semua pihak yang terbabit dengan matlamat mencari satu jalan penyelesaian yang baik untuk semua pihak. Oleh itu, Suruhanjaya berharap akan mendapat kerjasama daripada semua pihak yang berkenaan.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

PROF DATO' DR MAHMOOD ZUHDI HJ AB MAJID

Pesuruhjaya

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

8 Februari 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM KEKALKAN STATUS 'A' DALAM ICC SETELAH MELALUI KESUKARAN PANJANG

Pada 28 Januari 2011, Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi Nasional untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (ICC) mengesahkan status 'A' terhadap Suruhanjaya.

Kajian Semula Khas, yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil Akreditasi ICC (SCA) pada 13 Oktober 2010, telah memberi tumpuan kepada isu proses pemilihan anggota Suruhanjaya yang baru dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Suruhanjaya.

Dalam laporannya pada Sesi Oktober 2010, SCA mengalu-alukan penerimgunaan kedua-dua Akta (pindaan) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan menghargai usaha-usaha Suruhanjaya dalam memastikan pindaan kedua-dua Akta. Walau bagaimanapun, SCA juga turut memberikan komen seperti berikut:

1. (SCA) Mengambil maklum akan KPI yang sedang dirangka dan syor-syornya sebelum ini bahawa apabila diterima pakai, KPI akan diumumkan kepada orang ramai. KPI tidak seharusnya digunakan untuk melanggar fungsi kebebasan dan autonomi organisasi serta kewangan NHRI. Dengan itu, SCA juga menggalakkan Suruhanjaya memastikan bahawa pemuktamadan KPI tidak akan menyekat keupayaan institusi untuk mengkaji dan menyemak semula keutamaannya, bergantung pada penilaian terhadap situasi domestik hak asasi manusia.
2. (SCA) Merujuk kepada Pemerhatian Am 1.5 "Kerjasama NHRI dengan institusi-institusi hak asasi manusia yang lain" dan menggalakkan Suruhanjaya bekerjasama rapat dengan organisasi masyarakat sivil.
3. Suruhanjaya adalah digalakkan untuk terus mendapatkan nasihat dan bantuan daripada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR) dan Forum Asia Pasifik NHRI (APF);

Suruhanjaya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan yang telah mengambil langkah-langkah konstruktif dalam mengekalkan status 'A' Suruhanjaya, ia juga ingin menyeru Kerajaan supaya memuktamad dan mengumumkan KPI yang telah dirumus oleh Suruhanjaya dan yang lebih penting lagi, memastikan agar KPI tidak akan melanggar fungsi kebebasan dan autonomi organisasi serta kewangan Suruhanjaya sebagaimana yang telah diulas oleh SCA.

Suruhanjaya mengambil maklum komen SCA mengenai kerjasama dengan institusi-institusi hak asasi manusia yang lain dan akan terus bekerjasama rapat dengan organisasi-organisasi masyarakat sivil dan institusi-institusi hak asasi manusia di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa.

Walau apa pun cabaran yang dihadapi, Suruhanjaya menganggap proses akreditasi merupakan satu pengalaman yang amat berfaedah dan memberi penghargaan kepada semua pihak berkepentingan yang menjadi penyokong utama terhadap usaha-usaha Suruhanjaya untuk mengekalkan status 'A'.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

9 Februari 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MENGHADKAN PARTI-PARTI POLITIK MENYEKAT KEBEBASAN BERPERSATUAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menyatakan kebimbangannya berhubung syor yang dibuat oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) bahawa bilangan parti-parti politik di negara ini akan dihadkan pada 33. Walaupun ia adalah di bawah kuasa ROS untuk melulus atau menolak permohonan pendaftaran di bawah Seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966, Suruhanjaya menekankan bahawa menghadkan bilangan dan menyekat permohonan baru adalah tidak selari dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia, mengekang hak untuk menubuhkan persatuan dan hak kebebasan bersuara.

Dalam Laporan Tahunan 2007, Suruhanjaya mengesyorkan agar ROS perlu menjalankan kuasanya selari dengan maksud Akta Pertubuhan; perlu telus dan bertanggungjawab dalam menjalankan kuasanya; agar mengkaji semula Seksyen 5 yang menyediakan peruntukan kuasa mutlak kepada Menteri untuk mengisytiharkan sebuah persatuan tidak sah; agar mempertimbangkan semula Seksyen 7 bagi mengintegrasikan prinsip-prinsip keadilan semula jadi; agar pemohon diberi hak untuk didengari; agar garis masa yang munasabah dan prosedur peraturan lain yang memberi kesan kepada proses pendaftaran ditetapkan dalam Akta; dan agar keputusan dibuat dan dimaklumkan kepada pemohon dalam jangka masa yang dinyatakan.

Kehendak rakyat membentuk asas kepada kewibawaan Kerajaan, oleh itu warganegara mempunyai hak untuk memilih wakil-wakil mereka. Hak untuk mengambil bahagian dalam Kerajaan adalah hak-hak asas yang termaktub dalam Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 21 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Sehubungan itu, dalam mana-mana sistem demokrasi, kebebasan menubuhkan parti politik merupakan manifestasi penting dalam kebebasan berpersatuan, yang membolehkan orang ramai menyuarakan pendapat mereka. Memandangkan syor itu tidak mencapai matlamat sebenar dan hanya akan menimbulkan kontroversi, Suruhanjaya menggesa agar ROS tidak meneruskan syor itu, dan dengan itu menghormati hak rakyat untuk memilih wakil-wakil dan gabungan parti-parti politik mereka.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

22 Februari 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

HUKUMAN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN DAN YANG MENJATUHKAN MARUAH ADALAH BERTENTANGAN DENGAN PRINSIP HAK ASASI MANUSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) meluahkan rasa amat kesal ke atas kematian murid yang berusia tujuh tahun di Perlis yang didakwa dipukul oleh gurunya kerana disyaki mencuri. Saiful Syazani Saiful Sopfidee dilaporkan telah meninggal dunia akibat kecederaan dalaman selepas dipukul dan dicekik. Suruhanjaya mengecam kezaliman sedemikian yang tidak dapat dibayangkan dilakukan terhadap kanak-kanak yang tidak berupaya melakukan apa-apa pada usia mentah, sememangnya bertentangan dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia sejagat, khususnya Perkara 37, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang menyatakan bahawa tiada kanak-kanak boleh tertakluk kepada layanan atau hukuman yang zalim, kejam, tangkapan yang tidak sah atau pelucutan hak kebebasan dan Perkara 31 (1) (a) (b) Akta Kanak-kanak 2001 yang menegaskan bahawa adalah menjadi satu kesalahan mendera kanak-kanak.

Dalam hal ini, Suruhanjaya menggesa semua pihak yang berkenaan supaya menghormati sepenuhnya peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam CRC dan Akta Kanak-Kanak 2001, dan menyeru Kerajaan untuk menyertai dengan seberapa segera yang mungkin, Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT). Dalam memastikan perlindungan dan pembangunan kanak-kanak yang selaras dengan peruntukan akta dan konvensyen tersebut serta norma-norma hak asasi manusia sejagat, pihak berkuasa yang berkenaan perlu mengambil pendekatan alternatif ke atas hukuman sebat atau rotan sebagai hukuman yang lebih berperikemanusiaan dan tidak menjejaskan kanak-kanak dari segi fizikal, mental dan kesejahteraan psikologi.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

6 April 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

KEBEBASAN BERSUARA - UNDANG-UNDANG TERHAD MESTI DIKAJI SEMULA

Dalam meraikan Hari Kebebasan Akhbar Sedunia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menggesa agar hak kepada kebebasan bersuara dihormati sepenuhnya kerana ia termaktub dalam Perkara 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Bertemakan 'Abad ke-21: Sempadan Baru, Rintangan Baru' ('21st Century Media: New Frontier, New Barrier'), Hari Kebebasan Akhbar Sedunia tahun ini mengambil maklum kesan-kesan besar kebebasan pertukaran dan peraliran maklumat yang dibawa oleh era digital media dalam talian (online media) dan rangkaian sosial, serta halangannya yang berterusan. Dalam bergerak mengikut peredaran masa, adalah tepat pada masanya untuk negara meliberalisasikan undang-undang media yang terhad bagi membolehkan orang ramai memperoleh manfaat sepenuhnya daripada medium baru pertukaran maklumat dalam talian ini dengan cara yang wajar, beretika dan bertanggungjawab.

Oleh itu, Suruhanjaya mengulangi saranannya agar undang-undang sedia ada berkenaan media khususnya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dikaji semula, dan mengambil pendekatan yang lebih liberal untuk melulus dan memperbaharui permit dan lesen percetakan dan penerbitan dengan memberikan pembaharuan secara automatik. Dalam mendukung ketelusan dan kebertanggungjawaban dan memastikan sekatan dan imbalan, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa undang-undang yang memberi kesan kepada tugas-tugas media mesti dikaji semula dan hak untuk mendapat akses maklumat yang sama mesti dilindungi.

Dalam hal ini, Suruhanjaya menantikan cadangan awal penubuhan Majlis Perundangan Media, sebagai sebuah badan yang dikawal selia sendiri oleh pengamal media yang akan merangsang kebebasan akhbar, di samping memastikan kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

6 April 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

ROADSHOW SUHAKAM BERSAMA RAKYAT DI KOTA BHARU, KELANTAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) akan mengadakan sesi Roadshow SUHAKAM Bersama Rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Program ini memberi peluang masyarakat umum khususnya wakil dari agensi Kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO), guru-guru sekolah, pegawai daerah dan ketua-ketua kampung untuk berdialog bersama Suruhanjaya mengenai isu-isu hak asasi manusia di Kelantan. Butiran program adalah seperti berikut:

Tarikh : 11 April 2011 (Isnin)
Masa : 9:30 pagi – 11:30 pagi
**Tempat : Dewan Teratai, Kompleks Kota Darul Naim
 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim**

Penyertaan adalah terbuka kepada orang ramai dan terhad kepada 200 orang peserta sahaja. Tiada bayaran dikenakan. Orang ramai adalah dijemput hadir. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Puan Noor Azizah Atdenan: 012 206 7406
Encik Syahrizal Bakar: 012 263 4291

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

HASHIMAH NIK JAAFAR

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

8 April 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM ADAKAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dengan ini mengumumkan bahawa ia akan menjalankan Inkuiri Nasional tentang Hak Orang Asal/Asli terhadap tanah di Malaysia.

Suruhanjaya telah mengambil keputusan untuk menjalankan inkuiri ini memandangkan pelbagai aduan dan memorandum yang diterima sejak bertahun-tahun tentang pencabulan hak asasi Orang Asal/Asli ke atas tanah adat mereka. Pencabulan dalam pelbagai bentuk ini, sudah lama dialami, bersifat berterusan dan sistemik sehingga menjejaskan hak masyarakat ini. Inkuiri Nasional akan mengkaji punca sebenar masalah berkaitan hak tanah adat secara meluas daripada perspektif hak asasi manusia dan akan mengesyorkan langkah penyelesaian bersesuaian terhadap masalah ini.

Panel Inkuiri Nasional ('Panel Inkuiri') terdiri daripada ahli-ahli Suruhanjaya yang akan dibantu oleh konsultan bebas (Sila lihat Lampiran) yang telah dipilih oleh Panel Inkuiri berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran mereka yang luas dalam bidang masing-masing.

Terma rujukan Inkuiri Nasional ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk menentukan pengiktirafan dari segi perlembagaan, perundangan, pentadbiran dan politik hak Orang Asal/Asli terhadap tanah dan keberkesanannya dalam mempertahankan dan mempromosi hak Orang Asal/Asli terhadap tanah.
- ii. Untuk menyelidik situasi hak tanah Orang Asal/Asli dan kesan daripada pengiktirafan atau sebaliknya hak tanah Orang Asal ke atas hak sosial, ekonomi, budaya dan politik, dengan mengambil kira undang-undang domestik dan antarabangsa yang bersesuaian.
- iii. Untuk mengenal pasti kekangan yang menghadkan Orang Asal/Asli terhadap tanah bersesuaian dengan kehendak dan keperluan mereka.

- iv. Untuk memupuk dan mempromosi kesedaran, pengetahuan dan pemahaman tentang hak tanah serta cara hidup Orang Asal/Asli.
- v. Untuk membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan, berdasarkan fakta dan keazaman daripada inkuiri Nasional, tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:
 - a. Untuk mengkaji semula dasar dan undang-undang tanah, agar mematuhi hak asasi manusia termasuk pelaksanaannya, dengan mengambil kira masalah lalu dan kini yang dihadapi oleh Orang Asal/Asli; dan
 - b. Untuk membentuk strategi dan pelan tindakan yang dapat merealisasikan hak tanah Orang Asal/Asli sebagai komponen penting hak asasi manusia.

Proses Inkuiri Nasional akan bermula dengan suatu siri perundingan dengan pihak-pihak yang berkepentingan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Pada masa yang sama, untuk membantu proses inkuiri, beberapa penyelidik telah dilantik untuk menjalankan penyelidikan dan kajian mengenai perkara berkenaan, termasuk kes-kes konflik tanah, dasar dan undang-undang melibatkan Orang Asal/ Asli dan tahap ia mematuhi standard hak asasi manusia antarabangsa. Pemetaan GIS berkenaan dakwaan sempadan / wilayah Orang Asal/ Asli untuk kes-kes utama juga akan dijalankan.

Selepas tamat proses perundingan, Panel Inkuiri akan menjalankan pendengaran awam di setiap kawasan untuk mendengar keterangan daripada saksi-saksi utama. Jemputan untuk kemunculan di hadapan Panel Inkuiri akan dipanjangkan kepada saksi-saksi utama seperti Orang Asal/Asli, pegawai kerajaan, organisasi berasaskan masyarakat, kakitangan korporat, media dan lain-lain. Sapina mungkin akan dikeluarkan jika perlu, kepada mana-mana pihak yang disebutkan ini untuk membantu dalam inkuiri. Kuasa ini akan dilaksanakan berlandaskan seksyen 14(1)(a) Akta Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, yang memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mendapat bukti tersebut, sama ada secara bertulis atau lisan, dan untuk menyelidik semua mereka jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya untuk mendapat atau menyelidik.

Inkuiri ini terbuka kepada orang awam dan media tetapi perlu diingatkan bahawa rakaman video oleh orang awam atau media terhadap Inkuiri ini tidak dibenarkan semasa pendengaran awam.

Sementara itu, Panel Inkuiri mengalu-alukan penghujahan awam dan perlu sampai ke Sekretariat Inkuiri Nasional tidak lewat daripada 30 Ogos 2011. Orang awam dinasihatkan agar penghujahan ini selari dengan perkara-perkara yang terdapat pada Terma Rujukan.

Alamatkan semua penghujahan awam kepada:

Puan Nurul Hasanah Ahamed dan Puan Rafidah Yahya

Sekretariat Inkuiri Nasional

SUHAKAM

Tingkat 11, Menara TH Perdana

Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel: 03-2612 5606 / 5645

Fax: 03-26125620 / 5673

inkuirinasional@suhakam.org.my

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

10 Mei 2011

LAMPIRAN

INKUIRI NASIONAL HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA

PANEL INKUIRI

SABAH	SARAWAK	SEMANANJUNG MALAYSIA
1. Tan Sri Hasmy Agam 2. Puan Jannie Lasimbang 3. Encik Muhammad Sha'ani	1. Tan Sri Hasmy Agam 2. Encik Detta Samen 3. Encik James Deva Nayagam	1. Tan Sri Hasmy Agam 2. Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee 3. Puan Jannie Lasimbang

KONSULTAN BEBAS

SABAH	SARAWAK	SEMANANJUNG MALAYSIA
1. Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun	1. Dato' Ranita Mohd Husein 2. Encik Andrew Khoo	1. Datuk Dr Denison Jayasooria 2. Dr Colin Nicholas



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

HORMATI HAK PERUMAHAN HENTIKAN PEROBOHAN PAKSA PENDUDUK PJS1

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menggesa semua pihak termasuk Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan pihak Pemaju Peter's Brickworks Sdn Bhd untuk menghormati Hak Perumahan Rakyat dan menghentikan segera tindakan merobohkan rumah penduduk PJS1.

Suruhanjaya yang diwakili oleh Pesuruhjaya Encik Muhammad Sha'ani Abdullah dan beberapa orang pegawai telah melawat kawasan rumah panjang PJS1 pada hari ini untuk memantau aktiviti perobohan secara paksa tiga buah rumah setinggan yang masih belum berpindah kerana tidak memiliki rumah yang dijanjikan. Ketika lawatan, Suruhanjaya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan notis pembekuan kerja pembangunan terhadap pemaju berkuatkuasa 30 Mei 2011 sehingga masalah penempatan serta sekolah diselesaikan. Namun Suruhanjaya dimaklumkan bahawa pihak pemaju masih ingin meneruskan kerja-kerja perobohan tanpa menghiraukan notis tersebut.

Suruhanjaya menyifatkan tindakan pihak pemaju yang tidak prihatin yang mahu meneruskan perobohan rumah sebagaimana yang didakwa adalah satu tindakan yang menyalahi hak asasi manusia. Hak perumahan wajar merupakan satu keperluan asas kepada manusia sepertimana yang termaktub dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESR). Malah, tindakan pemaju juga bertentangan dengan Deklarasi Habitat Agenda 1992, Local Agenda 21 dan Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pengusiran paksa 1993 (United Nations Resolution on Forced Evictions 1993).

Justeru itu, Suruhanjaya mengesa pihak pemaju untuk memberi jaminan dengan menyediakan perumahan alternatif yang tetap dan mampu dimiliki sebelum sebarang tindakan perobohan dilakukan. Selain itu, Suruhanjaya juga menasihatkan pihak pemaju untuk mengadakan rundingan dengan pihak-pihak yang terlibat agar isu ini dapat diselesaikan dengan baik. Pada masa yang sama, Suruhanjaya menyarankan Kerajaan Negeri Selangor memastikan hak perumahan rakyatnya tidak dicabuli oleh mana-mana pihak.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

31 Mei 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM BANTU URUSKAN PENGHANTARAN BALIK ANAK KAPAL MV BANGA BIRAJ

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) membuat lawatan ke Rumah Perlindungan Tanjung Kling, Melaka hari ini untuk bertemu dengan 15 anak kapal kontena MV Banga Biraj yang ditahan bagi tindakan susulan ke atas kes mereka. Anak-anak kapal dari Bangladesh yang telah terkandas selama lebih setahun di Pelabuhan Utara ini, berada dalam keadaan kesihatan yang baik dan juga sangat menghargai bantuan yang disediakan oleh kakitangan Rumah Perlindungan.

Anak-anak kapal ini telah memberitahu Pesuruhjaya James Nayagam keinginan untuk kembali ke negara asal mereka. Mereka meminta bantuan Suruhanjaya untuk membawa masalah mereka kepada perhatian kementerian yang berkaitan dan memudahkan penghantaran pulang mereka. Suruhanjaya akan mengambil semua tindakan susulan yang perlu dan memastikan bahawa proses penghantaran anak-anak kapal yang ingin pulang awal boleh dipercepatkan.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

8 Jun 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

HAK UNTUK MENGADAKAN PERHIMPUNAN AMAN MESTI DILINDUNGI

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) merujuk kepada perhimpunan aman yang dirancang oleh Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (Bersih) yang bakal diadakan pada 9 Julai 2011, dan juga perhimpunan-perhimpunan yang dilaporkan dirancang oleh Pemuda UMNO dan Perkasa, dan mengulangi pendiriannya bahawa orang ramai mempunyai hak untuk berhimpun dan menyuarakan pandangan secara aman, sepertimana yang terkandung di dalam Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan serta Perkara 20(1) Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Suruhanjaya mengulangi syor-syor yang telah dikemukakan sebelum ini kepada Kerajaan untuk menghormati kebebasan berhimpun, seperti yang terkandung dalam, antara lain, Laporan Tahunannya kepada Parlimen, serta permintaan bagi pemansuhan sub-seksyen (2), (2A) - (2D), (4), (4A), (5), (5A) - (5C), (7) dan (8) Seksyen 27 dan Seksyen 27A Akta Polis 1967, dan mengesyorkan agar pihak Polis menggunakan cara yang bersesuaian dan tanpa keganasan sekiranya mereka mendapati ia perlu untuk mengawal atau menyuraikan orang ramai semasa perhimpunan.

Suruhanjaya menyeru pihak berkuasa supaya membenarkan perhimpunan aman tersebut dijalankan, dan kepada pihak-pihak lain yang merancang perhimpunan berkenaan agar melaksanakan hak mereka dalam keadaan aman dan penuh tanggungjawab. Suruhanjaya akan memantau perhimpunan itu sewajarnya.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

27 Jun 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

HAK KEPADA PERHIMPUNAN AMAN DAN KEBEBASAN BERPENDAPAT MESTI DILINDUNGI

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan konsultasi yang sedang berjalan di antara pihak berkuasa dan Bersih berhubung dengan cadangan perhimpunan, yang akan diadakan di stadium, setelah menurut titah DYMM Yang Di Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 4 Julai serta majlis menghadap yang telah diperkenan oleh Baginda Tuanku kepada Bersih pada 5 Julai 2011.

Walaupun mengalu-alukan perkembangan positif ini, dalam keadaan sekarang, Suruhanjaya ingin mengulangi bahawa kebebasan berhimpun secara aman adalah terkandung dalam Perkara 10(1) (b) Perlembagaan Persekutuan serta Perkara 20(1) Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), dan kebebasan menyuarakan pandangan dan pendapat adalah terkandung dalam Perkara 19 UDHR. Suruhanjaya berharap agar resolusi awal berkenaan perkara ini dapat dicapai antara pihak berkuasa dan Bersih dalam semangat perdamaian, seperti yang dititahkan oleh baginda Tuanku Yang Di Pertuan Agong, dan akan memantau perhimpunan itu sewajarnya.

Suruhanjaya juga ingin menyatakan rasa kebimbangan tentang penangkapan dan penahanan beberapa Ahli Parlimen serta aktivis baru-baru ini di bawah Seksyen 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 dan menyeru pihak berkuasa membebaskan segera mereka yang masih ditahan. Mereka seharusnya berhak kepada perbicaraan terbuka dengan diwakili peguam seperti yang disebut dalam Perkara 9, 10 dan 11 UDHR yang menyatakan bahawa tiada sesiapa pun boleh dikenakan tangkapan secara sewenang-wenangnya; setiap orang adalah berhak kepada perbicaraan adil dan terbuka; dan setiap orang berhak dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya.

Sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyokong standard tertinggi dalam mempromosi dan melindungi hak rakyat. Dalam perkara ini, Suruhanjaya telah berulang kali menyeru agar semua undang-undang penahanan pencegahan dimansuhkan dan mengulangi bahawasanya penahanan tanpa bicara adalah melanggar prinsip hak asasi manusia.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

7 Julai 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM JALANKAN SIASATAN AWAM MENGENAI ANTARA LAIN, DAKWAAN PENGGUNAAN KEKERASAN MELAMPAU KETIKA PERHIMPUNAN 9 JULAI 2011

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suruhanjaya) merujuk kepada perhimpunan yang dianjurkan pada 9 Julai 2011. Pada hari tersebut pasukan pemantau Suruhanjaya yang terdiri daripada ahli-ahli Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai telah berada di kawasan perhimpunan untuk memerhati dan memantau situasi di sana.

Selepas perhimpunan itu, Suruhanjaya telah menerima dua memorandum dari kumpulan berlainan termasuk Pemuda PAS, SUARAM dan Bersih yang mendakwa antara lain kekerasan melampau oleh penguatkuasa undang-undang dalam menangani dan menyuraukan orang awam ketika perhimpunan tersebut, dan juga kemungkinan pelanggaran-pelanggaran hak asasi manusia yang lain sebelum dan ketika 9 Julai 2011. Suruhanjaya memandang berat mengenai dakwaan-dakwaan ini dan berdasarkan pemerhatian pasukan pemantau Suruhanjaya sendiri, Suruhanjaya telah bersetuju untuk menjalankan siasatan awam mengenai dakwaan-dakwaan tersebut.

Ketika ini, Suruhanjaya masih dalam proses menubuhkan ahli panel siasatan dan merangka terma-terma rujukan. Maklumat lanjut mengenai Siasatan Awam ini akan diumumkan dalam masa dua minggu lagi.

Orang awam yang telah melihat sebarang perbuatan atau insiden mengenai dakwaan-dakwaan yang disebutkan, atau mereka yang boleh memberi informasi yang berkaitan dan/atau dokumen serta bukti-bukti termasuk rakaman video/gambar mengenai dakwaan-dakwaan ini diminta menghubungi Suruhanjaya dengan segera.

Sila hubungi:

Encik Ameer Izyanif Hamzah atau Encik Shahizad Sulaiman

SUHAKAM

Tingkat 13, Menara TH Perdana

50250 Jalan Sultan Ismail

Tel: 03 2612 5669 / 5623

Faks: 03 2612 5620 / 5694

Emel: complaints@suhakam.org.my / humanrights@suhakam.org.my

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

14 Julai 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PENAHANAN TANPA BICARA MENCABULI PRINSIP HAK ASASI MANUSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) sekali lagi menegaskan saranan supaya enam ahli Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang ditahan di bawah Seksyen 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969.

Penahanan tanpa bicara adalah mencabul prinsip hak asasi manusia sepertimana yang disebut dalam Perkara 9, 10 dan 11 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Suruhanjaya telah berulang kali menyeru agar semua undang-undang penahanan pencegahan dimansuhkan dan dengan demikian menyeru agar semua yang ditahan di bawah undang-undang ini dibebaskan dan berhak kepada perbicaraan terbuka dengan diwakili peguam. Sementara menunggu mereka dibebaskan, keselamatan, kebajikan dan kesihatan mental dan fizikal tahanan ini secara berterusan adalah tanggungjawab pihak berkuasa.

- TAMAT -

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

21 Julai 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PANGGILAN PENYERAHAN AWAM MENGENAI KETERANGAN DAN MAKLUMAT ATAS DAKWAAN PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN PADA 9 JULAI 2011

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) telah memutuskan untuk mengadakan Siasatan Awam ke atas dakwaan pelanggaran hak asasi manusia termasuk penggunaan kekerasan yang melampau sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Panel siasatan akan dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Suruhanjaya Profesor Datuk Dr Khaw Lake Tee dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Encik Detta Samen.

Terma Rujukan Siasatan Awam

Terma rujukan untuk Siasatan Awam ini adalah:

1. Untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa pelanggaran hak asasi manusia terhadap mana-mana individu atau pihak sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011;
2. Jika pelanggaran hak asasi manusia telah berlaku, untuk menentukan
 - i. Bagaimana pelanggaran itu terjadi;
 - ii. Apakah arahan pentadbiran dan prosedur, atau aturan yang menyebabkan pelanggaran tersebut;
 - iii. Individu atau agensi yang bertanggungjawab untuk pelanggaran tersebut.
3. Untuk mengesyorkan langkah-langkah untuk diambil bagi memastikan pelanggaran tersebut tidak akan berulang.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan Sapina kepada saksi

Sapina akan dikeluarkan pada masa yang sesuai kepada saksi-saksi yang berkaitan termasuk orang awam, media dan pihak polis. Kuasa ini adalah menurut seksyen 14 (1) (a) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mendapat dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa semua orang sebagai saksi sebagaimana yang Suruhanjaya merasa perlu atau patut diperoleh atau diperiksa.

Panggilan Penyerahan Awam

Suruhanjaya dengan ini memanggil penyerahan awam mengenai bukti dan maklumat berikutan dakwaan antara lain, penggunaan kekerasan yang melampau oleh pihak berkuasa sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Orang awam yang telah menyaksikan sebarang perbuatan atau insiden mengenai dakwaan-dakwaan yang disebutkan, atau mereka yang boleh memberi maklumat yang berkaitan dan/atau dokumen serta bukti-bukti termasuk rakaman video/gambar mengenai dakwaan-dakwaan ini diminta menghubungi Suruhanjaya dengan segera.

Tarikh akhir Penyerahan Awam

Tarikh akhir untuk penyerahan awam adalah pada 2 Ogos 2011.

Untuk pertanyaan dan Penyerahan Awam sila hubungi:

Encik Ameer Izyanif Hamzah atau Encik Shahizad Sulaiman

SUHAKAM

Aras 13, Menara TH Perdana

50250 Jalan Sultan Ismail

Tel : 03 2612 5669 / 5623

Faks : 03 2612 5620 / 5694

Email: complaints@suhakam.org.my / humanrights@suhakam.org.my

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



PROFESOR DATUK DR KHAW LAKE TEE

Naib Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

22 Julai 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

**SUHAKAM ALU-ALUKAN PEMBEBASAN ENAM
AHLI PARTI SOSIALIS MALAYSIA (PSM) YANG
DITAHAN DI BAWAH SEKSYEN 3(1) ORDINAN
DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN
PENCEGAHAN JENAYAH) 1969**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan pembebasan enam ahli Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang ditahan di bawah Seksyen 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 selama 28 hari sejak 2 Julai 2011.

Suruhanjaya berpuas hati kerana Kerajaan telah memberi maklum balas positif terhadap saranan yang telah dibuat oleh banyak pihak, termasuk daripada Suruhanjaya, supaya keenam-enam tahanan tersebut dibebaskan. Sesungguhnya, adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar penahanan secara arbitrari tidak berulang di masa hadapan kerana ianya bertentangan dengan masyarakat yang bebas dan berdemokrasi, dan memperbaharui saranan agar Kerajaan memansuhkan kesemua undang-undang penahanan pencegahan dan menggantikannya dengan satu undang-undang baru yang berfungsi menurut keperluan keselamatan negara di samping mematuhi prinsip hak asasi manusia sejagat.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

30 Julai 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PANGGILAN PENYERAHAN AWAM MENGENAI KETERANGAN DAN MAKLUMAT ATAS DAKWAAN PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN PADA 9 JULAI 2011

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) ingin memaklumkan bahawa, atas permintaan pelbagai pihak, tarikh tutup untuk penyerahan awam telah dilanjutkan hingga hari Jumaat, 5 Ogos 2011. Suruhanjaya telah memutuskan untuk mengadakan Siasatan Awam ke atas dakwaan pelanggaran hak asasi manusia termasuk penggunaan kekerasan yang melampau sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Panel siasatan akan dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Suruhanjaya Profesor Datuk Dr Khaw Lake Tee dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Encik Detta Samen.

Terma Rujukan Siasatan Awam

Terma rujukan untuk Siasatan Awam ini adalah:

1. Untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa pelanggaran hak asasi manusia terhadap mana-mana individu atau pihak sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011;
2. Jika pelanggaran hak asasi manusia telah berlaku, untuk menentukan:
 - i. Bagaimana pelanggaran itu terjadi;
 - ii. Apakah arahan pentadbiran dan prosedur, atau aturan yang menyebabkan pelanggaran tersebut; dan
 - iii. Individu atau agensi yang bertanggungjawab terhadap pelanggaran tersebut.
3. Untuk mengesyorkan langkah-langkah untuk diambil bagi memastikan pelanggaran tersebut tidak akan berulang.

Panggilan Penyerahan Awam

Suruhanjaya dengan ini memanggil penyerahan awam mengenai bukti dan maklumat berikutan dakwaan antara lain, penggunaan kekerasan yang melampau oleh pihak berkuasa sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Orang awam yang telah menyaksikan sebarang perbuatan atau insiden mengenai dakwaan-dakwaan yang disebutkan, atau mereka yang boleh memberi maklumat yang berkaitan dan/atau dokumen serta bukti-bukti termasuk rakaman video/gambar mengenai dakwaan-dakwaan ini diminta menghubungi Suruhanjaya dengan segera.

Tarikh akhir Penyerahan Awam

Tarikh akhir penyerahan awam telah dilanjutkan pada hari Jumaat, **5 Ogos 2011 pada pukul 12 tengah hari.**

Untuk pertanyaan dan Penyerahan Awam sila hubungi:

Encik Ameer Izyanif Hamzah atau Encik Shahizad Sulaiman

SUHAKAM

Tingkat 13, Menara TH Perdana

Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel: 03-2612 5669 / 5623

Faks: 03-26125620 / 5694

Emel: complaints@suhakam.org.my / humanrights@suhakam.org.my

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

Bagi pihak Suruhanjaya,



HASHIMAH NIK JAAFAR

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

2 Ogos 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

**SIASATAN AWAM KE ATAS DAKWAAN
PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA TERMASUK
PENGUNAAN KEKERASAN YANG MELAMPAU
SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN
PADA 9 JULAI 2011**

Laporan Kemaskini 1/2011 Siasatan Awam

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) ingin memaklumkan kepada orang awam tentang perkembangan terbaru Siasatan Awam mengenai perhimpunan awam pada 9 Julai 2011.

Sehingga 15 Ogos, Suruhanjaya telah mengambil tindakan berikut:

- Selesai meneliti semua pengemukaan awam yang diterima dalam bentuk dokumen, kenyataan dan rakaman video sehingga tarikh tutup pada 5 Ogos 2011;
- Mengenalpasti saksi-saksi untuk ditemu bual dan telah memulakan proses temu bual; dan
- Berhubung dengan pihak Polis untuk mendapatkan kerjasama daripada pegawai Polis yang bertugas semasa perhimpunan awam pada 9 Julai untuk ditemu bual.

Suruhanjaya telah memutuskan untuk mengadakan Siasatan Awam ke atas dakwaan pelanggaran hak asasi manusia termasuk penggunaan kekerasan yang melampau sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Panel siasatan akan dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Suruhanjaya Profesor Datuk Dr Khaw Lake Tee dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Encik Detta Samen.

Jumlah saksi yang akan dipanggil untuk memberi keterangan semasa Siasatan Awam ini akan ditetapkan sehingga temu bual di atas selesai. Di mana perlu, Suruhanjaya akan menggunakan kuasa di bawah seksyen 14(1)(a) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 untuk mengeluarkan sapina kepada saksi-saksi yang relevan termasuklah orang awam, pihak media dan Polis.

Suruhanjaya akan juga menjemput pemerhati hadir ke sesi pendengaran semasa Siasatan Awam.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

16 Ogos 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

LANGKAH POSITIF BAGI MENEGAKKAN HAK RAKYAT DALAM REFORMASI SISTEM PILIHANRAYA DAN KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG MEDIA TERHAD

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan pengumuman yang telah dibuat oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, tentang cadangan penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen mengenai reformasi pilihanraya dan kajian semula undang-undang penapisan media.


Dalam Laporan Tahunan 2007, Suruhanjaya telah mengemukakan syor-syor mengenai pilihanraya bebas dan adil, antara lain termasuklah akses yang sama kepada media, tempoh berkempen yang lebih panjang dan pendaftaran secara automatik untuk semua pengundi yang layak. Ia berharap agar Jawatankuasa Pemilih ini akan diberi masa yang mencukupi untuk membincangkan banyak kebimbangan yang telah dinyatakan oleh pelbagai kumpulan, dan akan mengemukakan syor-syor bagi satu reformasi dalam sistem pilihanraya pada persidangan Parliamen dan sebelum Pilihanraya Umum yang akan datang.

Berkaitan dengan kepentingan adanya pilihanraya yang bebas dan adil, Suruhanjaya juga ingin mengulangi saranan untuk mengkaji semula undang-undang sedia ada berhubung dengan media yang menyekat kebebasan bersuara terutama sekali Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Dalam menegakkan ketulusan dan kebertanggungjawaban serta memastikan sekatan dan imbalan, Suruhanjaya juga telah mengesyorkan agar majlis kawal selia sendiri media yang bukan sahaja akan memastikan kebebasan media tetapi juga memastikan kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab.

Dalam memuji langkah penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen mengenai reformasi pilihanraya, Suruhanjaya ingin menggesa Kerajaan mempertimbangkan juga pembentukan satu Jawatankuasa Pemilih lain untuk mengkaji perkara-perkara hak asasi manusia sebagai langkah tambahan dalam menegakkan hak rakyat, dan dengan itu meningkatkan lagi sistem demokrasi Parlimen di negara ini.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

18 Ogos 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

DAKWAAN SUHAKAM BERAT SEBELAH ADALAH TIDAK MUNASABAH

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) ingin merujuk kepada beberapa laporan media dan ingin menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa Suruhanjaya bersikap berat sebelah dalam menangani kes liwat ketua parti pembangkang setelah permohonan dibuat oleh Azlan Mohd Lazim supaya Suruhanjaya meneliti perkara-perkara yang boleh menyebabkan perbicaraan kes yang melibatkan anak beliau ditangguhkan.

Untuk makluman, Suruhanjaya telah menerima surat permohonan tersebut baru-baru ini dan perkara berkenaan juga telah diteliti serta dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Suruhanjaya pada 16 Ogos 2011. Walaupun fungsi dan kuasa Suruhanjaya adalah untuk menyiasat apa-apa aduan berhubung dengan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia, namun begitu ingin dijelaskan bahawa fungsi dan kuasa Suruhanjaya adalah tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Bahagian ketiga seksyen 12(2)(a) Akta 597 telah menyatakan secara jelas bahawa Suruhanjaya tidak boleh menyiasat apa-apa aduan yang merupakan hal / perkara prosiding yang masih belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa rayuan. Namun demikian, Suruhanjaya telah memaklumkan kepada Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara supaya perbicaraan kes ini dapat diteliti dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

Walaupun bagaimanapun, Suruhanjaya akan terus memantau perkembangan kes ini.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

HASHIMAH NIK JAAFAR

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

17 Ogos 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN MESTILAH DIRUNDING MENGENAI CADANGAN AKTA TANAH ORANG ASLI

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia merujuk kepada pengumuman baru-baru ini oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengenai Dasar Pembermilikan Tanah Orang Asli dan ingin meluahkan rasa kecewa akan hasrat Kerajaan untuk meneruskan pembentangan pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di Parlimen. Suruhanjaya mengulangi permintaan supaya Kerajaan menangguhkan pembentangan mana-mana pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) sehingga selesai Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Orang Asli (Inkuiri Nasional) yang dijadualkan pada pertengahan tahun 2012, dan menggesa supaya Kerajaan menangguhkan proses pemuktamad apa-apa dasar dan undang-undang baru mengenai tanah adat Orang Asli untuk dikemukakan kepada Kabinet dan Majlis Tanah Negara sehingga segala usaha telah dibuat untuk mendapatkan persetujuan secara bebas yang terlebih dahulu dimaklumkan kepada semua pihak yang berkepentingan, terutama masyarakat Orang Asli yang terlibat.

Suruhanjaya, dalam Laporan Tahunan 2008, telah mengingatkan Kerajaan akan tanggungjawab fidusiarinya untuk berunding dan mendapatkan persetujuan daripada masyarakat Orang Asli sebelum mengambil apa-apa tindakan yang boleh mencabul hak tanah adat mereka. Ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) di mana Malaysia telah bersetuju untuk pertahankan. Di samping itu, Perlembagaan Persekutuan dan keputusan mahkamah yang berkaitan telah mengiktiraf dan mempertahankan status Orang Asli dan hak tanah serta hubungan istimewa antara masyarakat ini dengan tanah mereka. Pengiktirafan dan perlindungan hak milik tanah adat juga adalah dituntut sebagai sebahagian daripada hak perlembagaan kepada kehidupan yang menjamin hak milik tanah adat berdasarkan peranan penting tanah dalam ekonomi dan identiti budaya masyarakat asli.

Suruhanjaya juga ingin menekankan bahawa Inkuiri Nasional yang sedang berjalan ini adalah sebahagian daripada komitmen Suruhanjaya untuk melihat isu tanah yang sistemik dan perkara-perkara lain berkaitan tanah – sebagai tindak balas kepada aduan yang berterusan daripada masyarakat ini serta berharap untuk membuat cadangan khusus untuk mengendalikan isu tanah Orang Asli dengan cara komprehensif yang konsisten dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam UNDRIIP dan prinsip-prinsip hak asasi manusia sejagat.

- TAMAT -

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

24 Ogos 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA SEMPENA HARI HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA - 9 SEPTEMBER 2011: MELANGKAH MENUJU KE ARAH PENINGKATAN PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA

Pada hari ini, 9 September 2011 menandakan tahun ke-12 penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia atau lebih dikenali sebagai SUHAKAM, oleh Akta Parlimen, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 atau Akta 597. Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah memainkan peranan sebagai badan berkanun dalam mempromosi kesedaran hak asasi manusia, menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia dan menasihati Kerajaan dan pihak berkuasa berkenaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penggubalan undang-undang dan dasar-dasar serta pelaksanaan mereka bagi memastikan keselarasan antara undang-undang negara dan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

Sepanjang tahun-tahun tersebut, Suruhanjaya telah menangani banyak isu hak asasi manusia dan telah mengesyorkan, antara lain, pemansuhan semua undang-undang tahanan pencegahan termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 dan Ordinan (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) Darurat 1969, semakan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Seksyen 27 Akta Polis, serta pemansuhan hukuman mati dan hukuman penjara sepanjang hayat. Suruhanjaya mengambil pendirian bahawa undang-undang yang hubung dengan tahanan tanpa bicara adalah bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan dan melanggar Perkara 9, 10 dan 11 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), dan dengan itu mesti dimansuh dan digantikan dengan undang-undang yang menyediakan keperluan keselamatan negara serta pada masa yang sama mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia.

Suruhanjaya juga dengan tegas mengulangi pendirian bahawa rakyat mempunyai hak untuk menyertai perhimpunan aman dan bahawa hukuman berbentuk tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah yang melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia perlu dikaji semula dan diganti dengan bentuk hukuman yang selaras dengan norma-norma dan nilai-nilai hak asasi manusia yang diterima secara universal. Syor-syor tersebut, selama hampir dua belas tahun, telah disediakan dengan teliti berdasarkan keputusan beberapa penyelidikan, perundingan, perbincangan meja bulat, siasatan awam dan aktiviti-aktiviti lain, dan dikemukakan kepada

Kerajaan melalui Laporan Tahunan, yang diserahkan pada mesyuarat pertama setiap tahun. Walaupun setakat ini, kesemua sebelas laporan tahunan tidak dibahaskan, Suruhanjaya akan terus menggesa Ahli-ahli Parlimen untuk mengambil isu-isu utama hak-hak asasi manusia dan syor-syor semasa intervensi di Parlimen supaya orang awam akan lebih menghargai keadaan hak asasi manusia di negara ini.

Usahanya yang berterusan dalam menjalankan mandat mengikut Akta untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, Suruhanjaya terus memantau pelanggaran hak asasi manusia, dan dalam hal ini, telah memantau perhimpunan awam baru-baru ini berkenaan dengan pilihanraya yang bebas dan adil, dan sebagai tindakbalas kepada aduan yang diterima berikutan perhimpunan berkenaan, akan menjalankan satu siasatan awam ke atas dakwaan penggunaan kekerasan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang dalam mengawal dan menyuraikan orang ramai semasa perhimpunan, serta lain-lain pencabulan hak asasi manusia yang mungkin berlaku sebelum dan pada 9 Julai 2011. Panel siasatan akan dipengerusikan oleh Naib-Pengerusi Suruhanjaya Profesor Datuk Dr Lake Tee Khaw dan akan dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi b Abdul Majid dan Pesuruhjaya Encik Detta Samen.

Dalam hal ini, Suruhanjaya ingin mengulangi syor-syor seperti yang terkandung dalam laporan Siasatan Awam dalam kejadian di KLCC pada 28 Mei 2006, bahawa sub-seksyen (2), (2A) - (2D), (4), (4A), (5), (5A) - (5C), (7) dan (8) Seksyen 27 dan juga Seksyen 27A Akta Polis 1967 perlu dimansuhkan, dengan itu menghapuskan keperluan permohonan permit untuk mengadakan perhimpunan aman. Suruhanjaya mengesyorkan bahawa sekiranya pihak polis mendapati ia perlu untuk mengawal atau menyuraikan orang ramai, kaedah yang sederhana dan tanpa kekerasan perlu digunakan. Setakat ini, syor-syor berkenaan masih tidak dilaksanakan oleh kerana Kerajaan percaya bahawa keselamatan masyarakat umum adalah amat penting bagi mengekalkan ketenteraman sosial dan negara.

Suruhanjaya juga telah memantau beberapa kempen pilihanraya kecil bagi memastikan bahawa rakyat mempunyai hak kepada pilihanraya yang adil dan bebas - hak untuk memilih wakil mereka, hak untuk akses kepada maklumat serta hak untuk mempunyai akses yang sama kepada media. Dalam memuji langkah penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen mengenai reformasi pilihanraya, Suruhanjaya ingin menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan juga pembentukan satu Jawatankuasa Pemilih lain untuk mengkaji perkara-perkara hak asasi manusia sebagai langkah tambahan dalam menegakkan hak rakyat, dan dengan itu meningkatkan lagi sistem demokrasi Parlimen di negara ini.

Suruhanjaya juga telah memutuskan untuk menjalankan Inkuiri Nasional yang pertama mengenai hak tanah masyarakat Orang Asal/Asli di Malaysia, yang telah bermula bulan Jun lalu dengan sesi konsultasi di Sabah dan Semenanjung dan pada bulan ini di Sarawak dari 16 hingga 29 September 2011. Usaha ini telah menandakan komitmen Suruhanjaya untuk meneliti isu-isu tanah Orang Asal/Asli yang sistemik dan mendesak serta kesan negatif terhadap isu tersebut seperti pemilikan, kehilangan hak milik tanah melalui pengusiran dan bentuk pencerobohan lain, dan kesan pembangunan ke atas kehidupan Orang Asal/Asli dan alam sekitar. Laporan Inkuiri ini akan menggariskan penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang mengenai isu-isu kritikal yang akan dikemukakan kepada

Parlimen, Dewan Undangan Negeri, serta Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk pertimbangan dan tindakan susulan bagi menyelesaikan isu ini yang telah lama berlarutan. Oleh yang demikian, Suruhanjaya mengalu-alukan dan berharap akan sokongan penuh dan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan termasuk masyarakat Orang Asal/Asli, agensi-agensi serta Kerajaan Negeri dan Persekutuan, badan-badan korporat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan media.

Suruhanjaya kini sedang mengikuti kes-kes mahkamah yang melibatkan isu hak asasi manusia, dengan menjalankan peranan “amicus curiae” atau dengan mengadakan arahan pemerhati (watching brief) yang akan memberi peluang untuk mempromosikan hak asasi manusia dalam proses kehakiman. Setakat ini, Suruhanjaya telah mengadakan arahan pemerhati bagi dua kes yang melibatkan hak wanita dan kanak-kanak yang berkaitan dengan CEDAW dan CRC. Adalah diharapkan agar Suruhanjaya akan mempunyai peluang untuk mengikuti lebih banyak kes-kes hak asasi manusia pada masa akan datang.

Di dalam dunia yang semakin tiada sempadan dan saling berkait di era maklumat ini, adalah mustahil bagi negara untuk menutup diri dari pemerhatian antarabangsa. Dalam perkampungan global yang kita diami ini, Malaysia mestilah berpegang pada realiti baru dan bergerak menuruti masa dalam langkah menuju ke arah status sebuah negara maju menjelang tahun sasaran 2020. Oleh yang demikian, perlu adanya usaha ke arah lebih kesedaran dan menghormati hak asasi manusia dalam semua dimensi pada semua peringkat masyarakat dan memulakan proses penerapannya seawal yang mungkin.

Suruhanjaya akan memainkan peranan aktif dalam proses ini dengan meneruskan penglibatannya secara lebih menyeluruh dan berfokus, dengan semua pihak berkepentingan termasuk, khususnya, pihak berkuasa Kerajaan, serta mekanisme dan proses hak asasi manusia antarabangsa dan serantau, demi kepentingan promosi dan perlindungan hak asasi manusia di negara ini.

Suruhanjaya terus menggalakkan Kerajaan untuk melaksanakan obligasi antarabangsa yang telah dibuat dalam Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) dan akan terus memantau pelaksanaannya. Suruhanjaya mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk memulakan proses merangka satu Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional yang akan menyediakan pelan tindakan yang menyeluruh ke arah meningkatkan promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia. Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan ratifikasi Kerajaan kepada Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dan penarikan balik beberapa reservasi Konvensyen mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) pada tahun 2010, Suruhanjaya akan menggesa pihak Kerajaan untuk mempergiatkan usaha ke arah penyertaan kepada semua teras instrumen antarabangsa dan penarikan balik reservasi selebihnya yang telah dibuat kepada CRC, CEDAW dan CRPD.

Sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyokong standard tertinggi dalam mempromosi dan melindungi hak rakyat. Suruhanjaya ingin menyeru Kerajaan, khususnya agensi-agensi berkaitan, untuk

memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya dalam menimbangkan syor-syor yang dibuat sejak beberapa tahun yang belum dilaksanakan sepenuhnya. Suruhanjaya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang berkepentingan atas sokongan yang kukuh dan usaha-usaha ikhlas mereka dan akan terus bekerjasama dengan sesiapa yang berkongsi cita-cita dan matlamat yang sama untuk memupuk kesedaran dan memastikan pembaikan keadaan hak asasi manusia di negara ini.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

9 September 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2011 *PENCALONAN DIBUKA*

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa ia akan menganjurkan acara tahunan Anugerah Hak Asasi Manusia Malaysia untuk memperakui usaha-usaha dan sumbangan yang cemerlang oleh individu dan kumpulan di Malaysia dalam bidang promosi dan perlindungan hak asasi manusia di negara ini.

Penganugerahan tersebut akan diberikan bersempena dengan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia pada 10 Disember 2011 di Kuala Lumpur. Suruhanjaya ingin memanjangkan jemputan untuk dapatkan pencalonan yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Pencalonan boleh dibuat untuk individu atau organisasi atas sumbangan cemerlang mereka dalam bidang hak asasi manusia di negara ini.

Calon-calon untuk Anugerah ini bersaing dalam tiga kategori yang berbeza:

- i. Anugerah Komuniti (Individu) - dianugerahkan kepada individu yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam mempromosi dan memajukan hak asasi manusia dalam masyarakat atas dasar bukan untuk keuntungan;
- ii. Anugerah Komuniti (Organisasi) - dianugerahkan kepada organisasi bukan kerajaan atau berasaskan komuniti yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam mempromosi dan memajukan hak asasi manusia dalam masyarakat;
- iii. Anugerah Media - dianugerahkan kepada hasil kerja yang diterbitkan dalam majalah atau akhbar-akhbar Malaysia; atau untuk drama, berita atau program hal ehwal semasa, atau dokumentari yang disiarkan di TV atau radio pada dua atau tiga tahun sebelum ini, khususnya antara 31 Oktober 2010 dan 1 November 2011 tetapi tidak terhad kepada tarikh tersebut.

Untuk layak dicalonkan, peserta mestilah telah membuat sumbangan kepada promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia sekurang-kurangnya dalam salah satu daripada bidang-bidang berikut dan aktif dalam bidang tersebut dalam masa dua atau tiga tahun sebelum ini, khususnya antara 31 Oktober 2010 dan 1 November 2011 tetapi tidak terhad kepada tarikh tersebut:

- i. Mengambil tindakan bagi mengatasi diskriminasi atau pelanggaran hak asasi manusia di Malaysia
- ii. Menggalakkan keharmonian yang lebih besar antara rakyat berlainan bangsa atau asal usul etnik, agama, jantina, umur atau perbezaan lain di Malaysia
- iii. Meningkatkan hak-hak Orang Asli/Asal di Malaysia
- iv. Menggalakkan peluang yang sama untuk orang kurang upaya di Malaysia
- v. Sumbangan cemerlang untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dalam masyarakat dan negara
- vi. Peningkatan kesedaran tentang isu-isu ketidakadilan atau ketidaksamarataan di Malaysia

Pencalonan ditutup pada hari Selasa, 1 November 2011 untuk penghakiman dan pemenang akan diberi penganugerahan berkenaan pada satu majlis makan tengah hari yang adakan diadakan pada hari Sabtu, 10 Disember 2011 di Kuala Lumpur. Borang pencalonan boleh diperolehi menerusi laman web www.suhakam.org.my atau sila hubungi Komunikasi Korporat untuk dapatkan maklumat lanjut:

Tel: +603-2612 5689/5683

Faks: +603-2612 5673

Emel: hrawards@suhakam.org.my

Web: www.suhakam.org.my atau www.facebook.com/suhakam atau www.twitter.com/suhakam.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



HASHIMAH NIK JAAFAR

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

12 September 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PEMANSUHAN ORDINAN DARURAT, AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI DAN KAJIAN UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SEDIA ADA DAN UNDANG-UNDANG LAIN YANG BERKAITAN MERUPAKAN LANGKAH POSITIF KE ARAH PENINGKATAN KEADAAN HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia amat mengalu-alukan pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak untuk membatalkan Peristiharan Darurat sedia ada, memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) serta Akta Buang Negeri 1959, dan mengkaji semula dan meminda atau memansuhkan undang-undang yang tidak lagi relevan, termasuk Akta Kediaman Terhad 1933, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Seksyen 27 Akta Polis 1967.

Suruhanjaya berpuas hati dengan langkah terkini yang diambil oleh Kerajaan dan ingin memuji YAB Perdana Menteri atas keputusan yang penuh sejarah dan berani untuk melupuskan ordinan darurat, ISA dan undang-undang terhad yang lain yang telah lama dituntut dan dinanti-nantikan rakyat, dan telah digesa secara berterusan oleh Suruhanjaya sejak penubuhannya.

Pengumuman yang amat dialu-alukan ini tiba tepat pada masanya bagi semua rakyat Malaysia meraikan Hari Malaysia dan merupakan langkah positif ke arah peningkatan keseluruhan keadaan hak asasi manusia di negara ini. Ianya merupakan semangat pendekatan "1Malaysia" yang diilhamkan Perdana Menteri sendiri dan selaras dengan ikrar untuk mengkaji semula secara komprehensif Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) apabila beliau memegang jawatan pada tahun 2009.

Besarliah harapan Suruhanjaya agar keputusan ini akan dapat dilaksanakan secepat mungkin, dan dengan itu mengarak ke satu era baru untuk Malaysia dalam ia melangkah ke arah menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 dan meletakkan ia di kalangan barisan negara-negara yang menghormati, melindungi dan mempromosi segala aspek hak asasi manusia secara bersungguh-sungguh dan konsisten. Selaras dengan hala tuju baru bagi negara ini, berdasarkan pengiktirafan

realiti masa dan keperluan, aspirasi dan kebijaksanaan rakyat, Suruhanjaya amatlah berharap agar Kerajaan akan mengadakan usaha baru yang lebih fokus ke arah penyertaan kepada instrumen-instrumen teras hak asasi manusia, yang mana Malaysia telah meratifikasikan tiga sahaja, dengan reservasi.

Dalam menggubal mana-mana undang-undang baru dan perlu yang berkaitan dengan keselamatan negara, Suruhanjaya menggesa pihak Kerajaan agar memastikan undang-undang ini bukan sahaja mematuhi peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan tetapi juga prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa, khususnya sebagaimana yang termaktub dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, yang Malaysia berkewajipan untuk menegakkannya sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang bertanggungjawab.

Suruhanjaya berharap kepada komitmen Kerajaan yang berterusan dan tanpa henti ke arah perlindungan dan promosi hak asasi rakyat, yang sememangnya menjadi tanggungjawab Kerajaan. Sehubungan dengan ini, Suruhanjaya mengulangi syor bagi penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen mengenai Hak Asasi Manusia sebagai satu mekanisme penting untuk membuat pertimbangan yang lebih berpengetahuan dan fokus mengenai isu-isu hak asasi manusia di kalangan Ahli-ahli Parlimen, sekaligus mengukuhkan proses demokrasi berparlimen di negara ini.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

16 September 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SIASATAN AWAM KE ATAS DAKWAAN PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA TERMASUK PENGUNAAN KEKERASAN YANG MELAMPAU SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN PADA 9 JULAI 2011

Laporan Kemaskini 2/2011 Siasatan Awam

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) ingin memaklumkan kepada orang awam tentang perkembangan terbaru Siasatan Awam mengenai perhimpunan awam pada 9 Julai 2011.

Sehingga 27 September, Suruhanjaya telah menyiapkan semakan penghujahan awam yang telah diterima daripada orang ramai dalam bentuk dokumen, kenyataan-kenyataan dan rakaman video, dan telah mengenal pasti saksi-saksi. Ia kini dalam proses melengkapkan sesi temubual dengan saksi-saksi dan juga sedang mengatur untuk mendapatkan keterangan beberapa saksi yang tinggal di luar Lembah Klang.

Suruhanjaya sedang menunggu maklum balas dari pihak Polis atas permohonannya, dan peringatan seterusnya telah dikemukakan berhubung tujuan menemubual Personel Polis yang bertugas semasa perhimpunan 9 Julai awam. Suruhanjaya akan menetapkan dan mengumumkan tarikh pendengaran untuk Siasatan Awam tersebut sehingga proses temu bual berakhir.

Suruhanjaya telah memutuskan untuk mengadakan Siasatan Awam ke atas dakwaan pelanggaran hak asasi manusia termasuk penggunaan kekerasan yang melampau sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Panel siasatan akan dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Suruhanjaya Profesor Datuk Dr Khaw Lake Tee dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Dato' Dr Mahmood Zuhrdi Hj Ab Majid dan Encik Detta Samen.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

27 September 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

**SIASATAN AWAM KE ATAS DAKWAAN
PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA TERMASUK
PENGUNAAN KEKERASAN YANG MELAMPAU
SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN
PADA 9 JULAI 2011**

Laporan Kemaskini 3/2011 Siasatan Awam

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) ingin memaklumkan bahawa terdapat kesilapan dalam Kenyataan Media yang bertarikh 27 September 2011. Bertentangan dengan apa yang telah dinyatakan terdahulu, Suruhanjaya kini dalam proses mengumpul dan mengemaskini maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Polis DiRaja Malaysia berkaitan dengan Siasatan Awam tersebut. Suruhanjaya memohon maaf atas kesilapan kenyataan yang dikeluarkan terdahulu.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

HASHIMAH NIK JAAFAR

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

28 September 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

**SIASATAN AWAM KE ATAS DAKWAAN
PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA TERMASUK
PENGUNAAN KEKERASAN YANG MELAMPAU
SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN
PADA 9 JULAI 2011**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) ingin memaklumkan bahawa atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan tarikh Siasatan Awam telah dibawa ke hadapan dari 12 Oktober ke 11 Oktober 2011 seperti berikut:

Tarikh : 11 Oktober 2011 (Selasa)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Siasatan, Tingkat 13, Pejabat SUHAKAM
Menara TH Perdana, 50250 Kuala Lumpur

Suruhanjaya telah memutuskan untuk mengadakan Siasatan Awam ke atas dakwaan pelanggaran hak asasi manusia termasuk penggunaan kekerasan yang melampaui sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Panel Siasatan akan dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Suruhanjaya Profesor Datuk Dr Khaw Lake Tee dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Encik Detta Samen.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

HASHIMAH NIK JAAFAR

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

6 Oktober 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

HUKUMAN MATI ADALAH PENCABULAN HAK ASASI MANUSIA YANG SERIUS

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) memandang berat tentang penggunaan secara berterusan hukuman mati sebagai satu bentuk hukuman dalam buku-buku statut. Suruhanjaya berpegang bahawa hukuman mati, meskipun dikawalselia dan dijalankan setelah mematuhi proses undang-undang dan setelah hak untuk merayu dan memohon keampunan telah digunakan sepenuhnya, adalah pencabulan hak asasi manusia yang serius terutama sekali terhadap hak seseorang untuk hidup dan hak untuk tidak tertakluk kepada perlakuan atau hukuman yang menyeksa, atau yang kejam, yang tidak berperikemanusiaan atau yang menghinakan seperti yang ditekan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR).

Suruhanjaya mengalu-alukan pengiktirafan dan penghormatan yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak terhadap hak asasi manusia dan hak-hak individu serta perseimbangan antara hak-hak tersebut dengan peraturan undang-undang dalam sistem demokrasi berparlimen negara. Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan komitmen Kerajaan yang dibuat dalam laporan Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) mengenai Malaysia memansuhkan hukuman mati yang melibatkan kanak-kanak, ia juga ingin menyeru Kerajaan supaya mengkaji semula keterterapan dan keberkesanan hukuman mati dan menyertai 140 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memansuhkan terus hukuman tersebut. Sementara itu, Suruhanjaya juga menyeru agar Kerajaan mempertimbangkan moratorium pada hukuman mati atau meringankan hukuman tersebut kepada hukuman penjara sepanjang hayat terutamanya bagi banduan yang telah dikenakan hukuman lebih daripada lima tahun. Di samping itu, Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan mempertimbangkan Peraturan Standard Minimum Antarabangsa Tempat Layanan Banduan bagi memastikan kesejahteraan banduan hukuman mati serta tahanan yang lain.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

PROFESSOR DATUK DR KHAW LAKE TEE

Naib Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

13 Oktober 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SIASATAN AWAM DIJALANKAN UNTUK MENYIASAT ADUAN MENGENAI DAKWAAN PENCABULAN HAK ASASI MANUSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya), hari ini menyambung semula Siasatan Awam ke atas dakwaan, antara lain, penggunaan kekerasan yang berlebihan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Seramai lapan orang saksi dijadual hadir memberi keterangan di hadapan tiga anggota Panel Siasatan yang dipengerusikan oleh Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee dan dibantu oleh Pesuruhjaya Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Encik Detta Samen pada 15 - 16 November 2011. Pada perbicaraan hari ini, tiga orang daripada lapan saksi, di mana salah seorang daripadanya adalah seorang anggota polis, telah memberikan keterangan mereka.

Siasatan Awam ini dijalankan susulan daripada aduan dan memorandum yang diterima oleh Suruhanjaya atas dakwaan penggunaan kekerasan yang berlebihan oleh pegawai penguatkuasa semasa perhimpunan awam 9 Julai yang bertujuan menyeru satu reformasi dalam proses pilihanraya. Suruhanjaya juga telah menurunkan pasukan pemantau semasa perhimpunan tersebut. Ini merupakan siasatan awam yang kelapan dijalankan oleh Suruhanjaya sejak penubuhannya, di mana separuh daripada jumlah tersebut adalah disebabkan oleh aduan dan memorandum mengenai penyalahgunaan kuasa dan penggunaan kekerasan yang berlebihan dalam menyuraikan orang awam semasa perhimpunan awam.

Bagi membantu melindungi dan memajukan hak asasi manusia, Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menyiasat aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia dan sekiranya aduan tersebut mewajarkan sebuah siasatan diadakan, Suruhanjaya, di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), mempunyai kuasa untuk mendapatkan dan menerima segala keterangan dan memanggil mana-mana orang untuk memberi keterangan. Dalam hal ini, Suruhanjaya ingin menegaskan bahawa kuasa untuk menjalankan siasatan awam terhadap dakwaan pencabulan hak asasi manusia ini datangnya dari Seksyen 12 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Dalam menjalankan siasatan ini, Suruhanjaya menunaikan kewajipan sebagai badan berkanun dan tanggungjawabnya melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di negara ini seperti yang dimandatkan oleh Akta 597.

Perbicaraan seterusnya dijadual akan diadakan pada 16 November 2011 pada pukul 2.30 – 5.00 petang.

- TAMAT -

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



PROFESSOR DATUK DR KHAW LAKE TEE

Naib Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

15 November 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

UNDANG-UNDANG TAHANAN PENCEGAHAN BERCANGGAH DENGAN PRINSIP HAK ASASI MANUSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) meluahkan rasa amat kecewa dan terkejut dengan penangkapan terbaru 13 individu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) atas kegiatan gerakan militan di Sabah. Tindakan pihak berkuasa ini benar-benar mengejutkan dan sama sekali bertentangan dengan keputusan Perdana Menteri yang berani dan bersejarah untuk memansuhkan ISA serta pengiktirafan dan penghormatan terhadap hak asasi manusia serta perseimbangan antara hak tersebut dengan peraturan undang-undang dalam sistem demokrasi berparlimen negara – yang telah lama dinanti-nantikan dan amat dialu-alukan dengan sepenuh hati oleh rakyat.

Selaras dengan seruan yang telah dibuat sebelum ini agar undang-undang penahanan pencegahan dimansuhkan, Suruhanjaya menggesa agar pihak berkuasa membebaskan kesemua mereka yang ditahan di bawah undang-undang tersebut dan memberikan hak mereka kepada perbicaraan terbuka dengan diwakili peguam. Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan supaya menghentikan penggubalan undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara dan agar menangani isu berkaitan keganasan di bawah undang-undang lain yang sedia ada; dan sementara pemansuhan ISA dibuat, tiada sebarang penangkapan akan dijalankan di bawah akta ini.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

18 November 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN TIDAK PATUT MENGENAKAN SEKATAN TERHADAP HAK SETIAP ORANG UNTUK BERHIMPUN SECARA AMAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman selaras dengan kebebasan berhimpun seperti yang dijamin oleh Perkara 10(1) (b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 20 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Suruhanjaya telah mengemukakan beberapa pandangan mengenai kebebasan berhimpun dan perkara-perkara yang berkaitan, tetapi bukan mengenai deraf Rang Undang-undang ini, dalam satu pertemuan dengan Peguam Negara pada bulan lepas. Setelah meneliti peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini, Suruhanjaya berpendapat bahawa pindaan kepada beberapa peruntukan harus dibuat bagi memastikan hak untuk menyuarakan pendapat melalui perhimpunan aman dilindungi dan dapat dinyatakan dengan penuh erti yang mencerminkan intipati hak berkenaan.

Sebahagian daripada peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini mengenakan terlalu banyak sekatan dan memberikan terlalu banyak kuasa budi bicara kepada pihak polis, sekali gus menjejaskan hak orang ramai untuk menganjur atau menyertai perhimpunan aman. Suruhanjaya mencadangkan, antara lain, supaya:

1. Perbezaan yang lebih jelas dibuat antara takrifan “perhimpunan” yang termasuk perarakan dan “protes jalanan”;
2. Hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata harus dipanjangkan kepada bukan warganegara kerana mereka juga mempunyai hak untuk meluahkan pendapat dan hak untuk didengari;
3. Kajian semula larangan terhadap mana-mana perhimpunan dalam jarak 50 meter dari had mana-mana tempat yang dilarang kerana ianya tidak praktikal dan tidak realistik di kebanyakan bandar-bandar dan pekan;

4. Untuk menimbang semula peruntukan mengenai penyertaan kanak-kanak, menurunkan had umur 15 tahun yang dibenarkan kepada had umur yang lebih sesuai memandangkan adanya obligasi perjanjian di bawah Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC);
5. Untuk mengkaji semula tempoh notis 30 hari atau untuk mengadakan pengecualian dalam kes-kes di mana ianya tidak dapat dilaksanakan dan tidak praktikal untuk memenuhi keperluan tempoh 30 hari;
6. Untuk mengkaji semula Fasal 13 dengan memasukkan model kerjasama yang membenarkan pihak polis dan pihak penganjur perhimpunan berbincang dan memperoleh kata sepakat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perhimpunan bagi tujuan mempermudah perhimpunan selaras dengan matlamat Rang Undang-undang ini;
7. Untuk membenarkan rayuan dibuat ke atas sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak polis kepada mahkamah dan bukannya kepada Menteri;
8. Untuk mengkaji semula Fasal 19 yang menganggap penganjur sebagai seseorang yang menggalakkan, menaja, mengadakan atau menyelia perhimpunan, atau menjemput atau merekrut peserta atau penceramah bagi perhimpunan. Mereka ini adalah semata-mata menjalankan hak asasi demokratik mereka dan tidak patut dipertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa ketidakpatuhan;
9. Memasukkan peruntukan-peruntukan di bawah Prinsip-Prinsip Asas mengenai Penggunaan Kuasa dan Senjata Api oleh Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu;
10. Untuk memastikan akses sepenuhnya, dan bukan hanya yang munasabah, kepada media dalam perhimpunan awam di bawah Fasal 24; dan
11. Untuk memasukkan peruntukan yang membenarkan pihak luar seperti Suruhanjaya ini, Majlis Peguam dan badan-badan berkanun lain yang berkaitan untuk memantau perhimpunan awam.

Pada dasarnya, Suruhanjaya menyokong matlamat Rang Undang-Undang ini. Namun begitu, ianya menekankan bahawa dalam pelaksanaan Rang Undang-Undang ini, keseimbangan yang sewajarnya mesti ada di antara menganjur dan mengambil bahagian dalam perhimpunan awam, serta perlindungan hak dan kebebasan orang lain yang secara tidak langsung telah menerima kesan dari perhimpunan berkenaan.

Pengumuman untuk memansuhkan Seksyen 27, 27A, 27B dan 27C Akta Polis 1967 adalah dialukan kerana ianya mengiktiraf semangat dan menghormati hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang menggantikannya mengenakan terlalu banyak sekatan dan syarat-syarat untuk orang awam dan bukannya memudahkan kebebasan berhimpun. Walaupun Suruhanjaya mengakui bahawa keamanan dan stabiliti adalah yang paling utama dan bahawa ketenteraman awam perlu dikekalkan pada setiap masa, Suruhanjaya berpendapat bahawa perhimpunan awam yang aman menyediakan ruang untuk orang ramai melahirkan perasaan mereka mengenai isi-isu yang menjadi kebimbangan.

Justeru itu, Suruhanjaya menyeru agar Kerajaan mempertimbangkan cadangan yang dibuat oleh pelbagai pihak dan membuka ruang untuk perbincangan dan wacana awam mengenai kebebasan berhimpun sebelum menggubal Rang Undang-undang menjadi Akta bagi memastikan peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM)

25 November 2011



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PINDAAN KEPADA AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 DIALU-ALUKAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan langkah untuk meminda Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) yang akan membenarkan pelajar universiti berumur 21 dan ke atas ruang untuk menggunakan hak perlembagaan mereka untuk bebas bersuara dan membentuk persatuan. Hak-hak ini dijamin di bawah Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan dan termaktub dalam Perkara 19-21 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Kesedaran hak sivil dan politik di kalangan generasi muda perlu dilihat secara positif dan disokong sepenuhnya kerana pelajar universiti merupakan pemimpin masa depan negara. Pendidikan formal dan latihan yang diterima di universiti hendaklah ditambah dan dilengkapi dengan pengalaman dan pengajaran yang boleh diperolehi di luar kampus bagi membolehkan mereka menjadi pemimpin masyarakat yang berjaya. Sekatan yang tidak munasabah terhadap hak asasi mereka untuk menyuarakan pendapat tidak sepatutnya dikenakan.

Suruhanjaya menyambut baik komitmen Perdana Menteri untuk mengubah negara menjadi sebuah negara yang moden dan progresif. Langkah ini perlu dilihat sebagai satu langkah ke hadapan dalam membawa negara ke satu tahap di atas dari segi ekonomi dan politik. Suruhanjaya ambil maklum dan mengalu-alukan keputusan Mahkamah Rayuan baru-baru ini yang telah mengisytiharkan seksyen 15(5)(a) AUKU sebagai tidak mengikut perlembagaan, atas dasar ianya melanggar kebebasan bersuara. Sejajar dengan aspirasi Perdana Menteri untuk negara, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk menimbangkan semula hasrat untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan dan meneruskan usaha untuk mendukung dan melindungi hak rakyat.

- TAMAT -

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

25 November 2011

LAMPIRAN II

AKTIVITI SURUHANJAYA – 2011

PR	- Bahagian Perhubungan Awam	ECOSOCWG	- Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
EWG	- Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi	Sabah	- Pejabat Sabah
IICC	- Jawatankuasa Isu dan Kerjasama Antarabangsa	Sarawak	- Pejabat Sarawak
CIWG	- Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan	Jawatankuasa NI	- Jawatankuasa Inkuiri Nasional
LRITWG	- Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Titi Antarabangsa	IPRC	- Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli
		SUHAKAM	- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
1.	1 Jan	Memantau Perhimpunan Umum anjuran Gabungan Mahasiswa Islam SeMalaysia dan Himpunan Mahasiswa untuk Malaysia	Petaling Jaya, Selangor	CIWG & EWG
2.	11 Jan	Mesyuarat bersama Jabatan Tanah dan Ukur, mengenai Geran Komunal	Kota Kinabalu, Sabah	Sabah
3.	13 Jan	Mesyuarat ke 6 SUHAKAM-UN Country Team (UNCT) mengenai Projek Penerbitan UDHR	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
4.	14 Jan	Sesi Pengenalan kepada Ketua Setiausaha Negara dan Peguam Negara, mengenai Inkuiri Nasional ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia	Putrajaya	Jawatankuasa NI
5.	20 - 21 Jan	Forum dan Latihan untuk Remaja mengenai Sistem Perundangan Orang Asal (FTILS), Zon 1	Kota Marudu, Sabah	Sabah

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
6.	21 - 22 Jan	Program mengenai Promosi Kesedaran Hak Asasi Manusia dan pemantauan proses pilihanraya kecil	Tenang, Johor	CIWG, PR & EWG
7.	25 Jan	Lawatan Bimbingan ke SMK Datuk Mansur mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Bahau, Negeri Sembilan	EWG
8.	27 Jan	Lawatan Bimbingan ke SMK Taman Tun Dr Ismail mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Kuala Lumpur	EWG
9.	27 - 28 Jan	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia untuk pegawai/kakitangan Jabatan Penjara	Miri & Sibui, Sarawak	CIWG & Sarawak
10.	28 Jan	Seminar mengenai Orang Asal/Asli dan Hak untuk Membuat Keputusan	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IPRC
11.	28 Jan	Memantau penyerahan Memorandum oleh Solidariti Mahasiswa Malaysia kepada Kementerian Pengajian Tinggi	Putrajaya	CIWG
12.	29 - 30 Jan	Program mengenai Promosi Kesedaran Hak Asasi Manusia dan pemantauan proses pilihanraya kecil	Tenang, Johor	CIWG, PR & EWG
13.	2 Feb	Memantau penyerahan Memorandum kepada Wisma Putra oleh Solidariti Mahasiswa Malaysia, mengenai isu pelajar Malaysia di Mesir	Putrajaya	CIWG
14.	6 - 8 Feb	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Ketua Polis Balai	Kuantan, Pahang	EWG
15.	7 - 10 Feb	Sesi Strategik Dalamam mengenai Inkuiri Nasional	Kuala Lumpur	Jawatankuasa NI
16.	11 Feb	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Masyarakat Sivil dan Media	Kuala Lumpur	Jawatankuasa NI

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
17.	14 Feb	Mesyuarat dengan kumpulan Syiah	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EWG
18.	16 Feb	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Masyarakat Sivil dan Media	Kota Kinabalu, Sabah	Jawatankuasa NI & Sabah
19.	18 Feb	Mesyuarat dengan <i>Special Rapporteur</i> , mengenai Situasi Hak Asasi Manusia di Myanmar	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
20.	20 - 22 Feb	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Ketua Polis Balai	Port Dickson, Negeri Sembilan	EWG
21.	22 Feb	Lawatan Bimbingan ke SMK Sultan Abdul Aziz mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Teluk Intan, Perak	EWG
22.	23 Feb	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Media	Kuching, Sarawak	Jawatankuasa NI
23.	23 Feb	Lawatan Bimbingan ke SMK Munsyi Abdullah mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Melaka	EWG
24.	24 Feb	Lawatan Bimbingan ke SMK Seksyen 9 mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Shah Alam, Selangor	EWG
25.	24 Feb	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Masyarakat Sivil	Kuching, Sarawak	Jawatankuasa NI & Sarawak
26.	25 Feb	Latihan Dalam: Hak Tanah Orang Asal/Asli dan Inkuiri Nasional	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EWG
27.	26 Feb	Memantau Pilihanraya Kecil Merlimau dan Kerdau	Melaka & Pahang	CIWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
28.	28 Feb	Mesyuarat bersama Ketua Polis Negara di Bukit Aman	Kuala Lumpur	PR, CIWG, EWG & LRITWG
29.	28 Feb	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Bukit Selambau, Kedah	EWG
30.	1 Mac	Mesyuarat bersama Majlis Peguam mengenai peranan SUHAKAM di mahkamah	Kuala Lumpur	LRITWG
31.	1 Mac	Kunjungan hormat ke Utusan Malaysia	Kuala Lumpur	PR
32.	1 - 2 Mac	Bengkel mengenai Tiada - Diskriminasi	Kuala Lumpur	EWG
33.	2 Mac	Mesyuarat bersama Jawatankuasa Kaucus Parlimen	Kuala Lumpur	PR, EWG, ECOSOC, IICC & CIWG
34.	2 Mac	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Kerajaan Selangor	Shah Alam, Selangor	Jawatankuasa NI
35.	2 Mac	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
36.	3 Mac	Mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Nasional Malaysia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	LRITWG
37.	3 Mac	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Ahli Parlimen, ADUN dan Senator	Kota Kinabalu, Sabah	Jawatankuasa NI & Sabah
38.	4 Mac	Mesyuarat ke 7 SUHAKAM-UNCT mengenai Projek Penerbitan UDHR	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
39.	9 Mac	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Media	Kuala Lumpur	PR

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
40.	12 Mac	Penglibatan bersama dalam Program Medical Care oleh Mercy Malaysia di Pusat Tahanan Sementara	Papar, Sabah	Sabah
41.	12 Mac	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pemimpin Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung	Seberang Perai Tengah, Penang	EWG
42.	14 Mac	Dialog Hak Asasi Manusia di Kampung Tangkarason	Paitan, Sabah	Sabah
43.	14 Mac	Mesyuarat Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional, dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri dan wakil PBB	Putrajaya	IICC & LRITWG
44.	15 Mac	Pemantauan Pengusiran Penduduk di Ladang Bukit Jalil	Bukit Jalil, Selangor	CIWG
45.	15 Mac	Ceramah Hak Asasi Manusia di Pusat Latihan Polis (PULAPOL)	Kuching, Sarawak	Sarawak
46.	16 Mac	Perbincangan Meja Bulat mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan	SUHAKAM, Kuala Lumpur	ECOSOCWG
47.	20 Mac	Penglibatan dalam Pameran dan Kaunter Aduan Bergerak bersempena program Info Komuniti 1Malaysia, di Bandar Baru Sentul	Kuala Lumpur	PR
48.	23 Mac	Bengkel Sistem Perundangan Orang Asal	Kuala Lumpur	IPRC
49.	23 - 25 Mac	Bengkel Pendidikan Hak Asasi Manusia untuk Institut Latihan Guru	Kepala Batas, Penang	EWG
50.	25 Mac	Latihan Dalam: <i>Reconstituting Earth v 2.0</i>	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
51.	27 Mac	Penyertaan Program Outreach 'Sekolah ke Komuniti' anjuran SMK Sultan Abdul Aziz	Teluk Intan, Perak	EWG
52.	27 - 30 Mac	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Jabatan Penjara	Pulau Langkawi, Kedah	EWG
53.	28 - 31 Mac	Mesyuarat bersama Konsultasi Projek Empangan Hidroelektrik Murum dan Pemimpin Penan	Belaga, Sarawak	ECOSOCWG & Sarawak
54.	30 Mac	Lawatan oleh delegasi media Thailand	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PR
55.	30 Mac	Pemantauan Penyerahan memorandum ke Parlimen mengenai Projek Lynas	Kuala Lumpur	CIWG
56.	30 Mac	Penglibatan dalam Kaunter Aduan Bergerak	Kudat, Sabah	Sabah
57.	31 Mac	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Jabatan Perhutanan	Sandakan, Sabah	Jawatankuasa NI & Sabah
58.	4 April	Mesyuarat ke-1 bersama konsultasi luar kepada Projek Penerbitan UDHR	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
59.	4 April	Mesyuarat bersama artis mengenai Hak Asasi Manusia dan Seni	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EWG
60.	4 April	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG
61.	6 April	Pameran mengenai Pendidikan Hak Asasi Manusia di Universiti Pendidikan Sultan Idris	Tanjung Malim, Perak	PR

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
62.	7 April	Lawatan ke rumah perlindungan mangsa pemerdagangan orang	Melaka	CIWG & ECOSOCWG
63.	8 April	Latihan dalaman: Gangguan Seksual di tempat kerja	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EWG
64.	11 April	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Kerajaan Kelantan	Kota Bharu, Kelantan	Jawatankuasa NI
65.	11 April	Sesi bertemu rakyat	Kota Bharu, Kelantan	PR
66.	12 April	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
67.	12 April	Pemantauan Penyerahan Memorandum kepada Kementerian Pertahanan	Kuala Lumpur	CIWG
68.	13 April	Lawatan ke Penjara Machang	Machang, Kelantan	CIWG & PR
69.	14 April	Lawatan ke Penjara Tanah Merah	Tanah Merah, Kelantan	CIWG & PR
70.	15 April	Bengkel Hak Asasi Manusia di Jabatan Pengajian Antarabangsa, Universiti Malaya	Kuala Lumpur	EWG
71.	17 April	Penglibatan dalam Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu	Kota Kinabalu, Sabah	Sabah
72.	19 April	Mesyuarat bersama Jabatan Imigresen	Putrajaya	CIWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
73.	19 - 21 April	Bengkel Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah, Zon Utara	Taiping, Perak	EWG
74.	20 April	Taklimat Susulan Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) untuk organisasi Kerajaan dan masyarakat sivil	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
75.	20 April	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara	Kuala Lumpur	Jawatankuasa NI
76.	21 - 22 April	Bengkel Latihan mengenai UPR	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
77.	22 April	Mesyuarat bersama Encik Punit Aurora, Associates for <i>International Management Services, Consultant to the UN Development Group</i>	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
78.	23 April	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
79.	27 - 29 April	FTILS Zon 2	Keningau, Sabah	Sabah
80.	28 April	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli	Kuala Lumpur	Jawatankuasa NI
81.	29 April	Perbincangan bersama Jabatan Tanah dan Ukur	Keningau, Sabah	Sabah
82.	1 Mei	Memantau perhimpunan awam anjuran Jawatankuasa 1 Mei	Kuala Lumpur	CIWG
83.	4 Mei	Memantau Sidang Akhbar untuk melancarkan kempen Mahasiswa Selamatkan Rakyat	Kuala Lumpur	CIWG
84.	4 Mei	Ceramah Hak Asasi Manusia untuk pegawai Penjara	Limbang, Sarawak	CIWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
85.	6 Mei	Mesyuarat bersama Jabatan Agama Islam Selangor mengenai isu Syiah	Shah Alam, Selangor	EWG
86.	6 Mei	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
87.	9 Mei	Lawatan ke SK Agama Al Furqan berhubung dengan kematian pelajar, Saiful Syazani	Jejawi Dalam, Perlis	EWG & CIWG
88.	10 Mei	Sidang Akhbar mengenai Pelancaran Inkuiri Nasional	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PR
89.	13 Mei	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
90.	14 Mei	Pameran dan Pendidikan Hak Asasi Manusia bersempena Hari AIDS Sedunia, anjuran Pink Triangle Foundation	Kuala Lumpur	PR
91.	14 Mei	Sesi bertemu rakyat, anjuran Biro Pengaduan Awam Negeri	Sibu, Sarawak	Sarawak
92.	17 Mei	Mesyuarat bersama <i>United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)</i>	Kuala Lumpur	LRITWG
93.	20 Mei	Memantau bantahan terhadap projek Lynas, di Kedutaan Australia	Kuala Lumpur	CIWG
94.	22 - 24 Mei	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Ketua Polis Balai	Melaka	EWG
95.	23 Mei	Kunjungan hormat ke ASTRO Awani	Kuala Lumpur	PR
96.	25 Mei	Memantau bantahan terhadap cadangan Perjanjian Pertukaran Pelarian, di Kedutaan Australia	Kuala Lumpur	CIWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
97.	25 Mei	Mesyuarat bersama komuniti Myanmar di pasar borong	Selayang, Selangor	CIWG
98.	26 Mei	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Setiausaha Kerajaan Negeri	Johor Bharu, Johor	Jawatankuasa NI
99.	26 Mei	Lawatan ke Pusat Pemulihan Dadah	Dengkil, Selangor	CIWG
100.	26 Mei	Perbincangan Meja Bulat mengenai Keperluan Orang Kurang Upaya: Dialog dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Kuala Lumpur	EWG & LRITWG
101.	27 Mei	Latihan Dalaman: Hak LGBT	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EWG
102.	27 Mei	Kunjungan Hormat ke RTM	Kuala Lumpur	PR
103.	30 Mei	Lawatan ke Hospital Serdang	Serdang, Selangor	CIWG
104.	31 Mei	Memantau Perobohan Penduduk Setingan di PJS 1	Petaling Jaya, Selangor	CIWG
105.	30 - 31 Mei	Road show Inkuiri Nasional bersempena Pesta Kaamatan	Penampang, Sabah	Sabah
106.	30 Mei - 2 Jun	Penglibatan dalam Program Kesedaran Hak Asasi Manusia dan Pendidikan anjuran Perpustakaan Negeri Kelantan	Gua Musang, Kelantan	EWG
107.	31 Mei - 2 Jun	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Penjara	Pulau Langkawi, Kedah	EWG
108.	1 Jun	Lawatan ke Western Digital (M) Sdn Bhd	Petaling Jaya, Selangor	CIWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
109.	2 Jun	Pemantauan tindakan Admiralty terhadap <i>Banga Biraj</i> , kapal daripada Pelabuhan Chittagong, Bangladesh	Port Klang, Selangor	CIWG
110.	3 Jun	Lawatan Bimbingan ke SMK Sultan Ahmad mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Cameron Highland, Pahang	EWG
111.	3 Jun	Kunjungan Hormat ke TV3	Petaling Jaya, Selangor	PR
112.	6 Jun	Kunjungan Hormat ke UNHCR	Kuala Lumpur	PR & EWG
113.	12 Jun	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada PBT	Selayang, Selangor	EWG
114.	13 Jun	Mesyuarat susulan bersama agensi kerajaan mengenai Laporan Kumpulan Kerja PBB mengenai Penahanan Arbitrari	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC & LRITWG
115.	13 - 15 Jun	Bengkel Pendidikan Hak Asasi Manusia untuk Institut Latihan Guru	Kuching, Sarawak	EWG
116.	15 Jun	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Jabatan Tanah dan Ukur	Kota Kinabalu, Sabah	Jawatankuasa NI
117.	15 Jun	Mesyuarat bersama Pejabat Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	CIWG
118.	15 Jun	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
119.	17 Jun	Lawatan ke Sekolah Henry Gurney	Keningau, Sabah	CIWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
120.	17 Jun - 5 Julai	Konsultasi Awam Inkuiri Nasional	Keningau, Tenom, Penampang, Kota Marudu, Tawau & Sandakan, Sabah	Jawatankuasa NI & Sabah
121.	20 Jun	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Kuching, Sarawak	Sarawak
122.	20 - 22 Jun	Bengkel Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah, Zon Selatan	Temerloh, Pahang	EWG
123.	21 Jun	Mesyuarat dengan Jabatan Kemajuan Islam, mengenai isu Syiah	Putrajaya	EWG
124.	23 Jun	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Penjara	Alor Setar, Kedah	EWG
125.	23 Jun	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Setiausaha Kerajaan Negeri	Ipoh, Perak	Jawatankuasa NI
126.	24 Jun	Taklimat mengenai cadangan Perjanjian Pertukaran Pelarian antara Malaysia dan Australia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	LRTWG
127.	26 Jun	Penglibatan dalam Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu	Kota Marudu, Sabah	Sabah
128.	30 Jun	Lawatan ke Pusat Tahanan	Tawau, Sabah	CIWG
129.	30 Jun	Lawatan ke IPK Penang dan IPD Seberang Perai untuk berjumpa ahli Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang ditahan	Penang	CIWG
130.	30 Jun	Ceramah Hak Asasi Manusia di PULAPOL	Kuching, Sarawak	Sarawak

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
131.	1 Julai	Lawatan pelajar UN DUTCH	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PR
132.	4 Julai	Lawatan ke Pusat Tahanan	Sandakan, Sabah	CIWG
133.	5 - 7 Julai	Lawatan ke Pusat Tahfiz di Kedah; Mesyuarat dengan Jabatan Agama Islam Perlis	Kuala Kedah, Kedah; Kangar, Perlis	EWG
134.	9 Julai	Memantau Perhimpunan awam Bersih 2.0	Kuala Lumpur	CIWG
135.	9 Julai	Penglibatan bersama dalam program Medical Care anjuran Mercy Malaysia di Pusat Tahanan Sementara	Papar, Sabah	Sabah
136.	10 Julai	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Melaka	EWG
137.	11 Julai	Ceramah Hak Asasi Manusia di Jabatan Perbendaharaan Negeri	Kuching, Sarawak	Sarawak
138.	11 Julai	Mesyuarat ke 2 bersama konsultant luar kepada Projek Penerbitan UDHR	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
139.	15 - 16 Julai	Penglibatan dalam pameran di Kolej INTI	Seremban, Negeri Sembilan	PR
140.	15 - 29 Julai	Konsultasi Awam Inkuiri Nasional	Perak, Kelantan, Pahang, Johor & Selangor	Jawatankuasa NI
141.	18 Julai	Perbincangan Meja Bulat mengenai Matlamat Pembangunan Milenium dari Perspektif Hak Asasi Manusia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	ECOSOCWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJAV BAHAGIAN/CAWANGAN
142.	18 Julai	Melawat ahli PSM di Bukit Aman	Kuala Lumpur	CIWG
143.	20 Julai	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk PBT	Banting, Selangor	EWG
144.	26 Julai	Ceramah Hak Asasi Manusia di UMW-Toyota	Kuching, Sarawak	Sarawak
145.	28 Julai	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Setiausaha Kerajaan Negeri	Kuantan, Pahang	Jawatankuasa NI
146.	29 Julai	Penglibatan dalam Pameran, Program Anti-Pemerdagangan anjuran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan badan bukan kerajaan	Kota Kinabalu, Sabah	Sabah
147.	1 Ogos	Lawatan daripada <i>Frontline HR Defenders</i>	SUHAKAM, Sarawak	Sarawak
148.	6 - 9 Ogos	Penglibatan dalam Forum dan Pameran mengenai Pembangunan Ekonomi Orang Asal bersempena Hari Orang Asal Sedunia, anjuran Jaringan Orang Asal Se Malaysia	Penampang, Sabah	Sabah, IPRC & PR
149.	9 Ogos	Mesyuarat Susulan Kertas Kerja SEANF mengenai Pekerja Migran	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
150.	10 - 11 Ogos	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Penjara	Pulau Langkawi, Kedah	EWG
151.	13 Ogos	Perayaan Hari Orang Asal Sedunia	Kuala Lumpur	IPRC
152.	13 Ogos	Bengkel Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak, untuk sekolah agama	Kangar, Perlis	EWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
153.	14 Ogos	Lawatan Bimbingan ke SJKT Thiruvalluvar mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Alor Setar, Kedah	EWG
154.	15 - 17 Ogos	Lawatan susulan mengenai isu pendidikan yang mempengaruhi Orang Asal/Asli	Bidor & Gerik, Perak	EWG
155.	18 Ogos	Lawatan Bimbingan ke SMK Muhibbah mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Sungai Siput, Perak	EWG
156.	19 Ogos	Lawatan Bimbingan ke SK Kg Kenang Utara mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Sungai Siput, Perak	EWG
157.	22 Ogos	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk PBT	Butterworth, Penang	EWG
158.	23 Ogos	Mesyuarat ke 3 bersama konsultasi luar kepada Projek Penerbitan UDHR	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC
159.	24 Ogos	Temubual Media bersama <i>The Star</i>	Kuching, Sarawak	PR
160.	25 Ogos	Sesi Pengenalan Inkuiri Nasional kepada Setiausaha Kerajaan Negeri	Kuching, Sarawak	Jawatankuasa NI
161.	6 Sept	Temubual di 'Hello on Two', TV2	Kuala Lumpur	PR
162.	6 Sept	Lawatan ke Pusat Pemulihan Dadah untuk menyiasat dakwaan tahanan dipukul	Machang, Kelantan	CIWG
163.	6 Sept	Lawatan Bimbingan ke SJKT Sepang mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Selangor, Sepang	EWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
164.	7 Sept	Lawatan Bimbingan ke SJKC Chio Chiao mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Sepang, Selangor	EWG
165.	8 Sept	Temubual di 'Malaysia Hari Ini', TV3	Kuala Lumpur	PR
166.	8 Sept	Lawatan susulan mengenai isu pendidikan yang mempengaruhi Orang Asal/Asli	Kuala Kubu Bharu, Selangor	EWG
167.	9 Sept	Lawatan Bimbingan ke SMK Seksyen 9 mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Shah Alam, Selangor	EWG
168.	12 Sept	Lawatan Bimbingan ke SK Penderas mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Kuala Krau, Pahang	EWG
169.	12 - 13 Sept	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk PBT, Siri 1	George Town, Penang	EWG
170.	12 - 14 Sept	FTILS, Zon 3	Beaufort, Sabah	Sabah
171.	13 Sept	Lawatan Bimbingan ke SMK Kuala Krau mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Kuala Krau, Pahang	EWG
172	14 Sept	Lawatan Bimbingan ke SMK SK Betau mengenai program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah	Kuala Lipis, Pahang	EWG
173.	14 Sept	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Agensi Anti-Dadah Negara	Sungai Petani, Kedah	EWG
174.	15 Sept	Lawatan susulan mengenai isu pendidikan yang mempengaruhi Orang Asal/Asli	Raub, Pahang	EWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
175.	15 Sept	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Kuala Berang, Terengganu	EWG
176.	17 - 30 Sept	Konsultasi Awam Inkuiri Nasional	Kuching, Serian, Betong, Miri, Kapit, Bintulu, Betong & Limang, Sarawak	Jawatankuasa NI & Sarawak
177.	19 Sept	Temubual Media bersama Sarawak FM	Kuching, Sarawak	PR
178.	19 - 20 Sept	Mesyuarat Pembangunan Kurikulum Hak Asasi Manusia untuk Jabatan Penjara	Pulau Langkawi, Kedah	EWG
179.	21 Sept	Perbincangan Meja Bulat mengenai Keperluan Orang Kurang Upaya: Dialog dengan PBT	Ipoh, Perak	EWG
180.	26 Sept	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
181.	3 Okt	Temubual Media di ASTRO	Kuala Lumpur	PR
182.	3 Okt	Pemantauan perhimpunan anjuran MTUC di Parlimen, terhadap pindaan ke atas Akta Buruh	Kuala Lumpur	CIWG
183.	3 - 4 Okt	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk PBT, Siri 2	George Town, Penang	EWG
184.	6 Okt	Mesyuarat bersama UNCT	SUHAKAM, Kuala Lumpur	IICC

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
185.	6 - 7 Okt	Seminar Nasional mengenai Diskriminasi	Kuala Lumpur	EWG
186.	7 - 8 Okt	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pemimpin Pelajar Institut Politeknik, Siri 1	Melaka	EWG
187.	9 Okt	Pemantauan Perhimpunan <i>Hijau 109</i> bersempena dengan <i>Earth Charter Initiative</i> di Taman Gelora	Kuantan, Pahang	CIWG
188.	10 Okt	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
189.	11 Okt	Permulaan Siasatan Awam ke atas Dakwaan Keganasan Hak Asasi Manusia semasa Perhimpunan Bersih 2.0	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CIWG
190.	13 Okt	Seminar mengenai Pemansuhan Hukuman Mati, anjuran bersama dengan Delegasi EU ke Malaysia dan Majlis Peguam	Kuala Lumpur	LRITWG
191.	14 Okt	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Ketua Polis Balai	Kangar, Perlis	EWG
192.	15 Okt	Bengkel Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak, untuk sekolah agama	Kangar, Perlis	EWG
193.	17 Okt	Lawatan ke Kg Pinang Pusing	Ipoh, Perak	CIWG
194.	19 - 21 Okt	Latihan Dalam: <i>Introduction to Negotiation Mediation Skills</i>	SUHAKAM, Kuala Lumpur	Suruhanjaya
195.	21 - 22 Okt	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pemimpin Pelajar Institut Politeknik, Siri 2	Kepala Batas, Penang	EWG
196.	22 Okt	Pemantauan <i>Himpunan Sejuta Umat</i>	Shah Alam, Selangor	CIWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
197.	24 Okt	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
198.	26 Okt	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Melaka	EWG
199.	26 - 28 Okt	FTILS, Zon 4	Telupid, Sabah	Sabah
200.	28 - 29 Okt	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pemimpin Pelajar Institut Politeknik, Siri 3	Kuala Terengganu, Terengganu	EWG
201.	30 Okt	Penglibatan dalam Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu	Putatan, Sabah	Sabah
202.	31 Okt	Perbincangan Meja Bulat mengenai <i>Gender Equality: Unaddressed Women's Rights Issues</i>	Kuala Lumpur	ECOSOCWG
203.	9 Nov	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk PBT	Jugra, Selangor	EWG
204.	9 Nov	Forum mengenai Pendidikan Orang Asal/Asli	Kuala Lumpur	IPRC & EWG
205.	10 - 11 Nov	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk PBT	George Town, Penang	EWG
206.	12 Nov	Penglibatan bersama dalam Program Medical Care oleh Mercy Malaysia di Pusat Tahanan Sementara	Papar, Sabah	Sabah
207.	13 Nov	Pameran bersempena Plan Tindakan ke 4 Festival Malaysia di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor	Kuala Lumpur	PR
208.	14 Nov	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
209.	14 Nov	Perbincangan Meja Bulat mengenai Perubahan Cuaca	Kuala Lumpur	ECOSOCWG
210.	15 Nov	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Penjara	Tawau, Sabah	EWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
211.	15 - 16 Nov	Siasatan Awam ke atas Dakwaan Keganasan Hak Asasi Manusia semasa Perhimpunan Bersih 2.0	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CIWG
212.	17 Nov	Perbincangan Meja Bulat mengenai Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah	Kuala Lumpur	LRITWG
213.	18 Nov	Kunjungan hormat oleh delegasi Afghanistan	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PR
214.	19 Nov	Penglibatan dalam pameran di Pesta Kerja Perundangan di Universiti Malaya	Kuala Lumpur	PR
215.	21 - 23 Nov	Bengkel Hak Kanak-Kanak untuk Pegawai Penjara	Taiping, Perak	EWG
216.	22 - 23 Nov	Siasatan Awam ke atas Dakwaan Keganasan Hak Asasi Manusia semasa Perhimpunan Bersih 2.0	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CIWG
217.	22 - 24 Nov	FTILS, Zon 5	Semporna, Sabah	Sabah
218.	24 Nov	Kunjungan hormat ke wakil dewan undangan negeri	Kuching, Sarawak	Sarawak
219.	24 Nov	Lawatan pelajar Universiti Utara Malaysia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PR
220.	24 - 25 Nov	Program Perpustakaan bersama Universiti Malaya	Kuala Lumpur	EWG
221.	29 Nov	Pemantauan Perhimpunan membantah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011	Kuala Lumpur	CIWG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KUMPULAN KERJA/ BAHAGIAN/CAWANGAN
222.	29 - 30 Nov	Program Pameran Buku dan Tayangan filem di Universiti Malaya	Kuala Lumpur	EWG
223.	1 Dis	Kunjungan hormat kepada Ketua Hakim Negara	Putrajaya	LRITWG
224.	5 Dis	Seminar mengenai Hak Orang Kurang Upaya	Kuala Lumpur	ECOSOCWG
225.	9 Dis	Menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Universiti Kebangsaan Malaysia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EWG
226.	9 Dis	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada anggota RELA	Tuaran, Sabah	EWG & Sabah
227.	10 Dis	Majlis Penyampaian Anugerah Hak Asasi Manusia Suruhanjaya 2011	Kuala Lumpur	PR & EWG
228.	12 - 14 Dis	Bengkel Hak Kanak-Kanak untuk Pegawai Penjara	Pulau Langkawi, Kedah	EWG
229.	16 Dis	Kunjungan hormat kepada Pengarah RTM	Kuching, Sarawak	Sarawak & PR
230.	16 Dis	Makan Malam bersama media	Kuching, Sarawak	Sarawak & PR
231.	19 - 20 Dis	Siasatan Awam ke atas Dakwaan Keganasan Hak Asasi Manusia semasa Perhimpunan Bersih 2.0	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CIWG
232.	21 Dis	Perbincangan Meja Bulat mengenai Orang Kurang Upaya: Dialog bersama PBT	George Town, Penang	EWG

CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – NASIONAL 2011

AS - Anggota Suruhanjaya

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
1.	25 Jan	Mesyuarat Jawatankuasa Perlindungan dan Pemuliharaan Mangsa Pemerdagangan Orang	Kuala Lumpur	Encik James Nayagam (AS) Rafidah Yahya, Pegawai
2.	25 - 26 Jan	Persidangan Antarabangsa mengenai <i>Law on Customary Lands, Territories and Resource Rights: Bridging the Implementation Gap</i>	Kuala Lumpur	Puan Jannie Lasimbang (AS)
3.	16 Mac	Mesyuarat Teknikal bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Johor Bahru, Johor	Ameer Izyanif Hamzah, Pegawai
4.	21 Mac	Mesyuarat SUHAKAM bersama Suruhanjaya Tinggi India	Kuala Lumpur	Encik Muhammad Sha'ani Abdullah (AS) Ameer Izyanif Hamzah, Pegawai Shahizad Sulaiman, Pegawai Helmy Fendy Mohamad Idris, Pegawai Norashikin Hamzah, Pegawai
5.	24 Mac	Perbincangan Makan Tengahari mengenai Rasuah di Malaysia	Kuala Lumpur	Rafidah Yahya, Pegawai Paremeswari Subramaniam, Pegawai

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
6.	25 - 26 April	Kursus <i>Outcome-based Budgeting</i>	Putrajaya	Ameer Izyanif Hamzah, Pegawai Shahizad Sulaiman, Pegawai Helmy Fendy Mohamad Idris, Pegawai Norashikin Hamzah, Pegawai
7.	25 - 27 April	Bengkel <i>Strategic Programming Outcome-based Budgeting</i>	Putrajaya	Mohamad Azizi, Pegawai
8.	26 April	Mesyuarat Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran, Malaysia	Putrajaya	Ameer Izyanif Hamzah, Pegawai
9.	27 April	Seminar Aqidah (Syiah) oleh Jabatan Agama Islam Selangor	Shah Alam, Selangor	Shahizad Sulaiman, Pegawai
10.	28 April	Pelancaran Laporan Matlamat Pembangunan Milenium 2010 Malaysia	Putrajaya	Paremeswari Subramaniam, Pegawai
11.	31 Mei	Mesyuarat Teknikal bersama SPRM	Johor	Ameer Izyanif Hamzah, Pegawai
12.	15 Jun	Simposium mengenai Hak Tanah dan Orang Asal di Universiti Malaysia Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	Puan Jannie Lasimbang (AS)
13.	16 Jun	Ceramah Hak Asasi Manusia untuk pelajar undang-undang di Kolej INTI	Negeri Sembilan	Intan Farida Adnan, Pegawai

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
14.	20 - 21 Jun	<i>UNFPA-APF Regional Consultation on Integrating Reproductive Rights into the Work of National Human Rights Institutions (NHRIs)</i>	Kuala Lumpur	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Eda Mazuin Abdul Rahman, Pegawai Mohammad Azizi Azmi, Pegawai Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai Intan Farida Adnan, Pegawai Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai Ameer Izyanif Hamzah, Pegawai Norashikin Hamzah, Pegawai
15.	5 Julai	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal mengenai Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi	Putrajaya	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Akhdia Nur Zahhir Alwi, Pegawai
16.	28 Julai	Mesyuarat bersama Setiausaha Kerajaan Negeri	Kuantan, Pahang	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Encik Muhammad Sha'ani Abdullah (AS) Rafidah Yahya, Pegawai
17.	16 Ogos	Mesyuarat bersama Majlis Koordinasi mengenai Perlindungan Kanak-Kanak, di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Putrajaya	Akhdia Nur Zahhir Alwi, Pegawai
18.	17 Ogos	Dialog bersama Orang Asli bersempena Hari Hak Asasi Orang Asal Sedunia, anjuran Jaringan Orang Asal Se Malaysia	Kuantan, Pahang	Puan Jannie Lasimbang (AS)

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
19.	17 Ogos	Lawatan ke Penempatan Orang Asli bersempena Hari Hak Asasi Orang Asal Sedunia	Kg Jameri, Pahang	Puan Jannie Lasimbang (AS)
20.	22 Ogos	Taklimat Dasar Keluarga Negara dan Dasar Warga Emas Negara	Kuala Lumpur	Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai
21.	15 Sept	<i>UNFPA-APF Regional Consultation on Integrating Reproductive Rights into the Work of NHRIs</i>	Kuala Lumpur	Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai Mohamad Azizi, Pegawai
22.	20 Sept	Mesyuarat Teknikal bersama SPRM	Melaka	Shahizad Sulaiman, Pegawai
23.	22 Sept	Seminar mengenai Tanah dan Mahkamah Orang Asal oleh UPKO	Kota Kinabalu	Jasmih Slamet, Pegawai
24.	26 - 27 Sept	Seminar mengenai Keberkesanan Akta Hasutan 1948	Putrajaya	Lee Pei Hsi, Pegawai Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai Akhdia Nur Zahhir, Pegawai
25.	9 - 10 Okt	Ceramah Hak Asasi Manusia di Universiti Malaysia Sarawak	Sarawak	Encik Detta Samen (AS)
26.	11 Okt	Persidangan Tanah oleh Jaringan Orang Asal SeMalaysia	Kuala Lumpur	Puan Jannie Lasimbang (AS)
27.	12 - 14 Okt	Program Hari Orang Asal Sedunia oleh Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Wan Norhafizah, Pegawai Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
28.	20 Okt	Seminar Keluarga Komuter	Kuala Lumpur	Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
29.	24 Okt	Ceramah Hak Asasi Manusia di Kampus INTAN	Samarahan, Sarawak	Encik Detta Samen (AS) Sophian Osman, Pegawai
30.	29 Okt	Festival Filem Merdeka 2011 oleh Pusat KOMAS dan PANGGAU	Kuching, Sarawak	Encik Detta Samen (AS) Sophian Osman, Pegawai
31.	31 Okt	Seminar mengenai <i>Promoting Peace through Mainstreaming Leaders in Peacekeeping Operations</i>	Kuala Lumpur	Ameer Izyanif Hamzah, Pegawai Shahizad Sulaiman, Pegawai Helmy Fendy Mohamad Idris, Pegawai Norashikin Hamzah, Pegawai
32.	31 Okt	<i>Latihan Draft Outcome Statement</i>	Port Dickson, Negeri Sembilan	Mohamad Azizi, Pegawai
33.	8 Nov	Seminar mengenai Reformasi Tanah oleh SAPP	Kota Kinabalu	Jasmilh Slamet, Pegawai
34.	9 Nov	<i>High-level Seminar on Migration and Social Security – the Example of Europe</i>	Putrajaya	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
35.	10 Nov	Konvensyen mengenai Integriti Nasional	Putrajaya	Paremeswari Subramaniam, Pegawai
36.	11 Nov	Simposium mengenai <i>Policy for the Successful Treatment and Care of Drug-users and Prevention of HIV</i>	Kuala Lumpur	Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai
37.	14 Nov	Ceramah Hak Orang Kurang Upaya di Rumah Amal Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	Puan Jannie Lasimbang (AS)

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
38.	15 Nov	Persidangan Antarabangsa mengenai <i>Sabah Heart of Borneo Green Economy and Development: Engaging Business for Environment</i>	Kota Kinabalu, Sabah	Puan Jannie Lasimbang (AS)
39.	25 Nov	Pendengaran Awam Jawatankuasa Khas Parlimen berkaitan Reformasi Pilihanraya	Kota Kinabalu, Sabah	Puan Jannie Lasimbang (AS)
40.	29 Nov	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal mengenai Tanggungjawab Sosial	Kuala Lumpur	Encik Detta Samen (AS) Rafidah Yahya, Pegawai
41.	30 Nov	Ceramah mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri di Universiti Kebangsaan Malaysia	Bangi, Selangor	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
42.	3 Dis	Makan Malam Penghargaan oleh Mercy Malaysia	Kota Kinabalu, Sabah	Puan Jannie Lasimbang (AS)
43.	8 Dis	Program Hari Hak Asasi Manusia Sedunia oleh <i>United Nations Resident Office</i>	Kuala Lumpur	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Encik Detta Samen (AS)
44.	15 Dis	Ceramah Umum mengenai Hak kepada Pendidikan di Kalangan Orang Asal/Asli	Kuala Lumpur	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
45.	16 Dis	Seminar mengenai Kajian Pengguguran	Subang, Selangor	Paremeswari Subramaniam, Pegawai
46.	17 Dis	Perbincangan Meja Bulat mengenai Pindaan kepada Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971	Kuala Lumpur	Encik Muhammad Sha'ani Abdullah (AS) Akhdia Nur Zahhir Alwi, Pegawai
47.	19 - 23 Dis	<i>Latihan Outcome-based Budgeting</i>	Shah Alam, Selangor	Mohamad Azizi Azmi, Pegawai

LAMPIRAN IV

LAWATAN, MESYUARAT DAN PERSIDANGAN – ANTARABANGSA 2011

AS - Anggota Suruhanjaya

NO.	TARIKH	LAWATAN, MESYUARAT DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
1.	31 Jan - 2 Feb	Mesyyarat Awal: <i>Raoul Wallenberg Institute Regional Asia Programme</i>	Bangkok, Thailand	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Puan Hashimah Nik Jaafar, Setiausaha Nurul Hasanah Ahamed, Pegawai
2.	9 - 10 Feb	Seminar Komanwel mengenai Tindakan Susulan UPR dan Pelaksanaan di Asia dan Eropah	Dhaka, Bangladesh	Encik Muhammad Sha'ani Abdullah (AS) Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai
3.	22 - 23 Feb	Perbincangan mengenai <i>Human Rights Implications of the ASEAN Community Blueprint</i>	Luang Prabang, Lao PDR	Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
4.	24 - 25 Feb	Mesyyarat Kumpulan Kerja Teknikal Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara (SEANF) ke 9	Quezon City, Filipina	Lee Pei Hsi, Pegawai Rafidah Yahya, Pegawai Jesrina Grewal, Pegawai Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai
5.	25 - 28 Feb	Mesyyarat susulan <i>Southeast Asia Graduated Human Rights Education Curricula for Law Enforcers</i>	Manila, Filipina	Ameer Izyanif Hamzah, Pegawai

NO.	TARIKH	LAWATAN, MESYUARAT DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
6.	16 - 18 Mac	Persidangan Hak Asasi Manusia, Asia Pacific OutGames ke dua	Wellington, New Zealand	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Akhdia Nur Zahhir Alwi, Pegawai
7.	27 - 29 Mac	Bengkel mengenai Access to Reminders for Corporate-related Human Rights Impact in Southeast Asia	Singapura	Encik James Nayagam (AS) Paremeswari Subramaniam, Pegawai
8.	13 - 14 Mei	Mesyuarat Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI) Komanwel	Bracknell, United Kingdom	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Encik Detta Samen (AS) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
9.	16 Mei	Mesyuarat International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights (ICC) Bureau	Geneva, Switzerland	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Encik Detta Samen (AS) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
10.	17 - 19 Mei	Mesyuarat Agung ICC ke 24	Geneva, Switzerland	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Encik Detta Samen (AS) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
11.	20 Mei	Bengkel Peranan Undang-undang Pencegahan dalam Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia	Geneva, Switzerland	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Encik Detta Samen (AS) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
12.	8 - 12 Jun	Bengkel Perancangan Strategik SEANF	Jakarta, Indonesia	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Puan Jannie Lasimbang (AS) Puan Hashimah Nik Jaafar, Setiausaha Lee Pei Hsi, Pegawai

NO.	TARIKH	LAWATAN, MESYUARAT DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
13.	26 Jun - 2 Julai	<i>Blended Learning Course on Equal Status and Human Rights of Women</i>	Bangkok, Thailand	Mohamad Azizi, Pegawai
14.	27 Julai	Seminar mengenai Diskriminasi Terhadap Wanita dari konteks Serantau dan Budaya	Jakarta, Indonesia	Encik Detta Samen (AS)
15.	27 - 28 Julai	Konsultasi Syor-syor UPR di antara Kementerian dan Masyarakat Sipil Kemboja	Phnom Penh, Kemboja	Lee Pei Hsi, Pegawai
16.	6 - 8 Sept	Persidangan dwi-tahunan dan Mesyuarat Tahunan NHRI Forum Asia Pasifik ke 16	Bangkok, Thailand	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Encik James Nayagam (AS) Puan Hashimah Nik Jaafar, Setiausaha Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai
17.	13 - 20 Sept	Sesi Majlis Hak Asasi Manusia ke 18	Geneva, Switzerland	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Lee Pei Hsi, Pegawai
18.	15 Sept	Mesyuarat bersama <i>National Institutions and Regional Mechanisms Section of Office of High Commissioner for Human Rights</i>	Geneva, Switzerland	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Lee Pei Hsi, Pegawai
19.	16 Sept	Mesyuarat mengenai Hak Orang Kelainan Upaya bersama Setiausaha Jawatankuasa PBB	Geneva, Switzerland	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Lee Pei Hsi, Pegawai
20.	16 Sept	<i>Expert Meeting on Child Rights and the Business Sector: Exploring the Content of the General Comment by the Committee on the Rights of the Child</i>	Geneva, Switzerland	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Lee Pei Hsi, Pegawai

NO.	TARIKH	LAWATAN, MESYUARAT DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
21.	20 Sept	Mesyuarat bersama Wakil Tetap Malaysia ke Geneva	Geneva, Switzerland	Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Lee Pei Hsi, Pegawai
22.	3 - 4 Okt	NHRI <i>Capacity-building</i>	Manila, Filipina	Encik Detta Samen (AS)
23.	10 Okt	Mesyuarat Biro ICC	Seoul, Korea	Encik James Nayagam (AS) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
24.	11 - 13 Okt	Persidangan Serantau Asia-Pasifik mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia	Seoul, Korea	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Encik James Nayagam (AS) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
25.	14 Okt	Mesyuarat Kumpulan Kerja ICC mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia	Seoul, Korea	Encik James Nayagam (AS) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
26.	18 - 19 Okt	Mesyuarat Tahunan ke 8 SEANF	Quezon City, Filipina	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Puan Jannie Lasimbang (AS) Lee Pei Hsi, Pegawai
27.	17 - 21 Okt	<i>Capacity-building Programme on Human Rights Advocacy and Migrant Workers in the Asia-Pacific Region</i>	Bangkok, Thailand	Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
28.	14 - 15 Nov	<i>Seminar Human Rights for Government Officials of the Union of Myanmar</i>	Yangon, Myanmar	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
29.	27 Nov	Mesyuarat SEANF bersama UN High Commissioner for Human Rights	Bali, Indonesia	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)

NO.	TARIKH	LAWATAN, MESYUARAT DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
30.	27 Nov	Konsultasi Serantau ke 4 mengenai ASEAN dan Hak Asasi Manusia	Bali, Indonesia	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
31.	28 Nov - 1 Dis	Bengkel mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan: <i>Plural Legal Approaches to Conflict Resolution, Institutional Strengthening and Legal Reform</i>	Bali, Indonesia	Encik James Nayagam (AS) Puan Jannie Lasimbang (AS)

PENERBITAN SURUHANJAYA 2011

NO.	KATEGORI	TAJUK
1.	Laporan	Laporan Tahunan SUHAKAM 2010 (Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris)
2.	Laporan	<i>Human Rights and Equitable Healthcare</i>
3.	Laporan (Cetakan Semula)	Pelan Pengajaran Hak Asasi Manusia
4.	Laporan (Cetakan Semula)	Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli
5.	Jurnal	<i>Human Rights Journal</i>
6.	Buletin (Mac 2011)	Buletin SUHAKAM
7.	Buletin (Jun 2011)	Buletin SUHAKAM
8.	Buletin (Sept 2011)	Buletin SUHAKAM
9.	Risalah (Cetakan semula)	Saya Seorang Manusia, Saya Bukan Hamba, Saya Bukan Untuk Dijual (Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris)
10.	Risalah (Cetakan semula)	SUHAKAM dan Anda (Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris)
11.	Risalah	Hak Asasi dan Pilihanraya
12.	Risalah	Hak Pengundian Sejagat
13.	Risalah	Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asal/Asli
14.	Poster	Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asal/Asli
15.	Poster	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak
16.	Bunting	Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asal/Asli
17.	Pamphlet (Cetakan semula)	Piagam SUHAKAM
18.	Pamphlet	Rasuah dan Hak Asasi (Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris)
19.	Buku Kecil	<i>Universal Periodic Review (UPR)</i>
20.	Buku Kecil (Cetakan semula)	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak
21.	Buku Kecil (Cetakan semula)	Deklarasi PBB Mengenai Orang Asal (UNDRIP)
22.	Buku Kecil (Cetakan semula)	Konvensyen Mengenai Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)
23.	Buku Kecil (Cetakan semula)	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Versi bergambar)

MESYUARAT BULANAN – KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA 2011

NO.	NO. SIRI MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG HADIR	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TIDAK HADIR	DENGAN KEBENARAN	TANPA KEBENARAN
1.	Mesyuarat ke 9-2011	17 Jan	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			
2.	Mesyuarat ke 10-2011	8 Feb	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Datuk Dr Mahmood Zuhdi Hj A Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			

NO.	NO. SIRI MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG HADIR	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TIDAK HADIR	DENGAN KEBENARAN	TANPA KEBENARAN
3.	Mesyuarat ke 11-2011	22 Feb	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			
4.	Mesyuarat ke 12-2011	21 Mac	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			
5.	Mesyuarat ke 13-2011	12 April	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			

NO.	NO. SIRI MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG HADIR	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TIDAK HADIR	DENGAN KEBENARAN	TANPA KEBENARAN
6.	Mesyuarat ke 14-2011	26 April	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			
7.	Mesyuarat ke 15-2011	10 Mei	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			
8.	Mesyuarat ke 16-2011	24 Mei	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			

NO.	NO. SIRI MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG HADIR	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TIDAK HADIR	DENGAN KEBENARAN	TANPA KEBENARAN
9.	Mesyuarat ke 17-2011	7 Jun	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			
10.	Mesyuarat ke 18-2011	8 Julai	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			
11.	Mesyuarat ke 19-2011	16 Ogos	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			

NO.	NO. SIRI MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG HADIR	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TIDAK HADIR	DENGAN KEBENARAN	TANPA KEBENARAN
12.	Mesyyarat ke 20-2011	4 Okt	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			
13.	Mesyyarat ke 21-2011	8 Nov	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar	Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid	✓	
14.	Mesyyarat ke 22-2011	6 Dis	Tan Sri Hasmy Agam Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid Encik Muhammad Sha'ani Abdullah Puan Jannie Lasimbang Encik Detta Samen Encik James Deva Nayagam Puan Hashimah Nik Jaafar			



LAMPIRAN VII

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji dan bagi memastikan ketepatan angka dan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia pada 31 Disember 2011 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(SAADATUL NAFISAH BINTI BASHIR AHMAD)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 FEBRUARI 2012



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA OLEH Pengerusi DAN SALAH SEORANG AHLI SURUHANJAYA

Kami, TAN SRI HASMY BIN AGAM dan DATUK DR. KHAW LAKE TEE yang merupakan Pengerusi dan Naib Pengerusi SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Suruhanjaya, lembaran imbangan pada 31 Disember 2011, penyata pendapatan, penyata perubahan dana serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota yang disertakan, adalah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan yang berkenaan di Malaysia untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,



TAN SRI HASMY BIN AGAM

Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh:

22 FEB 2012

Bagi pihak Suruhanjaya,



DATUK DR. KHAW LAKE TEE

Naib Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh:

22 FEB 2012

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA**

Saya, Hashimah Binti Nik Jaafar, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa lembaran imbalan pada 31 Disember 2011, penyata pendapatan, penyata perubahan dana serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota yang disertakan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak –kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui

Oleh penama di atas,

Hashimah Binti Nik Jaafar

Di Kuala Lumpur pada 22 FEB 2012)

Di hadapan saya,



Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 019-6680745

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2011**

	Nota	2011 RM	2010 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Loji dan peralatan	3	1,484,244	2,341,969
ASET SEMASA			
Pelbagai Penghutang, deposit dan prabayar	4	792,043	1,070,820
Simpanan Tetap	5	2,176,948	3,026,972
Tunai dan baki di bank	6	1,429,052	1,385,669
		4,398,043	5,483,461
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pemiutang dan akruan	7	58,828	1,489,268
		58,828	1,489,268
ASET SEMASA BERSIH		4,339,215	3,994,193
		<u>5,823,459</u>	<u>6,336,162</u>
Dibiayai Oleh:			
Dana Terkumpul	8, 13	5,823,459	6,336,162
		<u>5,823,459</u>	<u>6,336,162</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	Nota	2011 RM	2010 RM
PENDAPATAN			
Geran Kerajaan	13	9,767,000	10,615,000
PENDAPATAN LAIN			
Hibah		5,717	6,440
Faedah ke atas simpanan tetap		93,515	45,910
Keuntungan ke atas pelupusan		57,297	118,890
Lain-Lain		3,820	89
		<u>160,349</u>	<u>171,329</u>
Jumlah Pendapatan		9,927,349	10,786,329
PERBELANJAAN			
Emolumen	9	3,538,395	3,168,297
Perjalanan dan sara hidup		1,068,872	825,460
Pengangkutan		480	47,800
Perhubungan dan utiliti		283,787	228,799
Sewaan		2,577,018	1,506,002
Bekalan bahan mentah		85,749	77,587
Bekalan dan bahan-bahan lain		213,256	102,598
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil		341,526	552,191
Perkhidmatan Ikhtisas dan hospitaliti	10	1,641,980	1,689,662
Susutnilai		594,305	632,640
Ganjaran		44,369	123,269
Kerugian daripada jualan/pelupusan harta		47,896	-
Hutang Ragu		-	364,770
Lain-Lain Perbelanjaan		2,419	-
		<u>10,440,052</u>	<u>9,319,075</u>
(Kurangan) / Lebihan pada tahun		<u>(512,703)</u>	<u>1,467,254</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	Nota	Dana <u>terkumpul</u>
		RM
Pada 1 Januari 2010	13	4,868,908
Lebihan bagi tahun		1,467,254
Pada 31 Disember 2010/ 1 Januari 2011		<u>6,336,162</u>
Kurangan bagi tahun		(512,703)
Pada 31 Disember 2011		<u><u>5,823,459</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	2011 RM	2010 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Penerimaan	9,767,000	10,615,000
Pembayaran untuk perbelanjaan	<u>(10,094,258)</u>	<u>(8,870,336)</u>
Tunai bersih (digunakan untuk)/ dari aktiviti operasi	<u>(327,258)</u>	<u>1,744,664</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Hibah	5,717	6,439
Keuntungan diterima dari simpanan tetap	36,829	26,672
Pendapatan dari jualan aset	368,100	122,400
Belian loji dan peralatan	<u>(890,029)</u>	<u>(220,759)</u>
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>(479,383)</u>	<u>(65,248)</u>
 (Penurunan)/Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	 (806,641)	 1,679,416
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	<u>4,412,641</u>	<u>2,733,225</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u>3,606,000</u>	<u>4,412,641</u>
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Simpanan tetap	2,176,948	3,026,972
Tunai dan baki di bank	<u>1,429,052</u>	<u>1,385,669</u>
	<u>3,606,000</u>	<u>4,412,641</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2011

OBJEKTIF-OBJEKTIF/FUNGSI-FUNGSI UTAMA

- 1.1 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, (, Akta 597) dengan objektif untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Akta ini diwartakan pada 9 September 1999.
- 1.2 Fungsi utama SUHAKAM adalah untuk:
 - 1.2.1 memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia
 - 1.2.2 menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil
 - 1.2.3 mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatangan atau penyertaan dalam perjanjian triti dan suratcara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia; dan
 - 1.2.4 menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia

DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan terpakai di Malaysia.

2.2 Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul

Susutnilai diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus dikira untuk menghapus kira kos setiap aset sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah 20%

2.3 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank dan simpanan. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan mudah tunai yang boleh ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui yang tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak signifikan. Pihak Suruhanjaya telah menggunakan kaedah langsung di dalam penyediaan Penyata Aliran Tunai.

2.4 Faedah Kakitangan

Faedah Jangka Pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan oleh kakitangan Suruhanjaya.

Pelan Caruman Tetap

Suruhanjaya membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan seperti yang ditanggung. Apabila caruman telah dibayar, Suruhanjaya tiada obligasi bayaran lagi.

2.5 Peruntukan

Peruntukan dibuat bila pihak Suruhanjaya mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber akan diiktirafkan untuk menjelaskan obligasi, dan bila anggaran yang boleh diyakini boleh dibuat bagi amaun tersebut.

2.6 Geran Kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Suruhanjaya akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian Loji dan peralatan dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat dijangka ke atas Loji dan Peralatan berkaitan, asas-asas yang seimbang dengan susut nilai Loji dan Peralatan yang berkaitan

2.7 Pengiktirafan Pendapatan hibah, Faedah Simpanan Tetap dan Mudharabah Insuran

Pendapatan Hibah, Faedah Simpanan Tetap dan Mudharabah -Insuran diiktiraf berdasar asas tunai

3

LOJI DAN PERALATAN

2011	Buku peralatan dan Kelengkapan	Komputer	Kenderaan	Peng-ubahsuaian	Kerja Dalam Kemajuan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos						
Pada 1 Januari	865,711	622,859	2,498,113	776,613	786,400	5,549,696
Tambahan	113,855	26,424	-	786,400	-	926,679
Pelupusan/ Pelarasan	(277,135)	(73,016)	(1,023,752)	-	(786,400)	(2,160,303)
Pada 31 Disember	702,431	576,267	1,474,361	1,563,013	-	4,316,072
Susutnilai Berkumpul						
Pada 1 Januari	778,012	349,909	1,425,734	654,072	-	3,207,727
Caj untuk tahun	39,409	81,026	295,978	177,892	-	594,305
Pelupusan	(260,938)	(25,591)	(683,675)	-	-	(970,204)
Pada 31 Disember	556,483	405,344	1,038,037	831,964	0	2,831,828
Nilai Buku Bersih						
Pada 31 Disember	145,948	170,923	436,324	731,049	-	1,484,244

2010	Buku peralatan dan Kelengkapan	Komputer	Kenderaan	Peng-ubahsuaian	Kerja Dalam Kemajuan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos						
Pada 1 Januari	887,162	460,438	3,008,050	777,093	-	5,132,743
Tambahan	56,526	202,958	6,274	-	786,400	1,052,158
Pelupusan/ Pelarasan	(77,977)	(40,537)	(516,211)	(480)	-	(635,205)
Pada 31 Disember	865,711	622,859	2,498,113	776,613	786,400	5,549,696
Susutnilai Berkumpul						
Pada 1 Januari	798,211	307,053	1,523,820	575,699	-	3,204,783
Caj untuk tahun	55,247	80,531	418,121	78,741	-	632,640
Pelupusan	(75,445)	(37,675)	(516,207)	(368)	-	(629,695)
Pada 31 Disember	778,013	349,909	1,425,734	654,072	0	3,207,727
Nilai Buku Bersih						
Pada 31 Disember	87,698	272,950	1,072,379	122,541	786,400	2,341,969

(Samb.)

4

PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT, DAN PRABAYAR

	<u>2011</u>	<u>2010</u>
	RM	RM
Pelbagai penghutang	863	4,780
Deposit	778,876	1,062,308
Prabayar	5,594	3,732
Faedah Tera kru	6,710	-
	<u>792,043</u>	<u>1,070,820</u>

5

SIMPANAN TETAP

Simpanan tetap dengan bank berlesen tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan. Kadar faedah efektif bagi simpanan tetap dengan bank berlesen ialah antara 3.00%-3.17% setahun. Tempoh matang ialah antara 30 hari hingga 90 hari

6

TUNAI DAN BAKI DI BANK

	<u>2011</u>	<u>2010</u>
	RM	RM
Tunai di tangan	5,000	1,527
Tunai di bank	<u>1,424,052</u>	<u>1,384,142</u>
	<u>1,429,052</u>	<u>1,385,669</u>

7

PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	<u>2011</u>	<u>2010</u>
	RM	RM
Pelbagai pemiutang	51,843	1,113,684
Akruan	<u>6,985</u>	<u>375,584</u>
	<u>58,828</u>	<u>1,489,268</u>

(Samb.)

8

DANA TERKUMPUL

	<u>2011</u> RM	<u>2010</u> RM
<u>Dana Terkumpul</u>		
Baki pada 1 Januari	6,336,162	4,868,908
(Kurangan) /Lebihan Bagi Tahun	<u>(512,703)</u>	<u>1,467,254</u>
Baki pada 31 Disember	<u>5,823,459</u>	<u>6,336,162</u>

9

EMOLUMEN

Pembayaran emolumen bagi 83 (2010 : 81) jawatan Pegawai dan Kakitangan tetap adalah seperti berikut:

	<u>2011</u> RM	<u>2010</u> RM
Gaji	2,025,699	1,842,122
Imbuhan Khidmat Awam	118,349	116,591
Elaun Perumahan	265,423	245,144
Elaun Keraian	119,303	108,171
Lain-Lain elaun	568,079	379,435
Sumbangan Badan Berkanun	359,323	321,090
Faedah Kewangan Lain	82,219	155,744
Jumlah	<u>3,538,395</u>	<u>3,168,297</u>

10

PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

Termasuk di dalam perbelanjaan ini adalah pembayaran emolumen kepada Pesuruhjaya adalah sebanyak RM 690,000

11

MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan SUHAKAM pada akhir tahun adalah 83(2010 : 81)

12

INSTRUMEN KEWANGAN

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya bertujuan memastikan sumber kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar.

(a) Risiko Mudah Tunai

Pihak Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(b) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, pelbagai dan lain-lain belum terima , pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang jangka pendek

13

ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka- angka perbandingan di tahun lalu telah diselaraskan berikutan perubahan di dalam persembahan penyata kewangan di tahun semasa.

	Pernyataan Sebelumnya <u>2010</u> RM	Pelarasan <u>2010</u> RM	Pernyataan Semula <u>2010</u> RM
Lembaran Imbangan			
Dana Terkumpul	1,197,763	5,138,399	6,336,162
Geran Kerajaan	5,138,399	(5,138,399)	-
Penyata Pendapatan			
Geran Kerajaan	9,319,075	1,295,925	10,615,000
Jumlah Pendapatan	9,490,404	1,295,925	10,786,329
Lebihan	171,329	1,295,925	1,467,254
Penyata perubahan Dalam Dana terkumpul			
Dana 1 Januari	1,026,434	3,842,474	4,868,908
Geran Kerajaan 1 Januari	3,842,474	(3,842,474)	-

SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
AHRD	Perisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN
AICHR	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Kerajaan ASEAN
APF	Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah
ATIP	Anti-Pemerdagangan Orang
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
AWAM	<i>All Women's Action Society Malaysia</i>
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
BPA	Biro Pengaduan Awam
CAT	Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah
CCTV	Kamera Litar Tertutup
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita
CFNHRI	Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
CHOGM	Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel
CIWG	Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan
CO ₂	Karbon dioksida
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya
CSO	Pertubuhan Masyarakat Sipil
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
DO	Pegawai Daerah
DUN	Dewan Undangan Negeri

ECOSOCWG	Kumpulan Kerja Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
EPG	Kumpulan Tokoh-tokoh Komanwel
EU	Kesatuan Eropah
EWG	Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi
FORUM-ASIA	Forum Asia Bagi Hak Asasi Manusia dan Pembangunan
FTILS	Forum dan Latihan ke Atas Sistem Perundangan Orang Asal/Asli
GHG	Gas Rumah Hijau
HRC	Majlis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia
ICC	Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi Nasional Untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia
ICERD	Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman
IICC	Jawatankuasa Isu dan Kerjasama Antarabangsa
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IOM	Pertubuhan Migrasi Antarabangsa
IPRC	Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
JAIS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JOAS	Jaringan Orang Asal SeMalaysia
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KAP	Kurikulum Asli Penan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KOMAS	Pusat Komunikasi Masyarakat
KPM	Kementerian Pelajaran
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KWAMP	Skim Kumpulan Wang Amanah Pelajar

LGBT	<i>Lesbian, Gay, Bi-seksual dan Transgender</i>
LIGS	Lembaga Industri Getah Sabah
LINUS	<i>Literacy and Numeracy Screening Programme</i>
LRITWG	Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Terti Antarabangsa
MAPO	Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran
MDG	Matlamat Pembangunan Milenium
MNHRC	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Myanmar
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
Murum HEP	Projek Empangan Hidroelektrik Murum
NCR	Hak Tanah Adat
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional
NHRI	Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
NI	Inkuiri Nasional ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia
NLC	Majlis Tanah Negara
OA	Orang Asal/ Asli
OCS	Ketua Polis Balai
OHCHR	Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
OKU	Orang Kurang Upaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPPA	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984
PROHAM	Persatuan Promosi Hak Asasi Manusia
PULAPOL	Pusat Latihan Polis

RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RTD	Perbincangan Meja Bulat
SDC	Koridor Raya Pembangunan Sabah
SEANF	Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara
SEB	Sarawak Elektrik Bhd
SEDIA	Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SMA	Penolong Pengurusan Pelajar
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPU	Unit Perancang Negeri
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
TIP	Pemerdagangan Orang
TSCR	Jawatankuasa Teknikal Mengenai Tanggungjawab Sosial
UDHR	Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNCHR	Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian
UNCT	Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNDRIP	Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal
UNFPA	Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNGA	Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPR	Penilaian Penggalan Sejagat
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SUHAKAM

Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
URL: <http://www.suhakam.org.my>